



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1): ▪ Klip Multimedia Messaging Services (MMS) Wanita Tahanan Polis Dipaksa Bogel - Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)	(Halaman 17)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2006 <u>Jawatankuasa:-</u> <u>Jadual:-</u> Maksud B. 42 Maksud B. 43 Maksud B. 44	 (Halaman 18) (Halaman 82) (Halaman 130)
USUL-USUL: Usul Anggaran Pembangunan 2006 <u>Jawatankuasa:-</u> Maksud P. 42 Maksud P. 43 Maksud P. 44	 (Halaman 18) (Halaman 82) (Halaman 130)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 16)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC

5. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP

28. Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupa) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO

12. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO

18. Yang Berhormat Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Dato’ Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO

56. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keterah) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. “ Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO

-
93. Yang Berhormat Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S.
(Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) -
KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS PENERBITAN
PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Kamisah binti Sayuti
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiah binti Jamaludin
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 29 November 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. Dato' Abu Bakar bin Talib [Langkawi] minta Menteri Kerja Raya menyatakan kos sebenarnya lebuhraya dari Kuala Lumpur - Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan nyatakan siapakah kontraktornya.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos bagi projek naik taraf Jalan Kuala Lumpur - Padang Mat Sirat laluan 112, dari Pekan Kuala Lumpur ke Lapangan Antarabangsa adalah sebanyak RM96.69 juta, sementara bayaran pengambilan balik tanah yang telah dibuat sehingga April 2005 adalah RM47 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf jalan sedia ada kepada JKR standard R5, empat lorong dua hala sepanjang enam kilometer ini, kini telah bermula pada 16 Ogos 2003 dan sepatutnya siap pada 12 November 2004.

Walaupun bagaimanapun, lanjutan masa telah diberi sehingga 30 September 2006 berikutan masalah pengambilan balik tanah. Setakat ini proses pengambilan balik tanah telah 80% selesai. Kemajuan projek ini sehingga 15 November 2005 ialah 34.6% sebenar berbanding 34.2% dijadualkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontraktor yang dilantik bagi melaksanakan projek ini adalah Zaimah Realiti Sdn. Bhd.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah datang sendiri menjawab. Soalan tambahan, memandangkan ini ialah *associated* tender dan saya nak tahu sama ada *associated* tender ini masih diguna pakai sekarang ini seterusnya juga projek ini telah dilanjutkan tetapi sekarang ini hanya lebih kurang 30% yang telah disiapkan disebabkan LIMA sekarang ini akan diadakan di Langkawi. Soalan saya adalah mengapakah ini berlaku dan harga yang ditawarkan ialah RM96 juta kalau dibandingkan dengan enam kilometer yang telah dijadualkan diadakan agaknyalah jauh lebih tinggi daripada apa yang dilakukan seluruh negara. Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa saya jelaskan tadi masalahnya bukanlah masalah pembinaan atau masalah kontraktor, masalahnya ialah pengambilan tanah. Kelewatan projek ini adalah disebabkan oleh proses pengambilan balik tanah yang belum diselesaikan. Berikut adalah status pengambilan balik tanah sehingga 21 November 2005. Sebanyak 371 buah lot yang terlibat dengan pengambilan tanah bagi projek ini, tetapi hanya 296 atau 80% sahaja telah selesai proses pengambilan. Manakala baki 75 buah masih lagi di dalam proses pengambilan. Faktor yang menyebabkan kelewatan proses pengambilan adalah seperti berikut:

- (i) tanah terpaksa ditawarkan semula – 4 kes;
- (ii) terdapat tanah yang tinggal semasa ditawarkan – 2 kes;
- (iii) struktur di atas tanah yang belum dibicarakan – 3 kes;

- (iv) bangunan di dalam proses perbicaraan – 7 kes;
- (v) perbicaraan tertangguh – 8 kes;
- (vi) borang 'G' telah dikeluarkan tetapi belum dibuat bayaran – 1 kes;
- (vii) sebahagian struktur berada di dalam kawasan simpanan jalan – 28 kes;
- (viii) keseluruhan struktur berada sepenuhnya dalam kawasan simpanan jalan – 17 kes;
- (ix) pengambilan yang terdahulu belum selesai – 5 kes;
- (x) masih dalam proses perbicaraan – 27 kes.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kita ada kontraktor yang lebih cekap, tetapi apabila kita tidak boleh selesaikan pengambilan balik, kerja itu mesti dilewatkan. Itulah masalah yang dihadapi oleh Jabatan Kerja Raya kepada Ahli Yang Berhormat. Apabila selesai pengambilan tanah kita boleh juga meneruskan kerja dengan segera. Terima kasih.

2. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pelajar yang sedang menuntut di luar negara dan anggaran kos yang terlibat. Nyatakan kos pendidikan bagi kesemua dan purata setiap pelajar yang dibiayai oleh kerajaan kepada pelajar Malaysia yang belajar di luar negara.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, setakat tahun 2005 terdapat seramai 5,997 orang pelajar yang sedang menuntut di luar negara. Daripada jumlah ini terdapat seramai 4,154 orang pelajar yang menerima biasiswa dan 1,843 orang pelajar yang menerima pinjaman JPA. Anggaran kos yang terlibat termasuk yuran pengajian, elaun, insurans kesihatan dan tambang kapal terbang adalah sebanyak RM198,392,909.00 dan kos pengajian bagi setiap pelajar adalah berbeza mengikut bidang pengajian dan negara. Sebagai contoh bagi kursus perubatan kos purata seorang pelajar adalah daripada RM150,00 sehingga RM1 juta.

Tuan Tan Kok Wai: Ya, Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan juga menurut fahaman kita semua ini, memandangkan kos pendidikan luar negeri semakin tinggi berbanding dengan kos pendidikan dalam negara, sedangkan kursus-kursus yang ditawarkan kebanyakan boleh didapati di IPT-IPT dalam negara dan memandangkan juga kalau kerajaan boleh menjimatkan begitu banyak wang jika pelajar-pelajar ini dihantar belajar dalam negara maka apakah faktor-faktor yang mendorong kerajaan untuk menghantar pelajar-pelajar ini untuk belajar di luar negara, kerana dalam masa yang sama kerajaan juga mempelawa pelajar-pelajar asing untuk datang ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, satu soalan yang sangat penting di sini juga, saya ingin menimbulkan di sini ialah mengenai Jabatan-jabatan Pelajar Malaysia di beberapa negara iaitu *Malaysian Student Department* apakah tujuan dan peranan mereka, kerana saya mendapati ada MSD-MSD ini yang cuba menaruh pengaruh politik ke atas para pelajar di negara-negara yang tertentu dan saya ingin memaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua, bahawa misalnya dalam tahun 2004 bulan April satu seminar yang dianjurkan *Malaysian Student Department* di Sydney, Australia yang diadakan di kediaman rasmi Duta Malaysia di anjur bersama dengan Kelab UMNO Australia. Dan walau pun tajuk seminar itu ialah Seminar Membentuk Pelajar Cemerlang, tetapi mengapakah Pengarah MSD Australia iaitu Haji Musa Mansor sebagai seorang penceramah memberi tajuk ucapan yang berbunyi...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: ...Kesedaran Politik. Tuan Yang di-Pertua, ini penting kerana..

Tuan Yang di-Pertua: Soalan dia.

Tuan Tan Kok Wai: di tanah air kita....

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Tan Kok Wai: ha ini...lah, di tanah air kita – ini *guilty conscious* lah. Di tanah air kita pelajar-pelajar dilarang, disekat dari melibatkan dalam hal ehwal politik, tetapi di luar negara pelajar Malaysia digalakkan..

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Tan Kok Wai: ...mempunyai kesedaran politik yang tinggi apakah sebabnya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Yang pertama ialah berkenaan dengan kita hantar pelajar, kita hantar pelajar ke luar negeri kerana masalah kadang-kadang kekurangan tempat di dalam negara kita dan selain daripada itu ialah memanglah kita hantar untuk mereka ini mendapat pengalaman di luar negeri supaya mereka balik akan dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik di negara kita ini.

Berkenaan dengan soalan yang kedua tadi, saya rasa soalan itu pertama sekali keluar daripada soalan asal dan yang kedua tidak berkaitan dengan saya kerana MSD ialah di bawah Pengajian Tinggi. Jadi, saya harapkan kepada saudara Yang Berhormat supaya sebelum nak tanya soalan itu tengok baiklah jangan tunjuk kebodohan saudara depan orang ramai [*Ketawa*].

Tuan Lau Yeng Peng: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi Yang Berhormat kata, kita ada kekurangan tempat pelajar di IPT atau IPTS di negara ini. Tetapi, baru-baru ini melalui Kementerian Pengajian Tinggi, menteri telah mengumumkan bahawa kita akan menawarkan 5% tempat untuk pelajar-pelajar dari luar negara dengan membelanjakan lebih kurang RM130 juta untuk kos-kos atau pun kursus-kursus yang kritikal dan adakah ini bercanggah dengan dasar kita, *on one hand* kita kata ini tak ada tempat tetapi pada masa yang sama kita telah menawarkan tempat-tempat untuk pelajar-pelajar dari luar negara untuk kursus-kursus kritikal ...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lau Yeng Peng: Saya tak tahu apa yang dimaksudkan kursus-kursus kritikal, bolehkah Yang Berhormat beri sedikit penjelasan mengenai ini.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Sebenarnya soalan-soalan begini selalu dijawab di Parlimen ini. Kursus-kursus yang kita hantar, pelajar-pelajar yang kita hantar sekarang ini ialah kursus-kursus kritikal iaitu di bidang perubatan – farmasi dan sebagainya. Macam *engineering* pun kita tidak hantar lagi seperti kursus *civil engineering* dan sebagainya. Kita hantar hanya kursus-kursus kritikal, yang mana tawaran memanglah di tempat pengajian di dalam negeri adalah terhad.

Mengenai pelajar-pelajar – inilah semangat kita di bawah OIC dan sebagainya. Kita menawarkan tempat untuk negara-negara yang kurang maju, negara-negara dunia ketiga terutama sekali. Terima kasih.

3. Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat] minta Menteri Pelajaran menyatakan status pembinaan makmal komputer yang telah dan akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak 5,345 makmal dirancang untuk dibina seluruh negara. Sehingga 2 September 2005, sebanyak 4,931 atau 92.25% makmal komputer telah dibina dan beroperasi sepenuhnya. Manakala, 297 atau 5.55% makmal telah siap fizikal dan sedang dilengkapi dengan perabot dan peralatan ICT dan baki 117 atau 2.19% makmal lagi sedang dalam pembinaan.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelajaran merancang untuk memperluaskan projek ke 4,500 buah sekolah lagi yang mana merangkumi pembinaan makmal baru dan tambahan makmal sedia ada disebabkan oleh pertambahan jumlah pelajar. Terima kasih.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah dasar kerajaan, adakah kementerian berhasrat untuk membina makmal komputer di semua Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan juga Tamil. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Dasar kita ialah untuk membekalkan makmal komputer di setiap buah sekolah. Itu memang tujuan utama kita, tetapi sekolah-sekolah yang kita beri prioriti dalam pembinaan itu tetap sekolah-sekolah yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat. Cuma bagi sekolah-sekolah yang mana tapak dan bangunan baru yang kita tidak bina, kita gunakan bilik-bilik darjah, yang mana kalau muridnya begitu rendah dari segi pendaftaran, kita akan gunakan bilik-bilik darjah untuk dijadikan makmal komputer. Terima kasih.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam kita dengar bahawa banyak sekolah yang mempunyai bangunan yang tidak selamat, tidak mendapat peruntukan yang cukup tetapi sekarang kita juga tengok ada banyak peruntukan untuk makmal komputer.

Pada dua, tiga tahun yang lalu, kita juga dengar makmal komputer ini tidak dibina siap mengikut jadual. Yang ada makmal komputer, selepas siap sahaja tidak boleh diguna kerana tidak selamat. Dan, juga ada yang belum siap lagi ia sudah runtuh. Jadi, saya hendak tahu bolehkah kementerian memberi maklumat yang terkini kepada Dewan ini, apakah keadaan makmal-makmal komputer yang tidak selamat diguna?

Adakah ia sekarang sudah selamat? Dan, saya juga ingin meminta supaya kementerian memberi keutamaan kepada bangunan yang tidak selamat. Peruntukan diberi kepada bangunan-bangunan sekolah yang tidak selamat. Apabila semua bangunan selamat, barulah kita mengadakan makmal komputer. Dan, sekarang kita mengatakan bahawa sains adalah sangat penting.

Saya berpendapat bahawa makmal sains di sekolah-sekolah rendah adalah lebih penting dari makmal komputer. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan adakah kementerian ingin mengutamakan makmal sains daripada makmal komputer? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya hendak sebut sekolah tidak selamat dan sekolah selamat. Semua sekolah selamat dipakai. Cuma sekolah-sekolah yang ditentukan oleh pihak JKR tidak selamat, memang kita akan beri bantuan untuk diubahsuai dan sebagainya.

Bagi makmal komputer seperti mana saya telah katakan, ia amatlah penting bagi sekolah-sekolah kita sebagai dasar kita untuk mencelik ataupun memastikan setiap daripada generasi kita adalah celik komputer. Dan, dalam masa yang sama apa yang Yang Berhormat sebut tadi ialah prioriti.

Memang prioriti kita bagi kepada bangunan sekolah kalau ia tidak selamat. Makmal komputer adalah kedua. Tetapi dalam masa yang sama, kita mahukan ini berjalan serentak. Sebab itu kita katakan tadi masalah-masalah yang kita hadapi tadi, maka tidak dapat kita masuk rancangan kita 100%. Masih ada sekolah-sekolah yang saya katakan tadi tidak ada makmal komputer. Begitu juga dengan makmal sains, kita juga hendak mengubahsuai makmal-makmal sains yang telah daif dan sebagainya. Tetapi untuk mengatakan makmal, saya tidak tahu di sekolah rendah ada makmal, yang saya tahu di sekolah menengah.

Di sekolah rendah, yang saya tahu bilik, misalnya untuk membuat kerja-kerja sains dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya katakan tadi, apa-apa pun kita bagi prioriti kepada semua sekolah dan yang memerlukannya. Tetapi kita mesti ingat sekolah datang dulu kemudian baru makmal. Bukan kita kata makmal itu tegap.

Dan, mengenai dengan selamat atau tidak selamat makmal komputer ini, kita katakan hari itu apa yang berlaku, kita belajar daripada apa kelemahan-kelemahan kita.

Apa yang berlaku ialah runtuh semasa murid-murid tidak ada, itu berlaku kerana kelemahan kontraktor-kontraktor yang berkenaan, tetapi kita tidak katalah, bahawa makmal komputer runtuh. Saya tidak tahu makmal komputer mana runtuh, yang saya tahu bumbungnya jatuh, runtuh. Betul! Tetapi makmal tidak runtuh.

Saya akan pastikan bahawa setiap makmal yang kita dirikan itu adalah selamat dipakai dan diguna oleh murid-murid kita. Terima kasih.

4. Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tempoh yang disasarkan oleh kementerian melalui Pejabat Duti Setem bagi transaksi Pindah Milik Harta Tidak Alih dapat dinilai dan disempurnakan duti setem dan apakah punca-punca kelewatan serta langkah-langkah yang akan diambil bagi mempercepatkan proses ini .

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, dalam transaksi Pindah Milik Harta Tidak Alih, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia memainkan peranan dengan memberi khidmat nasihat kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam penentuan nilai pasaran harta sebagai asas dalam pengiraan kadar duti setem yang dibayar oleh penerima transaksi.

Perkhidmatan ini telah sekian lama dibuat di Semenanjung Malaysia dan Sabah, manakala bagi negeri Sarawak ia baru bermula pada 1 April tahun 2005. Sebelum ini penilaian bagi penentuan duti setem dijalankan oleh Jabatan Tanah dan Survey Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, piagam pelanggan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta ialah jabatan ini menetapkan tempoh masa menyiapkan penilaian bagi tujuan duti setem ialah 14 hari dari penerimaan permohonan dari Lembaga Hasil Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, jabatan sedang berusaha ke arah mencapai tempoh sasaran yang lebih singkat iaitu 10 hari. Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab berlaku kelewatan dalam penilaian ialah:

- (i) kerumitan dalam mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi melaksanakan kerja-kerja penilaian. Ini terutamanya berlaku jika harta dinilai adalah harta tanah khas ataupun *special property* seperti stesen minyak, hotel, pejabat bertingkat tinggi, konsesi balak dan seumpamanya. Sekiranya data yang dibekalkan kurang tepat, maka siasatan perlu dibuat bagi mendapatkan pengesahan yakni memberi kesan kepada tempoh siap suatu penilaian harta tanah;
- (ii) semua harta yang akan dinilai perlu dirawat periksa kadangkala terdapat masalah logistik terutama sekiranya harta tersebut terletak jauh dan di pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta telah mengadakan langkah-langkah untuk mengatasi kelewatan:

- (i) pada tahun 2005, jabatan telah mendapatkan kelulusan untuk membuka cawangan baru bagi memudahkan perhubungan dan meningkatkan kemudahan pelanggan. Cawangan yang dibuka mulai 1 November 2005 ialah Cawangan Muar, Kulim, Miri dan Sandakan. Cawangan Jertih akan dibuka apabila masalah ruang pejabat dapat diselesaikan;
- (ii) mulai tahun 2004 secara berperingkat semua cawangan JPPH, kecuali cawangan yang baru telah disediakan dengan satu sistem di mana penghantaran *instrument* pindah milik borang Seksyen 5 dari Lembaga Hasil Dalam Negeri dan peguam boleh dilakukan secara *on-line*. Sistem yang

dikenal sebagai *e-transfer* ini bertujuan untuk mempercepat proses penilaian harta serta meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan JPPH. Kini semua cawangan JPPH di Semenanjung Malaysia menggunakan kemudahan ini.

Pelaksanaan kerja penilaian dengan bantuan teknologi maklumat iaitu melalui sistem yang dikenali sebagai *valuation information system* (VIS). Sistem komputer ini sentiasa dikaji dan diperkukuhkan dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, bagi cawangan JPPH baru termasuk di Sarawak iaitu di Miri, Bintulu dan Sibul, sistem ini masih belum digunakan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kakitangan juga sentiasa diberi latihan yang berterusan bagi menambah pengetahuan dan kemahiran dalam bidang tugas. Walaupun bidang teknikal diutamakan, bidang lain yang menyumbang kepada peningkatan sahsiah kakitangan sebagai pegawai kerajaan turut disediakan. JPPH mempunyai sebuah pusat latihan iaitu, Institut Penilaian Negara (INSPEN) bagi tujuan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kalau kita lihat pada piagam tadi, penilaian harus disiapkan 14 hari dari tempoh penerimaan, tetapi dari segi realitinya apa yang berlaku kini, malahan dalam membeli rumah baru misalnya, Jabatan Penilaian masih mengambil masa sehingga 3 bulan untuk memproses serta mengeluarkan penilaian.

Jadi, implikasinya kalau kita melihat kepada jual beli – jual beli memberi tempoh tertentu untuk pembeli membayar harga jual beli dan biasanya akan mengambil masa untuk bank melepaskan atau mengeluarkan wang pinjaman. Disebabkan itu, ramai pembeli yang telah menanggung kerugian disebabkan terpaksa membayar *interest* – penalti kepada pemaaju. [Disorak]

Di sinilah kita kena lihat bagaimana kita kena mempercepatkan. Jadi, masalah-masalah yang dikatakan tadi amat jelas. [Disampuk] Maknanya kementerian telah sedar ...

Seorang Ahli: Pegawai tidur.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Jadi, apa sebenarnya berlaku? Mengapa sehingga lebih daripada 14 hari – 3 bulan hingga 4 bulan baru mendapat penilaian. Jadi, bagaimana kita hendak menetapkan tempoh bilakah sebenarnya masalah ini dapat diselesaikan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah baca piagam pelanggan jabatan. [Disorak] Memang disebut 14 hari setelah menerima *request* daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Maknanya, sebelum itu mungkin daripada *lawyer* sampai ke Lembaga Hasil Dalam Negeri lambat. [Disorak] Mungkin itu yang telah menyebabkan kelewatan tetapi kalau ikut rekodnya, Tuan Yang di-Pertua, rekod Jabatan Penilaian - [Disorak] saya hendak sebut di sini, bagi tiga suku pertama tahun ini, tahun 2005, ini rekod yang ada, jumlah penilaian duti setem ialah 207,094 fail, itu dari Januari sehingga September. Tempoh disiapkan 1 hingga 10 hari – 76%, 11 hari sehingga 14 hari - 22% dan tempoh melebihi 14 hari – 1.48%. Maknanya rekod sudah ada.

Bagi Sarawak contohnya saya ada lagi *figure* ini, fail yang telah pun selesai sehingga September tahun ini 11,348 fail. Siap antara satu hingga 10 hari 60%. Siap antara 11 hingga 14 hari 20% yang melebihi 14 hari 19%. Ini mungkin yang saya sebut tadi kelewatan. Selain daripada Sarawak kerana cawangan-cawangan baru dan baru diambil alih oleh Jabatan Perkhidmatan Harta.

Dato' Seri Tiong King Sing: [Menyampuk]

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sebelum ini dijalankan oleh pihak Jabatan Negeri. Mungkin kelewatan di situ Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya diberi izin untuk mendapat penjelasan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Satu ialah dari segi penilaian. Jadi satu lagi ialah daripada Jabatan Duti. Bila borang diserahkan pada Pejabat Duti Setem, mereka akan menyerahkan kepada penilaian untuk menilai. Jadi di sini tempoh masa dah memakan masa. Itu salah satu masalah yang berlaku. Mungkin Jabatan Duti menyerahkan lambat kepada Jabatan Penilaian. Di situ tempoh sahaja sudah memakan masa.

Dato' Seri Tiong King Sing: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Itu masalah jawapan yang ingin saya dapat. Apakah penyelesaian kepada masalah ini.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat bagi Petra Jaya merujuk kepada kes-kes di Sarawak. Saya sudah sebut tadi bahawa.....

Dato' Seri Tiong King Sing: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Kalau ikut rekod yang ada saya sebut tadi di semenanjung lebih efisien. Yang di Sarawak ini kerana masalah peralihan penilaian ini dahulunya dibuat oleh Jabatan Negeri sekarang ini mulai April 2005 dibuat oleh JPPH. Jadi masalah di sana ialah satu yang saya sebut tadi kelengkapan belum cukup dan cawangan-cawangan belum cukup sekarang telah ditambah. Tapi yang disebut oleh Yang Berhormat Petra Jaya tadi saya ingat itu 'bottle neck' di situ maka saya setuju perlunya ditingkatkan *efficiency* daripada Pejabat Duti Setem kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Soalan saya, selain daripada proses untuk menilai untuk mendapat penilaian setem duti daripada sesuatu harta tak alih melalui dua badan kerajaan yang berbeza. Satu JPPH, satu lagi dengan Pejabat Duti Setem yang mengambil masa yang panjang di antara dua jabatan kemudian kembali kepada Jabatan Penilaian. Itu adalah satu faktor utama kelewatan. Mengapakah kerajaan tidak mengambil kira supaya permohonan ini dibuat kepada satu jabatan sahaja. Saya ingin membetulkan bahawa keadaan ini bukan sahaja di Sarawak tetapi ia juga berlaku di Semenanjung. *[Tepuk]*

Tuan M. Kula Segaran: Ya, Ipoh pun banyak!

Tuan Markiman bin Kobiran: Soalan yang kedua Tuan Yang di-Pertua, ialah mengapakah terdapat keadaan di mana dalam sesetengah keadaan penilaian atau permohonan untuk mendapatkan nilai setem duti ini ada kalanya dibuat di pejabat-pejabat kecil di daerah dan ada kalanya perlu dilakukan di negeri. Ini mendatangkan banyak kesulitan terutama sekali kepada orang awam malah juga kepada peguam-peguam.

Soalan yang ketiga, piagam yang dinyatakan oleh Setiausaha Parlimen tadi bukanlah satu amalan yang biasa. Amalan yang betul-betul dilakukan di peringkat pejabat berkenaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada jawapan?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, itu cadangan yang baik iaitu mungkin boleh dibuat penyesuaian ataupun perubahan dari segi sistem yang ada sekarang ini ialah permohonan kepada Pejabat Setem. Pejabat setem pula rujuk kepada JPPH, JPPH pula rujuk balik kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Memang ia berperingkat-peringkat. Mungkin perlu dilihat semula tentang efisiensinya. Saya bersetujulah bahawa patut dilihat semula.

Tentang penilaian di peringkat cawangan dan negeri dan juga kadang-kadang ia rujuk di peringkat pusat. Ini memang berlakulah di mana kalau terdapat pertikaian ataupun kadang-kadang di peringkat cawangan tidak ada pegawai yang berpengalaman maka mereka terpaksa merujuk kepada peringkat negeri dan seterusnya kalau ada pertikaian maka pernah juga dirujuk pada peringkat pusat. Ini berlaku.

Jadi saya faham kerana saya pernah duduk di peringkat negeri dan saya tahu masalah ini dirujuk kepada peringkat cawangan, peringkat negeri dan peringkat pusat. Ini berlaku kalau perlulah, Tuan Yang di-Pertua.

5. Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kerajaan mempunyai statistik atau profil bagi sesebuah negeri dan daerah di negara ini berkenaan dengan penyakit yang berjangkit. Berdasarkan itu, apakah penyakit-penyakit berjangkit yang serius di mana orang-orang setempat perlu diberi kesedaran untuk harus berjaga-jaga.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sememangnya mempunyai maklumat dan statistik berkaitan dengan kejadian penyakit berjangkit mengikut daerah dan negeri. Berdasarkan kepada statistik tersebut, terdapat beberapa penyakit berjangkit yang amat perlu diberi perhatian serius seperti demam denggi, penyakit TB, HIV/AIDS, keracunan makanan, demam campak, hepatitis, kolera dan *typhoid*.

Penyakit-penyakit berjangkit lain seperti yang disenaraikan dalam jadual pertama Seksyen 2 Akta 342 iaitu Pencegahan dan pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 juga perlu diambil perhatian oleh semua peringkat masyarakat. Begitu juga dengan penyakit-penyakit yang baru dengan izin *new imaging diseases* seperti *Severe Acute Respiratory Syndrome* yang teruk (SARS) dan penyakit genetik seperti *Nipah Entepalitis* dan *Avion flu*.

Maklumat mengenai penyakit-penyakit berjangkit ini perlu diberi kepada masyarakat dari semasa ke semasa bagi memastikan masyarakat dan rakyat sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan sewajarnya.

Tuan Aaron Ago Anak Dagang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan Timbalan Menteri. Sebagai 'layman' dan juga di Sarawak kita ingin tahu apakah trend penyakit berjangkit ini di kalangan penduduk-penduduk di luar bandar dan juga di bandar seperti kalau di luar bandar ada kaum orang Penan. Apakah penyakit berjangkit yang paling serius di luar bandar dan juga dibandingkan dengan penduduk-penduduk di bandar supaya kita sebagai Wakil Rakyat kita perlu juga tahu.

Soalan kedua ialah adakah sistem laporan mengenai penyakit berjangkit ini menggunakan aplikasi teknologi maklumat berpusat agar kementerian dapat merancang melalui *data collection* yang cepat dan tepat. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Kanowit. Ada dua soalan. Pertama sama ada kementerian mengumpulkan data-data tertentu mengikut tempat-tempat tertentu dan kalau boleh mengikut etnik-etnik tertentu agar langkah-langkah sewajarnya dapat diambil dari sudut pencegahan, dari sudut *diagnosis* awal, dari sudut rawatan yang segera dan juga rehabilitasi.

Kementerian memang mempunyai mekanisme untuk mengetahui perkara-perkara tersebut sebagai contoh umpamanya untuk kaum etnik Penan, kita mempunyai data-data tertentu umpamanya mereka lebih terdedah kepada penyakit-penyakit berjangkit seperti 'measles', seperti batuk kokol (*petussi*) dan juga *diphtheria* umpamanya kerana dari sudut tabii mereka ini oleh kerana mereka jauh, *accessibility* sukar. Maka imunisasi yang kita jalankan kurang berkesan. Mungkin dia dapat satu dos pertama, dos kedua tapi dos ketiga dan dos tambahan mereka tidak dapat dikesan. Ekoran daripada itu baru-baru ini saya ingat Yang Berhormat pun tahu terdapat *out break measles* yang telah dapat kita kawal dan kita beri rawatan sewajarnya. Kedua, mengenai sama ada...

Tuan M. Kula Segaran: [Bangun]

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: ...sabar Yang Berhormat Ipoh Barat.. sama ada kementerian menggunakan sistem aplikasi teknologi maklumat buat sementara ini kita ada bahagian epidemiologi yang mengumpul semua data di peringkat negeri tetapi untuk secara *online* tetapi tidak lagi *online* di peringkat kementerian. Justeru itu, banyak perkara-perkara yang lebih jelas dan lebih cepat akan dapat dikumpulkan bila semua sekali data-data ini dikumpulkan di peringkat kementerian agar kementerian dapat merancang atau *predict out break* di masa-masa akan datang. Terima kasih.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Salah satu penyakit berjangkit iaitu *tuberculosis* (Tibi) pada satu waktu dahulu telah dianggap pupus ataupun *extinct*. Tetapi sekarang wujud semula di negara kita dan dikaitkan dengan banjir pendatang asing.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah, adakah sebarang rancangan untuk dibuat penyebaran maklumat ataupun langkah berjaga-jaga di mana yang dikenal pasti terdapat pendatang asing yang ramai contohnya di tempat-tempat yang masih pesat pembinaan bangunan-bangunan. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Ampang. Ada dua Tibi ini Tuan Yang di-Pertua. Satu Tibi betullah, satu lagi takut bini. *[Ketawa]*

Tibi yang betul ini memang disebabkan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ampang memang benar. Dahulu kita musuh utama sejak kita merdeka memang Tibi. Tapi bila taraf ekonomi dan taraf hidup meningkat dengan sendirinya penyakit Tibi berkurangan.

Walaupun bagaimanapun sejak satu dekad yang lalu ia meningkat kerana dua faktor. Satu, pendatang asing. Walaupun kita sudah buat skrin melalui FOMEMA dan kita dapati bila kita buat *random checking* di CIQ kita dapati *detect rate* kita tinggi.

Kedua, oleh kerana kaitan Tibi dengan HIV/AIDS. Mereka yang HIV/AIDS ini mempunyai daya ketahanan yang amat rendah dan mudah dijangkiti. Justeru itu kita mengadakan pelbagai promosi di klinik-klinik dan juga di hospital di mana jika terdapat mereka yang mempunyai batuk yang lebih daripada dua minggu dan mempunyai symptoms lain mereka ini akan kita skrin untuk memastikan sama ada jangkitan TB telah berlaku atau tidak.

6. Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan makanan yang dijual di pasar malam tidak terdedah kepada masalah kesihatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mengeluarkan garis panduan bagi menjaga kebersihan makanan dan penjaja-penjaja di pasar malam pada 1992 dan garis panduan ini telah dibentangkan dan diterima oleh MNKT pada tahun itu juga. Untuk menjamin makanan yang dijual di pasar malam tidak terdedah kepada masalah kesihatan, PBT sepatutnya mengenakan beberapa syarat berdasarkan kepada garis panduan ini kepada pengusaha makanan sebelum lesen dikeluarkan.

Antara syarat-syarat yang ditetapkan ialah:-

- (i) mereka dikehendaki mengikuti latihan pengendalian makanan yang telah diiktiraf oleh kesihatan;
- (ii) dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan pembantu atau penjaja makanan menghidap penyakit berjangkit dilarang mengendalikan makanan;
- (iii) lokasi tapak jualan ialah jauh daripada punca pencemaran;
- (iv) makanan yang dijual hendaklah dipamerkan di dalam bekas tertutup di atas meja yang sesuai dan secara langsung tangan tidak boleh digunakan untuk membuat secara pemberian; dan
- (v) pengangkutan makanan. Kenderaan yang digunakan untuk mengangkut makanan mestilah yang sesuai dan digunakan secara khas untuk mengangkut makanan sahaja.

Di samping itu, para peniaga pasar malam juga perlu mematuhi syarat-syarat lain tambahan yang dikenakan oleh PBT. Tindakan penguatkuasaan boleh diambil oleh PBT ke atas penjaja pasar malam yang melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat sejahtera, selamat pagi. Soalan tambahan saya. Saya amat menyokong semua garis panduan-garis panduan kepada penjual-penjual makan, gerai-gerai, warung-warung. Tiba masanya, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus bertegas, kerajaan harus bertegas membasmi kekotoran. Membasmi segala perkara yang boleh menyebabkan makanan dan gerai-gerai yang kotor seperti ini daripada terdedah dan dijual kepada orang ramai. Saya tahu pihak berkuasa tempatan ada undang-undang yang cukup. Masalahnya kita kurang nak menguatkuasakan. Kita kena ajar rakyat Malaysia tentang kebersihan. Sampai masanya. Tandas kotor, tempat menjual kotor, soal batang tubuh yang menjual berkudis, tangan kuku hitam.

Ini semua berlaku sepanjang-panjang masa di seluruh negara. Kita tak boleh biarkan. Saya minta pihak kerajaan yang dah ada perkara-perkara mencegah ini harus dikuat kuasakan tanpa tolak ansur! Kita kena lindungi rakyat daripada pengotor-pengotor yang menjual makanan ini. Kita lebih sayangkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri menjawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, saya harap, jadi saya menyokong tindakan kerajaan dan dah sampai masalah Tuan Yang di-Pertua, kena bertegas sikitlah! Dan rakyat akan sokong tindakan kerajaan ini. Jangan takutlah, jangan takut hilang undilah! Dan wakil-wakil rakyat pun jangan nak belalah pengotor-pengotor ni. Sampai masanyalah, kita berterus terang kepada mereka kebersihan mesti menjadi keutamaan kepada rakyat negara ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat, pengguna juga tak usah beli.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Pengguna juga jangan beli makanan kotor.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita akan sama-samalah, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan dan rakyat. Kita semualah, Tuan Yang di-Pertua, termasuk Tuan Yang di-Pertua dan sayalah. Termasuk semua sekalilah.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Menteri jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya menerima segala pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat, yang sepatutnya mesti dilaksanakan oleh kerajaan. Terima kasih.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah dalam segi kebersihan juga, ia terbahagi kepada dua. Iaitu kebersihan dalam segi makanan itu sendiri dan kebersihan dalam segi penjual yang menyediakan makanan.

Jadi, soalan tambahan saya ialah penguatkuasaan daripada pihak kementerian dalam memastikan penjual-penjual tadi selamat, sihat. Saya difahamkan bahawa setiap mereka yang menjalankan urusan niaga ataupun perniagaan jual makanan diwajibkan menjalani *vaksinasi*, eh tak, *imunisasi tifoid*, umpamanya. Adakah pihak kementerian bercadang untuk memastikan semua peniaga-peniaga pasar malam juga mendapat suntikan *vaksinasi tifoid* dan sebagainya, contoh.

Dr. S. Subramaniam: Ini setelah dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan, di mana mereka telah wajibkan supaya penjaja-penjaja yang mengendalikan makanan diwajibkan menerima *typhoid deracination*. Tetapi, ini tidak boleh dilakukan oleh semua PBT. Memang di dalam garis panduan yang telah diberi, mereka diwajibkan mengenakan ini sebagai satu daripada syaratnya. Dan seperti yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading ini, ini adalah masalah penguatkuasaan. Terima kasih.

7. **Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus)** minta Menteri Kewangan menyatakan tentang justifikasi kerajaan menawarkan secara runding terus kepada sebuah

syarikat untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan benteng pemecah ombak dan penambakan laut di Pantai Kuala Terengganu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja pembinaan benteng, pemecah ombak dan penambakan laut di Pantai Kuala Terengganu adalah merupakan kerja-kerja khusus yang memerlukan kemahiran dan kepakaran tertentu. Hanya syarikat-syarikat tertentu sahaja yang berkemampuan dan berkeupayaan untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut.

Di samping keperluan mempunyai kakitangan yang mahir dan berpengalaman, syarikat berkenaan juga perlu mempunyai peralatan khusus seperti kapal pengeruk ataupun *dredger* dan lain-lain jentera berat serta peralatan sokongan untuk kerja-kerja pengerukan dan penambakan laut seperti *drilling substance open dredger*, *cutter substance dredger*, *grab dredger*, *back hole dredger*, *piling bar*, *check up bar*, dan *escalator bar*.

Keperluan modal asas ataupun *financial capital* untuk memasuki sektor ini amatlah besar. Dan, syarikat perlu membeli kapal-kapal korek bersaiz besar dan berkapasiti tinggi serta peralatan sokongan untuk melakukan kerja-kerja penambakan dan pengorekan laut, sungai dan muara sungai, pelabuhan dan jeti, serta penambahbaikan pantai-pantai yang mengalami hakisan. Selama ini kerja-kerja pengorekan dan penambakan laut dimonopoli oleh syarikat-syarikat asing, terutama dari Belanda dan Belgium.

Dan, secara tidak langsung telah merugikan negara dari segi peningkatan daya saing dan pertukaran asing. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini hanya ada dua syarikat yang berdaftar di PKK kelas A bertaraf bumiputera iaitu *Malaysia Maritime* dan *Dredging Corporation* ataupun MMDC, yang ada kepakaran dengan kerja-kerja dalam sungai, dan *Intergrated Marine Works Sdn. Bhd.* yang ada kepakaran kerja-kerja dalam laut, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman: Terima kasih Setiausaha Parlimen. Oleh kerana projek ini projek rundingan terus, sebaik-baiknya eloklah kalau pihak kerajaan ataupun Kementerian Kewangan berbincang dahulu dengan kerajaan negeri sebelum tawaran itu dibuat. Tetapi dalam projek ini, saya difahamkan pihak kementerian tidak pernah berbincang dengan kerajaan negeri.

Ada lagi beberapa projek yang dibuat secara rundingan terus kepada kontraktor-kontraktor daripada luar Terengganu. Ada tiga atau empat projek yang sedang ataupun telahpun ditawarkan kepada kontraktor bukan kontraktor Terengganu secara rundingan terus. Tetapi malangnya, banyak lebih kurang sembilan ataupun sepuluh projek yang telah dikemukakan oleh kontraktor-kontraktor Terengganu secara rundingan terus, terutamanya projek-projek pembinaan jalan raya, telahpun setahun ataupun dua tahun selesai runding harga dengan pihak Jabatan Kerja Raya tetapi sehingga hari ini, pihak kementerian belum lagi mengeluarkan surat tawaran ataupun LA.

Jadi, soalan saya, saya nak tahu kenapa kerajaan sehingga hari ini tidak mengeluarkan surat tawaran itu kepada kontraktor-kontraktor Terengganu ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan lain sedikit daripada soalan asal. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kalau ikut arahan yang ada semua projek-projek hendaklah ditender, tetapi memang ada juga yang mendapat *letter of intent*. Semasa dulu, sebelum dua tahun dahulu, memang banyak syarikat-syarikat yang mendapat *letter of intent*. Tetapi setelah menerima arahan baru, maka banyak di antara projek-projek ini yang telah ditender, boleh dibuat tawaran secara tender. Jadi, memang saya faham bahawa syarikat-syarikat yang dahulu yang menunggu lama, tetapi tidak mendapat tawaran kerana telahpun ada arahan-arahan baru, Tuan Yang di-Pertua.

8. Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan setakat ini berapa banyakkah hasil penyelidikan dan buku-buku yang dihasilkan oleh tenaga pengajar IPTA/IPTS dan apakah langkah-langkah kementerian yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan lagi jumlah dan mutu hasil penyelidikan tenaga pengajar IPTA/IPTS yang diterbitkan dan dicetak bagi kegunaan rujukan awam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2003 dan 2004, sebanyak 3,000 penyelidikan telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik di IPTA. Dari jumlah tersebut sebanyak 1,474 buah hasil penyelidikan telah dibukukan. Kementerian menyedari akan hakikat kecemerlangan dan kejayaan sebuah IPT diukur dari kekuatan mereka yang melaksanakan, menerbit dan memasarkan hasil penyelidikan masing-masing.

Antara faktor penting untuk menjayakan aktiviti R&D ini adalah tenaga penyelidik sendiri, kemudahan infrastruktur, kewangan dan suasana penyelidikan yang kondusif. Untuk itu, kementerian telah merangka beberapa strategi bagi meningkatkan kualiti penyelidikan di IPT. Di antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil, adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan bilangan pelajar pasca ijazah serta tenaga *post-doctorate*, dengan izin, di dalam sesuatu fakulti. Pendekatan ini merupakan pemangkin kepada aktiviti penyelidikan di IPT;
- (ii) memberikan penekanan kepada aktiviti pengkomersialan supaya penyelidikan tersebut relevan dengan kehendak pasaran;
- (iii) mewujudkan lebih banyak pusat kecemerlangan dalam bidang kekuatan, dengan izin, *niche area*, yang mana akan menjadikan IPT tersebut sebagai pusat rujukan penyelidik tempatan dan luar negara;
- (iv) meningkatkan hubungan dengan pusat-pusat kecemerlangan, penyelidikan di luar negara dengan mewujudkan program secara pinjaman (*secondment*), sangkut atau penempatan (*attachment*), dan pertukaran (*exchange*), dengan izin, dengan pusat-pusat berkenaan;
- (iv) mewujudkan sistem urus tadbir, *governance* yang lebih *flexible* dalam menguruskan aktiviti penyelidikan, khususnya dalam aspek pentadbiran, saraan, pembelian alat dan pengurusan dana; dan
- (v) meningkatkan geran di IPTA. Dalam RMK-9, Kementerian Pengajian Tinggi telah memohon sebanyak RM800 juta bagi geran penyelidikan *fundamental*. Berbanding dengan RMK-8 yang telah memperolehi sebanyak RM100 juta sahaja.

Bagi menggalakkan para penyelidik membuat penerbitan ke atas penyelidikan mereka, Kementerian Pengajian Tinggi juga menetapkan supaya bilangan penerbitan yang dihasilkan oleh penyelidik diambil kira dalam kriteria untuk kenaikan pangkat.

Di samping itu, penyelidik juga dapat menikmati royalti hasil terbitan buku mereka. Pihak kementerian juga menggalakkan supaya penyelidik memperuntukkan ruang masa yang secukupnya untuk membuat penulisan ke atas penyelidikan mereka dengan itu ianya akan dapat mempertingkatkan lagi hasil penyelidikan negara. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Jahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, dunia hari ini mengakui R&D merupakan teras kepada pencapaian sesuatu universiti. Justeru itu, antara aspek lain yang diberikan penekanan bagi menggalakkan pencapaian tersebut ialah aktiviti pengkomersialan. Apakah langkah-langkah yang boleh dibuat bagi meningkatkan pengkomersialan ini di IPTA dan berapa banyakkah produk yang telah dikomersialkan? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Sememangnya Kementerian Pengajian Tinggi memberikan tumpuan yang serius dalam bidang R&D dewasa ini dan pengkomersialan. Sebab itulah beberapa langkah untuk meningkatkan pengkomersialan produk R&D di IPTA telah pun dilaksanakan dengan di kementerian sendiri. Kementerian Pengajian Tinggi mewujudkan bahagian baru iaitu Bahagian Perhubungan Industri dan Pengkomersialan. Dan selaras dengan itu, di peringkat IPTA,

kementerian menubuhkan juga pusat pengurusan penyelidikan, RMC iaitu *Research Management Center*, bagi menyelaraskan aktiviti penyelidikan pembangunan dan pengkomersialan.

Di samping menyusun semula jawatan Timbalan Naib Canselor yang dahulunya dikenali sebagai Timbalan Naib Canselor Pembangunan ataupun Timbalan Rektor Pembangunan diubah kepada Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, untuk fokus kepada bidang R&D penyelidikan dan inovasi. Di samping itu, Kementerian Pengajian Tinggi juga dengan kerjasama IPTA menganjurkan ekspo R&D dengan tujuan untuk mempromosikan hasil-hasil R&D di IPTA kita dan memohon IPTA supaya menggalakkan kerjasama antara IPTA dengan pihak industri bagi menjalankan projek penyelidikan dan memudahkan produk R&D berkenaan dikomersialkan.

Tuan Yang di-Pertua, setiap IPTA digalakkan untuk menubuhkan syarikat atau holding bagi menjana pendapatan sendiri dan mengurangkan penggantungan kepada kerajaan dan holding company berkenaan boleh juga memainkan peranan dalam mengkomersialkan R&D dan produk di IPTA. Selain daripada itu, ke arah memantapkan lagi aktiviti pendidikan, peratusan bilangan pelajar ijazah, pasca ijazah dan post-doctorate, akan ditingkatkan kepada 25% menjelang tahun 2010 berbanding yang ada sekarang sebanyak 17%. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dalam negara ini, selepas Ungku Aziz, kita tidak boleh ingat atau dengar mana-mana *Vice Canselor* yang terunggul. Apakah sebab ini? Bukankah kriteria yang sedang digunakan dalam perlantikan *Vice Canselor* atau *lecturer-lecturer* bukan setakat *base on merit* mendapat *lecturer-lecturer* yang terbaik.

Apakah sebab ini terjadi, hingga *standard* yang sedia menurun setiap tahun. Dan mengenai IPTS. Adakah kementerian tahu dan mengambil tindakan beberapa IPTS yang telah dijalankan di beberapa tempat di negara ini, yang selepas itu ditutup, dipindah dan selepas itu diketahui bahawa tidak dilesenkan oleh kementerian? Apakah pemantauan yang telah dibuat dan tindakan susulan yang telah diambil terhadap pihak-pihak yang terbabit?

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Sebenarnya perlantikan apa-apa jawatan dalam IPTA telahpun mengikut peraturan ataupun mengikut prosedur-prosedur. Saya ingin sebutkan di sini bahawa sebelum satu pelantikan profesor atau profesor madya, sebelum ke peringkat pentadbir atau *Vice Canselor*, kriteria-kriteria yang digunakan sungguh ketat. Dan antaranya adalah melihat kepada aspek pengajaran dan penyeliaan mereka yang membawa 15% hingga 30%.

Kemudian kita melihat juga kepada penerbitan dan juga perundangan yang dilakukan oleh mereka. Kita juga melihat kepada berapa banyakkah persidangan peringkat seminar, bengkel, kongres, peringkat nasional dan internasional. Kemudian kita melihat bagaimana mereka melakukan penyelidikan dan reka cipta. Di samping mengadakan khidmat masyarakat dan juga kepimpinan di peringkat fakulti dan universiti.

Kita juga melihat sahsiah setelah pelantikan Naib Canselor sekarang ini adalah telus dan bergantung kepada kewibawaan pensyarah-pensyarah yang telah pun dilatih daripada peringkat awal dan antara kejayaan-kejayaan selepas Profesor Diraja Ungku Aziz, pelantikan Naib Canselor Universiti Malaya sendiri telah pun berjaya mereka cipta produk-produk yang telah diterima di peringkat antarabangsa, seperti menggunakan produk-produk tempatan untuk digunakan sebagai bahan antikuluman ataupun antibiotik di peringkat kulit yang telah memenangi peringkat Geneva. Oleh sebab itulah pelantikan *Vice Chancellor* kita pada hari ini di 17 IPTA telah pun diakui daripada Jawatankuasa Kesepakatan Fakulti peringkat dekan dan universiti mampu untuk menjalankan tugas.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya tertinggal iaitu Yang Berhormat bagi Kuala Kedah ada menyatakan bahawa produk yang telah dihasilkan sebanyak 71 telah dikomersialkan setakat ini dan ia memberikan lebih daripada RM50 juta kepada negara. Sekian, terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran: *Point of Order.* Soalan saya mengenai IPTS yang tidak dilesenkan tidak dijawab.

Tuan Yang di-Pertua: Telah jawab.

Tuan M. Kula Segaran: Belum jawab lagi. Tuan Yang di-Pertua, perkara itu belum dijawab lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Itu jawapan beliau, ya.

Seorang Ahli: Itu bukan *Point of Order*.

Tuan Yang di-Pertua: Beliau sudah menjawab. Terima atau tidak terima itu

Tuan M. Kula Segaran: Bukan, saya ingat tertinggal, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ada tertinggal ke?

Datuk Dr. Adham bin Baba: Itu tidak kena mengena dengan soalan hari ini. Terima kasih.

9. Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan doktor dan doktor gigi di Sarawak.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latif bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar mengenai kekurangan doktor dan doktor gigi dan berikutan itu beberapa langkah sedang, telah dan akan diambil bagi mengatasi masalah ini:-

- (i) menempatkan lebih ramai doktor dan doktor gigi tetap ataupun kontrak ke Sarawak;
- (ii) menetapkan perkhidmatan wajib selama tiga tahun bagi doktor dan doktor gigi yang baru dilantik;
- (iii) melantik doktor pakar dan doktor pakar pergigian secara automatik selepas bersara wajib tertakluk kepada prestasi perkhidmatan dan kesihatan yang baik;
- (iv) meneruskan program pengambilan doktor dan doktor gigi kontrak warganegara asing bagi menampung kekurangan doktor dan doktor gigi di Sarawak;
- (v) memberi insentif elaun wilayah, elaun pedalaman dan kemudahan sewa rumah kepada doktor dan doktor gigi yang berasal dari Semenanjung dan ditempatkan di Sarawak untuk menggalakkan lebih ramai pegawai berkhidmat di Sarawak; dan
- (vi) bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam program menggalakkan warganegara Malaysia yang berkepakaran yang berada di luar negara untuk kembali berkhidmat sebagai doktor dan doktor gigi termasuk Sarawak.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Adakah kerajaan mengakui bahawa polisi kerajaan tidak berkesan untuk menambah doktor-doktor dan doktor gigi berkhidmat di sektor awam, antaranya ialah ujian Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) yang amat dibenci oleh ramai doktor dan ia telah *discourage* ramai doktor untuk berkhidmat dalam sektor awam. Satu lagi ialah kelayakan SPM iaitu kredit dalam Bahasa Malaysia. Ramai doktor yang dilatih di luar negara kita mereka tidak ada kelayakan SPM, kredit dalam Bahasa Malaysia, oleh sebab itu mereka tidak dinaikkan pangkat dan gaji mereka juga tidak dinaikkan.

Apakah logiknya kerajaan mengupah doktor-doktor dari negara asing yang tidak faham Bahasa Malaysia dan membayar gaji mereka lebih tinggi, sementara warganegara kita yang berkhidmat di Malaysia tidak dapat menerima gaji yang setahap itu kerana mereka tidak ada kelayakan kredit dalam Bahasa Malaysia?

Datuk Dr. Abdul Latif bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jelas Yang Berhormat bagi Bandar Kuching ini tidak faham. Dia memang tidak faham dan tidak mengerti. Bahasa Malaysia dia pun hancur! *[Disampuk]*

Dari sudut kelayakan umpamanya, kita tidak akui bahawa terdapat kepincangan dalam skim perkhidmatan pegawai perubatan kerana ada hampir 9,000 pegawai perubatan termasuk pegawai pergigian yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan daripada jawatan U41 hingga ke jawatan TURUS dan JUSA. Ini bermakna bahawa masih ramai yang berminat dan hendak menabur bakti kepada rakyat Malaysia. Dia hendak kata pincang itu dia punya persepsilah.

Kemudian dari sudut isu Bahasa Malaysia, walaupun kita menetapkan kredit untuk mereka ditetapkan dalam jawatan tetapi jika mereka tidak kredit, kita ada *special exam* untuk mereka dan senang hendak lulus. Yang Berhormat bagi Bandar Kuching pun boleh lulus kalau ambil peperiksaan ini. Jadi tidak ada masalah dari sudut keperluan Bahasa Malaysia.

Mengenai dengan PTK, kita akui PTK adalah satu dasar yang dibuat di bawah SSM. Tetapi dari sudut doktor perubatan dan doktor pergigian, kita sudah bincang dan di peringkat kementerian kita sudah berbincang kembali kerana kepakaran doktor dan doktor gigi adalah dalam bidang masing-masing, tidak perlu dicampuradukkan dengan kecekapan-kecekapan lain yang di luar bidang kuasa profesional mereka. Perkara ini sedang kita bincang dan Ketua Pengarah Kesihatan telah pun bersetuju pada prinsipnya supaya PTK ini tidak sangat menjadi syarat untuk kenaikan pangkat, khususnya bagi mereka yang telah sampai ke taraf pakar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Chong Chieng Jen: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]* Di sini ada satu jawapan yang tidak benar iaitu mengenai kelayakan SPM. Itu bukan benar apa yang dijawab oleh Timbalan Menteri. Saya sendiri tahu dari pengalaman saya. Saya kenal seorang doktor oleh sebab tidak ada kelayakan SPM dalam Bahasa Malaysia, dia tidak diupah sebagai pegawai kerajaan hanya *on contract basis, not as a government servant*, adakah ini benar?

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik. Yang Berhormat duduk.

Tuan Chong Chieng Jen: Berani untuk menafikannya?

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang hendak respons? Yang Berhormat, tidak ada?

Datuk Dr. Abdul Latif bin Ahmad: Tidak hendak jawab.

Beberapa Ahli: Tidak hendak jawab.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau perlu jawab secara bersurat sahaja.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Bagi *detail*, bagi *detail*. Tidak payah bising-bising.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya akur dengan Tuan Yang di-Pertua. Ini yang ganggu ini. Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]* Minta diam sikit, ya. Saya kemukakan soalan tambahan.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pada masa sekarang bahawa kerajaan belum dapat menarik doktor-doktor yang berkepakaran gigi ini

bekerja dengan kerajaan untuk menyampaikan perkhidmatan di seluruh negeri Sarawak - kerana soalan ini soalan Sarawak ...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ha, ini baru soalan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini baru soalan. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cepat sikit.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: ...menyeluruh negeri Sarawak. Tetapi bukti telah menunjukkan bahawa apabila gigi anak-anak daripada peringkat sekolah dijaga oleh seorang doktor, ia boleh bertahan sampai umur 60, 70 tahun macam gigi saya. *[Ketawa]*.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, apakah program kementerian untuk melaksanakan tiap-tiap sekolah di luar bandar diberi rawatan, ajaran dan bimbingan soal menjaga gigi ini yang tidak dibuat pada masa sekarang. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latif bin Ahmad: Terima kasih soalan dari sahabat saya. Tuan Yang di-Pertua, kita akui oleh kerana *demand* program kesihatan gigi ini memang ada di sekolah-sekolah. Cuma mungkin *coveragenya* tidak sampai oleh sebab kekurangan doktor gigi. Terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat, kita akan mengambil maklum dan kita akan mempertingkatkan program ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.11 pagi

Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), mesyuarat Dewan pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.30 malam dan setelah itu mesyuarat hendaklah ditangguhkan sehingga 10.00 pagi esok hari.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH

PERATURAN MESYUARAT 18(1)**KLIP MULTIMEDIA MESSAGING SERVICES (MMS)
WANITA TAHANAN POLIS DIPAKSA BERBOGEL****11.12 pagi**

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta satu usul tergepang dibuat di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) bahawa Dewan ini membenarkan Ahli Parlimen bagi Seputeh menangguhkan Dewan untuk tujuan membincangkan perkara tertentu berkenaan *Multimedia Messaging Services* (MMS) mengenai seorang tahanan wanita yang dipaksa berbogel badan dan membuat ketuk ketampi di hadapan seorang pegawai polis wanita di sebuah lokap polis. MMS ini telah luas disebarkan di kalangan pengguna telefon bergerak dan juga telah pun dilaporkan secara meluas di media masa tempatan dan luar negeri.

Klip MMS tersebut adalah sejajar dengan dakwaan empat orang perempuan negeri China yang ditahan oleh polis di lokap Balai Polis Petaling Jaya dalam tempoh 3 hingga 7 November 2005. Mereka ditahan atas dakwaan bahawa pasport yang dipegang oleh mereka adalah palsu tetapi mereka kemudian dibebaskan apabila Imigresen di Putrajaya mengesahkan pasport yang dipegang oleh mereka adalah benar. Keempat-empat wanita ini mendakwa mereka dipaksa untuk menanggalkan baju dan membuat perbuatan yang sama di balai tersebut selepas mereka ditahan. Ini bermaksud mereka telah salah ditahan selama empat hari di lokap polis tanpa membabitkan apa-apa kesalahan.

Walaupun polis telah menjalankan siasatan terhadap laporan polis wanita China ini lebih daripada dua minggu tetapi kesalnya pihak polis masih belum mendedahkan hasil siasatan mereka sehingga hari ini. Tetapi sebaliknya pegawai polis pula mengganggu mereka di rumah mereka pada waktu larut malam.

Persoalan kita sekarang ialah apakah rasional polis untuk mengarahkan tahanan wanita menanggalkan pakaian? Apakah lokap di balai polis kita telah ditukar seolah-olah menjadi penjara Abu Ghraib di Iraq yang dikutuk dunia? Laporan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Polis Diraja telah memberi banyak cadangan kepada kerajaan untuk menambah baik pasukan polis kita termasuk menubuhkan suruhanjaya terhadap aduan dan salah laku polis. Apakah langkah yang telah diambil oleh PDRM dan pihak kerajaan untuk melaksanakan cadangan tersebut? Memandangkan klip MMS ini telah menjatuhkan imej polis dan negara, adalah penting bagi Dewan Rakyat kita untuk membahaskan perkara ini dan pelbagai masalah yang berkaitan dengan salah laku pihak polis. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Seputeh pada hari Jumaat, 25 November 2005. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ini adalah bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, perkara ini sememangnya satu perkara yang telah menggemparkan serta mendapat perhatian semua pihak, dalam dan luar negara. Saya difahamkan oleh pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri bahawa siasatan polis sedang giat dijalankan dan belum

selesai sepenuhnya. Tambahan lagi saya difahamkan pihak kerajaan amat memandang serius isu tersebut dan telah mengumumkan bagi penubuhan satu badan siasatan bebas di bawah undang-undang untuk menyiasat kes ini.

Memandangkan tindakan-tindakan yang khusus mengenai perkara ini, terutamanya adanya penubuhan badan penyiasatan bebas, maka pada fikiran saya perkara ini tidak lagi memerlukan satu perbincangan segera di Dewan ini. *[Disampuk] [Dewan riuh]* Oleh yang demikian, saya menolak usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan Anggaran Pembangunan 2006 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari Keempat belas]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.42 [Jadual]

Maksud P.42 [Anggaran Pembangunan 2006]

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.42 dan Kepala Pembangunan P.42 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahaskan. Kinabatangan.

11.18 pagi

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membawa beberapa butiran iaitu 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar, 00300 – Kemudahan Hospital dan 032700 – Pusat Kesihatan Mental.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk memastikan bahawa masyarakat luar bandar juga terbela dari segi kesihatan mereka? Untuk memastikan mereka mempunyai kesihatan yang sempurna seperti juga masyarakat di bandar, ini bermakna kerajaan kena menyediakan prasarana. Kalau mungkin hospital besar tidak boleh tetapi memadailah dengan sebuah klinik desa memandangkan di kawasan luar bandar ini perhubungan jalan raya begitu sukar sekali.

Contohnya di kawasan saya di Kinabatangan, pada ketika ini hujan lebat melanda lebih kurang satu minggu dan air melimpah ruah, naik. Di Kinabatangan ini tidak seperti banjir di Semenanjung, seperti di Kelantan, di Kedah, di Terengganu dan sebagainya, air ini lambat naik tetapi ia lambat turun. Ia boleh bertahan selama tiga bulan. Jadi apa yang berlaku pusat kesihatan berjauhan di antara kampung dengan kampung dan saya telah menulis surat kepada menteri sendiri supaya membina lebih kurang empat atau lima buah klinik desa di Kinabatangan tetapi sehingga hari ini balasan daripada menteri ada tetapi tindakan daripada pegawai tidak ada.

Jadi apakah ini merupakan satu langkah yang bijak ataupun apakah ini kementerian sengaja tidak mempedulikan masyarakat luar bandar, seolah-olah mereka terpinggir, maka biarlah mereka terpinggir, biarlah mereka tidak menikmati apa-apa, tidak mempunyai bekalan perubatan, tidak mempunyai...

Datuk Ronald Kiandee: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Beluran bangun.

Datuk Ronald Kiandee: Ya, kalau kita lihat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, hospital-hospital yang dibina di bandar, jangan pergi jauh, di negeri Sabah ada Queen Elizabeth Hospital diperbaiki dan diperbesarkan begitu banyak sekali, Duchess of Kent Hospital di Sandakan juga mendapat pembangunan yang begitu banyak tetapi kita tidak lihat pembangunan yang sama di luar bandar. Ini betul, Tuan Pengerusi. Adakah Yang Berhormat melihat ini sebagai satu kepincangan besar?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya tidak cakap Yang Berhormat bagi Kinabatangan tidak betul.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, memang betul. Saya selaku wakil rakyat, saya membuat *survey* di bandar raya Kuala Lumpur. Kalau di Lembah Klang ini, satu kilometer, satu pusat kesihatan. Kadang-kadang lima kilometer, satu pusat kesihatan. Tetapi di luar bandar, Tuan Pengerusi, di Kinabatangan atau di Beluran, 100 kilometer pun susah hendak dapat satu klinik desa.

Jadi inilah, kalau boleh saya meminta Kementerian Kesihatan memberi fokus yang lebih terbuka supaya pegawai-pegawai yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan ini membuka minda mereka sebab selaku rakyat Malaysia yang bertanggungjawab menjadi tanggungjawab mereka juga untuk melihat masyarakat di luar bandar juga diberi perkhidmatan yang sama walaupun tidak sama dengan apa yang ada di bandar-bandar raya sebab kalau perkara ini dibiarkan, maka di situlah berlakunya apabila pilihan raya, pembangkang memanipulasi isu ini, memang benar. Tetapi memang kita tidak dapat nafikan kerajaan memberi tetapi tidak memadai...

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Apa ini, *exploitation issue*?

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, saya rasa memanglah Kerajaan Barisan Nasional patutlah memberi perhatian kepada kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak kerana di sini kita ada hospital yang begitu maju.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak berucap atau hendak minta penjelasan?

Puan Chong Eng: Hendak minta penjelasan nanti. Hospital yang begitu maju, ada pelbagai teknologi canggih tetapi di sana klinik pun tidak ada. Saya rasa ini tidak adil. Ini bukan sahaja *digital divide*, ini kesihatan *divide*, setujukah?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya sudah cakap, saya meminta kerajaan supaya lebih fokus sebab memang kerajaan melaksanakan tanggungjawab dan amanah ini tetapi tidak memadai, sedangkan prasyarat kita menuju negara maju, Wawasan 2020, antara lain adalah faktor kesihatan, rakyat terjamin. Bagaimana kita boleh menjadi negara maju kalau rakyat kita tidak sihat? Sudahlah tidak ada *supplementary vitamins* dan sebagainya, sakit demam pun tidak boleh jumpa ubat. Bagaimana kita boleh menjadi negara maju? Mungkin ini salah satu penghalang kepada kita untuk menamakan diri kita sebagai negara maju, Tuan Pengerusi.

Jadi saya meminta kalau ada pegawai-pegawai tinggi Kementerian Kesihatan yang hadir pada hari ini, sama-samalah kita pikul amanah dan tanggungjawab ini. Turunlah

ke kawasan-kawasan luar bandar, berilah perhatian. Klinik desa, berapa sangatlah harganya, lebih kurang RM100 ribu sudah siap. Kenapa, tidak ada RM100 ribukah dalam kewangan Kementerian Kesihatan kita?

Kempen "Tak Nak" yang remeh-temeh, berbilion-bilion ringgit dipakai. Bagi jarum *injection* untuk mencegah AIDS, berbilion-bilion ringgit dipakai. Rakyat yang nyata jelas menjadi penyokong kerajaan dibiarkan. Ini namanya, "*kera di hutan disusukan, anak di riba ditinggal-tinggalkan*". Saya tidak tahu apa misi kementerian dalam soal menangani masalah-masalah yang sebegini berlaku.

Saya ingin tahu bila agaknya kawasan di luar bandar, khususnya di Kinabatangan, khususnya Sabah dan Sarawak menikmati pusat perkhidmatan kesihatan seumpama ini. Berapa tahun kementerian hendak bagi yang kita minta ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: 100 tahun? 50 tahun? 10 tahun? Kita mahu tahu. Saya mahu ini dijawab sebab kita mahu tahu. Jadi kita tidak terpekik sana, terpekik sini meminta tetapi tidak juga diambil perhatian. Saya tidak tahu apa yang kementerian dan pegawai-pegawainya buat. Duduk di pejabat berhawa dingin tetapi tidak melihat masalah rakyat. Ini tidak seharusnya berlaku. Ini diskriminasi. Ini penganiayaan kepada masyarakat di luar bandar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sudah habis?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, sudah habis. [Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Boleh *roll* sedikit?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah, satu minitlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada dua isu lagi tidak terbangkit, Tuan Pengerusi, tetapi tidak apa kita hormati masa itu.

Tuan Pengerusi, saya meminta sekali lagi supaya perkara ini dapat diperhatikan oleh pihak menteri sendiri, oleh KSU, pengarah, atau ketua pengarah. Jawatan yang kita ada ini cuma sementara, tidak ada yang kekal - *nothing lasts forever*. Yang kekal ialah perjuangan kita dan perkhidmatan kita kepada rakyat. Siapa yang tidak melaksanakan amanah dan tugas dia yang Islam atau bukan Islam pun, dia akan dihukum oleh Tuhan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rasah.

11.26 pagi

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 020300 – Kawalan Penyakit. Kita semua memang sentiasa dapat baca daripada surat khabar dan dengar berita tentang penyakit denggi adalah begitu serius dalam tahun ini. Sebenarnya penyakit denggi ini sudah lama berlaku di negara kita. Saya masih ingat semasa saya belajar di sekolah menengah iaitu kira-kira 40 tahun yang lalu, penyakit denggi ini pun sudah ada. Penyakit ini kadangkala ada berlaku dan kadangkala tidak berlaku di sekitar kita.

Tahun ini adalah yang paling serius sekali termasuklah berlaku di negara jiran kita iaitu Singapura. Memandangkan penyakit denggi ini sudah lama berlaku di negara kita, kita harus dan patut telah ada pengalaman untuk pencegahannya. Oleh itu sudah tiba masanya untuk kita semua rakyat Malaysia untuk ambil berat penyakit yang telah banyak mengorbankan nyawa dan juga telah membelanjakan banyak wang kerajaan kita.

Tuan Pengerusi, pada pandangan saya, sebagai langkah untuk menangani penyakit denggi ini hingga ke akar umbi, beberapa kementerian yang berkaitan adalah perlu memainkan peranan dengan lebih agresif untuk meningkatkan pendidikan kesihatan rakyat dan golongan generasi muda. Pendidikan ini bukan setakat pada waktu kejadian sahaja

tetapi hendaklah dilakukan sepanjang masa kerana rakyat kita cepat lupa apabila kes sudah dapat diatasi. Oleh itu saya cadangkan Kementerian Kesihatan ini perlu mengetuai kerja-kerja mengatasi penyakit denggi ini. Kementerian Kesihatan boleh jalankan kempen dan buat program untuk mengatasi penyakit denggi sepanjang masa melalui poster-poster dan sebagainya dengan sokongan dari kementerian-kementerian yang lain.

Kita perlu ada siaran media untuk mengingatkan rakyat supaya sentiasa menjaga kebersihan persekitaran. Kerjasama daripada kerajaan tempatan menjalankan kerja-kerja membersihkan nyamuk aedes ini diperlukan dan aktiviti-aktiviti kejuruan perlu sentiasa membangkitkan perkara ini. Pelajar-pelajar sekolah perlu diingatkan tentang bahaya nyamuk aedes ini. Semoga dengan usaha-usaha kuat kita, nyamuk aedes yang merupakan punca penyakit denggi ini dapat dihapuskan dan rakyat Malaysia dapat hidup dengan sihat dan sejahtera. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Aman.

11.30 pagi

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 010000 – Pengurusan. Saya hendak merujuk kepada hospital Sri Aman yang telah dirancang pada awal tahun 1995, peruntukan pun sudah diberi tetapi selepas itu projek ini ditarik balik. Saya minta kementerian membuat satu usaha untuk menentukan hospital ini dibina semula.

Rakyat di daerah pedalaman begitu gembira oleh kerana mendengar hospital baru akan dibina. Mereka sekarang kerugian oleh kerana *red tape at its worst*, dengan izin. *Only God knows what happen behind the doors*. Saya rasa hospital ini tidak dapat dibina oleh kerana penyelewengan *at its worst*. Penipuan *at its worst*, ada persahabatan yang begitu buruk di antara pegawai dan orang-orang yang tertentu oleh kerana *incompetence*.

Oleh kerana *incompetence* dan oleh kerana penyelewengan, jadi hospital ini tidak dapat dibina. Tiba-tiba kita mendengar Yang Berhormat Menteri mengatakan tidak ada hospital baru akan dibina. Macam mana yang sudah dijanjikan tidak dapat diimplementasikan, *what type of government are we? What type of kementerian are we* yang sudah dijanji tiba-tiba tidak ada. *What happened to the money?* Mengapa pegawai-pegawai yang mengesahkan tapak itu sesuai tidak diambil tindakan kerana seorang gadis sekarang kita sudah kacau bilau. Gadis yang diseksa itu. Tetapi kalau tidak ada hospital, bukan hanya diseksa. Orang di Sri Aman mati oleh kerana tidak ada peralatan yang baik, tidak ada staf yang baik, tidak ada hospital yang *up-to-date* dan hampir semua kes terpaksa *direfer* di hospital Kuching, dan *on the way* kadang-kadang ada kemalangan hinggakan doktor pun setengah mati, malah ada yang mati.

Saya rasa ada satu *accident*, saya rasa dekat hendak mati, oleh kerana doktor membuang begitu banyak masa menghantar *patient* dari Sri Aman ke Hospital Kuching. Sedikit-sedikit hantar ke Kuching. Sedikit-sedikit hantar ke Kuching. Oleh kerana tidak ada hospital yang baru. Saya harap kementerian, Yang Berhormat Menteri, pegawai-pegawai bersikap lebih bertanggungjawab. Ini sangat memalukan. Saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Bharu.

11.33 pagi

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 030200 – Pengurusan Hospital dan saya hanya dua cerita ataupun pengalaman saya yang saya harap sedikit sebanyak dapat memperbaiki cara kita mengurus hospital dan juga sedikit sebanyak mengubah sikap kakitangan-kakitangan hospital.

Pertama ialah seorang budak di Kota Bharu masuk hospital, buat *diagnosis*, doktor kata tidak ada apa-apa, dihantar balik. Sakit lagi dihantar kembali, tidak ada apa-apa dan

dibagikan ubat tertentu dihantar balik. Lima hari kemudian budak itu meninggal (berumur 15 tahun). Saya memberitahu kepada ibu bapa mereka keadaan ini dan mereka seperti orang-orang Islam yang lain yang baik mengingatkan, bahawa keadaan ini sebagai takdir dan tidak mahu mengambil tindakan susulan mengenai perkara ini, biarlah begitu sahaja.

Walau bagaimanapun untuk tidak mengulangi perkara ini, saya menulis surat kepada hospital bukan untuk menyaman mereka, bukan untuk apa-apa, cuma memberitahu kelemahan-kelemahan yang ada supaya tidak ada budak lain yang meninggal dunia. Tetapi sampai ke hari ini saya tidak menerima jawapan.

Saya rasa ini bukan caranya kita dalam negara maju, dalam Islam Hadhari menghadapi masalah. Tidak cukup hanya dengan slogan di hospital mengenai kualiti, tidak cukup dengan ayat-ayat al-Quran, kita kena praktikkan *humanity* kita, cara kita menjaga. Saya harap pengalaman saya ini sedikit sebanyak dapat memperbaiki sikap. Kalau Kementerian mungkin sukar hendak jawab surat wakil rakyat, sekurang-kurangnya hospital sendiri menjawab hal-hal seperti ini.

Tuan Pengerusi, perkara kedua, dalam *emergency room* – kita tahu dalam *emergency centre* atau pusat kecemasan semua orang *stress*, tidak ada masa. Orang yang membawa pesakit pun *stress*, keluarga pun *stress* dan pekerja serta doktor hospital *stress* juga. Saya faham tetapi pengalaman saya sendiri bila bapa saya meninggal dunia. Dia kena *stroke*, masa itu saya masih belum lagi menjadi wakil rakyat. Kita hantar ke hospital yang terdekat. Hospital yang terdekat itu ialah hospital prebet tetapi tidak ada kelengkapan tertentu maka dihantar ke General Hospital.

Bila masuk ke *emergency room*, dengan mulutnya berbuih dan sebagainya, perkara yang pertama ditanyakan oleh pegawai ialah mengapa hantar di pihak swasta dahulu. Mengapa tidak terus ke kerajaan, itu yang menjadi persoalan. Semasa mereka mencari bilik untuk menetapkan bapa saya, *he took one hour to find the room*. Maka terbelakailah arwah bapa saya. *Nobody came and talk to us*, ceritakan apa yang sedang berlaku, *update* kita, tidak ada.

Saya percaya kalau ini boleh berlaku kepada saya malah boleh berlaku kepada semua. Saya harap hospital kita jangan hanya tumpukan kepada canggihnya peralatan kita, canggihnya hospital kita. Berilah tumpuan juga kepada *service*, berilah juga kepada pesakit, *empathies* dengan masalah mereka. *Sympathize* dengan keadaan mereka, banyak - bukan sahaja di luar bandar, saya dengar tadi masalah di luar bandar tetapi masalah di bandar pun sama juga.

Saya tahu orang boleh katakan, oh kita pun ada masalah, "*We have got our own limitation*", katanya. Tetapi saya tidak ada mengatakan kita tidak ada *limitation*. Tetapi pendekatan kita itu mencerminkan cara kita mengatai masalah ini. Itulah sedikit sebanyak Tuan Pengerusi takut kalau-kalau perkara ini boleh mengubah keadaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

11.38 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Macam mana tidak ada hospital begitu banyak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kepong datang lambat, dapat ya?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, halaman 493 Butiran 010000, Butiran 020000, Butiran 030000 dan Butiran 040000.

Tuan Pengerusi, di dalam perkhidmatan Kementerian Kesihatan kita, Yang Berhormat Menteri sebagai seorang doktor yang baik sudah mengkaji dan meninjau keadaan. Saya ada nampak beberapa langkah yang telah diambil oleh Yang Berhormat Menteri itu adalah ke arah yang betul.

Walau bagaimanapun Tuan Pengerusi, yang penting sekali seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Bharu tadi ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Larut bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta sedikit penjelasan Yang Berhormat doktor, boleh?

Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma hendak bertanya kepada Yang Berhormat, sepanjang Yang Berhormat berkhidmat sebagai wakil rakyat dan juga seorang doktor, apakah sumbangan percuma yang telah diberikan oleh Yang Berhormat seperti mana ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tidak berkaitan dengan perkara yang tadi dia bangkitkan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ada. Perkhidmatan, seperti mana Dr. Tan Chee Koon, mana lebih baik. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Larut mesti faham bukan sahaja ada Kamunting di kawasanya bahkan juga telah memperkirakan

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bermakna Yang Berhormat tidak pernah memberi perkhidmatan percumalah. Terima kasih.

Puan Chong Eng: Peraturan 36(6), Peraturan. Saya rasa ini Larut telah melampau. Ini adalah peribadi dan setakat yang saya tahu, Dr. Tan (Yang Berhormat bagi Kepong) sudah memberi banyak perkhidmatan percuma dan dia tidak mahu menyebut seperti Larut. Buat sedikit-sedikit sudah hendak menyebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong pilih tidak mahu menjawab demikian tidak mengapalah.

Puan Chong Eng: Saya haraplah supaya Tuan Pengerusi menasihatkan supaya dia membezakan apakah peribadi dan apakah di dalam perkhidmatan ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta Yang Berhormat Kepong jawablah, apakah Bukit Mertajam sibuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya hendak minta semua mematuhi Peraturan Mesyuarat.

Dr. Tan Seng Giaw: Kementerian itu ada lebih 160 kakitangan termasuk lebih 13,000 doktor, 30,000 jururawat dan *technical assistant, medical assistant* (MA) jumlah mungkin 80,000. Inilah kita hendak bincang Yang Berhormat Larut. Inilah kita hendak bincang macam mana kita boleh meningkatkan keberkesanan penyampaian mereka. Itulah kita hendak bincang. Saya berharap kita adakan satu suruhanjaya. Suruhanjaya ini mengadakan siasatan macam mana kita boleh mengubah atau merombak semula organisasi Kementerian Kesihatan. Kalau tidak, kita akan menghadapi masalah dan krisis seperti mana yang telah disebutkan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi termasuk Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

Kita perlukan rombakan yang drastik untuk Kementerian Kesihatan daripada atas ke bawah. Itulah kita perlukan. Saya berharap saya sebutkan mengenai Suruhanjaya Diraja ataupun bukan diraja tetapi suatu Suruhanjaya Siasatan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat hendak suruh Suruhanjaya Siasatan Diraja, saya hendak bertanya Yang Berhormat, sehari berapa orang yang mati, berapa orang yang tidak dijaga oleh kerajaan, berapa orang yang teraniaya kerana tidak dapat perubatan daripada kerajaan? Kita kena buat kajian Yang Berhormat.

Kita tidak boleh hendak tubuh suruhanjaya, silap sedikit suruhanjaya. Kita hendak tahu kalau hari-hari mati kerana tidak ada satu perubatan daripada pihak kerajaan ataupun kerajaan tidak ambil berat tentang masyarakat, barulah... kita kena faham juga Yang Berhormat Kepong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat ingin hendak tanya sama Yang Berhormat Kepong...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak nasihat Yang Berhormat Kepong

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah, nasihat tidak payah. Nasihat tidak payah. Saya boleh buat nasihat. Yang Berhormat Jerai tidak perlu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, saya tidak akan nasihat, saya hendak beritahu Yang Berhormat Kepong, suruhanjaya ini bukan boleh senang-senang hendak tubuh kecuali kalau ia mengganggu-gugat keselamatan, kesejahteraan negara ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu Yang Berhormat Menteri boleh jawab juga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, betul, betul, betul. Yang Berhormat Jerai tahu mengenai bukit dan gunung sahaja. Masalah manusia dan kesihatan mungkin tidak cukup pengetahuan. Setiap pesakit luar kita ini setiap hari 26,000 atau 27,000 dan pesakit dalam hampir 1,000 setiap hari. Itulah masalah di Malaysia ini. Ini semua nyawa yang penting. Bayangkanlah hampir ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kepong, saya cadangkan tidak payah jawab...

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak mahu jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Keluarkan apa Yang Berhormat ingin tanya kepada kerajaan atau kementerian ...

Dr. Tan Seng Giaw: Kepada Yang Berhormat Menteriilah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, baik.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya rujuk kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Jerai itu bukan Menteri sekarang, lain kalilah mungkin.

Tuan Pengerusi, dengan hampir 27,000 pesakit luar dan dalam. Ini bermakna kita perlu suatu organisasi yang lebih berkesan. Tiap-tiap tahun hanya jawapan kepada Ahli-ahli Parlimen dianggarkan ada satu tahun 270 jawapan untuk menjawab soalan Ahli-ahli Parlimen. Itu memang tidak cukup. Jawapan kepada Ahli Parlimen penting tetapi tidak cukup.

Yang penting sekali itu bukan sahaja jawab kepada soalan 270 jumlahlah mungkin, kepada Ahli Parlimen, bahkan juga menunjukkan bagaimana kita boleh memberi perkhidmatan yang lebih baik termasuklah kawalan penyakit Tuan Pengerusi. Baru-baru ini dengan banyak pendatang daripada luar dan sebagainya, insiden penyakit yang berjangkit sudah meningkat sama ada tibi, kusta ataupun sekarang kita mestilah menumpu perhatian kepada selesema burung, iaitu penyelarasan dengan Jabatan Veterinar mestilah dipertingkatkan termasuklah kalau tidak silap saya, di kawasan-kawasan seperti Cameron Highlands masih gunakan najis burung, najis ayam dan sebagainya.

Ini memang satu perkara kita mesti mengambil perhatian. Yang Berhormat bagi Arau mesti tahu iaitu kita yang takutnya, iaitu virus selesema burung ini kita sentiasa kawal dengan baik kerana jiran kita seperti Thailand atau Indonesia ada virus ini dan kita mesti sentiasa kawalkan rawatan perubatan ini iaitu kawalan penyakit dan sebagainya termasuklah pemeriksaan ke atas pendatang-pendatang mestilah dipertingkatkan.

Sistem yang ada sekarang tidak cukup untuk mencegah penyakit yang berjangkit dan seterusnya Tuan Pengerusi iaitu mengenai aktiviti kardiologi dan 'kardiotoraksik' dan di sini saya hendak sebutkan, tadi saya sebutkan mengenai 27,000 pesakit kardiologi. Kardiologi sahaja yang pesakit-pesakit lain itu, luar itu berjuta-juta orang. Hanya kardiologi sahaja 27,000 pesakit. Ini bermakna kita bukan saya hendak adakan pakar kardiologi yang lebih bahkan juga alat-alat kardiologi yang lebih canggih. Misalnya saya bagi satu contoh Tuan Pengerusi. Di *Queen Elizabeth Hospital* di Kuching, satu-satunya hospital...

Beberapa Ahli: [Menyampuk] [Membuat bising]

Dr. Tan Seng Giaw: Kuching, tanya dialah. KK, ya..

Beberapa Ahli: [Membuat bising]

Dr. Tan Seng Giaw: Kuching apa? Ya?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kepong, masa cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak apa, tidak apa. Saya akan gulung, saya akan gulung. Ini memang sudah sampai dah. Di hospital di Kuching, hanya satu-satu hospital yang mempunyai *city and geogram machine*.

Di Semenanjung tidak ada langsung kerana satu mesin itu hampir RM5 juta. Tetapi saya berharaplah Yang Berhormat Menteri dapat mempertimbangkan macam mana kita di Semenanjung satu pun tidak ada, tetapi di Kuching ia ada, bukan KKLah Kuching. Ada bukan kerana itu punca wang itu bukan daripada kerajaan, daripada swasta kerana doktor di situ dia ada kawan-kawan dan kawasan swasta itu memberi sumbangan sehingga dia dapat RM5 juta untuk membeli mesin *city scan and geogram*. Ini memang satu mesin yang penting untuk pesakit-pesakit kardiologi dan pesakit jantung.

Akhir sekali, mengenai penyelidikan dan sokongan teknikal. Hampir RM202 juta yang diperuntukkan. Saya menyeru supaya Yang Berhormat Menteri dapat mengkaji. Dengan wang yang begitu banyak, lebih RM200 juta untuk penyelidikan dan sokongan teknikal, kita mestilah memastikan wang ini digunakan dengan baik, dengan betul sama ada untuk penyelidikan klinikal ataupun penyelidikan farmakologi, farmasi dan sebagainya, mestilah digunakan dengan baik.

Yang penting sekali kita mesti adakan penyelidik, para penyelidik yang baik, yang cukup berkualiti tanpa mengira kaum ataupun kawasan. Itulah yang penting sekali untuk meningkatkan prestasi penyelidikan di dalam kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Larut.

11.50 pagi

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bekalan 42 – Kementerian Kesihatan Butiran 020000 dan Butiran 030000. Sebelum itu saya tertarik dengan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang birokrasi, sistem *delivery* yang masih lagi belum dilaksanakan dengan sebegitu baik untuk kepentingan masyarakat kita. Kalau tadi Yang Berhormat bagi Kota Bharu menceritakan bagaimana beliau menghadapi masalah tentang urusan keluarganya di hospital kerajaan, saya pun ada juga masalah di sini terutama sekali apabila berlakunya kecemasan kerana penerimaan kakitangan hospital kadang-kadang terlalu banyak sangat pertanyaan sedangkan orang yang sakit memerlukan bantuan dan rawatan yang begitu segera.

Saya sendiri telah mengalaminya ketika berada di hospital daerah Taiping ketika melawat pesakit daripada kawasan saya, di mana saya pernah diusir keluar walaupun saya telah memperkenalkan diri ketika melawat pesakit berkenaan hinggalah saya terpaksa Yang Berhormat Menteri. Terima kasihlah Yang Berhormat Menteri kerana sudi menjawab telefon bimbit ketika dipanggil. Syabas kepada Menteri. Kita harap kepada rakan-rakan yang lain, begitu jugalah mereka menerima panggilan daripada Wakil-wakil Rakyat apabila kita memerlukan bantuan dan pertolongan mereka.

Saya ingin menyentuh di sini Yang Berhormat Tuan Pengerusi tentang klinik desa di kawasan saya, Parlimen Larut di mana masih lagi banyak tempat yang memerlukan klinik desa ini untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat luar bandar. Saya melihat kalau dahulu pada suatu ketika, kita pernah ada mobil unit yang diketuai oleh HA untuk masuk ke kampung-kampung, kenapa tidak lagi mobil unit ini diperkenalkan semula terutama di kawasan-kawasan pedalaman yang kurang kemudahan di sesebuah kampung, terutama pada ketika kecemasan.

Saya harap pihak Kementerian Kesihatan boleh melihat kalau soal peruntukan setiap kali kita bangkitkan masalah yang berlaku, itulah isu utama yang diberikan oleh kementerian. Kenapa tidak supaya mobil unit ini dapat digerakkan semula untuk sentiasa masuk ke kawasan-kawasan luar bandar yang kekurangan kemudahan sama ada dari segi perhubungan jalan raya dan sebagainya. Sekurang-kurangnya masalah yang dihadapi oleh penduduk dapat diatasi.

Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kesihatan tentang Hospital Daerah Selama ini. Yang anehnya hospital ini dibina sejak beberapa tahun yang lalu dengan pinjaman Bank Asia atau Bank Dunia. Tetapi masalahnya tidak ada pesakit di situ. Apakah kerana mereka takut hendak tinggal di hospital tersebut atau kerana kekurangan kemudahan yang disediakan. Pertama saya ingin bertanya, kenapa penguasa hospital tersebut tinggal di luar daripada kawasan Selama sedangkan dia sepatutnya berada di situ?

Yang anehnya mereka pesakit di situ terpaksa menjalani rawatan ke tempat yang lebih jauh seperti di Kulim ataupun Taiping. Ini akan menimbulkan masalah kerana jarak perjalanan yang begitu jauh. Saya ucapkan terima kasih kepada Menteri Kerja Raya kerana telah memberi peruntukan untuk meluluskan jalan berbengkang-bengkok di antara pekan Selama ke Taiping sekiranya pesakit-pesakit di sana ingin mendapat rawatan di Hospital Taiping.

Satu lagi saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kesihatan tentang kedudukan Pusat Kesihatan Mukim Batu Kurau yang sering kali menghadapi masalah tidak ada doktor. Setiap kali kita membangkitkan perkara ini, ada sahaja alasan yang diberikan. Kita tidak mahu apabila penduduk-penduduk menghadapi masalah, mereka sekali lagi terpaksa melalui pelbagai rintangan dan masalah untuk ke pekan Taiping yang jaraknya agak jauh daripada kawasan di Batu Kurau.

Tuan Pengerusi, yang terakhir sekali saya ingin bertanya kepada pihak kementerian ialah tentang doktor-doktor kerajaan yang mungkin dibenarkan untuk berkhidmat di waktu luar masa mereka bertugas dan saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kesihatan apakah satu ketetapan kepada mereka ini, tempoh mereka boleh mendapat pendapatan luar, di luar daripada waktu bertugas, terutama di dalam menggantikan sekiranya klinik-klinik swasta yang kekurangan doktor ataupun mengambil cuti untuk mereka memberikan perkhidmatan kerana saya bimbang sekiranya ini tidak ada satu kawalan, mungkin ada kesempatan yang akan diambil oleh doktor-doktor kerajaan, yang telah banyak kita belanja, hampir RM1 juta untuk mereka lulus sebagai seorang doktor kita belajar dan mereka gunakan kesempatan ini untuk mencari kesempatan, keuntungan sewaktu di luar tugas mereka.

Saya tahu kalau ini berlaku agak amat mendukacitakan dan saya berharap siasatan ataupun kajian dibuat oleh pihak Kementerian Kesihatan ke atas doktor-doktor yang mungkin, yang tidak ada kawalan ini bertugas untuk mengambil keuntungan dengan memberi perkhidmatan kononnya harga yang ditetapkan oleh mereka dalam perkhidmatan yang diberikan itu lebih murah daripada klinik-klinik swasta.

Sebagaimana yang telah saya katakan tadi, sebelum ini saya berharap pihak kementerian dapat melihat perkara ini, terutama sekali kawalan ke atas klinik-klinik swasta, pusat-pusat *specialist* swasta yang sampai ke hari ini belum ada kawalan ke atas kadar rawatan, perubatan yang telah mereka kenakan mengikut sewenang-wenangnya. Dengan demikian kita berharap kerajaan mengambil langkah yang lebih tegas supaya satu kawalan dikenakan supaya tidak ada mana-mana pihak swasta, hospital baik, klinik swasta baik mengaut keuntungan di atas kebebasan tidak ada Akta Kawalan ini di atas penduduk-penduduk, masyarakat yang memerlukan perkhidmatan.

Saya beri contoh Tuan Pengerusi apabila ada mereka yang pergi mendapatkan rawatan perubatan di hospital swasta ini, doktor mengenakan satu kadar bayaran yang berbeza. Tidak ada kadar siling. Kemudian katakan pembedahan apendiks, pembedahan jantung dan sebagainya, sekurang-kurangnya masyarakat ingin tahu, apakah siling sebenarnya, berapa yang dikenakan, RM10,000, RM20,000 paling tinggi mereka ingin tahu. Sekarang tidak ada. Kemudian hospital pula mengenakan sewa bilik-bilik yang sampai kadang-kadang bilik di hospital swasta ini sama dengan harga di hotel, bertaraf lima bintang. Kalau begitu baik mereka tinggal di hotel bertaraf lima bintang.

Lainlah kalau macam Timbalan Menteri JKR yang mungkin mampu, boleh membayar kepada rawatan yang dikenakan di hospital-hospital swasta. Inilah kita mahu, minta maaf kerana Timbalan Menteri JKR ada di sini. Memang mereka tidak mampu bagaimana untuk mendapat rawatan di hospital dan klinik swasta ini walaupun kita tahu penubuhan mereka ini adalah semata-mata untuk mengurangkan bebanan yang dihadapi oleh kerajaan yang semakin hari semakin kesnya bertambah. Tuan Pengerusi, itu sahajalah yang saya ingin sampaikan. Saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Beluran.

11.58 pagi

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Perkara 030000 – Rawatan Perubatan dan juga Kesihatan Awam – 020000. Rakyat Malaysia di Sabah baru-baru ini rasa terpinggir Tuan Pengerusi, atas satu kenyataan Menteri Kesihatan atas kenyataan melihat masalah doktor pesakit di Sabah ini bukan satu masalah yang perlu diberi perhatian, kaitan bahawa masalah ini bukan *peculiar* untuk Sabah, membayangkan bahawa masalah kekurangan doktor di Sabah tidak harus mendapat perhatian yang lebih oleh kementerian. Begitu juga yang membawa makna bahawa ianya tidak harus mendapat tambahan doktor dalam jangka masa yang terdekat ini oleh kementerian.

Saya ingin melihat apakah masalah doktor pesakit satu doktor 4,000 pesakit bukan masalah yang besar yang perlu ditangani oleh kementerian. Begitu juga negeri Sabah yang ketiga besar dari segi *population*, dari segi penduduk selepas Selangor dan Johor yang perlu mendapat rawatan kesihatan yang lebih baik. Dari segi bilangan doktor Sabah adalah yang keenam terbanyak di seluruh negara sedangkan ianya merupakan negeri yang kedua terbanyak sekali merawat pesakit dibandingkan keseluruhan negeri-negeri di Semenanjung ini.

Oleh kerana itu, saya ingin bertanya, apakah tafsiran kementerian terhadap masalah kekurangan doktor yang berlaku di negeri Sabah dan persoalan mengapa setakat ini hanya 486 *Medical Officer* (MO) yang diisi sedangkan jawatan kosong yang sudah pun diluluskan oleh *Public Service Department* (PSD), ada terdapat 630 jawatan kosong tetapi setakat ini hanya 486 yang diisi oleh kementerian setakat ini.

Begitu juga jawatan *specialist*. 77 jawatan *specialist* yang sudah wujud untuk negeri Sabah tetapi mengapa hanya 24 kekosongan diisi setakat ini. Bagaimana dengan baki kekosongan jawatan yang wujud ini? MOnya masih lagi 190 belum diisi. *Specialist* nya masih lagi terdapat 53 belum diisi. Apakah kementerian tidak melihat bahawa ini merupakan satu masalah yang harus ditangani oleh kementerian yang menunjukkan bahawa negeri Sabah memerlukan perhatian yang lebih oleh kementerian. Sebab itu rakyat Malaysia di Sabah rasa terpinggir apabila Menteri sendiri mengatakan bahawa ini bukan masalah yang *peculiar* kepada negeri Sabah.

Sedangkan data-data menunjukkan bahawa masalah ini merupakan masalah yang harus mendapat perhatian lebih oleh kementerian. Sebab itu saya ingin penjelasan oleh kementerian walaupun setiausaha politik menteri dalam menjawab bahawa ianya telah di'*misquoted*', disalahertikan oleh pemberita. Tetapi kita harap bahawa niat untuk tidak melihat perkara ini sebagai satu perkara yang serius tidak lagi harus ada di kalangan menteri dan juga pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan ini, Tuan Pengerusi.

Saya baru-baru ini didatangkan oleh seorang pesakit dari kawasan saya yang berumur lebih kurang 65 tahun mendapat rawatan di Hospital Daerah Beluran, kawasan Parlimen saya. Empat kali dibawa masuk ke hospital. Setiap kali dibawa masuk, Tuan Pengerusi, diagnosis yang dikeluarkan oleh hospital adalah penyakit gastritis. Setiap kali masuk, gastritis, setiap kali masuk, gastritis, diberi ubat gastritis. Tetapi apabila pesakit ini dibawa ke SMC, diberi rawatan yang rapi di bawah penyelidikan yang rapi di SMC, Sabah Medical Centre, pesakit ini bukan menghidap penyakit gastritis, sebenarnya ia mendapat ketumbuhan batu di hempedu. Perlukan satu perkara yang lebih serius daripada diagnosis yang dikeluarkan oleh atau penyelidikan yang dikeluarkan oleh hospital daerah.

Saya ingin tahu bagaimana perkara ini boleh berlaku dan mengapa tidak hospital-hospital daerah ini dilengkapi dengan peralatan yang boleh memberi diagnosis yang lebih tepat kepada pesakit. Mengapa tidak diberi perhatian seperti ini, Tuan Pengerusi. Kita inginkan penjelasan, mengapa peralatan di daerah hospital daerah ini begitu lemah sekali sehingga penyakit yang serius yang ada pada seseorang itu didiagnosis dengan penyakit yang tidak serius dan tidak di^{refer} pula kepada hospital kerajaan yang lebih baik seperti Sandakan ataupun di Duchess Of Kent Sandakan ataupun di Queen Elizabeth Hospital.

Saya ingin penelitian terhadap prosedur-prosedur dan juga peralatan yang ada di klinik hospital-hospital daerah dipertingkatkan oleh kementerian. Tuan Pengerusi, kita dimaklumkan oleh FOMEMA baru-baru ini bahawa terdapat sebilangan besar doktor-doktor yang tidak membuat siasatan FOMEMA itu secara baik. Ini merupakan pengakuan yang dibuat sendiri oleh *managing director* FOMEMA dan didapati banyak di kalangan klinik-klinik swasta ini yang melakukan pemeriksaan FOMEMA itu tidak melakukannya secara yang baik. Bererti ada *patient* yang diperiksa oleh FOMEMA, doktor-doktor swasta ini yang menggunakan sampel darah daripada *patient* yang lain. Ini diakui oleh FOMEMA itu sendiri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan mesyuarat**]

Pengakuan itu merupakan pengakuan yang baik tetapi apakah tindakan kementerian selepas pengakuan FOMEMA ini? Bagaimana persoalannya, bagaimana dengan *patient*, bagaimana dengan *blood test* yang dilakukan yang bukan merupakan *patient* yang sebenar, yang orang ini berpenyakit tetapi diagnosis yang dibuat melalui FOMEMA melalui doktor-doktor swasta tidak berpenyakit? Bagaimana dengan mereka ini yang berada di negara kita yang bekerja di bawah FOMEMA yang sebenarnya sakit tetapi didiagnosiskan sebagai tidak sakit oleh FOMEMA? Apa tindakan kementerian terhadap pengakuan FOMEMA, terhadap kesilapan doktor-doktor swasta yang melakukan siasatan terhadap FOMEMA ini?

Kementerian harus bertanggungjawab tentang perkara ini kerana kementerian merupakan kementerian yang menjaga kesihatan awam. Kita melihat hari ini bahawa tibi, *leprosy*, malaria, merupakan perkara-perkara yang tidak berlaku sebelum ini tetapi disebabkan oleh kegagalan FOMEMA itu sendiri, kegagalan pemeriksaan yang dilakukan oleh klinik-klinik swasta itu, menyebabkan penyakit-penyakit ini seperti malaria, *leprosy*, tibi dan sebagainya sudah kembali menjadi satu masalah di negara kita. Jadi, kenyataan FOMEMA, *managing director* FOMEMA itu harus diambil serius oleh Kementerian Kesihatan dan tindakan lanjut harus diambil oleh Kementerian Kesihatan. Adakah kementerian akan melakukan satu pemeriksaan semula terhadap pesakit-pesakit yang dikatakan diperiksa secara tidak baik oleh klinik-klinik panel FOMEMA ini. Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kalabakan.

12.05 tgh.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Assalamualaikum Warrahmatullhi Wabarakatuh. Saya ingin menyentuh tentang 00201 - Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Kalau kita lihat di seluruh kawasan luar bandar, kita nampak banyak klinik-klinik yang dibuat tetapi kemudahan-kemudahan tidak ada sama sekali di luar-luar bandar. Contohnya, Tuan Pengerusi, di kawasan saya ada satu kes apabila mereka pergi ke klinik di luar bandar ini apa yang dibagi kepada mereka ialah panadol.

Mereka diambil darah dan dihantar ke Hospital Tawau kemudian apabila sudah penyakit ini bertambah sakit datang ke klinik dibagi panadol lagi. Lepas satu minggu apabila darah yang diambil ini, yang sudah balik dari Hospital Tawau kakitangan klinik ini mencari di mana pesakit ini. Bila mereka jumpa tanya satu rumah, mana si pulan ini, kemudian si pulan ini sudah pun meninggal dunia kerana satu minggu untuk mengesan sama ada apa penyakit yang dihadapi - pesakit ini menghadapi malaria sahaja.

Tuan Pengerusi, saya ingat banyak perkara-perkara di luar bandar di Sabah dan Sarawak ini sepatutnya sekurang-kurangnya pegawai yang diletak di sana dan alat boleh mengesan sekiranya penyakit-penyakit malaria yang kita nampak banyak rakyat-rakyat di luar menghadapi, maka sekurang-kurangnya mereka dapat kesan di kawasan itu dan memberi rawatan terus kepada pesakit.

Tuan Pengerusi, sahabat saya dari Beluran menceritakan pasal FOMEMA, mengatakan mungkin ada banyak masalah. Tetapi masalah yang dihadapi ialah kerajaan melantik doktor-doktor untuk mengeluarkan *certificate* kepada pekerja-pekerja ini, bukan memikirkan pekerja-pekerja itu sihat atau tidak. Mereka memikirkan kewangan yang mereka dibayar oleh majikan - pekerja-pekerja. Mereka boleh satu hari mungkin 500 boleh keluar *certificate* menyatakan pekerja ini baik, bagus, walhal pekerja-pekerja ini tidak pun di *check* dengan betul, sains saja kerana mereka berpendapatan kewangan yang mereka terima lagi baik daripada menjalankan tugas yang betul.

Tuan Pengerusi, saya ingat Kementerian Kesihatan mesti mengambil kira semua ini. Tadi saya bercerita pasal luar bandar, ada satu kes lagi di Pulau Sebatik. Di Pulau Sebatik kita memang ada klinik-klinik desa tetapi tidak ada kepakaran, tidak ada alat-alat. Berapa banyak kes yang kita dapati di pulau, apabila mereka ini sakit, mereka dihantar dengan bot, dua tiga jam untuk sampai ke Tawau dan apabila sampai ke Tawau mereka bukan dianggap sebagai satu kes *emergency* untuk terus dirawat. Sampai di Tawau mereka ini menunggu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi, sahabat saya Kalabakan. Saya simpatilah, begitu simpati, rasa simpatilah dan rasa sakit hati pula dengar. [Ketawa]

Jadi maknanya klinik itu sakit perut pun panadol, datang pening kepala pun panadol, *high blood* pun Panadol, kencing manis pun Panadol, sakit kaki Panadol, demam dan sakit gigi pun panadol, maknanya klinik itu tidak ada pil lain lagilah, panadol sahaja. Ini aniaya punya kerjalah, ini sudah aniaya rakyat. Agaknya, tidak tahulah memang kalau itulah nasib dapat Panadol sahaja. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Kalabakan ini, kes ini terus macam ini ke? Tidak ada perubahan? Maknanya sudah macam-macam pil lagi, ada pil Panadol sahaja ke? Jadi kalau pil Panadol saja, kita panggil dia "Klinik Panadol".

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Macam mana itu, terus berlaku ataupun sudah berubah? Silap-silap Panadol tiruan pula. Aniaya betul.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading, sejak merdeka memang kita tahu bahawa banyak kemudahan di luar bandar ini

tidak ada. Selepas merdeka ada sedikit kemudahan tetapi tidak mencukupi. Itu sebabnya kita suarakan supaya mungkin satu kajian yang dibuat oleh kementerian untuk pergi ke luar-luar bandar melihat dengan sendiri keadaan, selain daripada alat-alat yang mereka bekalkan kepada klinik-klinik di luar bandar ini, mereka harus juga memikirkan pegawai-pegawai kesihatan yang dihantar. Kita tidak mahu pegawai-pegawai yang dihantar ini mungkin *junior staff* sahaja yang tidak tahu menahu tentang apa penyakit yang dihadapi oleh rakyat.

Jadi Tuan Pengerusi, kadangkala di Tawau Hospital ini, mereka ini kita cukup simpati tidak mencukupi kakitangan kerana rakyat yang dari Lahad Datu, dari Semporna, yang datang kalau ada kes-kes *emergency*, mereka pun dibawa ke daerah Tawau untuk dirawat. Di Semporna, Lahad Datu ada hospital tetapi tidak ada pakar, tidak ada doktor yang lain-lain bidang untuk merawat. Jadi semua dari Tawau, Semporna, Lahad Datu, Kunak, apabila mereka-mereka ini sakit tenat, terpaksa dihantar ke Tawau. Tawau tidak mencukupi pakar-pakar.

Kalau kita sebagai Ahli Parlimen memang senang kerana apabila kita nampak kita punya keluarga atau orang-orang kita di Tawau sakit, kita telefon pakar, dia terus tengah malam pun turun. Tetapi apa macam orang-orang kampung yang tidak ada kemudahan? Kita tahu pun kalau mereka datang jumpa kepada kita mungkin kita boleh bela tetapi banyak kes yang mereka sampai ke Tawau tidak dapat kita bela, kita pun tidak tahu. Ada kes-kes daripada Pulau sampai ke Tawau kerana menunggu lama, anak dipangku, mati dalam pangkuan.

Kerana kita dalam sistem perubatan ini tidak ada kes *emergency*. Yang sebenarnya patut kita bila ada kes *emergency* tidak perlu surat daripada hospital lain untuk memberitahu, bahkan sepatutnya kaunter-kaunter hospital ini tahu kalau *emergency* terus masuk ke kawasan *emergency* dan terus dapat rawatan doktor. Ini tunggu, tunggu, tunggu, tunggu, jadi apa macam? Masalah! Ada satu kes beberapa tahun yang dulu, Tuan Pengerusi, kebetulan saya berada di hospital, doktor yang saya nampak di kawasan wad, budak itu dia bagi suruh duduk dulu di hospital, tidak ada diperiksa, walhal diberi arahan ubat sahaja. Jadi saya kata apa macam you bagi ubat kalau tidak you periksa apa penyakitnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, minta Ggulung, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Ini masalah, masalah, saya akan gulung, ini masalah. Jadi saya minta supaya mungkin satu kajian, saya sudah jemulah, Tuan Pengerusi, semua kementerian apabila kita bersuara di sini, dikaji, dikaji, dikaji, dikaji. Sampai bila kita mahu kaji? Mungkin sampai hari kiamat, kaji sahaja. Kalau begitu kita pun *backbencher* ini boleh jadi menteri sebab jawapannya kaji, kaji, kaji, kaji. [Ketawa] Ha, ini dia. Jadi Tuan Pengerusi, mintalah satu kajian...

Seorang Ahli: Kajian lagikah?

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Yang terperinci, satu kajian...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tindakan, tindakan, bukan kajian. Minta satu tindakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Kajian atau tindakan yang terperinci seperti mana kata Perdana Menteri kita mahu lantik satu badan khas untuk kementerian ini, badan khas untuk memberi laporan kepada kerajaan, apa masalah-masalah yang ada di luar bandar dan dalam bandar mengenai kesihatan. Mungkin ada penyelewengan. Jadi kita mintalah supaya kerajaan bertindak dengan betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Jadi saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jasin.

12.15 tgh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya terus kepada Butiran 02000 – Kesihatan Awam dan juga 03000 – Rawatan Perubatan. Saya ucap terima kasih kepada Kementerian Kesihatan kerana Hospital Jasin yang saya bangkitkan masa belanjawan yang sudah, hari ini sudah dibuka. Walaupun sudah dibuka hospital yang bernilai RM76 juta, 76 katil, hanya buka 20 sahaja kerana tidak ada kakitangan. Bukan kata tidak ada orang sakit, kakitangan tidak cukup. Doktor yang diperlukan 11 orang, yang ada hanya 4. *Staff nurse* yang diperlukan 53 orang baru ada 30 orang.

Jadi saya minta pada tahun-tahun yang akan datang, kalau Kementerian Kesihatan bercadang untuk membina hospital dan pusat-pusat kesihatan di mana sahaja tetapi pengurusan ataupun kakitangannya kena harus diambil kira. Yang ini buat saja hospital, buat saja pusat kesihatan tetapi kakitangan tidak ada. Jadi akhirnya projek ini akan menjadi “gajah putih”.

Satu lagi Tuan Pengerusi, saya juga bersimpati dengan rakan-rakan tadi dengan FOMEMA ini. Saya terlibat langsung kerana orang semua tahu saya salah seorang agensi pekerja asing. Saya pun terkejut kerana pada hari ini, Tuan Pengerusi, soal ini adalah penting untuk keselamatan negara. Kita sudah habis berjuta ringgit sejak merdeka. Tibi dulu kita sudah berjaya hapuskan, untut pun hampir habis dan lain-lain penyakit yang berjangkit sudah boleh kata sudah tak ada lagi di Malaysia tetapi sungguh malang sekali pada hari ini kita dengar berita tibi meningkat, untut pun sudah ada balik, penyakit-penyakit berjangkit berleluasa.

Dr. Rahman bin Ismail: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Gombak bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sila Yang Berhormat bagi Gombak, doktor juga, sahabat saya.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Jasin kerana memberi laluan kepada saya. Saya ingin mendapat penjelasan dan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Jasin, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa agensi-agensi demikian kita elakkan berlakunya monopoli, kerana bila ada berlakunya monopoli, penyelewengan itu lebih mudah berlaku. Adakah lebih baik, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita adakan satu badan alternatif ataupun satu badan yang lain yang mana ada pertandingan di antara kedua-dua badan ini. Bila ada pertandingan bahawa kecekapan itu akan lebih bertambah. Bagaimana pandangan Yang Berhormat bagi Jasin dalam hal ini?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya, doktor yang bijaksana, saya sokong 300%. Kerana dia monopoli dia boleh buat apa dia suka. Hari ini kita berhadapan dengan 1.8 juta pekerja asing yang ada di negara ini. Tiap-tiap kali mereka masuk, kita dikehendaki diperiksa oleh FOMEMA dengan bayaran untuk lelaki RM190 dan wanita RM200. Hari ini banyak di antara rakan-rakan kita telah menyatakan bahawa ada doktor yang tidak periksa cara betul, ada yang buat siasatan yang tidak berapa betul. Mana hendak betul, Tuan Pengerusi, RM190, RM200 untuk wanita, sepatutnya x-ray ini berharga RM25 tetapi FOMEMA membayar kepada x-ray swasta ini dia menawar. Dia *offer* RM15, dia *offer* RM10, “kau hendak ke tidak hendak?” Jadi dia untung atas angin RM15. Begitu juga *lab test*, RM65 patutnya kos ini, FOMEMA *offer* kepada *lab* kita RM40, lepas itu kalau dah banyak, “RM30 boleh tidak?” Kalau tidak hendak, kita bagi *lab* lain.

Kalau tidak hendak kita bagi *lab* lain, akhirnya *lab* ini, dia mulalah menyeleweng kerana belanja tidak cukup. Cuba bayangkan periksa darah seratus orang, adakah seratus orang itu *blood sample* dia ‘O’ semuanya? Mestilah ada ‘A’ atau ‘B’ ke. Tetapi kita pun hairan, takkan orang Indonesia semua pula *sample* dia ‘O’ sahaja. Jadi menunjukkan hanya satu *blood sample* yang diambil kerana FOMEMA hanya bayar dengan minimum yang tidak menguntungkan pada *lab-lab* ini. Begitu juga doktor. Kadang-kadang doktor ini, minta maaf, Tuan Pengerusi pun doktor, doktor ini bukan pandai sangat. Orang sakit pun tanya, ‘sakit apa?’

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Eh, pandai Yang Berhormat. [Ketawa]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Macam itu Yang Berhormat bagi Sri Gading pun boleh, bukan? 'Saya sakit tekak,' Baru tahu tekak.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sila doktor. [Ketawa]

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedih juga dengar doktor-doktor ini. Cuma saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Jasin, adakah Yang Berhormat cuba menyampaikan bahawa dengan langkah yang dibuat oleh FOMEMA memberikan imbuhan yang sepatutnya bagi kepada doktor makmal dan juru x-ray tidak sepatutnya tidak sampai yang telah ditetapkan menyebabkan doktor-doktor makmal ataupun juru x-ray tadi membuat pemeriksaan secara rambang, secara rawak dan ini juga dapat menaikkan lagi ataupun meningkatkan lagi penyakit-penyakit berjangkit tadi. Adakah itu yang dimaksudkan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, saya maksudkan yang itu kerana FOMEMA ini tidak ada kerja apa. Dia hanya kerja pendaftaran, yang periksa doktor. Sepatutnya daripada bayaran RM200 ataupun RM190, engkau ambiklah 10% sahaja. Tidak ada kerja lain, daftar di komputer sahaja yang lain itu bagi pada doktor, yang lain itu bagi pada *lab*, yang lain itu bagi kepada juru x-ray. Tetapi dia punya cekik leher...

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, doktor seorang lagi. Sudah kena cekik leherkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong. Hendak bagi jalan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi Jasin, ini kali yang pertama saya mencelah, penjelasan. Adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya kita bubarkan FOMEMA dan digantikan dengan sistem yang lebih baik termasuk makmal-makmal itulah. Yang Berhormat Tuan Pengerusi pun tahu apa makmal ini. Tetapi walau bagaimanapun, bolehkah kita hapuskan semua ini dengan digantikan dengan sistem yang baru yang lebih berkesan dan lebih berperikemanusiaan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya bersetuju juga kepada Yang Berhormat bagi Kepong, tetapi tidak setuju habis. [Ketawa] Kalau hari ini kita tubuhkan yang lain, yang dimiliki oleh rakyat Malaysia, kerana pada hari ini untuk makluman Yang Berhormat bagi Kepong, FOMEMA ini sekarang dimiliki oleh syarikat Parkway Singapore. FOMEMA dahulu dimiliki oleh syarikat Anjung Dinamik iaitu syarikat Malaysia 70% *joint venture* dengan Koperasi Doktor-doktor Malaysia. Anjung Dinamik telah di jual kepada Pantai Holding, Pantai Holding pula dijual kepada Parkway Singapore. Akhir-akhirnya sekarang doktor Malaysia pula duduk bawah doktor Singapore? Yang Berhormat bagi Kepong hendak duduk macam itukah?

Jadi kita minta kerajaan kaji dan tarik balik monopoli yang dibagi kepada FOMEMA dan kita wujudkan dua tiga syarikat milik 100% anak Malaysia [Tepuk] untuk kita memeriksa pekerja-pekerja asing yang ada dalam negara kita kerana setakat hari ini yang untung bukan Malaysia lagi untung, Singapore, Amerika. Kalau Yang Berhormat bagi Sri Gading untung, pak, kita biasa minum kopi lepas ini. Jadi kita berharap, kerajaan mengkaji balik, bukan kata mengkaji lagi mengambil tindakan serta-merta menarik monopoli kepada syarikat FOMEMA menjalankan pemeriksaan pekerja-pekerja asing ini ditarik balik dan diberikan balik kepada syarikat....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, gulung Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: ... yang 100% milik doktor-doktor di negara ini. [Tepuk]. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Serdang.

12.24 tgh.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 00201 - Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar dan Butiran 00203 - Perkhidmatan Kesihatan Bandar. Tuan Pengerusi, Klinik Kesihatan yang terletak di Batu 11 Cheras telah terbakar beberapa tahun lamanya. Pihak Kesihatan telah berjanji bahawa akan menyewa kedai secara sementara untuk melanjutkan perkhidmatan kesihatan kepada lapisan masyarakat sekitar kawasannya. Tetapi sehingga kini tidak ada lagi dibuka semula. Malahan tapak klinik Kesihatan yang terbakar itu telah disewakan kepada peniaga untuk menjalankan perniagaan di atas tapak itu. Ini saya terkejut, memang beberapa perbincangan diadakan, pihaknya mengatakan tapak klinik yang terbakar itu tidak sesuai lagi.

Kalau tidak sesuai tetapi bukalah klinik di kedai yang telah dijanjikan. Inilah satu perkara telah menafikan perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada rakyat di sekitar kawasan Batu 11 itu. Bukan itu sahaja, di situ ada lebih 20 taman perumahan termasuklah satu kampung baru di Batu 11 Cheras. Tindakan yang demikian telah dijejaskan imej di mana telah dijadikan isu, dijadikan bahan pertelingkahan di mana dikatakan pihak Kementerian tidak akan mengambil tindakan untuk memberi perkhidmatan sempurna kepada rakyat di kawasan tersebut. Saya terpaksa untuk mengemukakan cadangan. Kalau tapak itu tidak sesuai tidak apa, satu tapak yang telah dikenal pasti di Bandar Tun Hussein Onn dengan tapak *reserve* seluas tiga ekar untuk pusat kesihatan, apa salahnya buat di situ? Pihak yang berkenaan mengatakan akan masuk Rancangan Malaysia kelapan, saya tunggu hujung tahun ini tempoh Rancangan Malaysia Kelapan akan habis.

Jadi saya tidak tahu sama ada pihak kementerian akan dilanjutkan lagi cadangan atau program ini ke Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya telah kemukakan masalah ini kepada Jabatan Kesihatan Daerah dan juga Jabatan Kesihatan negeri Selangor dan dimaklumkan kepada pihak Kementerian. Dengan keadaan yang demikian itu, saya rasa dengan rakan-rakan dari Sabah dan Sarawak di mana keadaan demikian rupanya yang dihadapi di kawasan bandar di Batu 11 Cheras.

Tuan Pengerusi, klinik desa di Bangi Lama telah wujud berapa tahun lamanya, tetapi dengan kemudahan klinik desa itu tidak berubah, bangunan kecil, sempit untuk memberi rawatan kepada kaum ibu dan kanak-kanak di sekitar kawasannya. Dengan adanya taman dan perumahan di buka, maka rawatan kesihatan di kawasan desa di Bangi Lama telah bertambah, tetapi tidak ada ruang untuk menaikkan taraf sehingga kini. Pihak kesihatan supaya untuk memberi peruntukan untuk menaikkan taraf supaya kawasan luar bandar walaupun dekat bandar tetapi masih dianggapkan luar bandar itu dapat menikmati perkhidmatan perubatan yang sempurna.

Demikian juga di kawasan Klinik Desa Sungai Ramal, begitu kecil dan sempit tidak cukup untuk menampung rawatan kaum ibu dan kanak-kanak di sekitar kawasannya. Jadi mintalah menaikkan taraf seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, jangan gaji sahaja, ambil tindakan terusny. Tetapi ada pihak berkenaan yang mengatakan tidak ada peruntukan, tidak mampu dari segi kewangan untuk menaikkan tarafnya klinik desa yang begitu teruk dasarnya tetapi ini bukan alasan. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kementerian yang bertanggungjawab sosial untuk memberi kesempurnaan kepada perkhidmatan perubatan dan kesihatan rakyat. Inilah tanggungjawab sosial oleh kerajaan dan juga tanggungjawab pihak kementerian untuk mengenal pastikan begitu teruk kawasan yang patut diberi peruntukan tambahan untuk menaikkan taraf.

Tuan Pengerusi, maka saya haraplah kawasan Parlimen Serdang itu, walaupun kawasan separuh bandar, separuh luar bandar tetapi juga memerlukan perkhidmatan kesihatan perubatan yang sempurna untuk masyarakat di kawasan kita. atas Butiran 00400 - Hospital Baru. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian yang telah membina sebuah hospital baru yang dipanggil Hospital Serdang yang diletakkan di kawasan UPM Serdang.

Semasa saya wakili rakyat kawasan itu memperjuangkan lebih daripada 10 tahun - dapatlah, lebih canggih dengan kosnya 700 juta Saya difahamkan bahawa pihak JKR telah serahkan secara rasminya kepada pihak kementerian beberapa bulan dahulu. Saya dengan Yang Berhormat Puchong sedang menunggu bilakah perkhidmatan hospital baru ini akan buka operasi kepada penduduk kawasan Serdang dan Puchong. Jangan biarkan hospital yang begitu canggih itu hanya tinggal bangunan yang canggih sahaja tanpa beroperasi. Saya mintalah apa sebabnya lambat untuk beroperasi Hospital Serdang ini dan apa sebabnya lambat? Bilakah akan beroperasi? Walaupun saya telah tanya, tetapi masih belum ada jawapan tepat untuk masyarakat di kawasan Serdang dan Puchong. Dengan demikian saya mintalah penjelasan dan jawapan yang lebih tepat lagi semasa menggulung daripada pihak kementerian, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah Yang Berhormat, oleh sebab ramai yang hendak bercakap saya ingin mengehendak kepada lima minit tiap-tiap seorang, saya beri Pendang.

12.32 tgh.

Dr. Mohd Hayati bin Othman [Pendang]: Berapa minit Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lima minit.

Dr. Mohd Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Pengerusi, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya hendak sentuh Butiran 031900 - Radioterapi. Kita tahu bahawa kanser merupakan pembunuh nombor dua dalam negara sekarang dan isteri Perdana Menteri pun meninggal disebabkan oleh kanser.

Saya ingin bertanya kepada kementerian apakah hasrat kementerian, adakah ingin menjadikan memogram sebagai salah satu daripada bentuk ujian yang *free* seperti mana yang disyorkan oleh banyak pihak NGO, bahawasanya kita patut mengadakan memogram ini sebagai satu pemeriksaan yang percuma kepada wanita yang berusia lebih daripada 40 tahun. Adakah kementerian berhasrat untuk berbuat begitu? Kemudian tentang pusat-pusat rawatan radioterapi. Adakah di sebelah utara, kita tahu hanya Hospital Mount Miriam sahaja mempunyai rawatan radioterapi, itu pun adalah pusat rawatan swasta, apakah kerajaan berhasrat untuk mengadakan sebuah pusat rawatan milik kerajaan di sebelah utara kerana kita ada di sebelah tengah iaitu radioterapi dan Perubatan Nuklear di Hospital Kuala Lumpur dan di sebelah Malaysia Timur, harap dapat kerajaan dapat memberikan jawapan terhadap persoalan ini, kerana kita tidak mahu pembunuh nombor dua ini menjadi mangsa kepada lebih ramai rakyat kita di dalam negara kita.

Keduanya seperti yang disebut oleh Jasin tadi pengambilalihan Pantai Holdings oleh Parkway, kerana ramai di antara doktor swasta yang berlanggan dengan Medi Line iaitu anak syarikat pada Pantai Holdings ini, apakah juga Medi Line ini diambil alih oleh Parkway. Sekiranya ini diambil alih oleh Parkway juga maka amat malang sekali bagi doktor-doktor swasta yang menjadi pelanggan kepada Pantai Medi Line ini kerana banyak daripada syarikat-syarikat swasta yang menjadi pelanggan kepada Medi Line ini. Jadi kalau beginilah yang terjadi, maknanya ramai di antara rakyat kita bergantung harap kepada negara Singapura ataupun dengan kata lain syarikat Parkway ini ekuiti sahamnya dipegang oleh syarikat di Amerika Syarikat.

Kedua tentang pendidikan kesihatan iaitu Butiran 020400, tentang iklan 'Tak Nak!' ini. Saya rasa kita telah menghabiskan banyak wang tentang iklan menyeru kepada rakyat supaya berhenti merokok. Ini tidak memberikan satu hasil yang positif seperti mana yang dikehendaki, kerana kadang-kadang orang yang merokok ini dia kata tinggal isteri boleh, tetapi kalau tinggal rokok memang tidak boleh, memang susah untuk mereka meninggalkan rokok. Apa salahnya kalau kita memulakan pendidikan kesihatan ini daripada peringkat yang paling rendah sekali daripada sekolah rendah, tadika dan juga seterusnya kepada peringkat yang atas. Kalau kita hendak mendidik mereka di atas kesalahan yang apabila mereka telah lakukan memang susah untuk mereka meninggalkan.

Saya tertarik kepada apa yang disebut oleh Setiausaha Kesihatan Amerika Syarikat satu masa dahulu. Dia kata kita patut letakkan di atas kotak rokok itu mengatakan

kamu sedang membunuh diri kamu secara perlahan, “*you are committing slow motion suicide*”. Maknanya membunuh dirinya dengan secara perlahan, letakkan di atas kotak selain daripada merokok membahayakan kesihatan.

Seterusnya kepada Butiran 020300 - Kawalan Penyakit. Kita mendengar Menteri Kesihatan mengatakan bahawa mulai tahun hadapan pekerja asing akan dikenakan bayaran yang tinggi apabila mendapat rawatan dari hospital. Walaupun kita merasakan ini akan meringankan beban kerajaan, tetapi kalau kita fikir sekali lagi ini mungkin akan menyusahkan rakyat negara kita sendiri kerana mereka ini kebanyakannya tinggal di kawasan-kawasan yang penempatan ramai di kongsi-kongsi ataupun di tempat pekerjaan yang mempunyai pekerja yang ramai, dan mereka kemungkinan membawa penyakit-penyakit yang berjangkit. Ini mungkin akan mengenai majikan mereka ataupun anak-anak majikan yang berhampiran dengan mereka bekerja. Jadi saya rasa ini perlu dibuat pengkajian semula ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat ya.

Dr. Mohd Hayati bin Othman: Seterusnya Butiran 00400 – Hospital Baru. Kita tahu awal tahun ini ataupun akhir tahun lepas banyak perkara berlaku yang mengemparkan negara di Hospital Sungai Petani dan saya tahu tiap-tiap minggu melalui hospital baru Sungai Petani, nampak sudah siap dan tidak ada kerja-kerja pembinaan sekarang ini, jadi saya rasa mungkin tidak lama lagi akan dibuka. Jadi saya hendak tahu bilakah Hospital Sungai Petani yang baru ini akan dibuka?

Begitu juga dengan Hospital Alor Setar, kita mendapat gambaran baru-baru ini bahawa ICU di Hospital Alor Setar yang baru itu telah terbakar. Apakah kebakaran ini disebabkan oleh masalah pendawaian ataupun masalah-masalah sabotaj yang lain? Jadi saya ingin mendapat kepastian daripada pihak kementerian kenapakah ini boleh berlaku padahal hospital ini belum pun diduduki dan gambaran yang diberi kepada saya adalah segala kelengkapan sudah ditempah. Kita takut apabila buka lewat nanti kelengkapan yang ditempah itu akan menjadi *out of date*.

Akhir sekali tentang Butiran 030700 - Obstetrik dan Ginekologi, saya hendak tanya kepada kementerian apakah kementerian berhasrat untuk memberi kemudahan kepada hospital-hospital kerajaan untuk mengadakan macam kita sebut *active birthing* iaitu kelahiran secara aktif, tidak menggunakan cara biasa dengan tidur atas katil tetapi memberi kemudahan kepada ibu-ibu melakukan kelahiran secara biasa, secara aktif, sebagaimana yang dilakukan di negara-negara Barat. Saya rasa setakat ini sahajalah, sekian terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bera.

12.38 tgh.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 02300 dan juga 00400, 02300 iaitu Kawalan Penyakit. Seperti yang kita tahu selesema burung telah pun berlaku di Indonesia dan juga Singapura. Kedua-dua negara tersebut merupakan jiran terdekat dan penyeludupan ayam dan burung-burung sentiasa berlaku di negeri-negeri yang bersempadanan dengan negara tersebut di Rantau Panjang misalnya, orang-orang Rantau Panjang membeli ayam daripada Golok.

Begitu juga dengan sempadan di Indonesia, di Tasik Bera menjadi tempat persinggahan burung-burung yang berpindah daripada Siberia. Burung-burung singgah di Bera, jadi kemungkinan-kemungkinan penyakit selesema burung boleh berlaku di negara kita - ada, jadi persoalannya adakah pihak kementerian bersedia jika terjadi wabak selesema burung di negara kita? Adakah pihak kita mempunyai vaksin yang mencukupi? Adakah pihak doktor sama ada di klinik swasta ataupun klinik kerajaan di bandar-bandar selain daripada bandar besar mampu untuk mengendalikan kes-kes yang melibatkan selesema burung ini? Adakah jururawat-jururawat desa misalnya, mampu untuk mengesan

selesema burung jika berlaku penyakit ini di kawasan-kawasan luar bandar, di kawasan pedalaman? Pedalaman Sarawak misalnya, pedalaman Sabah misalnya, pedalaman Semenanjung misalnya, doktor-doktor, jururawat-jururawat ataupun klinik-klinik desa yang hanya mempunyai panadol tadi.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri jalankah, Yang Berhormat Gombak?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Adakah apabila terjadinya wabak ini, berlakunya kepada seseorang adakah jururawat tersebut mampu untuk mengetahui bahawa pesakit yang dijumpai tadi mempunyai selesema burung atau beri panadol sahaja kepada pesakit tersebut - saya ada lima minit sahaja. Adakah di Gombak bersedia?

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin mohon penjelasan daripada sahabat saya Yang Berhormat Bera. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kesedaran penyakit selesema burung ini tidak lagi sampai ke peringkat akar umbi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Ya saya bersetuju, saya bersetuju bukan sahaja di peringkat akar umbi, tetapi majoriti di dalam negara kita masih belum mempunyai kesedaran kerana kita merasakan bahawa penyakit itu belum sampai di negara kita. Sebab itulah persoalan saya adakah dipihak jururawat desa pun sudah bersedia dan mempunyai kesedaran tentang ini, jadi apakah *prevention* ataupun langkah pencegahan yang sedang dilakukan oleh pihak kementerian supaya tidak merebak penyakit ini di negara kita.

Seterusnya ialah mengenai penyakit HIV. Penyakit HIV telah pun menjadi wabak. Sehingga ke hari ini 64 ribu mereka yang mengidap HIV telah pun dikesan di negara kita, itu yang berdaftar, yang tidak berdaftar mungkin separuh daripada itu. Mungkin waktu ini sudah mencecah sehingga 100 ribu dan penyakit HIV bukan sahaja dihidapi oleh lelaki tetapi juga oleh wanita dan kesannya ialah ramai anak-anak yang dilahirkan mempunyai atau membawa HIV/AIDS dan sebagainya. Pihak kementerian telah pun mencadangkan dengan program *harm reduction*, iaitu mengedarkan jarum secara percuma dan kondom secara percuma.

Walau bagaimanapun, seperti yang kita tahu bahawa *harm reduction* ini telah pun mendapat tentangan daripada pelbagai pihak - pihak agama, pihak ulama dan sebagainya, pihak ketua-ketua agama sebenarnya menentang kerana penyebaran kondom percuma dianggap seolah-olah kerajaan tidak menghalang pelacuran (*prostitute*) dan juga seks di luar perkahwinan. Persoalan saya pada pihak kementerian, oleh kerana adanya tentangan daripada pihak-pihak tertentu yang mempunyai sebab yang boleh kita terima dan HIV ini telah pun menjadi satu wabak yang mungkin akan berbahaya dan tentu sahaja akan berbahaya kepada negara kita. Apakah alternatif yang digunakan oleh pihak kementerian untuk menyekat menularnya HIV dengan secara serius di negara kita.

Akhir sekali ialah Butiran 00400 mengenai Hospital Baru. Pihak daerah Bera telah pun memohon untuk diwujudkan satu hospital baru di daerah Bera. Walau bagaimanapun, permohonan kami ditolak oleh pihak kementerian atas alasan bahawa hospital telah pun dibina di Temerloh. Saya ingin jelaskan bahawa jarak di antara Bera dengan Temerloh adalah jauh. Di satu kawasan di sebuah kawasan FELDA yang mempunyai 5,000 penduduk iaitu Gugusan Tembangau untuk sampai ke Hospital Temerloh mengambil masa lebih daripada 2 jam. Jadi walaupun ada Hospital Temerloh adalah tidak munasabah alasannya sudah ada Hospital Temerloh kerana jarak yang terlalu jauh daripada hospital, daripada kawasan di Bera dengan di Temerloh. Dengan itu saya memohon supaya pihak kementerian mengkaji semula, bukan mengkaji semula...

Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukup Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: ...bertindak supaya mewujudkan hospital di Temerloh, terima kasih.

Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Gombak.

12.44 tgh.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang saya untuk memberi pandangan saya tentang beberapa perkara dalam Jawatankuasa ini. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 - Kesihatan Awam dan saya menjurus kepada Butiran 020300 iaitu Kawalan Penyakit.

Seperti mana yang banyak diperkatakan dan seperti mana yang baru diperkatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Bera, saya juga ingin membawa kembali kepada selesema burung ini yang kita tahu bahawa pada masa ini, ini adalah merupakan satu ketakutan dunia yang kita lihat misalnya di Eropah baru-baru ini apabila berlaku kes selesema burung di beberapa buah negara Eropah kita dapati bahawa *European Union* memanggil mesyuarat, membincangkan kerana ini adalah merupakan satu perkara yang serius. Baru-baru ini kita juga mendengar ada pandangan daripada WHO *Consultant* ataupun pakar perunding daripada Badan Kesihatan Dunia bahawa sekiranya berlaku selesema burung di Mekah mungkin haji pada tahun itu harus dibatalkan, harus tidak diadakan oleh kerana mungkin boleh berlaku perebakan.

Dengan kata lain, ini menunjukkan betapa seriusnya pandangan pakar-pakar perubatan dan kesihatan terhadap terjadinya selesema burung ini. Di Malaysia juga banyak diperkatakan tetapi yang hairan pada saya, walaupun sudah banyak diperkatakan di peringkat-peringkat *mass media*, surat khabar dan sebagainya tetapi saya tidak lihat lagi kesedaran ke peringkat akar umbi seperti mana yang dikatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Bera tadi. Misalnya tidak ada poster-poster, tidak ada penerangan-penerangan, tidak ada pendidikan kesihatan disampaikan ke peringkat bawah untuk menerangkan kepada rakyat apakah selesema burung. Saya percaya ramai rakyat di peringkat bawahan masih tertanya-tanya apakah sebenarnya selesema burung? Sehingga mereka membuat berbagai-bagai andaian, gurauan kerana mereka tidak mengetahui apakah sebenarnya.

Saya rasa sudah sampai masa dan ketikanya Kementerian Kesihatan perlu lebih agresif memberi penerangan kepada rakyat, jangan membiarkan rakyat tertanya-tanya dan saya percaya di kalangan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga pegawai-pegawai kerajaan yang ada di sini juga ramai yang tidak mengetahui penyakit ini sebenarnya apakah selesema burung itu. Selain daripada itu, saya juga tidak dapat melihat tindakan kementerian yang begitu jelas tentang menangani selesema burung ini. Pertama, saya lihat *surveillance* penyakit influenza ini iaitu pengawasan penyakit influenza ini tidak berlaku lagi untuk ke seluruh negara. Kita tahu bahawa kekuatan makmal, makmal yang boleh membuat diagnosis penyakit influenza ini hanya terhad beberapa buah makmal sahaja di Malaysia. Yang banyak melakukannya ialah *Institute A Medical Research*, Universiti Malaya dan mungkin ada sedikit-sedikit dilakukan oleh Universiti Sains Malaysia dan juga Makmal Kesihatan Awam di Sungai Buluh.

Di negeri-negeri lain, tidak ada keupayaan makmal untuk melakukan diagnosis selesema burung ini dan saya khuatir kalau kekuatan makmal-makmal ini tidak diperkuatkan, tidak ada latihan-latihan diberi kepada kakitangan-kakitangan kesihatan yang boleh atau mempunyai kepakaran membuat diagnosis ini, bagaimana mungkin kita nanti membuat pengawasan yang baik dan mengetahui kedudukan penyakit selesema burung di negara kita ini.

Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Sila.

Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih Yang Berhormat Gombak. Satu perkara yang amat menakutkan ialah mengenai vaksin, saya bukan doktor tetapi saya telah diberitahu dan saya membaca banyak artikel-artikel dari *internet* dan sebagainya.

Sebagai contoh di Amerika Syarikat telah mengumumkan satu pakej USD71 bilion *last month* untuk menangani selsema ini ataupun penyakit ini jikalau berlakunya satu epidemik. Saya hendak tanya adakah Malaysia ini sudah bersedia untuk mendapatkan vaksin yang secukupnya untuk mengubati ataupun menangani penyakit ini kalau ini betul-betul berlaku di satu hari nanti. Dan saya difahamkan juga di dalam dunia ini hanya satu syarikat sahaja yang boleh memproduce ataupun mengeluarkan vaksin-vaksin yang secukupnya dan itu adalah satu kekhuatiran ataupun satu kebimbangan daripada pihak-pihak yang tertentu termasuklah pihak Amerika. Apakah penjelasan daripada Yang Berhormat Gombak ini?

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Puchong. Jadi kalau kita lihat sebenarnya vaksin sini memang merupakan satu keperluan apabila berlakunya wabak tetapi pada saya kita belum lagi sampai ke tahap vaksin itu kerana dari segi logistiknya kita belum bersedia.

Dari segi misal kata sekiranya berlakunya wabak, bagaimana kita boleh mobilisasi jabatan-jabatan kerajaan di dalam menangani ini. Pada saya ini perkara pokok yang harus ditangani. Soal vaksin memang kalau kita mahu mengikut negara-negara maju mungkin agak sukar kerana mereka mungkin mempunyai *fund* yang lebih besar dan sebagainya, tetapi pada saya soal vaksin ini perkara yang kedua, Yang pentingnya ialah kita harus meningkatkan *immunization coverage* dengan izin iaitu peratus mereka yang diberi imunisasi. Oleh kerana seperti mana yang saya katakan dalam ucapan dasar saya tempoh hari, di dalam dunia ini ada 6 bilion *population*, ada 6 bilion orang dan kapasiti vaksin-vaksin *manufactures* ini hanya 300 juta, boleh mengeluarkan 300 juta dan kesemua vaksin *manufactures* ini terletak di negara Eropah.

Sebenarnya bukan satu, lebih daripada satu sekarang ini ada empat atau lima *multinational organization* yang mengeluarkan vaksin ini. Tetapi kapasitinya hanya 300 juta tentulah keutamaannya akan diberi kepada mereka yang tinggal di negara mana...

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ledang bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: ...vaksin itu dikeluarkan iaitu di Eropah, jadi itu sebab pada pandangan saya, kalau kita tingkatkan *coverage vaccination* di Malaysia tentulah *vaccine manufacturer* ini akan memberi keutamaan kepada negara kita apabila berlakunya selsema burung untuk memberi ataupun untuk *supply* atau menghantar vaksin ini kepada negara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Pengerusi terima kasih, Yang Berhormat Gombak terima kasih. Sedikit sahaja sebab saya ingin penjelasan tentang vaksin tadi, walaupun kata Yang Berhormat Gombak mungkin ada alternatif lain, tetapi saya hendak menjurus kepada satu jenis ubat untuk membunuh virus H1N5, H1N3 ini, nama dia *tamil flu*, tetapi maklumat yang saya dapat daripada rakan di luar ialah ada rekod di Jepun bahawa vaksin *tamil flu* ini telah pun menyebabkan dua kematian. Adakah ini satu penemuan baru ataupun hanya andaian semata-mata? Tolong, terima kasih.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Jadi kalau kita tahu bahawa apabila berlaku contohnya sesuatu wabak selsema burung, vaksin itu tentunya tidak boleh dikeluarkan dalam masa yang secepat mungkin. Dan vaksin itu mengambil masa sekurang-kurangnya dalam masa tiga bulan untuk dikeluarkan. Jadi sebelum vaksin itu dikeluarkan, ubat yang berkesan digunakan ialah anti virus yang dipanggil sebagai "*tami flu*" bukan "*tamil flu*" ya, "*tami flu*", [Ketawa] anti virus ini dipanggil sebagai "*tami flu*", Jadi memang sekarang ini kita lihat bahawa banyak negara seperti negara Jepun, Singapura, Hong Kong dan Taiwan banyak menyimpan virus ini sekiranya berlaku wabak yang mana vaksin belum tersedia. Dan kita tahu bahawa wabak ini akan datang dalam bentuk beberapa gelombang. Gelombang yang pertama mungkin membunuh lima juta orang. Dalam masa gelombang yang pertama itulah boleh digunakan ubat anti virus ini. Dan dalam gelombang kedua, ketiga dan dijangka kalau tidak ditangani dengan baik penyakit selsema burung kali ini dijangka boleh membunuh sehingga 150 juta manusia di dunia.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pontian bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Saya hanya ada lima minit sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tinggal gulung. Ya teruskan Pontian.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat tadi ada menekankan perlunya Kementerian Kesihatan lebih agresif dalam memberikan pendidikan kepada masyarakat umum tentang selesema burung ini. Apa pandangan Yang Berhormat, kalau misal kata kerajaan tidak mengambil kira pandangan Yang Berhormat, apa akan jadi bila tidak ada promosi yang agresif, bila tidak ada kempen maknanya macam Yang Berhormat cakap ini, macam *fall to deaf ears*. Apakah kesan agaknya?

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Pontian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus gulung Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Jadi kita tahu kalau ini tidak diambil endah apabila berlaku wabak akan berlaku keadaan yang begitu huru-hara dan "*very chaotic*", seperti orang kata. Jadi makna setiap orang tidak tahu...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Jerai.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: ...apakah penyakit itu dan sebagainya...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalan yang terbaik hari ini.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Sahabat saya, saya kena bagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya teruskanlah Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalan yang terbaik Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ringkas.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat Gombak ini pakar penyakit. Saya tahu dia seorang pakar penyakit. Jadi Yang Berhormat tiap-tiap penyakit ada ubat dia, cuma penyakit kanser dan sebagainya masih dalam pengajian untuk kita atasi penyakit tersebut. Saya bersetuju Yang Berhormat dan saya faham kementerian pun sedang dok buat kerja iaitu untuk kita menahan supaya wabak ini tidak masuk ke Malaysia. Cuma saya hendak tahu Yang Berhormat sebagai pakar penyakit sebab apa yang dia jadi penyakit selesema burung ini? Dan burung ini dia terbang rata dia terbang daripada satu, dia ada musim dia ada terbang dalam sekawan. *So*, ada kawan dia akan *landed* di mana-mana musim sejuk dia terbang...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat soalnya Yang Berhormat, soalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ... soalan kedua, ubat sakit hati ini macam mana? Macam mana ada ubat tidak? *[Ketawa]*

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalan daripada Arau dia suruh saya tanya.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Yang sebenarnya yang berlaku ialah kita tahu bahawa virus influenza ini adalah sejenis virus yang mudah melakukan mutasi atau mudah melakukan perubahan pada struktur genetik. Apabila berlaku perubahan pada struktur

genetik virus itu, maka keganasannya juga bertukar. Jadi sekarang ini yang terjadi ialah virus yang dinamakan sebagai H5N1 adalah merupakan sejenis virus yang amat ganas kerana dalam rekod-rekod yang lalu seperti di Asia ini 70% orang yang terkena penyakit virus H561 ini akan meninggal dunia. Jadi *very fatal virus*.

Dan yang kedua didapati bahawa virus ini juga menyebabkan telah terbunuhnya lebih daripada 150 juta ayam-ayam yang telah terkena infeksi dengan virus ini. Jadi sebab berlakunya virus yang ganas ini ialah berlakunya mutasi di dalam virus itu perubahan struktur genetik. Dan memang biasa kita tahu, itu sebabnya vaksin influenza ini harus ditukar setiap tahun kerana virus ini bermutasi dan setiap tahun vaksin yang digunakan harus mempunyai *strain* yang berlainan bergantung kepada *strain* yang dijumpai di negara tersebut. Itu sebabnya saya katakan tadi pengawasan penyakit influenza ini amat perlu dan ini tidak kuat lagi di Malaysia ini.

Dan saya juga ingin mengatakan bahawa kita tahu bahawa baru-baru ini di Kelantan H5N1 ini telah ditemui. Dan saya hairan mengapa sehingga kini *chicken farmers* ini ataupun *poultry farmers* ini tidak diberikan suntikan lagi. Kita tahu bahawa manusia boleh terkena influenza, manusia biasa dan burung di Malaysia telah terbukti bahawa H5N1 itu telah ditemui. Kita khuatir bahawa apabila berlaku percampuran virus di antara H5N1 dengan virus manusia yang ada di Malaysia iaitu H3N1 dan H1N1, maka terjadinya virus yang baru.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Ini juga boleh menjadi sumber kepada wabak yang baru. Jadi apa yang ingin saya katakan untuk saya gulung ini ialah saya haraplah Kementerian Kesihatan lebih agresif lagi di dalam memberikan kesedaran kepada rakyat, lebih agresif lagi membuat tindakan dalam menangani selesema burung. Kita tahu bahawa ketakutan ini bukan sahaja dapat dirasakan di Malaysia, tetapi juga di serata dunia.

Baru-baru ini saya pergi ke Indonesia dan saya dapat berbincang dengan Ketua Pengarah Kesihatan di sana dan juga pakar-pakar penyakit di sana, saya dapati di mana-mana saya pergi di Indonesia saya akan menemui poster menerangkan kepada orang ramai betapa mereka harus berwaspada terhadap selesema burung. Apakah selesema burung itu dan berbagai-bagai lagi. Mereka juga mengadakan *pamphlets* kepada orang ramai, tetapi saya tidak lagi nampak kempen yang agresif dijalankan di Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Cik Tan Lian Hoe: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Puchong. Puchong kena habiskan ucapan.

12.58 tgh.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Dua minit mana boleh habis Tuan Pengerusi. [Ketawa] Walau bagaimanapun terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi saya terus kepada Butiran 030500 iaitu Perubatan Am. Di sini saya ada dua perkara hendak bangkitkan, yang satu ialah mengenai pengimportan atau penjualan ubat-ubat haram khasnya berkaitan dengan ubat-ubat yang orang kata untuk lelaki dan perempuan yang boleh mengghairahkan mereka, keinginan seks dan sebagainya sedang berleluasa di kawasan-kawasan tertentu terutama di kawasan-kawasan Lembah Klang, dan ini telah memberikan satu implikasi yang kurang sihat kepada masyarakat di Malaysia ini.

Saya hendak bertanya kepada kementerian, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah ini akan berterusan, di mana saya tidak ingin tengok ada apa-apa berlaku di akhir-akhir ini, kerana kita sudah tahu ada banyak kes tertentu yang telah dilaporkan di media massa, surat khabar dan sebagainya sehingga ada kes-kes kematian. Dan saya hendak tahu apakah langkah-langkah kementerian dan juga tindakan-tindakan segera kementerian untuk mengurangkan ataupun mencegah pengimportan dan juga

penjualan ubat-ubat haram ini terutamanya di kawasan-kawasan yang berleluasa sekarang ini seperti di Lembah Klang.

Yang kedua ialah saya ingin tahu mengenai penguatkuasaan dan juga pelesenan. Orang kata *slimming centre* sekarang yang sebagai cendawan tumbuh selepas hujan khasnya di kawasan-kawasan di bandar dan juga di pinggiran bandar di Lembah Klang. Kerana ini banyak memberikan implikasi kepada kesihatan dan juga implikasi jangka panjang kepada perindustrian di negara kita. Kita juga tengok ada banyak *report* ataupun laporan-laporan yang menyatakan bahawa seseorang untuk menukar rupa dia termasuklah untuk mencantikan rupa ataupun orang kata ada kes yang di mana kehilangan buah dada kerana ingin membesarkan buah dada, kerana menggunakan mesin-mesin yang tidak dilesen ataupun diharamkan. Dan juga apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh kementerian bahawa pengeluaran industri ini menjadi satu agenda yang utama untuk kementerian ini. Kerana seperti yang saya kata tadi banyak kes sudah berlaku, dan juga apakah kementerian tidak akan menggubal satu akta tertentu untuk mengawal industri orang kata, kecantikan atau industri *slimming body*, ini yang telah berlaku dan sedang giat berlaku di kawasan-kawasan bandar.

Persoalan sekarang ialah penguatkuasaan dan juga pendidikan. Apakah kementerian rela untuk memberikan pendidikan dan penguatkuasaan yang baik dan juga penguatkuasaan yang penting terhadap pengusaha-pengusaha ini. Bagaimana pengusaha-pengusaha akan dilesenkan? Adakah ini hanya tertakluk kepada lesen daripada PBT? Adakah Kementerian Kesihatan mempunyai unit-unit tertentu untuk memberi kawalan terhadap kualiti dan juga profesionalisme pengusaha-pengusaha ini? Ini penting kerana ia melibatkan jiwa dan juga orang kata jiwa rakyat ini. Kita tidak hendak nanti negara ini menjadi sebagai satu negara yang di mana mempunyai banyak kelemahan daripada segi pengusahaan kecantikan di negara ini, kerana kalau dilihat beberapa cadangan-cadangan yang lalu, bahawa Malaysia ini mempunyai potensi yang besar atau orang kata, "Pelancongan perubatan" daripada negara-negara yang berdekatan.

Dan perkara yang ketiga saya ingat hendak bincang mengenai Butiran 020200 iaitu Pembangunan Kesihatan Keluarga. Di sini ada banyak pusat klinik seperti di Batu 14 Puchong dan saya telah menerima banyak *complain* dan aduan bahawa kerana penambahan penduduk di kawasan Puchong, maka klinik ini mengalami banyak tekanan daripada segi kekurangan staf dan juga alat-alat tertentu. Saya ingin menggesa kementerian untuk mengambil satu tindakan yang cepat untuk memulihkan keadaan yang seperti biasa. Dan pada masa yang sama kerana penambahan penduduk di kawasan saya, maka saya juga bercadang kepada kementerian bahawa berikan perhatian kepada penubuhan lebih banyak lagi klinik dan sebagainya di kawasan di Puchong terutama di kampung-kampung tertentu iaitu kampung tradisi dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng: Dan....okey. Yang akhir sekali mengenai hospital baru. Apa yang telah saya dan juga Yang Berhormat Serdang kata tadi, iaitu memang betul saya hendak tahu bilakah Hospital Serdang yang terletak di kawasan saya walaupun nama dia Serdang, tetapi di kawasan saya, bila akan beroperasi. Kerana baru-baru ini saya telah membuat satu perbincangan dengan pegawai-pegawai tertentu dari hospital tersebut, mereka berkata semuanya telah bersedia kecuali untuk menunggu *installation of the software* dalam hospital itu. Saya akan mencadangkan kepada kementerian bahawa walaupun kita sedang menunggu *installation* yang tertentu, tetapi bukalah kepada orang awam apakah perkhidmatan yang *basic*, yang asas, sepatutnya telah dibuka kepada orang awam untuk dilawati dan sebagainya supaya perkhidmatan dapat berterusan sehinggalah *installation-installation*, perisian ataupun *software-software* tertentu di hospital dapat diperjelaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng: Itu sahaja Tuan Pengerusi terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh berucap sebelah petang. Dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.05 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak ada hendak berucap lagiakah?

Dato' Razali bin Ismail: Ada sini Kuala Terengganu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Bukit Gantang.

2.33 ptg.

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 020400 - Pendidikan Kesihatan. Tuan Pengerusi, pendidikan kesihatan ini penting untuk masyarakat negara kita untuk memberi kesedaran kepada mereka agar lebih berjaga-jaga kesihatan terutamanya menjaga cara pemakanan yang sihat dan kesedaran pengawalan dan pencegahan penyakit seperti kencing manis atau diabetes, sakit jantung terutamanya kepada masyarakat di luar bandar. Setakat ini pendidikan kesihatan lebih banyak dilakukan oleh hospital-hospital swasta tetapi amat kurang dilakukan oleh hospital-hospital kerajaan terutamanya di luar bandar di kampung-kampung yang terpencil. Apakah tindakan kementerian dalam menjalankan pendidikan kesihatan ini melalui seperti ceramah kesihatan kepada masyarakat luar bandar ini dalam keadaan kekurangan kekurangan doktor-doktor pakar.

Tuan Pengerusi, saya masuk Butiran 030400 iaitu Rawatan Pesakit Dalam. Saya bangkitkan butiran ini kerana saya mendapat beberapa aduan daripada saudara mara pesakit kerana anak atau saudara mereka yang sakit ini diminta untuk pulang ke rumah sebelum mereka ini betul-betul sembuh dengan sepenuhnya. Mereka di suruh balik ke rumah kerana kekurangan katil yang berlaku di Hospital Taiping. Adakah pihak kementerian akan membina hospital terutamanya di kawasan Parlimen yang berhampiran seperti Parlimen Bukit Gantang ataupun kawasan Parlimen Padang Rengas untuk mengelakkan kekurangan tempat di hospital Taiping ini.

Saya juga ingin menyentuh pada Butiran 030700 iaitu Obstetrik dan Ginekologi. Saya lebih ingin menekan dan fokuskan kepada *mother mortality rate*, dengan izin, iaitu kematian ibu selepas melahirkan anak masih berlaku di negara kita, sedangkan kalau kita melihat balik kita mempunyai banyak peralatan yang canggih dan ibu yang hamil akan sepanjang masa mendapat pemeriksaan sehingga pada hari melahirkan. Di sini saya ingin bertanya kepada kementerian adakah kementerian membuat kajian ke atas *mother mortality rate* ini dan apakah faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya *mother mortality* dan apakah tindakan kerajaan dalam mengatasi kematian ibu selepas kelahiran bayi ini. Dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Gajah.

2.36 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020500 – Kawalan Mutu Makanan. Saya percaya pihak kementerian pernah menerima aduan daripada penduduk di Yong Peng dan Batu Pahat berkenaan dengan kualiti air. Mereka risau dan mempersoalkan bekalan air yang disalurkan kepada

mereka sama ada ia selamat atau tidak untuk diminum. Saya telah diminta untuk bertanya kepada kementerian di mana baru-baru ini menurut satu laporan pihak kementerian ada membuat kajian ke atas air yang disalurkan kepada penduduk-penduduk di Yong Peng dan Batu Pahat dan penduduk-penduduk ini meminta pihak kementerian memaklumkan mereka hasil kajian tersebut. Apakah kandungan aluminium, besi, ammonia, merkuri dan juga PH air sungai tersebut dan juga air minuman yang disalurkan kepada penduduk-penduduk di situ. Mereka juga ingin tahu apakah kualiti air yang dibekalkan kepada mereka sejajar dengan yang ditetapkan oleh *World Health Organization (WHO)* dan yang paling penting mereka hendak tahu selamat atau tidak diminum.

Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan berkenaan kempen derma darah. Tuan Pengerusi, pihak kami juga prihatin apabila kami tahu bahawa tabung darah, bank darah negara ini kurang, dan pihak DAP ingin bekerjasama untuk menyelamatkan nyawa orang ramai, tetapi kesalnya apabila permohonan disampaikan untuk mengadakan kempen derma darah permohonan kita telah ditolak dan mensyaratkan bahawa kempen derma darah tersebut tidak boleh diadakan di premis DAP. Apakah masalah dengan pihak kementerian? Apakah ini dasar kementerian atau masalah di peringkat pelaksanaan? Apakah masalah dengan darah orang ramai kalau mereka menderma di premis DAP? Ini bukan kali pertama tetapi di Melaka telah ditolak dan baru-baru ini DAP Muar, Johor menganjurkan juga ditolak. Hendak adakan kempen boleh tetapi tidak boleh di premis DAP dan tidak boleh ada logo DAP. Cukuplah diskriminasi ini. Selalu minta kami bekerjasama, kami bekerjasama tetapi adakan sekatan ini, mana adil. Kalau ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau buat di balai raya?

Cik Fong Po Kuan: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kita buat dekat Balai Raya bolehkah?

Cik Fong Po Kuan: Sebab DAP ada premis, kita boleh jimat kos. Kalau pihak kolej boleh mengadakan di kolej, hotel boleh mengadakan di hotel, lepas tu *Resident Association* boleh adakan di dewan Serbaguna, Puteri UMNO boleh adakan di PWTC semasa Perhimpunan Agong UMNO, dan boleh diadakan di Stesen Monorel di Jalan Hang Tuah tetapi mengapa kita tidak boleh adakan di premis DAP?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, boleh gulung Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Jadi saya berharaplah pihak kementerian hentikanlah diskriminasi ini dan perkara yang terakhir ialah berkenaan barah payu dara. Baru-baru ini ada laporan bahawa daripada 40,000 kanser, 32,000 adalah barah payu dara (*breast cancer*). Dan dari Kubang Kerian mengatakan *one out of twenty* adalah penghidap barah payu dara. Kami ingin tahu apakah rancangan selain daripada satu seruan oleh Yang Amat Berhormat untuk mengadakan R&D dipertingkatkan, apakah rancangan yang lebih menyeluruh untuk memastikan bahawa rawatan boleh diberi pada peringkat yang awal, kesedaran yang awal kepada wanita dan pihak kami sudi bersama-sama untuk memberi kesedaran kepada orang ramai ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: ... dan apakah pakej yang sedia ada untuk kami bersama-sama untuk menyebarkan kesedaran ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau.

2.41 ptg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Perkara yang pertama yang hendak saya sentuh ialah di bawah Butiran 00400 - Hospital Baru. Hospital Sultan Ismail di Johor Bahru kawasan Tebrau kini telah siap dibina lebih daripada 2 tahun.

Beratus-ratus juta ringgit telah dibelanjakan untuk hospital itu dan kebelakangan ini RM14 juta telah dibelanjakan untuk membersihkan *fungus* di hospital itu dan saya difahamkan kerja pembersihan itu sudah selesai tetapi hingga sekarang belum lagi nampak hospital itu beroperasi. Jadi saya hendak tanya Kementerian Kesihatan bila hospital yang baru itu yang dinamakan *paperless hospital* itu akan beroperasi? Rakyat tempatan sudah lama menunggu.

Yang kedua di bawah Butiran 020300 - Kawalan Penyakit dan 020400 - Pendidikan Kesihatan. Saya cadangkan kepada kementerian Kesihatan perlu mengadakan program pendidikan sepanjang masa untuk mendidik rakyat tentang penyakit wabak misalnya HIV/AIDS demam denggi, *avian flu*, *foot and mouth disease*, dengan izin, dan juga penyakit yang sedang meningkat bilangan kesnya misalnya *hypertension* dan kencing manis supaya rakyat tahu tentang penyakit-penyakit ini dan cara-cara menghadapinya terutama sekali bila berlaku wabak tertentu. Rakyat tidak merasa ragu-ragu dan panik apabila membaca berita tentang kematian burung merpati besar-besaran di sesuatu tempat. Dan keraguan ini boleh mengganggu aktiviti ekonomi misalnya menjejaskan penjualan ayam. Tentang kawalan perubatan tradisional, kita melihat *Chinese physician*, *beauty saloon*, pusat menyuburkan rambut atau menanam rambut di setiap bandar dan kita tidak tahu orang-orang yang mempraktikkan perubatan itu adakah mereka dilatih dengan secukupnya ataupun latihan mereka direstui oleh Kementerian Kesihatan. Jadi perlulah kementerian mengadakan satu mekanisme untuk memantau dan memastikan orang ramai tidak tertipu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jasmin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Penjelasan. Yang Berhormat sahabat saya Tebrau. Kadang-kadang Kementerian Kesihatan ada aduan dari orang ramai ada penipuan berkenaan dengan ubat-ubatan. Contohnya baru-baru ini di Melaka ada satu kumpulan yang sewa bangunan di tingkat atas. Dia menjadikan mangsanya orang-orang tua. Orang-orang tua yang berumur 60 tahun ke atas dia bagi air, ubat kuat mungkin steroid. Dan apabila orang itu telah ketagih sudah sihat dia caj satu botol sampai RM4,000, RM3,000 dan yang saya dukacita tu pagi-pagi orang-orang tua ini sudah datang di kedai itu. Saya sudah kompelin...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya sudah kompelin kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dia ada unsur-unsur penipuan dan dia minta Kementerian Kesihatan suruh siasat. Saya pun telefon ke Kementerian Kesihatan tetapi sampai hari ini tidak ada tindakan diambil. Jadi Yang Berhormat bersetuju tak dengan saya bahawa Kementerian Kesihatan ini kena proaktif masalah-masalah ini supaya masyarakat kita jangan selalu tertipu oleh ubat-ubatan tiruan dan ubat-ubatan yang menipu orang ramai ini. Apa kata Yang Berhormat?

Tuan Teng Boon Soon: Ya, saya setuju. Pemantauan yang lebih rapi dan secara lebih proaktif perlu diadakan. Kita tidak payah menunggu sampai ada orang mengadu supaya rakyat kita tidak tertipu oleh orang-orang ini.

Akhir sekali saya hendak menyentuh Butiran di bawah 010200 – Sumber Manusia, 010400 – Perancangan Tenaga Manusia dan Perkembangan Kompetensi. Saya hendak tanya, adakah peraturan khidmat wajib di mana doktor dan ahli-ahli farmasi dikehendaki berkhidmat di hospital kerajaan untuk masa tertentu. Adakah peraturan ini telah berjalan dengan baik ataupun adakah kerajaan telah mengadakan kajian atau pemantauan yang rapi bagi memastikan adakah peraturan khidmat wajib ini telah menghalang rakyat Malaysia pulang berkhidmat setelah tamat latihan kursus perubatan di seberang laut.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Teng Boon Soon: Mereka ini, adakah sesuatu kajian telah dibuat? Jadi saya hendak tahu, adakah peraturan khidmat wajib itu berkesan dan boleh diteruskan ataupun ianya sebenarnya telah menghalang rakyat Malaysia pulang ke tanah air untuk berkhidmat kepada negara. Itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Terengganu.

2.47 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tarikh perhatian berhubung dengan 010200 iaitu tentang Sumber Manusia, tentang aktiviti menyediakan tenaga manusia yang berkecukupan dengan secukupnya dan juga kakitangan hospital yang berkesan.

Dalam konteks ini, saya ingin menarik perhatian tentang *brain drain vs brain gain* yang sedang menimbulkan kegusaran di kalangan pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan apabila pelajar-pelajar kita daripada University of Ireland yang membuat pengkhususan dari segi perubatan enggan balik dan ini membawa satu kesan kepada *brain drain*, tetapi apakah bentuk polisi yang perlu ada pada kita untuk memastikan kita dapat menarik balik mereka untuk berkhidmat di sini.

Kalau ditinjau dari segi perkhidmatannya, barangkali ini menimbulkan kesan-kesan yang menolak, *the push factor, not the pull factor*. Dalam konteks ini harus difikirkan, dari segi kerelevanan PTK atau pun Penilaian Tahap Kecekapan ini. Apakah dengan lulus baik dalam Penilaian Tahap Kecekapan ini, kecekapan itu benar-benar memberi dan menjanjikan peningkatan profesionalisme kepada guru-guru, maaf kepada doktor-doktor ini. Ini satu perkara yang harus diambil fikir dan satu perkara lagi adalah dari segi tawaran-tawaran perkhidmatan, dari segi imbuhan, dari segi pendapatan, malah pernah dikatakan "*if you give nuts, you get monkeys*", kalau sekiranya diberi kacang yang kita perolehi adalah monyet-monyet sahaja. Maka dalam konteks ini saya kira dari segi pembangunan sumber manusia di kalangan pegawai-pegawai perubatan kita harus difikirkan dengan sungguh-sungguh.

Selain daripada itu adalah ketidakselesaan pegawai-pegawai perubatan iaitu di kalangan doktor-doktor sendiri, apabila ada ura-ura bahawa pengarah hospital atau pengarah kesihatan negeri akan diambil alih tempat mereka itu di kalangan pegawai paramedik dan juga kadang-kadang pegawai-pegawai yang bukan profesional yang akan mengambil tempat-tempat mereka itu. Ini menimbulkan rasa tidak puas hati dalam konteks *human recourse development* di kalangan pegawai-pegawai kesihatan.

Dan satu lagi ialah dari segi kekurangan tenaga jururawat, maka...

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: [Bangun]

Tuan Penerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Ini minta penjelasanlah, kalau Yang Berhormat tidak jawab pun, masukkan dalam ucapan. Pegawai-pegawai kontrak, adakah dikenakan peperiksaan PTK ini atau pun Penilaian Tahap Kecekapan, itu yang pertama, kerana mereka saya tengok, satulah yang dicadangkan ke kawasan saya, di hospital kawasan saya, dia dapat gred 52 terus. Kita tidak tahu lagi kelulusan dia macam mana, tetapi terus diberi gred 52, pakar. Sekian, terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Daripada soalan saya ataupun ayat-ayat saya yang perlu disambung dan dijawab oleh menteri,. Terima kasih.

Satu perkara yang nak saya tarik perhatian, ialah akibat dari terbakarnya sebahagian daripada Hospital Kuala Terengganu. Dulu saya pernah menulis surat kepada Kementerian Kesihatan ini untuk memastikan diganti balik peralatan-peralatan yang telah terbakar. Tetapi dari maklumat-terkini yang saya perolehi daripada Hospital Kuala Terengganu, peralatan-peralatan yang diperlukan di hospital yang sebahagiannya telah terbakar itu masih belum diganti. Kita harap dapat tindakan yang segera.

Selain daripada itu, akhir sekali, iaitu keperluan tenaga-tenaga yang diperlukan dalam perkembangan dunia perubatan semasa, yakni contohnya dalam bidang *biomedical*

engineering. Saya kira Kementerian Kesihatan harus membuat satu unjuran tentang keperluan tenaga serupa ini yang sekarang ini bukan saja diperlukan di negara kita, malah di seluruh dunia. *The biomedical engineering...*

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Temerloh.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Yang Berhormat, saya ringkas sahaja, Yang Berhormat. Sepanjang peringatan saya, kita sudah bercakap, kurang jururawat ini dah 35 tahun, Yang Berhormat, tidak pernah cukup jururawat. Kita ambil daripada Filipina, kita ambil daripada India. Apa yang susah sangat hendak *produce* jururawat ini? Kita cukup banyak wanita, pelajar-pelajar yang lepas daripada SPM, sekolah dan sebagainya yang menganggur, mengapa tidak kita swastakan, benarkan syarikat-syarikat swasta dia hendak buat *training centre*, dengan izin, hendak latih jururawat. Mengapa kita tidak boleh hendak atasi masalah ini, cukup mudah, bukan susah, tetapi kita masih bergantung kepada jururawat daripada luar. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Dato' Razali bin Ismail: Saya setuju benar, malah minggu lepas saya melawat salah sebuah kolej yang membuat latihan kejururawatan ini iaitu di Kota Bharu, di Bachok.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Dato' Razali bin Ismail: Sekian, terima kasih. [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sabak Bernam.

2.52 ptg.

Datuk Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sabak Bernam ingin menyentuh mengenai 020200 – Pengurusan Hospital dan 010400. Jadi sebenarnya institusi kerajaan yang paling boleh mesra dengan rakyat ialah institusi hospital. Tetapi seperti teman-teman yang lain, sedihnya ialah kita banyak mendengar cerita buruk ataupun cerita yang menyayat hati apabila orang balik daripada hospital. Oleh kerana itu, Sabak Bernam ingin mencadangkan supaya kementerian mempunyai satu agenda khas supaya kakitangan hospital termasuklah doktor dan pegawainya supaya ada satu orientasi khusus supaya mereka ini dapat mesra rakyat ataupun mesra pelanggan, itu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua ialah Sabak Bernam ingin menyentuh mengenai 04100 dan 040300. Kita difahamkan bahawa semakin ramai murid sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah memakai cermin mata. Apakah agenda kementerian ini untuk membuat kajian mengenai apakah punca dan apakah agenda yang harus dilaksanakan supaya anak-anak kita, penglihatan mereka ini supaya di peringkat umur yang rendah dapat diberi perhatian dan diambil tindakan.

Berkaitan dengan ini, Sabak Bernam ingin bertanya tentang keberkesanan Kempen "Tak Nak" yang Sabak Bernam menganggap bahawa memang tidak berkesan kerana kalau diambil daripada Sabak Bernam, saya lihat anak-anak muda kita, selepas sahaja keluar dari alam persekolahan, boleh dikatakan kesemuanya terlibat dalam merokok. Jadi, ini bermakna salah satu daripada iklan yang kita difahamkan menelan belanja yang agak besar yang tidak berjaya. Jadi saya nampak ataupun Sabak Bernam nampak bahawa kemungkinan besar bukan setakat iklan itu harus diubah dari segi visual dan kata-katanya, tetapi pendekatan baru yang lebih khusus harus diberikan.

Dan yang akhir sekali, Sabak Bernam ingin menyebut mengenai Butiran 032700 iaitu Psikiatri dan Pesakit Mental. Di Sabak Bernam ada institusi swasta atas nama Darul Islah yang cuba membantu atau mengumpulkan pesakit-pesakit mental, gila ini. Jadi, baru-baru ini pihak polis telah mengambil tindakan apabila 7 daripada 8 orang yang dirantai dengan besi telah membuat aduan kepada polis, mereka di institusi itu telah dirantai. Tetapi sebenarnya, kalau mengikut perubatan di situ, mereka akan dirantai dalam satu hingga dua minggu sahaja sebagai satu bentuk perubatan dan kita dapati bahawa institusi

ini sebenarnya berjaya. Oleh kerana itu Sabak Bernam ingin bertanya, apakah tindakan atau langkah kementerian ini untuk membantu institusi ini yang sebenarnya membantu pihak kerajaan terhadap perkara ini.

Dan yang terakhir sekali ialah Sabak Bernam ingin bertanya tentang permohonan Hospital Sabak Bernam untuk menyediakan seorang *chemist* untuk membantu dalam mengesan dengan segera penagih dadah sama ada mereka itu positif ataupun negatif. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Santubong.

2.55 ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, sekurang-kurangnya janji saya Tuan Pengerusi, 7 kali itu maksimum.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat 7 kali, tetapi saya fikir ada orang lebih daripada 7 kali. [Ketawa]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sudah 16 tahun berdiri 7 kali, itu lama itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih. Pendek sahaja, soalan saya soalan orang tua. Kerajaan Malaysia adalah sebuah negara yang dikatakan mempunyai satu kecemerlangan yang boleh dibandingkan dengan negara maju macam England, Jepun, Amerika dan Kanada, pembiayaan masyarakat muda iaitu anak-anak daripada hari lahir hingga ke dewasa. Tetapi pembiayaan kepada orang tua masih boleh dipertikaikan.

Persoalannya, apakah program kementerian untuk menjaga kesihatan orang-orang tua kerana orang-orang tua daripada umur 55 tahun selepas berpencen hingga selepas itu, penjagaannya amat berkurangan sikit. Jadi, saya hendak bertanya, kerana kalau kita lihat di Amerika yang menjadi satu masalah yang besar sudah dipandang sekarang, soalan orang tua ini. Mengikut laporan *Census* yang akhir ini, *life expectancy* orang Amerika itu akan melonjak. Sekarang sudah mempunyai 71,000 orang di Amerika menjangkau umur 100 tahun.

Lepas itu pada tahun 2010, kata dia, akan melonjak ke 1,440 orang dan tahun 2020, kata dia, hampir 1.4 juta rakyat Amerika menjangkau kesihatan sedemikian. Jadi, masalah penjagaan orang yang tua ni, macam mana hendak jaga. Jadi, keadaan di Malaysia, kesihatan di Malaysia akan menunjuk keadaan yang sama mungkin akan berlaku dan apakah program secara awal supaya orang tua ni dijaga, itu yang pertama.

Yang kedua, soalan ikan, Tuan Pengerusi. Jadi, banyak kita mengetahui ikan ini adalah satu zat yang baik untuk dimakan, semua orang tahu, baik daripada daging, bagus daripada benda-benda lain. Ia adalah satu sumber protein yang tertinggi sekali. Tetapi adakah kerajaan mengetahui bahawa ikan ini banyak menyimpan merkuri dalam badannya, bahkan mengikut kajian yang dibuat oleh pihak di negara lain mengatakan merkuri yang jatuh ke alam kita ini sudah meningkat daripada abad-abad yang lepas ke 500%.

Jadi maknanya merkuri ini akan masuk ke laut dan dimakan oleh *plankton*, *plankton* dimakan oleh ikan kecil, ikan kecil dimakan oleh ikan besar dan ikan besar itu pula menjadi makanan manusia. Jadi, banyaklah ikan pemangsa khususnya, menjadi satu sumber yang berbahaya kepada masyarakat manusia. Jadi dalam keadaan sedemikian, saya hendak bertanya pihak kementerian adakah kajian yang khusus dibuat untuk mencari ikan-ikan yang mana yang boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan manusia. Jadi, saya hendak jawapan yang khusus daripada pihak kementerian.

Yang ketiga, perkara yang dibangkit baru-baru ini di Kuching diadakan satu seminar untuk orang gemuk. Jadi, masyarakat Malaysia, kalau laporan yang saya baca

setahun lepas, betul, masyarakat Malaysialah masyarakat yang tergemuk sekali di seluruh Asia kerana kita mempunyai kemampuan, kita mempunyai kemajuan dan kita mengecap kekayaan dan cara hidup kita sudah meningkat. Jadi kita boleh makan apa sahaja yang kita mahu, kita tidak ada batasan lagi. Jadi soalnya, gemuk ini menjadi satu *international issue* di mana-mana sahaja termasuklah di United Nation. Persoalan saya, apakah tindakan, pendedahan kerajaan dan tindakan kerajaan supaya kesihatan rakyat Malaysia ini supaya orang jangan menjadi begitu gemuk sebagaimana menjadi *warring trend* di Amerika,

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, saya berharaplah laporan ini buat secara betul. Saya pun tidak mahu ganggu, saya pun tahu. Kalau Tuan Pengerusi cakap suruh duduk, insya-Allah saya akan duduk. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih. Yang Berhormat Petra Jaya, saya kira-kira, Yang Berhormat telah lebih 10 kali bangun.

3.00 ptg.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Betul, Tuan Pengerusi! Terima kasih banyak, Tuan Pengerusi. Saya tidak kisah 10 kali pun sebab baru dua tahun. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya memang tahu.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Ringkas sahaja Tuan Pengerusi. 00200 berkaitan dengan Kesihatan Awam. Saya baru awal sesi tahun ini dimaklumkan bahawa Klinik Kesihatan Petra Jaya telah diluluskan dan saya juga telah dimaklumkan bahawa sekarang ini berkaitan dengan tanah juga telah diselesaikan cuma menunggu proses tender. Saya dimaklumkan sepatutnya projek ini berjalan dalam bulan 8 atau bulan 10. Malangnya tiada sebarang pergerakan lagi berkaitan dengan projek ini dijalankan.

Sebagaimana yang kita tahu Petra Jaya kalau kita lihat dari segi daerah pentadbiran merangkumi kawasan Parlimen Petra Jaya dan juga Santubong, di mana rakyatnya lebih kurang 250,000 orang, kita tidak ada klinik kesihatan tertentu. Cuma kita ada klinik untuk ibu dan anak. Jadi, ianya amat kritikal. Bagi saya amat kritikal sebab keadaan peningkatan penduduk dan juga kesesakan bandar raya menimbulkan kerumitan pada rakyat Petra Jaya untuk pergi ke hospital besar, di mana kesesakan juga berlaku di sana untuk memberi khidmat kepada kawasan Serian, Samarahan dan sebagainya.

Jadi, saya ingin tahu daripada kementerian apakah status projek ini dan bilakah agaknya projek ini boleh dimulakan dan bila agaknya ianya akan boleh disiapkan. Keduanya, kalau ia dijalankan pada tahun hadapan, adakah peruntukan yang telah diluluskan dalam 2005 akan memakan belanja bagi 2006. Jadi itu sahaja, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: ...terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sekijang.

3.02 ptg.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi bagi peluang kepada saya. Saya pun hendak bercakap pendek sahaja Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Kepala 040200 - Farmasi. Saya ingin tahu sejauh mana agaknya kawalan harga ubat-ubatan di farmasi di negara kita ini dikawal oleh kementerian ataupun mendapat kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, di mana kita melihat bahawa harga ubat-ubat ini meningkat ataupun melambung dengan begitu tinggi sekali.

Saya mengambil contoh sebagai satu jenama *clarins*, misalnya pada awal tahun dahulu harganya sekitar RM6.50 hingga RM7.00 bagi 10 biji. Tetapi bila akhir tahun ini kita mendapati harganya sudah menjangkau kepada RM14.00 iaitu kenaikan yang hampir

ataupun tepat kepada 100%. Jadi, sekiranya ianya tidak dikawal saya rasa peningkatan ini akan berterusan dan mereka yang berpendapatan rendah mungkin tidak berkemampuan untuk membeli ubat-ubatan di dalam negara kita ini.

Jadi, saya mintalah pihak kementerian mungkin boleh bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya harga ubat-ubat ini dapat dikawal ataupun diperhatikan tentang kenaikannya.

Perkara yang kedua yang ingin saya sentuh, Tuan Pengerusi, ialah tentang 010200 - Sumber Manusia. Sebagaimana yang kita tahu bahawa negara kita memang menghadapi kekurangan doktor yang mana kekurangan ini ditampung dengan doktor-doktor daripada luar ataupun doktor-doktor asing ini.

Tetapi saya melihat bahawa doktor-doktor asing ini tidak faham, kadang-kadang tidak sensitif dengan keadaan sosiobudaya kita, budaya tempatan ini. Di mana saya melihat kadang-kadang berlaku sesuatu penyakit itu ataupun berlaku sesuatu kemalangan itu, dia memandang perkara itu tidak begitu serius. Mungkin di tempat asalnya perkara ini perkara biasa bagi mereka. Tetapi bagi negara kita, rakyat kita sentiasa bersungut, terutamanya yang berlaku di tempat saya iaitu Hospital Daerah Segamat, yang mana rakyat di kawasan itu selalu bersungut tentang perkara-perkara ini kerana bila ditanya kepada mereka, dia kata ini perkara biasa.

Jadi, bila sudah menjadi perkara biasa, tidak ada *urgent* lagi ataupun tidak ada kecemasan lagi, maka kadang-kadang pesakit itu terbiar dengan begitu sahaja dan akhirnya mendapat kompelin ataupun bantahan daripada penduduk-penduduk sekitar. Saya haraplah kepada doktor-doktor yang dibawa dari luar ini diberikan, kalau tidak pun kursus-kursus yang berbentuk induksi-induksi dan sebagainya tetapi pengenalan kepada sensitiviti masyarakat kita di Malaysia ini supaya mereka dapat memahami, supaya mereka dapat bekerja dengan lebih berkesan lagi dan sebagaimana yang diharapkan oleh semua rakyat di dalam negara kita. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanjong.

3.05 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 010000 - Pengurusan. Saya ingin tahu apakah kedudukan terkini berhubung dengan Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan. Memandangkan bahawa mengikut kajian 58% keluarga Malaysia di dapati memperoleh pendapatan kurang dari RM2,000 sebulan dan akan menghadapi kesulitan untuk membayar premium jika skim ini dilaksanakan.

Mengikut kenyataan Yang Berhormat Menteri, 1,000,000 kakitangan perkhidmatan awam, 200,000 orang kurang upaya, 435,000 orang pencen dan 250,000 golongan miskin tegar dikecualikan. Tetapi angka-angka ini juga bermakna hampir dari 6 juta lebih pekerja-pekerja dari golongan pendapatan sederhana akan perlu memikul tanggungan ini.

Saya juga ingin menanya mengenai dasar penswastan dalam beberapa komponen dalam sistem kesihatan negara iaitu sejauh mana kementerian mendapati dasar penswastan yang dilaksanakan telah berhasil, khususnya dalam perkhidmatan khidmat farmasi yang menyebabkan peruntukan dalam bidang ini dinaikkan dengan mendadak. Dan, apakah kementerian mengkaji semula tindakan-tindakan penswastan yang menyebabkan harga ubat-ubatan yang terlampau tinggi yang dibekalkan kepada Kementerian Kesihatan oleh syarikat-syarikat yang diberikan kontrak ini? Misalnya, selepas penswastan khidmat sokongan pada tahun 1996, perbelanjaan kerajaan telah meningkat dari RM140 juta kepada RM450 juta.

Jadi, saya ingin tahu sama ada kementerian akan kaji semula dasar penswastan di dalam kementerian, di mana pagi tadi kita mendengar bahawa perkhidmatan di kawasan-kawasan desa tidak mencukupi kelengkapan dan sebagainya dan kurang peruntukan. Tetapi dalam dasar penswastan, kita menambah peruntukan yang perlu dipikul oleh kementerian sudah naik ekoran dasar penswastan.

Saya juga ingin membangkitkan perkara akreditasi *laboratory* swasta. Jadi, saya ingin tahu berapa banyak *laboratory* swasta ataupun kerajaan telah diberi pengiktirafan oleh SIRIM. Dan, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan semua *laboratory* swasta mahupun kerajaan dapat memenuhi standard yang ditetapkan oleh SIRIM supaya dapat memastikan mereka perkhidmatan yang diberikan adalah mematuhi kualiti *assurance*.

Saya juga ingin Kementerian menjelaskan, apakah tindakan yang sudah diambil oleh Kementerian berhubung dengan satu kenyataan di mana didapati doktor, jururawat dan pekerja-pekerja perubatan di dalam hospital kerajaan didapati dijangkiti oleh Tibi pada tahun lepas dan bukan sahaja dijangkiti oleh Tibi tetapi kemungkinan dijangkiti oleh lain-lain penyakit. Jadi, sejauh mana tindakan diambil untuk memastikan udara di dalam hospital, kakitangan perubatan, peralatan dan perkakas adalah selamat supaya dapat menjamin pekerja dan petugas tidak menghadapi *occupational health risk* di dalam hospital.

Akhirnya saya ingin Kementerian menjelaskan selepas pengumuman dari Yang Berhormat Menteri berhubung dengan langkah-langkah untuk baik pulih, pekhidmatan di hospital khususnya tempoh masa menunggu. Saya ingin tahu sama ada sasaran sudah dicapai. Sebab saya mendapati di Hospital Besar Pulau Pinang lazimnya para pesakit masih perlu tunggu tiga, empat jam dari mula membuat pendaftaran hingga mendapat ubat mereka. Masing-masing mengambil tiga hingga empat jam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Saya berharap Kementerian dapat memberi laporan tentang prestasi untuk mengurangkan tempoh menunggu di hospital-hospital kerajaan. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Muar.

3.11 ptg.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyebut tentang perkara 010000 - Pengurusan, 03000 - Rawatan Perubatan, 02000, 03000 - Kawalan Penyakit, 020400 - Pendidikan Kesihatan.

Tuan Pengerusi, saya ingin terus kepada tentang masa menunggu di hospital-hospital kerajaan khusus kepada satu kes yang melibatkan anggota polis yang kadang kala membawa penjenayah ke hospital untuk rawatan dan mereka terpaksa menunggu seperti pesakit-pesakit lain. Ada timbul dua perkara yang kalau boleh pihak Kementerian membantu. Di mana yang pertama, masa anggota polis menunggu bersama penjenayah ini akan meningkatkan kos polis, anggota tersebut.

Yang kedua, keselamatan pesakit-pesakit lain di ruang menunggu. Apabila ada penjenayah bersama anggota polis dengan gari terpaksa bersama-sama menanti masa untuk diperiksa atau dirawat. Saya minta pihak Kementerian untuk mempertimbangkan agar anggota kerajaan atau anggota polis ini diberikan sedikit pengecualian bagi kepentingan anggota polis dan juga bagi kepentingan pesakit dan orang awam.

Yang kedua, dari segi pengurusan di Hospital Muar, terima kasih banyak telah pun dijadikan hospital pakar. Cuma masalah yang mungkin timbul apabila dikatakan hospital pakar ini, maka kemudahannya itu selayak hospital pakar. Khusus kepada bahagian forensik, di mana di Hospital Pakar Muar, tidak disediakan *forensic pathology* apabila satu kes yang melibatkan jenayah, kita terpaksa menunggu *forensic pathology* daripada Melaka untuk mengendalikan *post-mortem*. Saya mengharapkan perkara ini dapat dilihat kerana perkara ini berlaku semasa salah seorang anggota polis di Muar dua tahun yang sudah terpaksa menanti satu jangka masa yang panjang kerana beliau terbunuh ditembak oleh penjenayah ketika menjalankan tugas. Kemudian dari segi khusus kepada kempen Cara Hidup Sihat. Saya perhatikan kempen yang dijalankan, yang baik ini bermula tahun 1991. Setiap tahun, Kementerian bermula dengan kempen Cintai Jantung, kemudian *AIDS*, tahun 1993 - Kebersihan Makanan, 1994 - Promosi Kanak-kanak, 1995 - Kanser, 1996 - Diabetes dan seterusnya hingga tahun 2005 kita ada Sihat Sepanjang Hayat. Saya ingin merujuk kempen ini baik satu pemerhatian perlu dilihat. Contohnya diabetes mungkin tidak lagi dijadikan tumpuan pada tahun 2005, tetapi kita dimaklumkan ia merupakan salah satu

pembunuh yang besar di negara ini dan dijangkakan dua juta rakyat Malaysia menghidap diabetes pada tahun 2015. Jadi, saya ingin tahu, apakah pendekatan kementerian bagi tahun 2006 daripada kempen Cara Hidup Sihat dan adakah kita akan teruskan cara hidup yang lebih khusus atau secara terbuka seperti sebelumnya.

Saya ingin menyentuh satu lagi tentang suntikan vitamin C yang begitu berleluasa sekarang ini. Orang semua ingin jadi lebih muda daripada biasa, menggunakan vitamin C secara suntikan yang telah secara jelas dilaporkan memberi *side effect* dengan izin kepada pesakit dan apakah tindakan kementerian sekali lagi di dalam perkara ini? Akhir sekali...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kata akhir tadi. [Ketawa]

Tuan Razali bin Ibrahim: Saya sebutkah? Akhir, yang betul-betul akhir.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan bohong lagi, ya.

Tuan Razali bin Ibrahim: Tidak, betul-betul akhir. [Ketawa]. Kalau dapat diberi maklum kepada Dewan ini tentang status hospital wanita dan kanak-kanak. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Baram.

3.15 ptg.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh beberapa perkara sahaja yang berkaitan dengan kawasan saya di Baramlah. Maksud P.42 - Hospital Baru, 00201. Di kawasan Baram ini, kita ada mempunyai sebuah hospital disebutkan Hospital Marudi. Saya ingin merekodkan di Dewan ini ucapan tahniahlah kepada doktor-doktor dan pegawai-pegawai serta kakitangan yang bertugas di sana kerana menjalankan pentadbiran mereka dengan cara ISO yang ditetapkan oleh kementerian. Masalahnya sekarang ialah hospital ini nampak cukup sesak, bilik-bilik pegawai dan pesakit-pesakit tidak cukup dan kemudahan serta alat-alat yang sedia ada juga sudah usang. Saya ingin bertanya, adakah kementerian bercadang untuk membina sebuah hospital baru di Marudi ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan oleh kerana kita telah mencadangkan supaya satu hospital baru dibina pada dalam Rancangan Malaysia Kelapan dahulu.

Yang kedua saya ingin sentuh ialah dari maksud 00201 - Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Di Pekan Long Lama kita mempunyai sebuah klinik kesihatan - sebuah klinik desalah bukan klinik kesihatan yang telah dibina lebih dari 20 tahun dahulu, dan sebuah klinik kesihatan telah dicadangkan pada Rancangan Malaysia Ketujuh dan saya percaya peruntukan telah diluluskan pada Rancangan Malaysia Kelapan ini tadi.

Malangnya, klinik ini ditangguh dan daripada jawapan kementerian kepada saya tempoh hari, klinik kesihatan ini tidak dibina kerana tidak cukup peruntukan. Klinik kesihatan ini telah menimbulkan banyak aduan daripada penduduk-penduduk di kawasan Baram, lebih-lebih lagi di Long Lama oleh kerana penduduk-penduduk semakin bertambah berikutan pembangunan kelapa sawit yang semakin pesat diadakan di sana. Saya ingin minta penjelasan daripada pihak kementerian mengapakah klinik kesihatan ditangguhkan memandangkan peruntukan itu untuk projek ini telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan tadi?

Saya juga ingin sentuh satu perkara lagi iaitu pembinaan klinik desa yang baru di pedalaman kawasan Baram. Sekarang ini, beberapa kampung yang jauh di pedalaman Baram ada menerima perkhidmatan *flying doctor service* iaitu sekali dalam sebulan. Saya rasa ini tidak mencukupi untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di kawasan yang jauh ini yang memerlukan penggunaan helikopter. Kita tahu, masalah helikopter ini memang masalah yang besar sekarang ini. Jadi Tuan Pengerusi, penggunaan helikopter ini memang tidak selamat, lebih-lebih lagi semasa musim hujan pada hujung tahun.

Kadang-kadang *flying doctor service* ini tidak bergerak kerana takut kemalangan. Oleh sebab itu, saya selalu mencadangkan dalam Dewan ini, supaya tiga buah klinik desa

lagi dibina di tempat-tempat yang strategik di kawasan Hulu Baram, iaitu Kampung Long Panai, Ulu Sungai Tinja dan Kampung Long Anap di Hulu Sungai Baram, ini kampung saya sendiri minta klinik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukup.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Satu lagi, sikit saja ...di Kampung Long Mengkaba ataupun Long Jengkitan di Ulu Silat. Jadi, saya ingin mintalah kementerian supaya menerima cadangan ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan supaya kegunaan *flying doctor service* ini dapat dikurangkan pada masa-masa akan datang. Sekian, terima kasih.

3.20 ptg.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2006 bagi Kementerian Kesihatan. Saya hendak menyentuh beberapa perkara dalam butiran kementerian ini. Yang pertama ialah 010200 – Sumber Manusia. Seperti yang disebutkan oleh sahabat saya yang lain bahawa masalah kekurangan doktor ini berlaku di mana-mana.

Cuma saya hendak khususkan kepada kawasan saya, Parlimen Maran. Kalau ikut cadangan perjawatan yang diberikan di kawasan Maran ialah seramai 19 orang doktor sepatutnya berada di kawasan Maran termasuklah beberapa buah klinik tetapi setakat ini hanya tujuh orang sahaja ataupun tujuh jawatan sahaja diisi. Bermakna 12 kekosongan yang berlaku kepada pegawai perubatan di kawasan Maran iaitu yang pertama klinik Maran sepatutnya empat orang diisi dua orang sahaja. Hospital Jengka 10 orang, diisi tiga orang sahaja, Chenor satu orang doktor tetapi tidak ada satu orang pun. Kemudian Jengka II sepatutnya dua orang doktor tetapi yang diisi satu orang sahaja. Saya minta supaya kerajaan, Kementerian Kesihatan memberikan perhatian serius tentang perkara ini dan dapat menyejajarkan pengisian jawatan-jawatan kosong pegawai perubatan di kawasan saya ini.

Yang kedua saya hendak bertanya kepada kerajaan. Kita mempunyai banyak kawasan penempatan Orang Asli dan penempatan-penempatan mereka ini di pedalaman. Saya ingin bertanya berapa ramai doktor perubatan yang dikhususkan, ditempatkan di perkampungan Orang Asli kerana kita sering mendengar kes-kes kesihatan, kes-kes kemalangan berlaku di kawasan pedalaman ini, mendapat rawatan yang lewat menjejaskan kesihatan masyarakat berkenaan.

Yang ketiga ialah saya hendak menyentuh tentang Program Kesihatan Awam di bawah Butiran 050300. Rata-rata kita perhatikan di samping kekurangan tenaga kerja ataupun doktor perubatan di kawasan pedalaman. Saya perhatikan bahawa program-program kesihatan awam juga agak kurang diadakan. Tidak bermakna tidak ada tetapi kurang diadakan, dilaksanakan di kawasan-kawasan pedalaman terutama kampung-kampung tradisional. Saya mendapat maklumat bahawa jabatan kesihatan ataupun pusat-pusat kesihatan ini di samping tidak mempunyai kakitangan yang cukup, mereka juga tidak mempunyai peruntukan yang cukup untuk melaksanakan program-program kesihatan yang pada saya adalah lebih penting kita memberikan pendidikan kepada penduduk daripada setelah mereka sakit kita memberikan perubatan kepada mereka.

Saya meminta supaya Kementerian Kesihatan memberikan perhatian dan menyalurkan peruntukan yang lebih kepada pusat-pusat kesihatan ataupun pusat-pusat kesihatan di luar bandar ini, di daerah-daerah ini dan kalau perlu mungkin menyalurkan peruntukan tersebut melalui Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Parlimen seperti pernah dilakukan oleh kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Wanita, Kementerian Pertanian dan juga kementerian-kementerian lain.

Yang keempat ialah tentang perkhidmatan Butiran 060100 – Bertugas di Luar Negara. Baru-baru ini kita dihebohkan dengan masalah doktor-doktor kita, Pegawai-pegawai Perubatan yang telah mendapat kelulusan perubatan di luar negara tetapi tidak balik kerana bekerja di luar negara dengan alasan-alasan yang tertentu dan kita dimaklumkan oleh pihak kementerian, ramai daripada mereka ini bukanlah kerana bekerja

di luar negara tetapi sebenarnya ingin menyambung pelajaran ataupun pelajaran yang lebih tinggi di luar negara. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, kepada kementerian, berapa orangkah sebenarnya mereka yang ingin melanjutkan pelajaran di luar negara dan dalam rekod kementerian, berapa orangkah pula mereka yang sebenarnya ingin bekerja di luar negara kerana pendapatan yang lebih besar berbanding dengan mereka yang ingin balik ke negara mereka sendiri untuk berkhidmat demi kepentingan bangsa dan negara mereka.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya ingin menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sepanggar.

3.25 ptg.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai Butiran 020000 – Kesihatan Awam. Memang kita tidak nafikan bahawa kesihatan itu memang ada peningkatan, kesedaran kita. Tetapi saya rasa masih banyak yang perlu diperbaiki mengenai kesedaran. Misalnya di mana kita dapati bahawa kesedaran itu tidak begitu ditonjolkan di desa-desa, di kampung-kampung disebabkan tidak begitu banyaknya pegawai-pegawai kesihatan untuk memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada penduduk kampung.

Contohnya di mana sekiranya ada wabak yang melanda di kampung-kampung dan desa-desa, kurang kita diberi nasihat bagaimana kita dapat mengawalkannya. Saya syorkan di sini memang kita akan mempertingkatkan kesedaran ini supaya semua penduduk-penduduk dapat kesedaran begitu pentingnya kesihatan di kawasan masing-masing. Satu contoh ialah di mana beberapa kawasan kita telah menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Kesihatan Kawasan-kawasan. Tetapi sejauh ini, apakah jawatan ini telah betul-betul berkesan untuk memberi kesedaran mengenai kesihatan di kampung dan di kawasan-kawasan terpencil. Oleh kerana kita tahu bahawa jawatankuasa ini hanya ditubuhkan di mana adanya klinik-klinik tempatan. Saya syorkan di sini agar jawatankuasa ini dapat meluaskan kawasan mereka untuk memberi nasihat mengenai kesihatan.

Seterusnya saya ingin juga menyentuh mengenai kawalan pesakit orang asing di mana beberapa ketika kita difahamkan bahawa setelah FOMEMA mengesan mereka mempunyai penyakit, ertinya penyakit yang berjangkit dan serius seperti AIDS, maka diminta supaya pesakit orang asing itu dikeluarkan daripada negara kita tetapi malangnya selepas sahaja dia keluar daripada *border*, kita tidak dapat mengesan sama ada dia dapat balik atau tidak oleh kerana ini terbukti di mana beberapa pesakit khususnya kawasan di Sabah, mereka dapat balik semula dengan mudah sekali ke negeri Sabah dan kita dapat lihat dan dapat saksi bahawa mereka masih juga bekerja di kilang-kilang sama ada secara haram ataupun secara kebetulan untuk bekerja di kawasan-kawasan perkilangan dan juga di kawasan pertanian. Tetapi ini ada bukti bahawa mereka sedang dan masih lagi dapat bekerja walaupun telah dikesan mereka ini menghadapi penyakit seperti AIDS.

Saya mohonlah kepada kerajaan khususnya daripada kementerian ini supaya memperketatkan lagi undang-undang supaya mereka ini tidak dapat balik ke Sabah seperti yang sedang terjadi di kawasan-kawasan seperti perladangan dan perkilangan. Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai butiran...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pasir Puteh.

3.29 ptg.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi. Saya akan menyentuh Butiran 010000 dan 020000 dan 203000 iaitu pertamanya masalah pengurusan, yang kedua masalah pembangunan kesihatan keluarga, yang ketiga ialah kawalan penyakit. Kalau saya ungkapkan di sini Tuan Pengerusi, tubuh badan yang sihat itu membawa rakyat yang

kuat. Rakyat kuat, penjana negara maju. Ini saya buat sendiri, saya cetuskan dalam tiga rangkaian. Baru sekali mata saya buat ini. Saya cuba *relatekan* dengan bajet membina ketahanan dalam menghadapi cabaran dalam era global ini. Ini *target* bajet kita hendak capai pada tahun ini. Maka tujuh perkara tugas kerajaan mesti dilaksanakan sebagai amanah Allah, amanah kerajaan kepada umat manusia, rakyat negara ini.

Salah satunya ialah kesihatan, maka saya memohon kepada Kementerian Kesihatan yang bertanggungjawab supaya dari fizikal dan peralatannya mestilah mencukupi dan selari di antara bandar, luar bandar dan kampung, klinik-klinik desa, kalau boleh kita adakan doktor-doktor pakar ini secara litar kalau dalam saya takrif dulu qadi litar, imam litar, boleh *dirollingkan* sekali-sekali pergi ke Kelantan yang pakar-pakar ini jangan duduk di Kuala Lumpur sahaja - ini kita boleh buat.

Kemudian kakitangan juga yang terlatih ini mencukupi di setiap hospital, saya bagi contoh di Pasir Puteh. Saya selaku Pengerusi Lembaga Pelawat Hospital Tengku Anis, saya tengok yang jaga kecemasan ini seorang doktor, kalau tiga sekali datang yang kena kemalangan, *accident* maka dia tidak akan kesempatan untuk membantu, kerana kita tahu bahawa kematian itu ada ikhtiarnya, kerana kita tahu dalam kaedahnya '*ajal muallaq ajal mubram*'. '*Ajal muallaq*' ini antara tergantung hidup mati kalau doktor tolong cepat dia boleh hidup kalau tak tolong dia, dia boleh mati kalau '*mubram*' itu tentu matilah tak boleh tolong.

Jadi yang akhirnya ialah kewangan dan juga perubatan, kita hendak supaya ubat-ubat ini disemak balik. Kalau kita pergi kepada swasta kenapa kita makan sebiju cepat boleh sembuh kalau selesema misalnya, kenapa makan ubat di hospital-hospital kerajaan sampai tiga empat biji, sampai kenyang baru boleh sembuh. Jadi ini kita tengok balik kerana saya tahu dalam soal ubat-ubat ini juga ada antara [*Disampuk*] abang kita nak celah tak boleh, kena bagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat bertanggungjawab bahawa ada sindiket menjual ubat-ubat palsu di hospital kerajaan sebab mungkin kalau ia ubat yang tulen sudah pasti ia boleh menyembuhkan penyakit, tetapi sudah dimakan sampai kenyang pun tidak juga baik, bermakna ada sindiket penjualan barang-barang palsu di hospital sementara barang yang asli dijual pula di luar. Minta komen Yang Berhormat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Kinabatangan saya tidak komen, saya ambil jadi *Hansard* saya, sebab dari segi *monitoring* kelemahan di pejabat-pejabat atau di kementerian ialah monitor. Monitor itu penting kalau ubat yang baik dibawa keluar atau diberi percuma lebih pada hak dia itu membazir wang kerajaan. Sebab itu kita hendak supaya apa yang diungkap oleh Kinabatangan tadi betul menetapi apa yang kita ada hari ini, minta boleh bagi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa Yang Berhormatlah pendek.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Ya, sikit sahaja oleh sebab Tuan Pengerusi - terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Pada saya benda ini adalah serius kalau betul sah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Puteh tadi makan sebiju baik yang daripada swasta, tetapi yang daripada hospital kerajaan makan beberapa biji sampai kenyang pun baru baik. Saya rasa ini satu perkara yang serius, jadi adakah Pasir Puteh betul-betul serius ataupun ia hanya sebagai satu andaian. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya beri contoh *Claratyne*. Saya tak pakai *Claratyne*, tetapi saya beli. Walaupun RM8 sekarang sudah jadi RM14 lebih saya minta supaya semak juga di farmasi-farmasi, tetapi ubat itu makan sebiju boleh hilang terus dalam masa lima minit. "*Claratyne*", selesema kalau berair hidung makan sedikit, '*Claratyne*' ada hak jenis baru halus tak mengantuk, "*clarinet*" itu mengantuk. Ah, bijak lagi kita..[*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, gulung, gulung.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Akhir sekali Tuan Pengerusi saya gulung, kempen "Tak Nak!" bukan kita nak ubah tetapi kita kekal ini keputusan Kabinet, kita harus terima tetapi kita cuba buat secara integrasi. Apa salahnya panggil jentera-jentera kerajaan di peringkat daerah turun bersama-sama, di samping kempen "Tak Nak!" kita buat satu kaedah bagaimana nak bina jasmani yang sihat kerana [*Bercakap dalam bahasa Arab*] ini banyak bahasa Arab sikit sebab saya Arabic *medium*. Jadi kalau akal yang sihat itu, tubuh badan yang sihat maka kita buat aerobik. Apa salahnya buat aerobik habis RM200, RM300 sekali kita buat seminggu sekali turun DO, turun Yang Berhormat Parlimen, *state* turun bersenam, beri ubat, beri makan nasi lemak - kan sedap. Jadi janganlah kita kempen "Tak Nak!" sahaja kita buat iklan sampai senget orang merokok juga, Kelantan bertambah merokok, 80 peratus merokok. Jadi terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kubang Kerian.

3.35 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma menyentuh satu perkara sahaja Butiran 010200 yang menyentuh tentang Sumber Manusia. Tuan Pengerusi, adakah kerajaan bersedia untuk mengkaji tentang skim perkhidmatan doktor-doktor dalam negara kita? Kita semua maklum bahawa seorang mahasiswa jurusan perubatan terpaksa menghabiskan 10 semester untuk bergraduan dan menjadi seorang doktor. Itu tidak termasuk sekiranya mereka melanjutkan pelajaran untuk mengambil di peringkat *masters* ataupun mendapat kepakaran dalam bidang yang tertentu.

Saya mengutarakan perkara ini Tuan Pengerusi, disebabkan oleh apa yang dialami oleh para-para doktor, profesion ini yang semakin hari saya lihat menjadi satu perkara yang menekan kehidupan mereka. Saya pernah bersua dengan beberapa pengalaman di mana seorang doktor yang saya temui, yang bekerja di sebuah hospital kerajaan yang dia mengatakan, bahawa dia terpaksa berhadapan dengan satu hari lebih kurang 100 orang pesakit luar termasuk rawatan yang beliau terpaksa berikan *treatment*, selepas bekerja di Jabatan Pesakit Luar kemudian masuk ke wad-wad yang tertentu untuk merawat pesakit.

Sepuluh semester Tuan Pengerusi bagi seorang doktor yang gaji mereka adalah lebih kurang kalau kita melihat kalau kita kaji dari segi statistiknya dengan seorang yang bergraduan dalam bidang sastera. Sudah tentu ini memberikan satu perbezaan yang sangat jauh terhadap kehidupan mereka, seorang doktor yang kita temui bekerja di hospital kerajaan sebagai contoh saya tidak menekankan perkara ini kepada semua doktor, sebahagian yang kita temui bila berhadapan dengan Jabatan Pesakit Luar kadang-kadang kita beri salam pun dia tak berapa nak jawab, tetapi orang yang sama yang kita ketemui di sebelah malam sebagai contoh yang bekerja di hospital swasta ataupun di klinik swasta.

Sebagai mencari ataupun mereka bekerja untuk mencari pendapatan yang lebih tiba-tiba boleh menjadi seorang manusia yang sangat peramah memberikan senyuman kepada pesakitnya. Ini berlakunya *split* personaliti yang saya rasa di antara sebabnya adalah kerana pendapatan yang mereka terima bila mereka bekerja di hospital kerajaan tidak memadai dengan tempoh masa ataupun jangka masa mereka terpaksa ambil iaitu 10 semester untuk menjadi seorang doktor.

Yang kedua Tuan Pengerusi, tentang kawalan penyakit, Butiran 020300 iaitu tentang pusat-pusat hemodialisis yang berada dalam negara kita, di mana kita melihat peruntukan yang tidak mencukupi untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik terhadap pesakit-pesakit hemodialisis ini.

Kalau kita mengkaji pendapatan bayaran yang terpaksa diberikan oleh seseorang pesakit ini untuk mendapatkan perkhidmatan rawatan ini adalah cukup mahal, dan kita melihat bahawa bilangan mereka yang terpaksa menerima rawatan di hospital-hospital kerajaan terpaksa melalui *queue* ataupun beratur dalam senarai yang begitu panjang. Jadi saya mengharapkan Kementerian Kesihatan dapat melihat dan menambah bajet yang

secukupnya supaya mesin-mesin ini dapat ditempatkan dengan kadar yang mencukupi untuk memberikan rawatan terhadap pesakit hemodialisis yang semakin meningkat bilangannya di dalam negara kita. Itu sahaja Tuan Pengerusi yang dapat saya sampaikan dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini, Temerloh.

3.39 ptg.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak bangkitkan satu perkara sahaja Dato', di bawah Butiran 020300 - Kawalan Penyakit mengenai penyakit jangkitan burung ini yang dibangkitkan oleh Gombak juga dalam ucapan beliau tadi.

Saya ingin tahu apakah persiapan yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk menghadapi masalah jangkitan dengan izin, *bird flu* ini, kita tidak boleh mengambil ini satu perkara yang mudah Tuan Pengerusi. Pada tahun 1918 dalam masa Perang Dunia Pertama, seramai 20 juta orang mati akibat jangkitan selesema burung ini. Ini bukan perkara pertama berlaku, telah pernah berlaku, dan kita tidak tahu apa persiapan yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk mendidik rakyat, mendidik masyarakat dan juga persiapan-persiapan lain.

Singapura misalannya, sedang membina *factory* sendiri untuk mengeluarkan vaksin ini Tuan Pengerusi. Begitu juga negara Thailand, Vietnam dan Cambodia kerana penyakit ini yang sekarang belum dijumpai ialah jangkitan daripada manusia ke manusia. Manusia yang mati kerana jangkitan selesema burung ini telah ada, di Indonesia ada betul tak Yang Berhormat Gombak ya. Di negeri China ada, malahan sekarang kerajaan Saudi Arabia menimbangkan untuk membatalkan haji kerana takut dengan selesema burung ini. Kita masih menganggap ini sebagai satu perkara yang mudah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gombak bangun Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Saya tak nampak Kementerian Kesihatan, kerajaan membuat sesuatu berkesan untuk mendidik masyarakat, ini penting. Ini lebih bahaya daripada HIV, AIDS. Sila Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Jadi saya bersetuju seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Temerloh tadi. Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Temerloh, bersetuju kah Yang Berhormat Temerloh bahawa penyakit ini merupakan satu yang serius yang sebenarnya transmisi di antara haiwan ke manusia memang sudah terjadi dan transmisi di antara manusia ke manusia telah pun terjadi secara selektif. Ini telah di *published* kan ataupun diterbitkan dalam *Publication New England Journal* yang berlaku di Thailand. Ini menunjukkan bahawa wabak selesema burung ini semakin lama semakin menghampiri atau mendekati kita. Setuju kah Yang Berhormat Temerloh?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Yang Berhormat, setuju dan betul sangat Yang Berhormat. Sekarang yang bahayanya, persidangan APEC, pemimpin-pemimpin di Busan baru ini, agenda yang paling penting sekali dibincangkan ialah selesema burung ini. Kita masih menganggap ini sebagai satu penyakit biasa, tidak Tuan Pengerusi, kalau dapat dibuktikan jangkitan manusia ke manusia merebak, jawabnya saya kira berpuluh-puluh, beratus juta manusia di dunia ini akan mati kerana tidak ada ubat, tidak ada apa yang boleh digunakan.

Saya ingin tahu daripada pihak Kementerian, apa persiapan? Saya ingat rakyat perlu diberikan pendidikan, perlu dimaklumkan, saya minta Kementerian maklum di Parlimen ini dalam jawapan nanti, apa yang harus, apa yang mesti kita buat. Kerana ini satu jangkitan penyakit yang amat berbahaya lebih berbahaya daripada AIDS, daripada HIV, daripada penyakit-penyakit lain. Saya kira ini seharusnya menjadi satu agenda utama Kementerian Kesihatan, bagaimana kita menangani masalah ini. Singapura sedang berbuat, mereka sedang merancang untuk menyelamatkan rakyat dia. Thailand malahan negara-negara yang lebih ke bawah daripada kita, Cambodia dengan Vietnam pun sedang

merancang untuk mengeluarkan vaksin itu yang dipanggil *tummy flu* kalau tak silap saya untuk rakyat dia sendiri. Kita apa persiapan kita? Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tenom.

3.43 ptg.

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa perkara iaitu yang pertama 00201 berkenaan dengan Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Saya amat bersetuju dengan rakan-rakan yang lain tadi dalam menyentuh dengan perkhidmatan kesihatan untuk masyarakat di luar bandar. Bagi saya perkhidmatan ini amatlah baik, amatlah berguna kepada masyarakat di luar bandar terutama yang tinggal jauh di pedalaman. Seperti juga di kawasan saya kampung-kampung ini sukar untuk dihubungi, mereka hanya boleh dihubungi dengan jalan raya yang begitu teruk sekali. Jadi saya mohon pihak Kementerian supaya melihat perkara ini lebih serius lagi supaya apa masalah yang dihadapi oleh masyarakat di luar bandar di kawasan pedalaman ataupun di negeri Sabah, supaya dapat dilihat.

Berkenaan dengan perkara ini juga, saya telah difahamkan oleh Pegawai Kesihatan di daerah saya, pada suatu ketika dulu terdapat satu program, paip graviti untuk kampung-kampung di luar bandar. Saya telah difahamkan oleh pegawai tersebut program paip graviti ini telah lama tidak diaktifkan. Saya mohon pihak Kementerian supaya dapat melihat kembali perkara ini kerana program paip graviti untuk masyarakat di luar bandar ini amat berguna kerana maklumlah di luar bandar ini, mereka bergantung kepada sumber-sumber air yang datang daripada sungai-sungai, hutan-hutan dan saya harap perkara ini dapat dicadangkan semula selain daripada hari ini pihak Kementerian melalui Pejabat Kesihatan Daerah telah juga membekalkan tangki-tangki dan juga tandas-tandas awam kepada penduduk-penduduk kampung untuk melihat kesihatan mereka lebih baik.

Perkara yang kedua iaitu saya ingin menyentuh ...

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Minta izin. Yang Berhormat Tenom, bagi 00201 ini, klinik perkhidmatan kesihatan luar bandar ini, saya nak mencelah sedikit. Tenom ke Tenom?

Dulu kita ada Pusat Kesihatan Besar ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah dua tahun jiran Yang Berhormat, tak kan kenal?

Beberapa Ahli [ketawa]

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Pusat Kesihatan Besar, Pusat Kesihatan Kecil. Selepas itu Pusat Kesihatan Kecil naik taraf tukar nama Poliklinik Masyarakat, Pusat Kesihatan Besar pun nama dia Poliklinik Masyarakat. Sekarang dah tukar lagi nama, Poliklinik Kesihatan. Tapi ada poliklinik kesihatan yang ada doktor, ada poliklinik kesihatan yang tak ada doktor, kenapa jadi begitu? Patut kalau dah sama taraf, kedua-duanya ada doktor, saya mula ingat yang satu ini yang naik taraf ini kerana belum ada perjawatan tersebut tapi bila saya tanya kepada pegawai kesihatan daerah, memang tak ada, satu saja ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Okay, minta penjelasan.

Tuan Raimi Unggi: Belum habis lagi. Ya, saya harap ucapan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat daripada Lipis dimasukkan dalam ucapan saya.

Beberapa Ahli [Ketawa]

Tuan Raimi Unggi: Pendek dan ringkas, jadi perkara yang kedua iaitu berkenaan dengan klinik kesihatan yang terdapat di kawasan saya. Di tempat saya terdapat tiga klinik kesihatan dan saya lihat klinik-klinik kesihatan ini terutama yang di sebelah Kuala Tumani

dan juga Kemambong ini dan juga Melalap mereka tidak mempunyai kenderaan, ambulans. Kalau boleh saya berharap pihak kementerian dapat melihat perkara ini dapat memberi kereta pacuan empat roda supaya pegawai-pegawai ataupun pembantu-pembantu kesihatan di ketiga-tiga klinik ini dapat datang ke kawasan-kawasan yang memang sukar untuk dilalui oleh kereta-kereta biasa.

Perkara yang seterusnya iaitu berkenaan dengan 00600 - Ubahsuai, Naik taraf dan Pembaikan Hospital. Bagi di daerah Tenom, hospital di daerah Tenom memang saya rasa cantik dan hari ini banyak taman-taman rekreasi diwujudkan dan juga saya tengok ruang tempat menunggu di hospital saya pun amat baik. Tapi apa yang saya lihat keadaan hospital itu, ruang untuk meletak kereta terlalu sempit, kadang-kadang apabila ada kenderaan untuk menurunkan pesakit-pesakit terlalu sesak. Saya harap pihak Kementerian dapat lihat tentang perkara ini.

Perkara seterusnya iaitu dengan 00301 dan saya ingin menyentuh di sini iaitu berkenaan dengan asrama. Di hospital terutama kepada para pesakit yang datang daripada luar bandar dan dihantar ke bandar iaitu ke Kota Kinabalu, hospital besar. Kebanyakan mereka ini diiringi oleh saudara-mara mereka dan ada di antara mereka ini bukannya senang, mereka semua dalam berasal daripada keluarga yang susah, jadi terdapat sebuah asrama di sana.

Saya harap pihak Kementerian supaya dapat memperbaikilah asrama tersebut dan pada satu ketika dahulu pun saya pernah menggunakan asrama ini. Saya lihat kewujudan asrama ini amat berguna sekali kepada masyarakat luar bandar yang datang dari kampung ke bandar untuk mengiringi saudara mereka yang sakit. Jadi saya lihat di sana terdapat katil, bantal, tilam, yang saya kira memang telah uzur.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Raimi Unggi: Saya harap pihak kementerian dapat mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memberi perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat kita di luar bandar. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hulu Langat.

3.49 ptg.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh dalam perkara Maksud Pembangunan 42 Butiran 00301 iaitu berkenaan dengan ubahsuai dan naik taraf hospital, di baca bersama dengan Butiran 00400 - Hospital Baru.

Tuan Pengerusi, saya sedia maklum bahawa sememangnya dalam penubuhan hospital baru atau pembinaan hospital baru memerlukan kos yang sangat tinggi dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Pelaburan yang sebegini besar tidak akan membawa sebarang makna sekiranya mengambil masa yang lama untuk menyiapkannya berfungsi dan seterusnya memberi perkhidmatan sepenuhnya yang ada pada hospital berkenaan. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Hospital Serdang yang kini sudah lama siap tetapi masih belum beroperasi kepada tahap optimumnya. Hospital serdang ini Tuan Pengerusi, merupakan adalah salah satu daripada lima buah hospital yang dirancang untuk mengurangkan kesesakan pesakit di Hospital Kuala Lumpur. Adalah dijangkakan bahawa pembinaan Hospital Serdang ini akan dapat memberi perkhidmatan kesihatan dan menampung kira-kira 300 ribu penduduk di sekitar Serdang, Puchong, Putrajaya, Bangi, Kajang dan sebahagian daripada penduduk utara Negeri Sembilan.

Ketika hospital ini dibina, misi Kementerian Kesihatan ialah untuk membantu mengurangkan kesesakan pesakit yang berlaku di hospital-hospital kerajaan yang berada di selatan Selangor dan di selatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Misi yang kedua ialah untuk memastikan setiap rakyat tidak kira di bandar atau di luar bandar dapat menikmati dan mengakses kepada kemudahan penjagaan kesihatan yang lebih selesa. Yang paling utama, hospital ini mempunyai misi sebagai pusat rujukan bagi rawatan serta pembedahan bagi pesakit buah pinggang. Pada 20/5/2005, Yang Berhormat Datuk Menteri Kesihatan Malaysia telah menyatakan bahawa hospital ini akan beroperasi sepenuhnya pada Julai

2005. Hospital yang menelan belanja RM690 juta ini dengan keluasan 129 ribu meter persegi mempunyai bilangan katil 620 buah, 20 buah bilik bedah, 19 wad, auditorium, bilik seminar dan sebagainya sepatutnya telah berjaya mengurangkan kesesakan pesakit di hospital-hospital berhampiran terutama sekali Hospital Kajang.

Oleh kerana hospital ini dalam keadaan yang tidak dapat digunakan sepenuhnya, sementara Hospital Kajang pula yang melimpah ruah - Hospital Kajang yang mempunyai hanya empat katil untuk ICU dan bilangan katil yang terhad menyebabkan pesakit-pesakit diletakkan di kaki-kaki lima di atas troli dan tidak mendapat layanan yang sepenuhnya. Saya ingin menyeru pihak Kementerian untuk mengambil berat perkara ini dan segera menggunakan segala kemudahan yang ada di Hospital Baru Serdang ini sebaik mungkin. Perkara berikutnya masih berkenaan dengan menaik taraf hospital. Saya ingin bertanya pihak Kementerian, bilakah Hospital Kajang ini akan dinaiktarafkan, dibaik pulih dan diberi pengiktirafan yang setaraf dengannya sebagai sebuah hospital daerah.

Soalan Kedua berkenaan dengan Hospital Kajang juga, saya mendapat berita terdapat ura-ura oleh pemaju perumahan ingin membangunkan tapak hospital ini sebagai kawasan komersial dan memindahkan hospital ini ke tempat yang lain. Adakah ini akan berlaku dan apakah kedudukannya sekarang?

Perkara kedua Tuan Pengerusi ialah berkenaan dengan bagi Maksud Bekalan 42, Butiran 050000 - Dasar Baru, dan Butiran 050200 - Program Pengurusan. Tuan Pengerusi, kebanyakan hospital di negara ini menghadapi pelbagai masalah ketika merawat pesakit. Tetapi masalah yang selalunya kita terlepas pandang ialah kebajikan pesakit selepas pesakit itu berjaya dipulihkan. Masalah yang timbul ialah akibat daripada pesakit-pesakit terlantar, melarat dan tidak berjaya menguruskan diri sendiri selepas dipulihkan oleh hospital. Ini adalah disebabkan oleh tiada keluarga atau saudara mara yang sedia menerima pesakit ini semula. Kedua, keluarga tidak mampu untuk menguruskan pesakit serta meneruskan rawatan susulan yang dikenakan oleh pihak hospital.

Ketiga, sukar untuk menjaga pesakit ini akibat daripada pelbagai kekangan dan sekatan. Jabatan Kebajikan Masyarakat, walaupun ini bukan bidang Kementerian ini, hanya mempunyai dua institusi iaitu Rumah Insan di Kuala Kubu Baru yang menampung 64 orang penghuni dan Rumah Sakit Melarat di Dungun yang hanya menampung 100 orang penghuni. Rumah-rumah ini tidak lagi dapat menampung pesakit-pesakit terlantar dan proses untuk menempatkan pesakit ke kedua-dua rumah ini mengambil masa hingga melebihi satu tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Markiman bin Kobiran: Satu lagi Tuan Pengerusi. Saya berharap sedikit peruntukkan perlu diberi kepada badan-badan NGO dan badan-badan tertentu bagi menguruskan pesakit-pesakit terlantar yang tidak dapat mendapat perhatian daripada keluarga masing-masing. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Mambong.

3.56 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di Bawah Maksud Bekalan 42, saya ingin menyentuh Butiran 020300 yang berkaitan dengan kawalan penyakit. Seperti Yang Berhormat bagi Gombak dan Yang Berhormat bagi Temerloh, saya juga ingin membincang di sini tentang selesema burung. Kita dimaklumkan oleh WHO bahawa selesema burung adalah disebarkan oleh burung liar yang berhijrah ataupun *migratory birds* yang datang dari negara lain. Kita juga tahu bahawa transmisinya adalah di antara burung dan manusia dan ini juga dibuktikan telah pun berlaku. Oleh yang demikian, bagi pendapat saya, kita haruslah mengawal burung-burung liar ini. Di dalam perkara ini, saya ingin menyarankan bahawa pakar-pakar burung di negara kita, pakar burung ataupun *ornithologist* haruslah bekerja untuk membuat tugas yang dikatakan *bird ringing*.

Kalau kita mengkaji hal-hal burung, kita meletakkan cincin di kaki burung. Dengan cara ini, maka kita boleh mengenal pasti bahawa burung-burung yang ada di negara kita adalah betul-betul daripada negara kita. Pada masa yang sama, pakar-pakar burung atau *ornithologist* dari negara lain di mana burung-burung liar ini datang haruslah juga membuat kerja yang sama ataupun kajian yang sama. Dengan cara ini juga, kita tahu bahawa ada burung liar datang dari negara lain. Jadi dengan begini kita boleh mengawal dan melihat bahawa burung liar inilah yang ada kemungkinan membawa virus H5N1. Saya menyarankan begini kerana jangkitan ini saya lihat sudah hampir di peringkat *pandemic* ataupun jangkitan yang amat berbahaya. Oleh yang demikian, adakah pihak kementerian akan melakukan kajian-kajian seperti ini, kerana yang penting adalah mulai daripada asas dan kalau kita sudah tahu bahawa burung-burung liar ini yang membawa virus H5N1, maka kita bermula daripada burung-burung liar.

Yang kedua, di bawah butiran yang sama, saya ingin menyentuh tentang demam denggi. Kalau kita lihat pada tahun ini, tahun 2005, terdapat lebih daripada 28 ribu kes denggi dengan 73 kes kematian. Kalau dibandingkan pada tahun 2004, hanya lebih daripada 22 ribu kes dan kematian 72. Ini bermakna pada tahun ini kes telah meningkat. Kenapa kes demam denggi ini meningkat dan apakah kawalan yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian untuk pengawalan? Pada bulan November dengan tiba-tiba kita tidak dengar lagi kes baru yang berlaku.

Kita harus tahu kenapa kes baru tidak berlaku. Adakah ini daripada semburan? Kalau ia dari semburan, maka semburan kita pada tahun ini berjaya. Kalau tidak, ada juga mungkin faktor yang lain. Daripada penelitian saya, saya ingin mengatakan di sini bahawa kerana bulan November ini adalah musim tengkujuh. Apabila musim tengkujuh longkang kita mengalami banjir dan air pun mengalir dengan deras, mungkin telur ataupun anak-anak nyamuk *aedes* dibawa hanyut ke laut.

Itulah sebabnya kita tidak ada dengar kes ini lagi. Kalau ianya begitu, kerajaan pun boleh bersedia untuk menangani insiden pada tahun hadapan. Ini adalah satu penyakit yang bahaya dan saya menyarankan bahawa kita menggunakan perkhidmatan *Entomologist* ataupun pakar serangga di dalam perkara ini. Kita harus mengkaji ekologi nyamuk *aedes* ini kerana nyamuk *aedes* adalah *anthropophagic*. Ini bermakna ia makan hanya manusia, ia juga *anopheles* kerana ia suka diam ataupun tinggal di tempat yang sejuk dan di tempat yang gelap.

Jadi mengkaji ekologi nyamuk ini, kita boleh menghapuskan nyamuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tetapi bukannya hanya semburan sahaja. Saya sarankan kementerian untuk buat satu kajian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

4.04 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kita dengar banyak teguran negatif terhadap kementerian ini tetapi saya hendak beri sedikit semangat dan pujian sedikit. Di Hospital Bukit Mertajam, saya lihat dan saya ada pergi ke sana buat pemantauan bahawa ada pesakit-pesakit di sana telah memberi komen yang baik mengatakan bahawa telah ada kemajuan, ada *improvement* dalam bentuk perkhidmatan. Ini kerana tadi Yang Berhormat bagi Tanjong kata, di Hospital Pulau Pinang masa tunggu untuk mendapat rawatan ialah tiga hingga empat jam. Di Hospital Bukit Mertajam ialah di antara satu setengah jam dan dua jam ia boleh habis dan beberapa orang pesakit telah mengatakan bahawa ini telah ada *improvement*.

Jadi, saya ucap tahniah kepada kementerian kerana sudah ada sedikit kemajuan tetapi harap ada banyak ruang untuk memperbaiki lagi. Di Hospital Bukit Mertajam, klinik mata - ia ada empat orang *specialist* ataupun ada dua orang *surgeon* tetapi dia hanya ada satu *microscope* untuk membuat *operation*. Jadi, dia memerlukan sekurang-kurangnya satu mikroskop lagi supaya dia boleh memendekkan masa menunggu. Dahulu *patience* ataupun

pesakit perlu tunggu enam bulan, sekarang dua bulan. Kalau ada mikroskop satu lagi, dia akan *further reduce waiting time*. Jadi, saya harap kementerian akan mengambil perhatian.

Di Hospital Bukit Mertajam juga menghadapi masalah *car park problem*, tidak cukup *car park*, jadi saya harap dapat memberi perhatian. Saya ingin menyentuh hospital baru. Di Kepala Batas, juga satu hospital baru yang sangat mewah telah siap di bina tetapi ia tidak ada cukup pakar-pakar dan doktor. Doktor dan pakar-pakar dari BM Hospital dan juga Subang Jaya Hospital juga mesti menjaga ataupun menjalankan tugas mereka di Hospital Kepala Batas. Bolehkah saya mendapat satu gambaran, berapa hospital baru yang sudah dibina tetapi menghadapi masalah kaki tangan perubatan.

Saya ingat bahawa Menteri Kesihatan ada mengatakan, dia hendak mengurangkan *out patient* (pesakit luar) dan ingin menggunakan sistem klinik *mobile*. Saya berpendapat bahawa ini adalah satu cadangan yang baik dan apakah kedudukan sekarang. Ini kerana di Hospital Bukit Mertajam dalam satu hari terdapat lebih kurang 300 ke 400 pesakit luar dan ia datang dari Kulim, datang dari Kepala Batas dan juga kadang-kadang ada dari Pulau Pinang juga. Jadi, saya berpendapat bahawa kalau kita boleh mengadakan *physicians* di klinik-klinik desa yang boleh merawat pesakit-pesakit *out patient*, hospital-hospital seperti Hospital Bukit Mertajam mungkin boleh lebih fokus kepada penyakit-penyakit yang lebih serius.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, saya ingin menyeru sekali lagi bahawa kementerian mewujudkan satu sistem untuk menangani atau mengurus *medical negligence cases*. Ini kerana pada waktu sekarang kita tidak ada satu mekanisme walaupun kementerian mengatakan ia boleh merujuk kepada Majlis-Majlis Perubatan Malaysia tetapi Majlis-Majlis Perubatan Malaysia hanya mengambil tindakan disiplin terhadap doktor sahaja dan mereka tidak akan mengambil apa-apa tindakan ke atas *medical negligence* yang hendak mendapat pampasan dan kalau hendak membawa satu kes ke mahkamah itu adalah satu *mission* yang agak *impossible*. Jadi, saya rasa sudah sampai masa kita meninjau model yang dipakai oleh New Zealand, oleh Australia, oleh United Kingdom, India dan mengadakan satu mekanisme yang kita, Malaysia sendiri supaya kita juga melindungi, saya tahu kita mesti melindungi doktor-doktor tetapi kita mesti *balance* dan kita juga mesti *protect the patient as the consumer*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Saya berpendapat bahawa kementerian dan kerajaan tidak patut menggalakkan *medical tourism* kerana *medical tourism* ini yang banyaknya ialah untuk rakyat luar negara seperti di Pulau Pinang, yang banyak ialah untuk *plastic surgery*. Kalau ia dibenarkan atau digalakkan akan menyebabkan dan mengakibatkan lebih ramai lagi doktor dari hospital awam ia akan mengalih ke hospital swasta...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan. Minta penjelasan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masanya sudah habis, Yang Berhormat. Masanya sudah habis.

Puan Chong Eng: Pesakit-pesakit, orang ramai ataupun yang tidak mampu mendapat rawatan di hospital swasta akan menghadapi masalah. Jadi, saya rasa kita ini adalah *immoral*...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Chong Eng: Sebelum kita mempunyai doktor yang secukupnya di hospital awam kalau kita hanya memberi *operation plastic* itu adalah *immoral*...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan.

Puan Chong Eng: Sedikitlah sahaja, boleh?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai apa lagi? Masanya sudah habis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Habis? Saya boleh bercakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habis sudah, cukuplah Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

4.09 ptg.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi - doktor, tempat saya kurang doktor. Harap doktor pergi ke Kuala Krai. Saya ingin menyentuh 030200 - Pengurusan Hospital, 0120200 - Mesra Rakyat, 00400 - Hospital Baru.

Menyentuh dengan doktor di kawasan saya Kuala Krai hampir 200 ribu, hanya ada satu hospital. Dahulunya saya beberapa kali mengetengahkan supaya doktor dihantar terutama doktor pakar. Alhamdulillah, sekarang ini ada lapan orang doktor pakar dan masih kekurangan lagi doktor biasa empat orang.

Walaupun demikian doktor pakar telah memberitahu saya, dia kata, "*Kalau boleh Yang Berhormat hantar saya balik ke Kota Bharu*". "*Kenapa pula?*", saya kata. Dia kata, "*Hantar saya ke sini tidak dapat kerja dan tidak ada alat, jadi sia-sia sahaja saya pakar sini tidak boleh buat apa-apa.*"

Saya berharap pihak berkenaan supaya menghantar alat sebagaimana yang saya telah hubungi iaitu pertamanya dia kata dengan izin, *moving bed* ataupun katil-katil yang boleh bergerak dan yang keduanya adalah CT Scan. Ini amat-amat diperlukan di Kuala Krai kerana satu-satunya hospital yang menampung 4 DUN iaitu kira-kira 200 dan begitu luas kawasannya sampai ke Gua Musang sana.

Satu lagi doktor yang belum ada iaitu di hospital bandar Kuala Krai yang mana pesakit luar begitu ramai sekali tetapi ditempatkannya satu sahaja doktor. Yang memeriksa hanyalah atendan ataupun *nurse* ataupun pembantu untuk doktor-doktor ini. Kita harap di situ dapat ditempatkan doktor.

Mengenai yang kedua iaitu mengenai dengan 01200 – Mesra Rakyat. Pun diharapkan dapat supaya *nurse-nurse* ataupun pembantu-pembantu di hospital ini dapat didedahkan dengan satu mesra rakyat, satu taklimat dari pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat bermesra terutamanya dengan pesakit-pesakit yang hendak ke hospital ataupun yang menjaga. Kadang-kadangnya dengan suara yang keras dan tidak mesra langsung kepada rakyat. Begitu juga kepada doktor-doktor pakar, maaf saya, doktor pelatih yang mana bila pergi ini saya dapat pengaduan kepada pesakit terlalu ramai sehingga menyebabkan pesakit itu mendatangkan pening dan lebih sakit lagi oleh kerana didatangi oleh ramai doktor pelatih, lepas satu, satu kumpulan. Ini pun satu rungutan daripada pihak ini.

Dan yang akhir sekali, Tuan Pengerusi ialah mengenai dengan hospital baru. Saya difahamkan di Kuala Krai ada satu kawasan baru yang mana akan ditempatkan satu hospital besar dan saya ingin pihak kementerian memberitahu di manakah tempatnya dan berapakah jumlah peruntukan yang akan diberi untuk Kuala Krai ini.

Akhir sekali mengenai dengan doktor-doktor yang ke Kuala Krai ini ataupun ke luar bandar ini kalau dapat tidak kata kita suara sahaja tetapi mestilah diberi insentif yang lebih sedikit. Kalau tidak nama sahaja hantar tetapi orang doktornya tidak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sudah cukup.

Tuan Haji Mohd. Razali bin Che Mamat: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Putatan.

4.13 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin berucap pendek sahaja untuk berbahas bagi Kementerian Kesihatan bagi Maksud Bekalan 42, Butiran 032400 – Cardiology dan Cardiothoracic.

Pada tiga minggu yang lalu, Tuan Pengerusi, saya telah pergi ke General Hospital Kuala Lumpur untuk *checking* keadaan jantung. Jadi saya terpanggil dengan alat yang digunakan di hospital tersebut iaitu jenis *Siemens Acuson Sequoia Echo C256* yang ada satu unit sahaja di hospital yang besar di Kuala Lumpur ini. Jadi bila saya buat kajian tentang kegunaan dan peranan pegawai-pegawai atau pegawai-pegawai perubatan yang tertentu adalah seperti berikut yang pada tahun 2004 ada 20,000 orang yang dilawati dan pada tahun ini sudah menjangkau 24 ribu pesakit luar. Adalah dijangkakan pada tahun 2006, 26,740 pesakit luar dan dalam 976 dan yang telah dibedah melalui *scanning process* ini adalah 1,758.

Ini bermaksud, ini hanya pesakit-pesakit luar. Jadi saya ingin bertanyalah, berapakah jumlah alat jenis ini yang *supposed to be* terancang yang ada pada sekarang ini di seluruh Malaysia. Kalau saya tanya di Kota Kinabalu baru-baru ini, ini tidak ada di Kota Kinabalu walaupun ramai penduduk di situ. Ini saya ingin tahulah kerana adakah rancangan kementerian ini untuk memperoleh lagi lebih jumlah atau jenis-jenis alat *echo-cardiology* ini. Jadi jawatan ini pun hanya 410 orang sahaja di seluruh Malaysia ini.

Saya beralih kepada bagi pembangunan P.42, Butiran 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar iaitu berjumlah RM74,200,000 berbandingkan dengan Butiran 00400 – Hospital Besar iaitu berjumlah RM685 juta. Persoalan saya, adakah penduduk-penduduk di luar bandar ini tidak memerlukan rawatan pesakit yang hanya mengikut di sini hospital besar yang dibina di Putrajaya di persekitaran Klang Valley ini terlalu banyak saya rasa. Inilah saya minta kementerian untuk memberi perhatian kepada kemudahan klinik di luar bandar. Satu daripada antaranya adalah klinik desa yang kami mohon di kawasan antara Parlimen Putatan dan Parlimen Penampang iaitu perkampungan di sekitar itu termasuklah satu institusi pengajian tinggi di situ dianggarkan 20 ribu orang jumlahnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Jadi saya mintalah jika ini akan dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Kesembilan dan kalau ada, bilakah ini akan dilaksanakan. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya ingin mengehendkan lagi kerana saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atau Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Saya mengehendkan kepada dua orang sahaja lagilah atau tiga orang. Kepada Yang Berhormat bagi Jerai.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Haiya, Yang Berhormat Jerai tidak payahlah.

4.18 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Seputeh, *how are you?* Okey? [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Pengerusi saya pertama ingin berucap tentang Kesihatan Awam – 02000. Tuan Pengerusi,

pertamanya kita dapat lihat ini, saya hendak ucap tahniah Kementerian Kesihatan dengan *enforcement*nya telah *raid* dua, tiga tempat-tempat yang menjual ubat-ubat yang tidak didaftarkan.

Sekarang ini banyak kita lihat ubat-ubat kecantikan, ubat awet muda, ubat macam-macam ubat membesar, mengecil dan macam-macam ubat yang begitu mudah dijual. Saya hendak meminta kepada Kementerian Kesihatan di bahagian *enforcement* ataupun penguatkuasaan dan juga pihak Kementerian Kesihatan, pertamanya iklan-iklan di dalam akhbar dan di dalam TV dan sebagainya harus kalau dari segi perubatan mesti mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan sebelum benda itu boleh diiklankan kerana masyarakat umum apabila dia melihat dalam majalah, dia melihat dalam akhbar dan kadang-kadang dalam TV, diperkenalkan jenis-jenis ubat-ubatan ini, maka dia terpengaruh. Maklumlah kadang-kadang macam awet muda, semua orang hendak jadi muda. Macam Yang Berhormat bagi Sri Gading pun teringin hendak jadi muda, nampak *handsome* dan sebagainya. Jadi kita kadang-kadang terpengaruh dengan ubat-ubatan ini. Macam Yang Berhormat Seputeh...

Tuan Nasaruddin bin Hashim: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Seputeh pun sudah hendak jadi lagi lawa, lagi cantik, kan? Jadi, dia terpengaruh dengan ubat-ubat macam ini dan ubat-ubat ini mudarat. Ya, Yang Berhormat bagi Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Jerai. Saya setuju sangatlah apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Jerai. Tetapi ada satu yang susah kita hendak kawal Yang Berhormat, ini iklan atas pokok, tepi tiang telefon, atas pokok di merata-rata seluruh negara sekarang, di bandar di kampung. Tentang iklan ubat yang Yang Berhormat katakan ini macam mana kita hendak kawal? Takkan kita hendak pergi buang daripada poster di pokok itu, tahan lamalah macam-macam. [*Ketawa*] Macam mana itu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini juga menjadi tanggungjawab wakil rakyat. Apabila melihat iklan-iklan yang tidak ada nombor kelulusan daripada Kementerian Kesihatan kita telefon Kementerian Kesihatan bahagian penguatkuasaan buat laporan bagi tahu ubat-ubat ini diiklankan tanpa kebenaran maka pihak Kementerian Kesihatan akan buat *raid* akan kaji dan akan membuat tangkapan-tangkapan. [*Ketawa*] Sekarang ini Tuan Pengerusi saya sudah *check* dengan dua tiga orang doktor yang orang dok cucuk vitamin-vitamin ini. Vitamin C kita makan buah limau, kita makan buah-buahan - vitamin C lah, apa yang susah sangat, apa hendak pergi cucuk lagi, hendak pergi cekang muka dan sebagainya.

Jadi pihak Kementerian Kesihatan saya minta kerajaan pastikan semua iklan-ubatan termasuklah dari segi zahir dan batinnya harus mendapat kebenaran dan kelulusan daripada pihak kementerian. Kalau tidak ada ia tidak boleh dijual di pasar-pasar dan juga di tempat-tempat, kadang-kadang dijual di farmasi-farmasi, dijual di kedai-kedai ubat yang akhirnya akan memudaratkan seseorang itu. Dia lambat Tuan Pengerusi, ia memakan masa dan akhirnya *side effect* akan berlaku...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ...kepada pesakit-pesakit. Sri Gading dia hendak minta ubat awet muda. Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Jerai. Kadang-kadang kita pun ragu, kalau Jerai kata mesti ada kebenaran, kelulusan daripada Kementerian Kesihatan. Semua ubat-ubat keras, ubat-ubat kuat ini semua di kotaknya tertera tulisan "Dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan" entah ya entah tidak wallahua'alam bissawab, macam juga label halal haram itu. Kita tidak tahu dan ini amat berbahaya fasal sukatan makan ubat ini kita tidak tahu berapa banyak tiga biji, empat biji, lima biji.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sekarang ini pandai orang meniaga ini. Kalau perempuan – kecantikan, kalau tidak di muka di rambut, itu yang laris, perempuan amat terpedaya, lepas itu hendak cantikkan badan dia, yang gemuk jadi ramping, yang ramping hendak tonjol sana tonjol sini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukuplah Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Belum habis Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, masa habis.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang lelaki ubat...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...syahwatlah. Ini berbahaya ini dan ini memang menjadi kegemaran orang ramai. Tidak tahu Jerai setuju atau tidak atau makan juga ubat ini, wallahua'alam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya setuju...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Jerai gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hendak gulung macam mana Tuan Pengerusi, laillahailAllah, astghfirullahalazim. Okey dilulus Kementerian Kesihatan tetapi ia ada rujukan, ia mesti ada *reference* atas kelulusan tersebut. Kalau ia bubuh "lulus" sahaja tidak boleh, jadi yang ini satu. Lagi satu Tuan Pengerusi saya hendak tanya, klinik-klinik yang diiktiraf oleh MMA ini, klinik ini apabila telah diiktiraf oleh MMA mereka boleh membuat pemeriksaan dan sebagainya. Tetapi mengapakah saya difahamkan Syarikat Pantai Supreme System Sdn. Bhd. dilantik untuk dia pula untuk memeriksa pemandu teksi, pemandu bas yang untuk dapat GBL dan PSC mereka dan kos meningkat. Jadi yang ini pun kita hendak tahu kalau sudah doktor-doktor klinik MMA ini sudah disahkan sebagai doktor yang diiktiraf oleh kerajaan tetapi ada juga depa lantik syarikat ini untuk buat pemeriksaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah cukup Yang Berhormat, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya Tuan Pengerusi? *Okay last* sekali Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Last* sekali Gurun ini Tuan Pengerusi adalah kawasan perindustrian yang...

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat tidak payahlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kasihanlah Tuan Pengerusi, kasihan, ya.

Tuan Lau Yeng Peng: Inilah semangat Yang Berhormat yang sakit tetapi dia masih boleh bahas dengan secara bertenaga. Mengenai klinik yang diiktiraf oleh MMA ini. Yang Berhormat, walaupun klinik ini diiktirafkan tetapi saya difahamkan ada kadang kala doktor yang bekerja di bawah syarikat ini ada klinik ini tidak diiktirafkan dan ini membahayakan kesihatan orang ramai.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah cukuplah.

Tuan Lau Yeng Peng: Apakah Yang Berhormat cadangkan kepada kementerian itu...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bila dilulus oleh MMA makna doktor itu sahlah. Kalau doktor itu tidak sah tidak berijazah dan sebagainya makna macam mana dia boleh dapat kelulusan MMA, yang ini kita kena buat laporan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Jerai cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dan *last* sekali Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Berapa kali *last* Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Once for all [Ketawa] for this ministry itself, last* sekali Tuan Pengerusi saya hendak minta kawasan Gurun adalah kawasan diisytiharkan sebagai kawasan perindustrian automobil. Jadi saya minta kepada kementerian supaya *up grade*kan lah klinik kesihatan yang dok ada itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kasihanlah, pasal apa bila ia jadi kawasan industri, kawasan membangun, klinik kesihatan pun teruk. Jadi saya harap kepada pihak kementerian tolonglah *up grade* kan. Yang dok ada la tanah pun luas dan besar perbesar bagi jadi elok...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ...hak lain itu semua okey sudah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai cukuplah saya sudah bagi peluang banyak sudah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasihlah, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]

Tuan M. Kula Segaran: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagan.

4.26 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 010000 - Pengurusan, 020000 – Kesihatan Awam. Kementerian telah menguatkuasakan pelekat *hologram* kononnya hendak mencegah ubat-ubat tiruan atau ubat-ubat palsu. Apakah ia berkesan selepas enam bulan penguatkuasaannya? Sebenarnya penguatkuasaan *hologram* hanya membawa kenaikan harga ubat-ubatan kerana pengilang-pengilang atau pengimport-pengimport ubat perlu mendapat pelekat dari sebuah syarikat monopoli iaitu Medi Harta Sdn. Bhd. sahaja. Dan harga setiap *hologram* adalah lebih kurang 5.6 sen sekeping dan pengimport-pengimport ubat perlu membuka kotak-kotak yang besar yang mengandungi kotak-kotak yang kecil atau botol-botol yang kecil dan dilekatkan *hologram* dan kemudian dikotak balik semula untuk diedar kepada pekedai-pekedai. Ini meningkatkan kos upah sehingga 15 sen satu pelekat.

Dalam satu mesyuarat antara persatuan-persatuan pekedai-pekedai ubat-ubatan dengan menteri pada 17 Jun 2004, menteri pun dengan izin, *acknowledge that hologram can be counterfeited in China relatively easy and rapidly*. Dan Menteri juga *agreed and promise that he will look into the contract signed by the previous administration and explore any suitable exit cross*. Dan perkara ini sehingga sekarang pun menteri pun tidak memberi satu jawapan kepada persatuan-persatuan pekedai.

Tuan Pengerusi, saya menanya mengapa pelekat-pelekat hanya di *monopolize* kan oleh Samed Harta Sdn. Bhd. sahaja dan bukan dibuka untuk tender supaya mendapat harga yang lebih rendah atau kompetitif lagi dari syarikat-syarikat lain. Tuan Pengerusi sebenarnya kementerian telah mewajibkan semua ubat-ubatan perlu didaftar dengan KKM. Dan ubat-ubatan seperti minyak angin dan *tiger balm* yang lama telah diguna, ini pun untuk sapu di luar sahaja dan ia juga dikenakan *hologram*. Saya merayu sekiranya *hologram* ini tidak berkesan maka peraturan penguatkuasaan ini perlu dibatalkan supaya meringankan kos pengeluaran ubat-ubat dan pekedai-pekedai juga boleh menjual ubat-ubat ini dengan tanpa membimbangkan diserbu oleh KKM.

Lagi satu perkara berkenaan dengan salun persolekan. Apakah kawalan terhadap iklan-iklan dan perkhidmatan-perkhidmatan salun persolekan atau *beauty saloon*. Salun-salun ini tumbuh seperti cendawan di merata-rata bandar dan iklan-iklan di surat khabar dan juga *flyer-flyer* dihantar ke rumah-rumah. Salun persolekan menawarkan perkhidmatan seperti menguruskan badan, membesarkan bahagian tubuh tertentu, mencondongkan hidung, memutihkan kulit dan lain-lain. Ini semua memerlukan rawatan perubatan dan terapi tetapi juga terdapat kompelin-kompelin selepas membayar beribu-ribu ringgit tidak berkesan atau tidak memuaskan, malah ada yang lebih hodoh dan juga memudaratkan kesihatan dan perlu dikejar di hospital-hospital. Sekian sahaja terima kasih.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: [Bangun]

Tuan M. Kula Segaran: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Selangor, lepas itu Ipoh Barat, lepas itu kementerian menjawab. Minta maaf yang lain.

4.30 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh butiran 00400 - Hospital Baru dan Butiran 00201 -Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Di Kuala Selangor tidak ada hospital, di Tanjong Karang ada. Hospital Tanjong Karang yang bertaraf hospital bukan pakar hari ini menghadapi krisis keyakinan di mana rakyat dan pesakit di kawasan Tanjong Karang dan Kuala Selangor tidak mahu datang mendapatkan rawatan di Hospital Tanjong Karang tetapi lebih suka ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Hospital Sungai Buloh, Hospital Selayang dan juga Hospital Kuala Lumpur kerana hospital-hospital ini mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang tetapi masalahnya hospital ini terlalu ramai pesakit dan juga kedudukan yang jauh.

Hospital Tanjong Karang yang sudah berusia 44 tahun sudah tidak boleh dikembangkan malah beberapa perkhidmatan perlu seperti penubuhan Unit Fisioterapi, *Diabetic Resource Center*, Unit Pendidikan Kesihatan dan Unit Maklumat Setempat tidak dapat diadakan kerana sudah tidak ada ruang. Tambahan pula Hospital Tanjong Karang ini sudahlah tidak ada pakar, klinik rawatan pakar yang diadakan secara berjadual tidak memadai, pegawai-pegawai perubatan yang ditugaskan di hospital ini menghadapi *turn over* yang cepat, satu dua tahun dan pegawai perubatan yang datang terlalu *junior* tidak ada pengalaman, tidak cukup pengalaman dan belum *confirm* dalam jawatan.

Oleh kerana permintaan dan keperluan yang mendesak di kawasan luar bandar seperti ini saya harap Kementerian Kesihatan dapat menimbangkan cadangan untuk membina hospital bertaraf pakar di kawasan seluar 40 ekar yang telah diambil balik oleh Kementerian dan telah membelanjakan sebanyak RM2 juta pada tahun 2002. Baru-baru ini saya dengar kata tidak jadi. Tanah itu hendak dibangunkan untuk MRSM. Jadi saya minta penjelasan daripada Kementerian.

Yang kedua, Pusat Pertumbuhan Baru Puncak Alam tidak ada klinik kesihatan, di mana silapnya? Saya berharap Kementerian Kesihatan dapat merujuk kepada pemaju perumahan di kawasan ini untuk mendapatkan tanah yang sesuai untuk klinik kesihatan. Kemudian saya ingin mencadangkan kepada Kementerian supaya klinik kesihatan yang telah wujud di Kuala Selangor dinaikkan taraf supaya pesakit-pesakit dapat menerima kemudahan, peralatan dan pembantu perubatan yang cukup. Di samping itu mereka yang perlu rawatan buah pinggang, mesin hemodialisis patut ditempatkan di klinik-klinik kesihatan untuk memudahkan mereka menerima rawatan, tidak payah mereka pergi ke Tanjong Karang yang tidak cukup kemudahan.

Di samping itu klinik-klinik desa yang wujud hari ini yang berbentuk rumah bangunan kayu sudah dimakan oleh anai-anai, buruk dan patut dibina semula. Umpamanya di Bukit Kerayong dan juga di Bukit Badong malah di Parit Mahang pula menggunakan perpustakaan untuk klinik desa dan ini saya kira amat memalukan.

Inilah di antara perkara-perkara yang hendak saya bangkitkan betapa perlunya kemudahan perubatan dan kesihatan Kuala Selangor ditingkatkan demi memastikan rakyat dan pengundi Kuala Selangor hidup dalam keadaan sejahtera dan bahagia. Terima kasih Tuan Pengerusi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: [Bangun]

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Keputusan telah dibuat. Yang Berhormat Ipoh Barat. Cukuplah 40 orang kemudian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh menjawab.

4.35 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan mengenai Butiran 020100 - Pejabat Kesihatan Kecil Awam. Saya difahamkan ia patut dibina beberapa tahun dahulu di Kampung Tawas, Ipoh tetapi saya difahamkan tidak ada sebab-sebab yang tertentu dan hingga sekarang rata-rata penduduk di sana perlu pergi ke Hospital Besar Ipoh untuk mendapatkan rawatan. Apakah yang terkini mengenai perkara itu dan bilakah pusat kesihatan kecil akan dibina di Kampung Tawas, Ipoh?

Selain daripada itu ialah mengenai *recognition of medical degrees*, apakah terkini mengenai perkara tersebut? Lebih kurang beberapa bulan dahulu kerajaan telah memberitahu bahawa CSMU dan universiti-universiti lain di Crimea yang tidak lagi diiktiraf akan diperiksa dan diulang. Pihak-pihak yang berkenaan akan dihantar ke sana dan juga kepada *degree-degree* di lain-lain negara. Apakah yang terkini mengenai perkara tersebut? Apakah situasi di mana universiti-universiti tempatan di mana *ratio* di antara *lecturer* dan *medical student* adalah terlampau berbeza dan tidak semacam *standard medical requirement* di negara-negara maju dan di mana baru-baru ini seorang doktor pakar di Universiti Malaya yang telah memukul seorang lagi doktor semasa satu *surgery* dijalankan. Apakah tindakan yang telah diambil? Hingga sekarang saya difahamkan dia ada bekerja di situ.

Selain dari itu saya juga ingin tahu 032400 mengenai Kardiologi. Saya juga difahamkan di Hospital Besar Ipoh satu unit patut dimulakan beberapa tahun dahulu tetapi hingga sekarang bukan sahaja tidak ada doktor di sana, perkara ini tidak wujud pada sepatutnya diadakan *operation cardiology* di sana malah semua pihak yang memerlukan *medical facility* dihantar ke Penang atau ke Kuala Lumpur. Mengenai perkara psikiatri, saya ingin tahu apakah tindakan yang diambil supaya di setiap hospital ada satu *safe system* kepada pesakit-pesakit psikiatri. Baru-baru ini di Telok Intan seorang pesakit di mana kedua-dua mata beliau telah dikeluarkan oleh seorang pesakit mental dan 2 hari dahulu seorang pesakit mental telah memukul seorang pesakit mental yang lain di Ipoh sehingga mati. Ini satu perkara yang patut dielakkan dalam negara kita. Saya harap satu penelitian dibuat dan jawapan diberi.

Yang akhir saya ingin tahu mengenai *implants* kepada kes-kes kemalangan ortopedik. Apakah kita perlukan ada lagi sistem monopoli dan ramai di antara pihak yang tercedera tidak dapat membayar untuk mendapatkan *implants* dan sistem *welfare* yang sedia ada tidak memberi pertolongan yang segera supaya mereka mendapat perhatian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

4.38 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 40 orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran atas bajet yang telah diperuntukkan untuk Kementerian Kesihatan iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Rasah, Sri Aman, Kota Baharu, Kepong, Larut, Beluran, Kalabakan, Jasin, Serdang, Pendang, Bera, Gombak, Puchong, Bukit Gantang, Batu Gajah, Tebrau, Kuala Terengganu, Sabak Bernam, Santubong, Petra Jaya, Sekijang, Tanjong, Muar, Baram, Maran, Sepanggar, Pasir Puteh, Kubang Kerian, Temerloh, Tenom, Hulu Langat, Mambong, Bukit Mertajam, Kuala Krai, Putatan, Jerai, Bagan, Kuala Selangor dan Ipoh Barat.

Semua catatan telah saya ambil dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat berucap bolehlah bagi nota kepada saya dan tindakan yang sewajarnya akan diambil. Kita mempunyai 20 orang pegawai daripada Kementerian Kesihatan pada petang ini yang telah mengambil catatan-catatan di atas teguran dan pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Untuk isu yang berkaitan dengan pengurusan hospital dan juga sikap kakitangan kita, kita dari Kementerian Kesihatan memang sentiasa menjalankan atau mempertingkatkan budaya mesra pelanggan dan kita harap dalam masa akan datang kita dapat meningkatkan lagi budaya ini ke satu tahap yang lebih memuaskan supaya perkhidmatan yang kita berikan kepada pelanggan kita adalah baik dan diterima baik oleh semua pelanggan. Di bawah budaya mesra pelanggan ini kita akan menjalankan sistem pembelajaran berterusan supaya kakitangan-kakitangan kita dapat meningkatkan pengetahuan mereka dan kita juga akan mempertingkatkan kerja berpasukan supaya semua kakitangan kita dapat bekerjasama di antara satu sama lain dan perkhidmatan kita dapat ditingkatkan. Kita juga akan mempertingkatkan *multi-skilling* kita supaya kakitangan kita dapat mengendalikan kes-kes yang telah dirujuk kepada kita.

Berkaitan dengan penarikan lebih ramai lagi doktor-doktor dan kakitangan kepada institusi kesihatan, kerja ini akan berterusan dan kita akan mencari lebih banyak lagi jalan untuk memberi elaun atau insentif kepada doktor atau jururawat kita dan sebagainya supaya lebih ramai lagi dapat menyertai profesion kesihatan. Dari segi isu penyakit berjangkit ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Krai bangun

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Okey, sila.

Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Mengenai tangga gaji dan cara-cara untuk menarik supaya doktor-doktor lebih ramai berkhidmat di hospital-hospital kerajaan, saya ingin bertanya kerana laporan yang saya terima dari hospital dan juga doktor tempatan mengatakan bahawa tangga gaji yang diterima oleh doktor tempatan adalah lebih murah kalau dibandingkan dengan doktor-doktor yang kita ambil daripada warga negara asing. Betulkah perkara ini berlaku?

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita tengok gaji pokok barangkali untuk doktor-doktor asing ini mereka adalah dibayar lebih tinggi kerana kita kena bersaing di pasaran antarabangsa untuk memujuk mereka datang ke Malaysia. Tetapi bagi doktor-doktor tempatan kita ada lagi keistimewaan-keistimewaan yang lain seperti pencen dan sebagainya di mana kita akan berikan kepada doktor-doktor tempatan yang mereka dapat menikmatinya selepas mereka bersara.

Isu berkaitan dengan penyakit berjangkit pula, pada masa sekarang kita memang mengawal pekerja-pekerja asing yang datang ke Malaysia ini. Dahulu kita cuma mengadakan satu sahaja pemeriksaan kesihatan iaitu sebelum mereka datang ke Malaysia dan pemeriksaan itu dibuat di negara asal mereka. Tetapi kita dapati kadang-kadang pemeriksaan atau ujian ini tidaklah berapa berkesan dan pada bulan Ogos ini kita telah memastikan bahawa jikalau mereka datang ke negara kita yang pertama mereka mesti lulus ujian kesihatan di negara asal mereka dan apabila mereka datang ke Malaysia dalam masa

satu bulan iaitu 30 hari, mereka terpaksa untuk menjalani satu lagi pemeriksaan atau ujian kesihatan. Jika mereka gagal bermakna mereka akan dihantar balik. Dalam masa satu tahun iaitu dalam masa 12 bulan selepas mereka mendarat di negara kita mereka diwajibkan lagi untuk menjalani satu lagi ujian kesihatan sebelum pas kerja mereka dilanjutkan untuk masa lanjutan.

Ini adalah tindakan-tindakan yang kita ambil iaitu ujian yang kita jalankan adalah ketat dan baik supaya pendatang-pendatang asing yang datang ke negara kita adalah sihat dan tidak membawa penyakit-penyakit berjangkit. Tetapi masalah yang kita hadapi ini bukanlah berkaitan dengan pekerja-pekerja asing yang datang dengan saluran yang betul tetapi masalah yang dihadapi oleh Kementerian Kesihatan ialah yang diwujudkan oleh pendatang-pendatang asing yang tanpa izin. Kita tidak ada butir-butir berkaitan mereka ini dan kita tidak dapat menjalankan ujian kesihatan ke atas mereka. Ini adalah satu cabaran yang besar kepada kita terhadap penyakit berjangkit yang dibawa masuk oleh pendatang-pendatang asing tanpa izin.

Berkaitan dengan denggi pula, Kempen Anti Denggi memang sentiasa kita jalankan sepanjang tahun. Tetapi cuma kadang-kadang kita tidak dapat *highlight* kan apabila kes-kes tidak banyak dan saya rasa usaha kita untuk menangani denggi ini mestilah sentiasa dijalankan dan kita tidak boleh mengharapkan hanya Kementerian Kesihatan sahaja untuk menangani cabaran ini. Kita ada banyak lagi pihak seperti Kementerian Kerajaan Tempatan dan juga penduduk-penduduk juga kena ambil berat berkaitan perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, boleh saya undur ke belakang sedikit, berkenaan dengan pekerja asing yang datang secara haram, yang bilangannya begitu besar dan ini tidak diperiksa sama ada di negara asal mahupun setelah tiba ke sini. Tapi oleh kerana bilangan mereka ini besar dan kemungkinan besarnya mereka membawa penyakit, apakah yang sedang dirancang oleh kementerian bagi memastikan mereka ini juga dikesan dan seterusnya dibawa untuk pemeriksaan. Dari segi undang-undang kita faham, mereka ini *illegal*, tetapi adakah kita membiarkan mereka ini datang dan kemungkinan besarnya membawa penyakit. Bagaimana tindakan pihak kementerian misalnya dirancang dengan majikan mereka ni, kerjasama dengan imigresen, dengan polis dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choan: Terima kasih, Yang Berhormat. Apa yang kita hadapi realitinya, adalah bahawa kalau dia masuk tanpa izin bermakna dia takut kalau kita kesian dia. Kalau dia sakit pun, kadang-kadang dia tak datang kepada kita seperti ada beberapa kes malaria ni, bila dia sudah ada kes demam malaria, dia takut nak datang kepada *facilities* kerajaan kita kerana dia takut kalau dia datang, kita tangkap dia dan kita akan hantar dia balik. Begitu juga dengan dia punya majikan, kalau majikan dia bawa kepada kita, majikan dia akan kena tangkap. So, dari segi itu, Kementerian Kesihatan, kita memang sentiasa menggalakkan orang bawa penduduk-penduduk, adakah mereka pendatang asing mahupun orang tempatan kepada *facilities* kita supaya kita dapat merawat mereka. Tetapi apabila kita buat kerja-kerja seumpama ini, kita akan hadapi satu masalah yang lain pula, iaitu kita mesti memberikan rawatan kepada pendatang asing ini, tanpa izin. Ini bermakna dia akan menambahkan lagi beban kerja dan tekanan ke atas sumber manusia kita yang sedia ada. Ini adalah masalah atau cabaran yang kita hadapi.

Dan berbalik kepada nyamuk denggi ini bermakna kita sentiasa berusaha bersama, bekerja bersama untuk mengatasi penyakit ini dan cara untuk mengatasinya adalah mudah sahaja, iaitu bagaimana kita dapat hapuskan semua tempat pembiakan nyamuk aedes, tetapi cadangan ini senang dikatakan tapi sudah dijalankan dan hanya dengan kerjasama semua pihak barulah kita dapat mengatasi cabaran ini.

Berkaitan dengan penyakit kanser pula, kita memang dari Kementerian Kesihatan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ini tentang penghapusan nyamuk aedes.

Memang kita tahu bahawa kementerian bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain, tetapi apakah bentuk kerjasama ini, adakah ia berkesan atau tidak? Adakah kementerian menggunakan perkhidmatan entomologist untuk mengkaji ekologi nyamuk yang saya sebut tadi, kerana yang penting untuk menghapuskan nyamuk adalah daripada asas. Jika kita mahu hapuskan nyamuk, kita mesti tahu bagaimanakah nyamuk ini membiak, di manakah nyamuk ini boleh hidup, cari makan dan sebagainya, seperti yang saya sebut Kalau kita gunakan perkhidmatan entomologist, maka kita boleh tahu, di manakah nyamuk ini bertelur. Kita sudah tentu boleh menghapuskannya termasuk bekerjasama dengan PBT misalnya. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Kita daripada Kementerian Kesihatan memang menyelidik bagaimana telur-telur nyamuk ini membiak dan kita telah memberi pendidikan seperti sekolah dan sebagainya bahawa kita kena berjaga-jaga dengan tempat-tempat yang akan membiak nyamuk ini, seperti di tandas, apabila sekolah bercuti, tandas ini tidak ada orang gunakan tapi air itu bertakung di dalam *cistern*, *cistern* tu bermakna tandas dalam itulah, air dikeluarkan, penakung air ini dan juga di tempat-tempat lain seperti di longkang-longkang. Kita telah *identify* tempat-tempat seperti di Putrajaya pun ada, di mana pembinaannya, dari *construction* itu akan menakung air dan tempat ini kita telah memastikan dan kita telah dapat cari dan dapat mengenal pasti, manakah tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes ini dan kita akan menyebarkan maklumat ini kepada semua lapisan masyarakat supaya kita akan lebih prihatin berkaitan dengan tempat-tempat pembiakan ini.

Dr. James Dawos Mamit: Sikit lagi, penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Nyamuk aedes juga boleh membiak di *gutter* di rumah kita. Saya amat khuatir dengan *gutter* di bangunan yang tinggi, kerana kalau tidak ada pemeriksaan dari pihak kesihatan, maka nyamuk aedes memang bertelur dan membiak di situ.

Yang kedua Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah peranan *rapid response team* yang sudah ada di kementerian? Apakah peranan mereka di dalam menghadapi peperangan dengan nyamuk aedes ini?

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Memang *gutter* adalah satu tempat yang kita kenal pasti sebagai satu tempat pembiakan nyamuk aedes dan juga apabila kita tengok di bandar-bandar, kita ada banyak pangsapuri, flat, di mana bumbungnya adalah *flat roof*, itu juga adalah tempat pembiakan nyamuk aedes dan selalunya kita menggalakkan pengurusan untuk memeriksa bumbung yang rata yang di atas bangunan ini.

Berkaitan dengan *rapid response team* ini, tugas mereka adalah lebih kurang seperti *fire fighting*, bermakna sesuatu tempat itu bila sudah ada wabak penyakit ini, kita hantar kakitangan tambahan ini ke tempat itu untuk menolong kawasan itu mengatasi wabak itu dan apabila tempat itu telah reda, tak ada lagi kes-kes ini, mereka akan pergi ke tempat lain supaya mereka dapat menambahkan tenaga kerja di kawasan yang baru itu.

Dan berkaitan dengan kanser, penyakit kanser ini, Kementerian Kesihatan memang...

Datuk Ronald Kiandee: Penjelasan. Saya ingin tahu, adakah kementerian berpuas hati dengan kempen kesedaran terhadap bahaya denggi ini, nyamuk aedes ini kepada masyarakat, setakat yang diadakan oleh kementerian setakat ini. Adakah kementerian berpuas hati kerana kalau kita lihat, sepanjang tahun lalu, kempen 'Tak Nak!' ni lebih banyak duitnya digunakan daripada kempen kesedaran terhadap nyamuk aedes dan juga gejala daripada nyamuk aedes ini. Sejauh mana, keberkesanan kempen ini daripada sudut penglihatan kementerian.

Dato' Lee Kah Choon: Berkaitan dengan nyamuk aedes ini, kita memang ada ambil banyak tindakan untuk menyebarkan maklumat yang kita ada melalui televisyen dan melalui radio dan kita ada juga banyak sepanduk dan sebagainya yang kita gantung di jalan raya dan sebagainya. Dan untuk tahun 2006, kita akan cantumkan semua kempen media itu, iaitu anti merokok, denggi dan juga gaya hidup sihat dan sebagainya kerana kita rasa ini semua adalah berkaitan dengan kesihatan, dan kita akan cantumkan semua bajet

yang kita ada dan kita akan memberi, menyebarkan maklumat ini serentak, supaya kita dapat gunakan peruntukan yang kita ada untuk tahun yang akan datanglah.

Berbalik kepada penyakit kanser pula, Kementerian Kesihatan memang mengambil berat berkaitan dengan penyakit yang serius ini kerana kita telah dapat beli banyak mesin yang canggih yang kita ada seperti PET Scan dan sebagainya, kita telah dapat tempatkan satu di hospital Pulau Pinang dan kita akan tempatkan satu lagi di Putrajaya dalam masa yang singkat ini. Dan kita juga bercadang untuk mewujudkan satu Institut Kanser Kebangsaan di Hospital Putrajaya, supaya kita dapat merawat pesakit-pesakit dan juga dapat mempertingkatkan kemahiran perubatan kita terhadap penyakit ini.

Berkaitan dengan selesema burung pula, ini memang adalah satu cabaran antarabangsa yang kita sangat-sangat mengambil berat kerana sampai masa sekarang masih tidak ada satu vaksin yang dapat mengatasi selesema ini. Dan untuk mekanisme yang kita ada ini, pada masa sekarang kita terpaksa bekerjasama di antara beberapa kementerian supaya kita dapat membendung selesema burung ini. Dari segi Kementerian Pertanian, mereka akan menjaga ternakan-ternakan yang terdapat di Malaysia ini tidak dijangkiti selesema burung dan jikalau dijangkiti dengan selesema burung apa tindakan yang akan diambil. Dari segi itu, Kementerian Pertanian telah mempertingkatkan usaha untuk memeriksa ladang-ladang penternakan yang ada di dalam negara kita, itu yang pertama.

Yang kedua, kita akan mempertingkatkan lagi pengimportan ternakan-ternakan masuk ke Malaysia melalui jagaan Jabatan Haiwan, dan Kementerian Kesihatan juga ada memberi tahu jikalau terdapatnya burung atau ayam atau itik, kalau dia mati banyak, tolonglah beri tahu kita, jangan khuatir ke atas kerugiannya, kerana kerajaan kita akan memberi pampasan kepada ternakan yang kita musnahkan dan dari segi Kementerian Kesihatan pula, kita telah mengenal pasti beberapa hospital di negara kita, jikalau berlakunya selesema burung ini, kita akan dalam masa yang tersingkat, boleh mengeluarkan tempat untuk pesakit-pesakit ini kerana penyakit ini kalau menyerang kita bukan saja kena jaga pesakit, tetapi kita kena jaga juga kakitangan kita supaya mereka tidak dijangkiti.

Yang ketiga, kita juga kena jaga pesakit-pesakit yang lain di dalam hospital itu..

Tuan Pengerusi [Datuk Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Beluran.

Datuk Ronald Kiandee: Saya menonton siaran tayangan BBC semalam, ya BBC, Channel 13,saya melihat bahawa dikatakan *tamiflu* ni sebagai vaksin yang ditemui untuk melawan *bird flu* ini. Sejauh mana kebenaran dokumentari sedemikian. *Tamiflu* yang dibuat dari spesies yang seakan-akan bunga lawang dikatakan sebagai vaksin yang telah ditemui di China yang boleh membantu, melawan pesakit-pesakit *bird flu* ini. Soalan saya, sejauh mana kebenaran dokumentari tersebut, setakat ini. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih. Saya akan datang ke isu itu tetapi biar saya habiskan berkaitan dengan mekanisme yang telah kita wujudkan di negara kita untuk menghadapi selesema burung ini kerana selain daripada hospital, kita telah mengenal pasti 21 hospital di negara kita, jikalau berlakunya selesema burung ini kita akan dapat katil dan sebagainya untuk menjaga pesakit-pesakit kita dan dari bilangannya boleh ditambahkan lagi jikalau keadaan memerlukan.

Yang kedua tu, kita telah menempah, telah mendapat peruntukan dan kita telah menempah *tami flu* ini untuk peringkat satu dan kemudiannya kita akan tambah, tetapi pada masa sekarang, di seluruh dunia, kerana keperluan adalah lebih sedikit daripada keperluan.....bermakna kalau kita hendak tempah *tamiflu* ini, dia kena ambil sekurang-kurangnya dua, tiga bulan sebelum dia dapat dibagi kepada kita. Tetapi tempahan kita sudah buat supaya apabila kita menghadapi serangan ini, kita telah ada ubat-ubatan yang ada, yang kita tahu ada pada masa sekarang ini.

Dr. James Dawos Mamit: [Bangun]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: [Bangun]

Dato' Lee Kah Choon: Biar saya habiskan ini dan saya akan bagi peluang, berkaitan dengan kesannya. *Tamiflu* ini setahu saya bukanlah satu vaksin, ia hanyalah satu *inhibitor*. Bermakna dia itu adalah satu ubat *antiviral*, dia bukan vaksin. Ia tidak boleh

cakap kita makan supaya kita boleh tahan serangan selesema burung ini. Dia bukan satu vaksin. Ia cuma satu ubat *antiviral*. Adakah ia berkesan pada masa sekarang ini? Kita tidak pasti lagi kerana kita pada masa sekarang virus ini dia punya *mutation* itu tidak stabil lagi. Kita tidak tahu ia akan jadi sampai apa, virus itu dia akan jadi bagaimana, kita tidak tahu lagi.

Tetapi setahu kita yang ada pada masa sekarang ini, *tamiflu* lah satu ubat-ubatan yang kita ada, yang kita dapat untuk mengatasi penyakit ini. Ada juga beberapa laporan yang mengatakan *tamiflu* ini boleh menyebabkan ada *side effect* dan sebagainya. Tetapi, kerana ini adalah satu ubat-ubatan yang kita tahu ada pada masa sekarang ini, bermakna kita kena menyediakannya supaya jikalau berlakunya serangan selesema burung ini kepada kita, kita ada ubat-ubatan ini. Sila Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mana satu?

Dato' Lee Kah Choon: Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi Yang Berhormat ada sebut tentang beberapa hospital yang dikenal pasti. Jadi saya ucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Kesihatan. Saya hendak tanya dari segi pengetahuan jururawat desa di kampung-kampung...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita sekarang berada di mana? Bukan...

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Ya. Selesema burunglah ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Selesema burunglah ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada berkaitanlah?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Bukan, bukan, selesema burung. Jadi, adakah pihak jururawat desa mempunyai latihan mencukupi, mempunyai pengetahuan yang cukup. Misalnya untuk mengetahui simptom-simptom awal misalnya bagi pesakit yang terkena jangkitan selesema burung. Katakan satu orang pergi berjumpa dengan jururawat desa, di kampung-kampung, di hulu-hulu sana. Adakah mereka boleh tahu yang pesakit tadi dijangkiti selesema burung sebab jika lewat dan mereka tidak tahu, beri panadol sahaja dan sebagainya, akhirnya akan menyebabkan kematian perkara ini.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah satu aspek pengetahuan yang kita kena mempertingkatkan di kalangan jururawat kita. Tetapi kita kena faham bahawa selesema burung ini, dia punya *sign*, simptom adalah sama seperti selesema yang lain. Cuma, akibatnya adalah sangat serius. Bermakna bagi orang ramai untuk menangani penyakit ini adalah seperti biasa juga. Kita tahu selesema itu yang biasa atau selesema burung ini ia dijangkiti melalui *contact* dengan *faecal*, udara dan sebagainya. So, kita kena berjaga-jagalah. Selalunya kita kena cuci tangan dan sebagainya. Itu adalah *basic defence system* yang kita boleh buat dan ini adalah pengetahuan yang kita kena sebarkan kepada orang ramai supaya mereka tahu bagaimana untuk mengelakkan penyakit ini. Dan untuk jururawat dan sebagainya kita akan beritahu mereka bahawa jangan ambil ringan berkaitan dengan *sign and symptom* selesema. Adakah itu selesema burung ataupun selesema biasa.

Apabila berlaku kejadian seumpama ini, kita akan rujuk mereka kepada tempat-tempat yang telah dikhaskan untuk selesema burung ini. Ini adalah mekanisme yang kita telah sediakan untuk ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagikah?

Dato' Lee Kah Choon: Sikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: [*Bangun*]

Dr. James Dawos Mamit: [*Bangun*]

Dato' Lee Kah Choon: Bagi saya habis ini dulu, boleh? Dari segi itu juga Kementerian Kesihatan kerana ada beberapa penyakit yang menyerang negara kita seperti SARS, seperti Nipah virus dan sebagainya, mekanisme kita telah diuji pada masa serangan Nipah, SARS dan sebagainya. Kita akan dapat mempertingkatkan pengetahuan kita dari segi ini supaya kita dapat menambahbaikkan mekanisme yang kita sedia ada. Tetapi saya hendak menegaskan adalah bagi Kementerian Kesihatan kita tidak ambil ringan berkaitan dengan penyakit ini dan ini adalah satu penyakit yang kita rasa, jikalau kita tidak buat kawalan atau mewujudkan satu mekanisme yang baik, ia bukan sahaja akan menjadikan satu masalah atau cabaran kesihatan yang besar kepada kita, tetapi ia akan menjahanamkan ekonomi kita juga.

Jikalau ia berlaku, barangkali kita juga tidak dapat bermesyuarat di dalam Dewan ini juga kerana ini adalah satu kawasan yang terkurung dan ia boleh merebak. Kalau virus itu sudah menjadi *mutate*, menjadi satu virus yang boleh berjangkit dari orang ke orang. *Last* sekaliilah, bagi kepada Mambong bolehkah?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Lee Kah Choon: Okey.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya memang mengalu-alukan tindakan yang diambil oleh kementerian untuk mengawal merebaknya sesesema burung. Tetapi masalahnya begini, bagaimanakah kita boleh tahu atau kenal pasti *symptom* di burung itu sendiri ataupun di ayam-ayam kerana kalau burung belum mati beramai-ramai, ayam belum mati beramai-ramai, tentu kita tidak tahu. Tetapi mereka yang menjaga burung, yang menjaga ayam sentiasa bercontact dengan ayam itu dan dengan burung itu.

Mereka tidak tahu. Selepas itu mereka pula yang terjangkit oleh sesesema burung ini. Seperti mana yang kita tahu juga, sesesema burung boleh ditransmitkan di antara burung dan manusia dan boleh ditransmitkan juga di antara manusia kalau manusia itu sudah berjangkit. Jadi ini adalah satu masalah. Sekiranya jabatan ataupun Kementerian Pertanian ataupun jabatan haiwan menyuntik ayam-ayam yang sedia ada, maka ayam itu ada kemungkinan tidak akan mati. Ada kemungkinan juga sesesema burung sudah ada di ayam dan oleh kerana ia sudah disuntikkan, ia tidak mati. Oleh itu, mereka yang menjaga ayam, yang menternakkan ayam itu, mereka tidak tahu. Jadi inilah masalah kalau sesesema burung merebak.

Yang keduanya, kita tahu bahawa sesesema burung dibawa oleh *migrating birds* dan sekarang di merata-rata dunia. Seperti saya sebut tadi dalam hujah saya, kenapakah kita tidak menggunakan perkhidmatan *ornithologist* iaitu pakar burung untuk menandakan burung-burung di pelbagai negara, umpamanya di Vietnam. Kalau burung itu datang ke Malaysia, maka kita tahu burung Vietnam kerana ianya sudah ditandakan dengan cincin. Itulah *bird ringing*. Dalam kajian burung, kita katakan *bird ringing* kerana kita letakkan cincin di kaki burung. Kalau kita tahu burung itu daripada Vietnam, apakah yang harus kita buat? Ini penting kerana kita tahu ada kemungkinan juga burung-burung ini membawa virus H5N1. Mohon penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini masalah burung sudah ambil masa setengah jam.

Dato' Lee Kah Choon: Cuma jawapan saya ada...

Dr. James Dawos Mamit: Itu mati punya hal Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tidak cakap tidak penting Yang Berhormat. [*Ketawa*]

Dato' Lee Kah Choon: Saya ambil maklumlah Tuan Pengerusi. Berkaitan dengan pandangan itu, kita akan ambil beratlah dan kita sentiasa bertukar maklumat dengan negara-negara lain seperti Vietnam dan sebagainya berkaitan dengan keadaan sesesema burung di negara-negara ini. Saya beralih kepada isu yang lain.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Satu, satu.

Dato' Lee Kah Choon: Pendek sahajalah.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Sudah janji kan? Burung lagi, burung lagi. Ini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ya, tadi Yang Berhormat ada sebut yang *symptom* dia sama dengan selesema biasa, jadi tak ramai orang akan tahu. Jadi sejauh manakah pihak kementerian menjalankan kempen memberi kesedaran untuk *educate* orang ramai, orang kampung dan sebagainya, terutamanya di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi misalnya Rantau Panjang yang bersempadan dengan Thailand, berisiko tinggi, Padang Besar berisiko tinggi, Langkawi berisiko tinggi, Johor Bahru, Bera, Bera sebab saya kata tadi burung yang terbang dari Siberia akan singgah di Tasik Bera. Kita pun berisiko tinggi, jadi sejauh manakah pihak kementerian bercadang ataupun apakah ada perancangan untuk memperbanyakkan kempen kesedaran di kalangan orang kampung supaya faham tentang simptom ini ataupun bagi pihak jururawat dan sebagainya terutama bagi kawasan yang berisiko tinggi.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Kesihatan yang pertama peringkat satu itu kita akan mempertingkatkan pengetahuan dan kesedaran di kalangan kakitangan kita dan kemudian kita akan menyebarluaskan maklumat ini kepada rakyat jelata. Berkaitan dengan satu isu lagi iaitu pusat kecantikan yang telah dibangkitkan dan juga ubat-ubatan palsu dan haram.

Pada masa sekarang kita telah memastikan atau mewajibkan ubat-ubatan yang dijual di Malaysia ini kena gunakan hologram, dan untuk tahun ini sampai bulan yang terdekat ini kita telah dapat merampas lebih kurang RM9 juta barang-barangan, ubat-ubatan yang palsu atau yang diharamkan dan usaha penguatkuasaan akan terus, kita akan teruskan. Berkaitan dengan pusat kecantikan ini pada masa sekarang kita memang ada satu cabaran yang besar bagaimana kita dapat mendaftarkan mereka, kerana mereka adalah satu profesion yang agak luas bilangan mereka.

Ada yang refleksologi, ada yang mengamalkan perubatan tradisi dan pakar urut, juru cantik dan sebagainya. So kita sedang berbincang di Kementerian Kesihatan ini untuk...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kudat pula.

Dato' Lee Kah Choon: Biar saya habis ini dulu saya akan bagi peluang...

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Okey, okey.

Dato' Lee Kah Choon: Kita sedang berbincang di Kementerian Kesihatan bagaimana kita dapat wujudkan satu rang undang-undang, satu mekanisme di mana kita dapat mendaftarkan semua juru cantik ini supaya kita dapat mewujudkan satu profesion yang boleh berperingkat, bersaing kerana kita dapat tengok juga bahawa ini adalah satu profesion yang berpotensi dari segi ekonomi juga kerana pelancong-pelancong luar negara kadang-kadang mereka datang ke Malaysia ini kerana...kita dapat memberi perkhidmatan kecantikan ini kepada mereka dengan harga yang sangat-sangat rendah dan ...

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dua Ahli Yang Berhormat bangun.

Dato' Lee Kah Choon: Saya bagi dia dululah.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Pengerusi terima kasih Dato' Setiausaha Parlimen. Saya cuma ingin penjelasan daripada kementerian berhubung dengan perkhidmatan yang sekarang semakin popular dan ditawarkan oleh kebanyakan doktor-doktor swasta iaitu perkhidmatan ozon terapi yang sekarang ini bukan sahaja ditawarkan oleh doktor-doktor GP atau *general practice*, tetapi juga oleh doktor-doktor pakar dan ini memberikan satu gambaran bahawa seolah-olah ozon terapi ini yang merupakan satu perubatan alternatif atau yang dikenali perubatan alternatif, seolah-olah merupakan suatu rawatan perubatan ataupun yang diiktiraf oleh MMA.

Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah kedudukan kerana yang terlibat ini adalah doktor-doktor dan juga doktor pakar, demikian juga dengan *colon cleansing* yang semakin popular juga. Yang menghairankan sebahagian daripadanya ditawarkan oleh doktor yang bertauliah dan sebahagiannya ditawarkan oleh orang-orang persendirian, iaitu mereka itu adalah terdiri daripada *medical practitioner*. Jadi saya minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Ia perkara ini ada dua pandangan yang pertama itu adalah mereka yang tidak bertauliah menjalankan *incisive* punya pembedahan. Ini adalah salah di sisi undang-undang kerana mereka tidak bertauliah, mereka tidak mempunyai pengetahuan untuk menjalankan kerja-kerja ini, ini adalah salah di sisi undang-undang dan bagi mereka yang bertauliah mereka menjalankan kerja-kerja ini, yang pentingnya mereka mesti menggunakan ubat-ubatan yang telah diluluskan yang itu pertama.

Yang kedua kerja-kerja yang dijalankan atau prosedur yang dijalankan itu tidak boleh, dia mesti terhad atau terhad kepada kerja-kerja yang telah dibenarkan di bawah Akta Perubatan dan jikalau mereka telah terkeluar menjalankan kerja, terkeluar daripada apa yang dibenarkan di bawah Akta Perubatan ini, bermakna mereka boleh dirujuk kepada MMC iaitu *Malaysian Medical Council* supaya tindakan disiplin boleh diambil terhadap mereka dan jikalau didapati salah sijil menjalankan kerja atau *practising certificate* . mereka boleh mansuhkan.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Setiausaha Parlimen, *the treatment* itu sendiri macam mana, *the ozone treatment* itu?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini siapa yang bertanya ini?

Seorang Ahli: Terapi.

Datuk Ronald Kiandee: Oh! dibenarkan atau tidak, berkesankah tidak?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini siapa ini, bagi untuk siapa?

Dato' Lee Kah Choon: Saya bagi Larut dulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Saya tak tanya pasal *Channel* BBC. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, soal kecantikan ini memanglah kita tak dapat nafikan di mana-mana ia juga berlaku. Tadi Yang Berhormat katakan MMC ada kadar kawalan?

Tapi saya nak bertanya, siapakah yang memantau MMC ini atau MMA ini atas kadar yang telah diputuskan kerana soal kecantikan ini, sebelum itu soal kecantikan - selesema burung. Saya tadi tidaklah nak bertanya tetapi mungkin pihak kesihatan sudah lupa bahawa ada satu tempat di negeri Perak di Utara Perak di kawasan Gula. Gula, Yang Berhormat mungkin tahu Gula bukan gula-gula, di kawasan Gula di Kerian adalah merupakan satu perhimpunan burung seluruh dunia, ya betul. Segala-gala burung, saya tidak tahulah berapa kali Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini masalah burung.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak bertanya kepada pihak kesihatan, apakah pihak kesihatan sudah terlupa nak membuat kajian di sini kemungkinan di mana bermulanya selesema burung ini, kita hanya mengetahui ia dibawa daripada luar, tetapi burung-burung satu dunia Tuan Pengerusi berhimpun di Kuala Gula ini iaitu di daerah Kerian. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat tentang masalah burung-burung ini? Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma hendak menerangkan perbezaan antara MMA dan MMC. MMA ini *Malaysian Medical Association* ini ia adalah satu NGO yang ditubuhkan oleh doktor-doktor, di mana dia macam satu persatuanlah dan untuk MMC ini ia adalah majlis, *is a Malaysian Medical Council*. Dia adalah satu majlis di mana ia akan memantau kerjaya dan juga etika pegawai-pegawai atau semua doktor di negara ini. So, bermakna mereka boleh ambil tindakan pemantauan

dan juga tindakan disiplin terhadap doktor-doktor yang mengamalkan atau menjalankan kerja-kerja yang bukan *approved medical practice* atau *approved medical procedure*.

Memang ada satu *approve* punya *medical procedure*, bermakna ini adalah kerja-kerja yang dijalankan oleh semua pengamal perubatan. Jikalau kita menjalankan sesuatu yang luar biasa yang bukan yang belum *diapprove* atau belum di diluluskan oleh *the fraternity of medical practitioner*, itu bermakna itu adalah salah dari sisi undang-undanglah. Dan ini adalah beberapa isu yang ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pendang.

Datuk Ronald Kiandee: Ada soalan tadi Tuan Pengerusi.

Dato' Lee Kah Choon: Saya tadi ini adalah berkaitan dengan isu-isu yang ...

Datuk Ronald Kiandee: Ada satu soalan yang berhubung dengan ozon terapi ini. *You have to make it clear* seolah-olah kita tidak mahu ada tanggapan bahawa ozon terapi ini cuma merupakan satu *treatment* komersial yang dilakukan oleh pakar-pakar perubatan. tetapi dari segi kesannya terhadap mereka yang melalui ozon terapi ini. Saya ingin kepastian daripada kementerian, adakah tidak kesan yang benar-benar berguna kepada pesakit, kepada mereka yang melalui ozon terapi ini? Atau ianya cuma semata-mata satu komersial *exercise* yang dilakukan oleh *practitioners*.

Dato' Lee Kah Choon: Yang Berhormat, berkaitan dengan ozon terapi ini, kalau tak salah saya, saya tak tahu dia punya kaedah bagaimana tetapi saya pernah dengar bahawa kita keluarkan darah dari orang itu supaya kita *pass through the ozone* ...dan kita masukkan dalam badan itu. Saya tak tahu adakah itu apa yang dikatakan. Kalau macam itu setahu saya ini tidaklah dibenarkan tetapi kita kena tengok dia punya kaedah. Sebab dia punya kaedah itu bukan universal, so itu yang saya katakan saya tak berapa faham berkaitan dengan apa kaedah yang dijalankan dengan ozon terapi itu. Kalau dikatakan seperti yang saya terangkan itu, setahu saya itu adalah tidak dibenarkan di bawah Akta Perubatan.

Datuk Ronald Kiandee: Kementerian harus memantau ini.

Dr. James Dawos Mamit: Minta penjelasan.

Datuk Ronald Kiandee: Jangan jadi macam Vitamin C *injection* yang ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa yang berucap sekarang?

Datuk Ronald Kiandee: Tak, saya minta penjelasan.

Dr. James Dawos Mamit: Di masa ini yang berucap saya ke dia yang berucap?

Datuk Ronald Kiandee: Perkara yang sama, *continue* subjek saja.

Dr. James Dawos Mamit: Perkara yang samalah, saya pun mahu tanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan gaduhlah. [Ketawa].

Datuk Ronald Kiandee: Okey, okey, dia bagi Beluran.

Seorang Ahli: Duduk, duduk, bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee: Ya, saya inginkan kementerian harus membuat penjelasan terhadap ozon terapi ini. Jangan nanti setelah ramai yang melaluinya dan beribu ringgit telah digunakan tetapi pada akhirnya nanti tidak ada kesan kesihatan yang baik kepada mereka yang melaluinya. Kita hargai makluman yang dibuat oleh kementerian terhadap Vitamin C *injections* ini yang dikatakan memberi kesan kulit yang baik kepada ramai wanita. Tetapi akhirnya kementerian mendapati bahawa ianya tidak memberi kesan seperti yang dijangkakan. Kerana itu ozon terapi ini juga harus dilihat oleh kementerian dan buat satu penjelasan secara umum terhadap kegunaannya, keberkesanannya. Kita takut

dan ia juga macam jadikan sebagai satu komersial *exercise*, dia balik lagi komersial *exercise* ini oleh *medical practitioner*.

Dato' Lee Kah Choon: Seperti yang saya katakan itu kita kena tentukan apa dia ozon terapi. Seperti yang saya katakan itu barangkali itu satu kaedah, ada kaedah yang lain di mana kita masukkan dalam satu bilik ozon dan kita duduk dekat sana macam sauna lepas itu kita dapat hilangkan ...

Datuk Ronald Kiandee: Setiausaha Parlimen, saya rasa kalau tidak boleh jawab, kita biarlah kemudian boleh dijawab perkara ini kerana ianya serius.

Dato' Lee Kah Choon: Itu kita memang memantau keadaan ini dan jikalau kita rasa ada perbuatan seumpama ini atau amalan seumpama ini di pasaran tolong beritahu kita dan kita nak tahu dan kita akan *check*. Okey, boleh saya akan ambil berat berkaitan ini.

Dr. James Dawos Mamit: Tentang ozon terapi juga.

Dato' Lee Kah Choon: Okey.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Bagaimanakah kementerian tidak boleh mengawalkan amalan ozon terapi walhal lesen dikeluarkan oleh kementerian? Takkan *medical doctors* mengamalkan ozon terapi tanpa lesen. Ini adalah satu masalah, jadi kementerian haruslah mengawasi operasi mereka. Tentulah Kementerian tahu, saya ingat Kementerian tahu, kerana Kementerian yang mengeluarkan lesen, meluluskan lesen untuk mereka meramalkan ozon terapi ini.

Dato' Lee Kah Choon: Bagi pengetahuan Yang Berhormat, kerja-kerja kita di Kementerian Kesihatan adalah kita tidak memberi lesen kepada pengamal ini untuk menjalankan ozon terapi ni. Apa yang kita buat, kita bagi dia *practicing cert.* sebagai mengamalkan kerja-kerja sebagai pengamal perubatan, *just whatever they learnt from the university*, dia amalkan itu sahaja. Kalau dia menjalankan kerja selain daripada apa yang diajar di universiti mereka, itu adalah terkeluar daripada apa yang dibenarkan di bawah Akta Perubatan, ini adalah kaedahnya.

Berkaitan dengan beberapa ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pendang.

Dato' Lee Kah Choon: *Last* sekali, okey.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya berkenaan dengan peralatan perubatan. Sejak akhir-akhir ini ada satu syarikat dia menawarkan satu alat dinamakan Sonotron NDT – *non-destructive testing*. Mungkin kalau di Amerika, dia ada Food and Drug Administration (FDA) yang meluluskan. Apakah Kementerian memantau perkara ini, alat Sonotron ini ditawarkan kononnya boleh merawat bermacam penyakit, kencing manis boleh rawat, darah tinggi boleh rawat, asma pun dia boleh rawat. Kalau sakit lutut, *just* letak dekat lutut, lima minit dia boleh hilang, tak payah makan ubat.

Jadi apakah Kementerian memantau peralatan macam ini, kalau ubat kita ada hologram, tapi alat-alat macam ini adakah Kementerian meluluskan macam yang dibuat oleh FDA di Amerika Syarikat?

Dato' Lee Kah Choon: Mesin itu saya tidak pernah dengar Yang Berhormat, tetapi memang saya tak menafikan barangkali memang wujudlah. Ini adalah kerana *advertisement* yang kita jalankan itu kadang-kadang dia menyelewengkan kita, dia ada tipu kitalah, so kita kena jaga-jaga. Dan dari Kementerian Kesihatan, kita sentiasa memantau *claim-claim* yang kita tak dapat di *substantiate* dan kita akan ambil tindakan ke atas mereka yang mengadakan *advertisement* inilah.

Dan ini ada beberapa perkara, saya cuma dengan ringkasnya menjawab iaitu di Sabah iaitu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita akan mewujudkan, akan membina 24 lagi klinik di negeri Sabah dan pada tahun 2006 yang akan datang, kita akan memperuntukkan RM74 juta telah diluluskan untuk klinik-klinik untuk kenaikan taraf klinik-klinik di luar bandar. Dan berkaitan dengan penyelidikan, kita memang mempunyai *institute*

medical research yang akan menjalankan pelbagai penyelidikan untuk menangani denggi dan juga mencari vaksin-vaksin yang baru.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kudat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tuan Pengerusi, ...

Dato' Lee Kah Choon: Biar saya habiskan dulu, lepas itu kita boleh bincang yang *balance*.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat, saya mahu cakap fasal tadi tidak sempat berucap, saya mahu tanya sesuatu.

Dato' Lee Kah Choon: Saya boleh pergi balik, pulang balik nanti.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Okey, okey.

Dato' Lee Kah Choon: Dan berkaitan dengan mobil unit yang telah diminta, Kementerian Kesihatan masih mengadakan mobil unit, adakah kita gunakan bot ataupun kita gunakan helikopter dan juga kita gunakan kereta supaya kita dapat sampai kepada tempat-tempat pedalaman.

Dan berkaitan dengan caj-caj hospital dan juga klinik, kita akan mempercepatkan lagi iaitu peraturan di bawah *Private Healthcare and Services Act* supaya kita dapat mengeluarkan satu jadual *fee* di mana kita akan selaraskan semua caj hospital dan juga klinik swasta di negara ini. Dan untuk Hospital *Queen Elizabeth (QE)*, kita telah dapat, kita akan menambahkan satu lagi blok bangunan supaya kita dapat meredakan lagi keadaan di sana.

Dan berkaitan dengan Tabung Darah Negara, kita sentiasa mengalu-alukan ...

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat.

Dato' Lee Kah Choon: Nanti saya akan bagi, *don't worry*. [Ketawa]

Dato' Lee Kah Choon: Untuk Tabung Darah Negara kita sentiasa mengalu-alukan derma darah kepada tabung ini supaya kita dapat menjalankan pembedahan kecemasan yang terdapat di negara kita. Dan berkaitan dengan kempen derma darah yang telah dikatakan tadi, kalau boleh bagi maklumat kepada saya dan kita akan tengok apa yang terjadi dan kita akan memperbaiki keadaan itu. Dan masa menunggu kita memang berhasrat seperti yang sentiasa ditekankan oleh Menteri, kita akan mempertingkatkan perkhidmatan kita kepada rakyat jelata dan kita memang cuba untuk mengadakan satu had masa menunggu supaya tiap-tiap orang tahu dia datang ke hospital berapa lama dia kena tunggu. Dan ini adalah satu cabaran yang kita kena hadapi kerana kadang-kadang kita menghadapi kekurangan kakitangan dan kadang-kadang pesakit yang datang, dia memerlukan beberapa ujian barangkali kencing dia, kadang-kadang dia punya darah dan sebagainya.

Jikalau kita ada ujian seumpama ini, bermakna masa yang digunakan untuk adalah lebih panjang dan ini bermakna masa mereka terpaksa berada di hospital juga akan lebih panjang.

Di Hospital Pulau Pinang, kita telah dapat mengurang masa menunggu, cuma di tempat farmasi kita, kita kekurangan kakitangan dan kita telah mengambil tindakan supaya kita dapat mengurangkan lagi masa menunggu di Hospital Pulau Pinang. Saya juga ingin memberitahu bahawa Hospital Pulau Pinang ini, dia bukan hanya berkhidmat untuk penduduk-penduduk di Pulau Pinang sahaja, tetapi dia adalah *referral* hospital di kawasan Utara Malaysia. Ini bermakna orang dari Ipoh dari Kedah dan sebagainya mereka pergi ke Hospital Pulau Pinang untuk mendapat rawatan dan ini bermakna tekanan atas sumber manusia kita memang berat di kawasan itu.

Berkaitan air yang bersih dan sebagainya, kita masih menjalankan tugas kita di tempat pedalaman untuk membekalkan air yang bersih kepada penduduk-penduduk pedalaman. Ini bermakna kaedah graviti *fit* ini kita akan sentiasa jalankan. Berkaitan dengan CSMU saya rasa saya tidak payah berbincang banyak lagi, bermakna keputusan

telah diambil, ini bermakna keputusan yang kita putuskan itu akan dikekalkan. Berkaitan dengan pergaduhan di *operation theater*...

Tuan M. Kula Segaran: Penjelasan...

Tuan Lee Kah Choon: Nanti dahulu. ... berkaitan di *operating theater* ini, ini terjadi di Hospital Universiti, ini bermakna universiti itu perlulah ambil tindakan terhadap kejadian di dalam itu, mereka mesti membuat siasatan dan sebagainya dan tindakan yang sewajarnya patut diambil oleh universiti dan bukan oleh Kementerian Kesihatan. Ini adalah beberapa perkara yang saya sempat menyentuh dan jikalau ada apa-apa yang saya tidak sempat jawab, tolong beritahu saya dan...

Puan Chong Eng: Bukit Mertajam punya Hospital? Bukit Mertajam punya Hospital macam mana?

Tuan Lee Kah Choon: ... saya akan cuba untuk ambil tindakan. Saya akan bagi, *don't worry, don't worry*.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya Cuma hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, berkaitan dengan hospital di kawasan saya iaitu Hospital Daerah Pitas yang bernilai lebih kurang RM80 juta, yang telah pun siap lebih kurang dekat setahun yang lalu tetapi sehingga hari ini, belum lagi beroperasi. Apakah sebabnya hospital ini belum beroperasi dan bilakah ia boleh beroperasi kerana ketika ini ramai daripada penduduk di kawasan saya terpaksa pergi ke daerah-daerah lain untuk mendapatkan rawatan.

Yang kedua seperti yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen satu ketika dahulu, dalam perbahasan yang lalu bahawa untuk membuat satu kajian, apa yang saya pernah bawa dahulu berkaitan dengan ketiadaan doktor bagi Pusat Kesihatan Pulau Banggi. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada memberikan janji kepada saya untuk menyiasat perkara ini dan menyelesaikan masalah ini. Tetapi apa yang saya difahamkan, sehingga hari ini, belum ada apa-apa perkembangan yang lanjut dan *the last time I have ask you, I think that was about one year ago*.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih, berkaitan dengan perkara itu, perkara spesifik ini, cuma saya boleh katakan adalah hospital dan juga fasiliti-fasiliti yang kita ada ini, kita mesti mengambil masa untuk dibuka berperingkat-peringkat. Ini adalah kerana kita mesti mendapatkan kakitangan-kakitangan yang bersesuaian dari tempat-tempat yang lain supaya mereka boleh datang ke facility yang baru ini. Yang ini mengambil masa. Seperti hospital-hospital yang lain juga, seperti yang dikatakan di Serdang juga kita kena buka berperingkat-peringkat supaya dia kena ambil satu masa untuk beroperasi penuh. Berkaitan dengan Pulau Banggi, barangkali kita akan berbual tetapi saya tidak dapat, kalau tidak salah saya, saya tidak dapat surat atau satu catatan bagi kepada saya. Kalau boleh bagi catatan kepada saya, supaya saya tahu apa masalah dia dan saya boleh bincang dengan pegawai-pegawai berkaitan. Kadang-kadang itu saya minta maaf kerana kalau cakap-cakap itu kadang-kadang saya terlupa pula. Saya minta maaf, kalau boleh itu bagi saya satu nota dan saya akan tengok apa masalahnya.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai CSMU, bukan sahaja setakat pengiktirafan *medical school* dari CMSU, saya juga ada tanya mengenai MMC yang pergi menilai universiti-universiti lain di Ukrain dan duta besar Ukrain pun ada mengatakan mengesahkan bahawa MMC ada pernah pergi dan apakah keputusan itu? Apakah terkini mengenai di mana dikatakan MMC akan pergi ke beberapa luar negeri untuk mengetahui kedudukan sebenar mengenai *medical studies* itu.

Kedua adalah perkara Pejabat Kesihatan Kecil di Kampung Tawas. Saya ada bangkitkan perkara itu, tidak ada jawapan langsung mengenai perkara itu. Nombor tiga adalah mengenai pensyarah yang terlibat dalam gusti dengan lagi satu pensyarah mengatakan ia tertakluk kepada pihak Universiti mengambil tindakan. Saya ingat itu tidak menjawab apa perkara yang dibangkit kerana orang ramai khuatir jika seorang pensyarah yang menjalankan pembedahan, semasa itu perkara ini terjadi, patut membedah bukan terlibat dalam gusti dan sebagainya.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih, seperti saya tadi ada menjawab, berkaitan dengan MMC ini, saya tidak pasti adakah Kementerian Kesihatan selepas kita gantungkan pengiktirafan itu kita ada hantar orang pergi, tetapi kalau perlu tolong bagi saya tarikh bila kita hendak dapatkan pengesahan itu, tolong bagi kepada saya. Yang berkaitan dengan Klinik Kesihatan yang tadi itu, saya itu memang satu soalan yang spesifik. Saya tidak tahu apa yang terjadi, tetapi pegawai kita akan catat dan kita akan ambil tindakan.

Yang ketiga itu berkaitan dengan Universiti Hospital ini, saya harap kita kena faham, bahawa Universiti hospital ia adalah *teaching* hospital di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. So, bermakna kalau dia terjadi apa-apa itu dalam hospital mereka, ini adalah di bawah *jurisdiction* Kementerian Pengajian Tinggi.

Bagi kita Kementerian Kesihatan, kalau mereka ini adalah doktor-doktor bermakna mereka adalah doktor berdaftar. Bermakna di bawah MMC itu, barangkali kita boleh ambil tindakan. Tetapi ini adalah *disciplinary action* yang kita akan ambil di bawah MMC. Itu adalah dari segi Kementerian Kesihatan. Tetapi memang ada undang-undang yang lain yang mana kedua-dua doktor ini mereka boleh gunakan seperti *assault* dan sebagainya, sekian terima kasih.

Puan Chong Eng: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Cik Fong Po kuantiti: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat dia kata tadi dia hendak menjawab secara bertulis.

Puan Chong Eng: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Lee Kah Choon: Okey, yang *last* sekalilah, satu sahaja. Sebab kebanyakan soalan itu, saya cuba jawab, yang itu spesifik punya kita akan jawab, kita akan ambil tindakan, kita telah catat, sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Tadi dia akan beri satu?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Puan Chong Eng: Saya ada minta supaya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: ... memberikan satu gambaran bagaimana dengan masalah untuk mengisikan kakitangan perubatan di semua hospital yang baru. Kerana saya dengar Hospital Kepala Batas ada masalah, Hospital di Temerloh pun ada masalah. Banyak hospital yang baru mengatakan tidak ada kakitangan dan kerajaan mengatakan tahun lalu atau tahun lepas, katakan tidak akan membina hospital baru. Tetapi saya lihat bajet 2006 ada memberi RM685 juta untuk hospital baru. Jadi apakah keadaan sekarang, terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang dikatakan oleh Menteri Kesihatan adalah kita akan kurangkan pembinaan hospital-hospital yang raksasa iaitu bermakna RM700 juta, RM800 juta atau RM900 juta. Ini adalah satu, kita sudah buat pembinaan sebegini untuk penggal yang lalu dan kita sekarang hendak menumpukan sumber kewangan yang sedia ada ini untuk menaik taraf apa yang kita ada.

Ini adalah apa yang dikatakan oleh Menteri Kesihatan. Tadi saya terlupa juga berkaitan dengan *hump reduction* yang telah ada di sentuh oleh Yang Berhormat bagi Bera, saya akan cuba untuk menjawab secara bertulis. Sekian, terima kasih

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM7,369,430,000 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM7,369,430,000 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,296,765,800 untuk Maksud P.42 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM1,296,765,800 untuk Maksud P. 42 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

Maksud B. 43 [Jadual]

Maksud P. 43 [Anggaran Pembangunan 2006]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.43 dan Kepala Pembangunan P.43 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Ya, sila Yang Berhormat bagi Ledang.

5.41 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, walaupun saya bercakap awal tetapi saya hanya akan bercakap tentang satu perkara sahaja iaitu di bawah Butiran 080000 - Bomba dan Penyelamat - tentang lif-lif yang digunakan ke atas bangunan-bangunan yang tinggi, separuh tinggi dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, kalau mengikut prosedur setiap lif-lif bangunan ini perlu disemak dan dikeluarkan sijil setahun sekali, paling lewat pun mungkin dua tahun sekali. Tetapi dalam pemeriksaan saya, Tuan Pengerusi, saya dapati banyak lif di bangunan tinggi ini, pertamanya tidak bersijil atau kemungkinan ada sijil tetapi tidak ditampal. Kedua, kalau ada sijil pun saya semak telah luput, maknanya melebihi tiga, empat tahun. Sama ada telah disemak semula tetapi tidak di pasang sijil baru ataupun langsung tidak disemak.

Tuan Pengerusi, saya membangkitkan perkara ini kerana bagi mereka yang prihatin terhadap penggunaan lif di bangunan ini, mereka akan merasakan bahawa mereka sama ada selamat atau tidak. Sama ada mereka berada dalam lif itu selamat atau adakah mereka boleh menggunakan lif-lif tersebut bagi bangunan-bangunan yang guna sama untuk rumah pangsa dan sebagainya. Saya sendiri merasakan, Tuan Pengerusi, apabila naik lif saya fikir saya macam tidak selamat, saya terfikir mungkin kabel putus dan sebagainya. Ini sebab, pernah juga berlaku lif-lif bangunan tinggi yang putus kabel dan menyebabkan kemalangan serta kematian.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya ingin mengesyorkan supaya sekiranya Jabatan Bomba dan Penyelamat tidak mempunyai kakitangan yang cukup ataupun mereka memerlukan kaedah yang lain, yang mungkin mereka tidak boleh, dengan izin, *cope up*. Mereka boleh menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang sedia ada di luar, misalnya jurutera-jurutera perunding dan sebagainya. Sebab yang penting pada saya, setiap lif bangunan tinggi perlu disemak dan perlu dikeluarkan sijil yang sempurna dan di pasang di setiap lif-lif bangunan tersebut.

Kedua, Tuan Pengerusi, walaupun lif-lif tersebut disemak mungkin prosedur sekarang saya tidak pasti, tidak perlu ada sijil di setiap lif. Kepada saya setiap lif sesuatu bangunan tidak kiralah lif itu atau sesebuah bangunan itu ada lima atau enam, walaupun telah di periksa, saya berpendapat bahawa setiap lif mestilah diletakkan dan dipamerkan dan dipaparkan sijil-sijil daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat ataupun daripada jurutera perunding dan sebagainya yang dilantik oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang menyatakan bahawa lif-lif bangunan-bangunan tersebut telah pun diperiksa dan akan memberikan keyakinan kepada pengguna-pengguna bahawa mereka berasa selamat.

Ketiga, Tuan Pengerusi, walaupun kita telah semak, walaupun lif-lif tersebut mungkin ada sijil dan sebagainya tetapi kita juga harus peka bahawa lif-lif di bangunan tersebut termasuklah lif-lif yang ada di dalam bangunan Parlimen ini. Kadang-kadang saya berfikir saya naik dan terasa macam bergegar, kadang-kadang dia berenjut. Ini bangunan lainlah, bukan bangunan Parlimen, tetapi di bangunan hotel yang saya duduk sekarang. Kadang-kadang paras lantai lif lebih tinggi dan kadang-kadang pula lebih rendah pula daripada lantai yang sedia ada. Saya fikir ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tetapi Yang Berhormat tidak ada lif fobialah...

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Hah!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak ada lif fobialah? [Ketawa]

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Walaupun tidak ada fobia, Tuan Pengerusi, tetapi saya berfikir perkara ini perlu diberi perhatian, mungkin akan menyebabkan pelancong-pelancong asing yang datang ke negara kita, fikir negara kita tidak selamat, lif tidak selamat dan sebagainya yang boleh menjejaskan. Kalau Tuan Pengerusi tanya saya ada fobia, rasa-rasanya kalau dalam keadaan terpaksa, bergegar dan sebagainya, saya fikir saya terfobia, Tuan Pengerusi. Jadi Tuan Pengerusi, itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Muar.

5.45 ptg.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada tiga kepala, Butiran 080000 - Bomba dan Penyelamat, 050000 - Kerajaan Tempatan, 020300 - Pengawasan dan Penguatkuasaan.

Yang pertama ringkas sahaja, saya ingin merujuk kepada Unit Motosikal Bomba Penyelamat yang saya lihat begitu berfungsi dengan baik, di lengkapi dengan peralatan yang memadai untuk menyelamatkan awal jika berlaku sebarang kemalangan. Cumanya mungkin jumlah motosikal yang dilengkapi dengan peralatan ini biasanya bergerak dua buah, dua buah ini tidak begitu banyak. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya diperbanyakkan kerana kadang-kadang untuk tiba ke tempat yang berlaku kemalangan ini kenderaan yang besar tidak dapat masuk.

Cuma yang kedua tentang Bomba Penyelamat ini, saya ingin bertanya tentang pakaian ataupun uniform bomba kita, yang selalu menjadi persoalan. Ini kerana kalau kita tengok askar Melayu, berpakaian celoreng kerana ingin *camouflage* dalam hutan. Saya ingin bertanya kepada kerajaan kenapa bomba penyelamat pakai celoreng, *camouflage* dengan api kerana kalau ada orang tercedera dan yang hendak diselamatkan, tidak dapat menjerit meminta bantuan sebab tidak nampak anggota kita. Ini sebab pakaiannya berwarna macam api.

Sepatutnya dijadikan pakaian ini mudah dilihat, warna air macam itu, jadi api pun mungkin takut dengan warna air itu. Tidak tahulah bagaimana, cumanya kenapa pemilihan warna uniform ini menjadikan samar-samar anggota kita di dalam kebakaran. Mengenai kerajaan tempatan - dalam Parlimen saya ada satu pasar, di Parit Jawa, yang begitu baik disediakan tetapi semenjak 10 tahun, bumbung pasar ini rosak kerana laut air masin wapnya naik ke bumbung dan bumbung ini rosak. Bila kita tanya pada kerajaan tempatan atau majlis daerah dia kata tidak ada peruntukan.

Jadi, saya ingin bertanya apakah dasar kerajaan untuk menyelia bangunan-bangunan yang sudah lebih 10 tahun diperbaiki sejak kali terakhir dibaik pulih dan kalau boleh dilihat kerana ia banyak memberi manfaat kepada penduduk setempat dan di Parit Jawa ini juga dijadikan tempat untuk menaikkan ikan daripada pangkalan. Kemudian yang terakhir tentang pengurusan dan penguatkuasaan, perkara ini mungkin remeh tetapi saya lihat dari segi iklan dan papan tanda di *local council* tidak ada satunya peraturan yang

sekata. Mungkin di Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur tidak sama dengan apa yang ada di Muar dan sebagainya.

Ini kerana kita lihat kadangkala penggunaan bahasa kebangsaan itu diketepikan dan tidak ada diambilkan satu penguatkuasaan yang serius supaya pihak peniaga menggunakan dasar yang ada. Saya rasa ada di pihak kerajaan, cumanya mungkin penguatkuasaan kepada penggunaan bahasa kebangsaan dalam iklan dan papan tanda ini tidak dilakukan secara menyeluruh menyebabkan para peniaga, para pengusaha meremehkan dan mengabaikan peraturan yang kita sediakan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kapit.

5.49 ptg.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, Saya ini ringkas sahaja. Saya ingin menyentuh Butiran 08000 - Bomba dan Penyelamat. Tuan Pengerusi, saya mohon keterangan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkenaan sebenar status projek balai bomba di Pekan Song, di kawasan Parlimen saya buat masa sekarang. Adakah projek ini sudah diluluskan atau belum? Bilakah cadangan projek ini akan dibina? Saya mohon penjelasan yang tepat daripada kementerian tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi, projek balai bomba ini sudah lama ditunggu-tunggu oleh penduduk di pekan Song. Ramai pemimpin kerajaan telah mengumumkan kepada penduduk-penduduk di sana bahawa projek balai bomba ini akan dibina secepat mungkin dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini. Tahun ini, bulan Disember ini memanglah bulan dan tahun yang terakhir Rancangan Malaysia Kelapan. Projek ini belum lagi diketahui statusnya.

Tuan Pengerusi, malang tidak berbau, saya sungguh mengharapkan bahawa kementerian ini tidak akan mengecewakan penduduk-penduduk di pekan Song. Kalau ada terjadi kebakaran yang boleh memusnahkan nyawa dan harta benda, penduduk-penduduk di Song memang akan terkecewalah.

Tuan Pengerusi saya ingin menyuarakan sedikit, adakah kementerian ini benar-benar peka dan prihatin akan masalah rakyat yang tidak dapat menikmati servis dari balai bomba dan penyelamat terutamanya di kawasan pedalaman di Sarawak. Pekan Song ini tidak ada jalan hubungan dari pekan-pekan lain yang sudah ada balai bomba seperti Kapit dan Kanowit. Song ini hanya boleh dikunjungi melalui sungai dan ini memanglah bukan yang pantas sekalilah caranya untuk menyelamatkan di Pekan Song sekiranya ada kebakaran dan saya telah dapat maklumat sedikit apabila saya telah menanya akan tetapi saya inginlah pada hari ini mengetahui selanjutnya dan sebenarnya daripada kementerian sebelum saya menyoal lagi dalam mungkinnya di jawapan nanti. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kelana Jaya.

5.52 ptg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan 43, saya ingin merujuk kepada Butiran 040000 – Perumahan, 050000 – Kerajaan Tempatan dan 070000 – Perancangan Bandar dan Desa.

Berkaitan dengan butiran tersebut, ada dua isu yang saya hendak bangkitkan di sini untuk perhatian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pertamanya adalah berkaitan dengan kawasan lapang atau tapak rekreasi yang hendak diwartakan di mana pihak PBT kerajaan tempatan menjadi pemantau kepada semua skim pemajuan perumahan yang berkaitan.

Tuan Pengerusi, kawasan lapang yang telah dikenal pasti sebagai tempat rekreasi dalam skim-skim pemajuan perumahan hendaklah diwartakan dan dijadikan sebagai kawasan rekreasi seperti tujuan asalnya. Kita memang setuju bahawa hak penduduk tidak boleh dinafikan di kawasan lapang dan rekreasi yang telah dijanjikan kepada mereka melalui pelan kemajuan yang telah diluluskan oleh pihak PBT. Maka pihak kerajaan tempatan seharusnya mengambil tindakan sewajarnya supaya kawasan-kawasan tersebut dapat dikekalkan sebagai tapak kemudahan rekreasi.

Saya amat terkilanlah, Tuan Pengerusi, di mana terdapat tapak-tapak yang dizonkan sebagai taman rekreasi telah tidak dapat dilaksanakan sebagai tapak rekreasi seperti di atas Lot 17394, Mukim Damansara, Daerah Petaling yang seluas 29.39 hektar yang telah pun diberi nama Subang Ria Recreational Park semenjak projek perumahan Subang Jaya dimulakan pada awal tahun 1970-an dan sehingga sekarang masih tidak diwartakan sebagai tapak rekreasi. Oleh itu saya hendak tanya, pihak PBT telah mengadakan bahawa kawasan ini telah dizonkan sebagai kawasan tanah lapang tetapi mengapakah berlakunya tanah tersebut telah ada geran menjadi milik persendirian.

Oleh itu saya hendak tanya, bagaimanakah ianya boleh berlaku? Bagaimanakah pihak PBT kerajaan tempatan memantau semua projek pemajuan? Bagaimanakah tempat-tempat tersebut seharusnya diserahkan kepada PBT untuk diwartakan sebagai kawasan lapang. Itu isu yang pertama.

Berkenaan kedua adalah tentang perancangan perumahan juga.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan, saya hendak tolong sahaja, tolong Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok: Tidak apa, tidak apa, tidak payah tolong saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bagi, bagilah minta penjelasan sedikit sahaja.

Tuan Loh Seng Kok: Tidak apa, tidak apa nanti Yang Berhormat bagi Seputeh boleh ada masa sendiri untuk berucap, bangkitkan isu yang sama. *[Disampuk]* Ya, tidak apa.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bagilah.

Tuan Loh Seng Kok: Tuan Pengerusi...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya hendak tolong pun tidak bagi. Tuan Pengerusi...

Tuan Loh Seng Kok: Tuan Pengerusi, saya ingin teruskan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi, dia tidak bagi Yang Berhormat bagi Seputeh, sila duduk. Teruskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Nanti tolong saya ya?

Tuan Loh Seng Kok: Hah, okey *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, saya juga hendak minta pandangan dan penjelasan daripada kementerian. Apakah pendirian kementerian tentang projek pemajuan yang digelar sebagai *gated community*? Kita sentiasa nampak bahawa pihak pemaju mempunyai strategi pemasaran di mana mereka mengutamakan keselamatan pembeli-pembeli rumah, maka mereka adakan projek *gated community*.

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Tuan Loh Seng Kok: Di mana adanya dikatakan *gated community*, dengan izin, ada satu *safety zone* dengan adanya pagar ataupun tembok besar dan menjadikan sebagai satu kawasan eksklusif yang mementingkan sekuriti dan *safety* dan juga ada menjaga *privacy* pembeli tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong bangun, Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Tuan Loh Seng Kok: Saya hendak habiskan dahulu ya. Dengan itu Tuan Pengerusi...

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Menyampuk]

Tuan Loh Seng Kok: Samalah DAP tidak bagi, kawan pun tidak bagilah, ok. Saya hendak teruskan. Maka tentang *gated community* ini saya rasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberi tanggungjawab di mana sesebuah pemajuan itu harus mementingkan keharmonian masyarakat.

Sekiranya kita banyak memberi kelulusan untuk memajukan sesuatu kawasan itu menjadi sebagai satu *gated community*, bukannya ini nampaknya kita menggalakkan adanya *social segregation*. Apakah ini patut kita teruskan dan apakah langkah-langkah yang patut diambil oleh kementerian supaya semua pemajuan itu kita menggalakkan, mewujudkan masyarakat harmoni, masyarakat yang saling prihatin dan mengambil berat di antara jiran-jiran.

Itulah dua perkara yang saya hendak bangkitkan di sini dan mintalah pihak kementerian dapat menjawab dan supaya tentang *gated community* dan juga kawasan lapang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bukit Bintang.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Wah, Yang Berhormat Bukit Bintang.

5.57 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujukkan Butiran 050100 – Kerajaan Tempatan dan 00300 – Program Kebersihan. Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan kebersihan bandar raya Kuala Lumpur yang mana Alam Flora ditugaskan untuk menguruskan kebersihan bandar raya yang meliputi kawasan bandar, taman perumahan awam dan swasta, kedai-kedai dan pusat membeli-belah, pasar dan pusat penjaja.

Tidak boleh dinafikan tahap perkhidmatan pekerja-pekerja Alam Flora semakin meningkat dari masa ke semasa dan saya mengucapkan terima kasih kepada pengurusan Alam Flora kerana sentiasa memberi kerjasama kepada saya sebagai wakil rakyat yang apabila memanggil mereka untuk melakukan kerja pembersihan. Biasanya mereka tidak menolak dan melakukan kerja pembersihan pada tahap yang memuaskan. Ada kalanya ditolak atas sebab teknikal. Cuma saya ingin mengingatkan mereka supaya sentiasa bekerja rajin, bukan sahaja melakukan kerja menyapu kawasan, kutipan sampah-sarap tetapi yang penting ialah pembersihan longkang baik yang terbuka atau tertutup, yang mana jika tidak dibuat lebih kerap atau secara berkala, ini akan menimbulkan saluran longkang tersumbat yang jika berlaku hujan, banjir kilat mudah berlaku kerana air tidak mengalir dengan lancar.

Ini dapat dibuktikan di depan pejabat pusat perkhidmatan saya di Jalan Brunei, Pudu, atau di pejabat wakil rakyat Cheras di Batu 4, Jalan Cheras. Banjir kilat mudah berlaku atas sebab yang saya sebutkan tadi iaitu longkang tidak selalu dibersihkan.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya hendak tekankan di sini ialah kebersihan dalam dan di luar bangunan perumahan awam yang taman perumahan baik rumah pangsa, pangsapuri yang mana tahap kebersihan kawasan lantai dalam blok dan di persekitaran kurang memuaskan. Berbanding dengan 10, 20 tahun yang lalu kerja-kerja pembersihan oleh kontraktor pembersihan agak memuaskan kerana harga kontrak mereka agak tinggi dan mereka mudah menggajikan pekerja keseluruhan kawasan. Sekarang nampaknya harga kontrak semakin rendah dan skop kerja semakin kurang tetapi beban kerja yang bertambah menjadikan setengah kawasan perumahan awam dan swasta kelihatan tidak terurus, tidak bersih. Para pekerja mereka sentiasa berganti dan tidak tetap kerana bila dikesan didapati kontraktor atau majikan lewat membayar gaji mereka sedangkan gaji bulanan yang diterima agak rendah iaitu seorang pekerja pembersihan

hanya dibayar RM400 hingga RM500 sebulan. Apakah yang dapat mereka buat dengan pendapatan sebanyak itu dan tidak ada caruman KWSP dan PERKESO kepada pekerja-pekerja mereka.

Saya minta supaya pihak berkuasa tempatan tolong periksa kontraktor pembersihan yang enggan memberikan upah yang tidak munasabah kepada pekerja-pekerja mereka. Ini menjejaskan kehidupan para pekerja dan kerja-kerja yang dijalankan. Ada blok perumahan yang sampahnya tidak disapu, lantai tidak dibasuh dan najis manusia dan binatang bersepah-sepah terutama di perumahan DBKL. Bukan sahaja berdepan dengan masalah sosial remaja tetapi kawasan dalam blok pula kotor dan berbau. Untuk menutup mata pihak berkuasa para pekerja hanya membersihkan kawasan sekitar luar blok sahaja tetapi di dalamnya kotor, berlumut, hancing. Saya harap pihak berkuasa tempatan seperti DBKL dan Majlis Perbandaran meningkatkan tugas pemantauan kerja-kerja yang dibuat oleh kontraktor mereka. Jangan tutup sebelah mata, para penduduk berhak mendapat layanan dan perkhidmatan pembersihan yang memuaskan oleh pihak berkuasa tempatan kerana mereka adalah pembayar cukai dan caj perkhidmatan yang dikenakan.

Tuan Pengerusi saya suka merujuk 01600 - Program Perumahan Rakyat di Sewa. Satu peruntukan yang besar RM700 juta. Saya ingin mencadangkan bahawa perumahan rakyat ini haruslah di tempat yang strategik kerana banyak perumahan PPR yang dibina oleh pihak berkenaan tetapi tidak di tempat yang sesuai. Ini berlaku kerana ramai setinggan enggan berpindah ke tempat yang ditawarkan. Saya mencadangkan ini sebab ramai setinggan ini hendak ditawarkan tempat yang strategik seperti ada kemudahan asas, ada sekolah di sekeliling ada pasar dan kedai-kedai. Inilah satu tempat yang mereka hendak duduki. Saya mencadangkan ini kerana kementerian ini haruslah mengambil perhatian bahawa tempat yang strategik ini dibina lebih rumah PPR. Sekian terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong.

6.04 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi kerana memberi peluang saya membahaskan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya terus kepada Butiran 040000 - Program Pembasmian Kemiskinan Bandar iaitu kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM40.6 juta ini untuk program ini. Saya hendak tahu apakah program ini dan juga apakah keberkesanannya untuk membasmi kemiskinan di bandar kerana di dalam bandar terutamanya di bandar-bandar yang besar ataupun di pinggir bandar di bandar besar memang kemiskinan berlaku kepada golongan-golongan tertentu.

Golongan ini adalah golongan yang bagi saya adalah cukup malang kerana golongan ini biasanya mereka adalah berpendapatan rendah dan berpendidikan rendah dan juga menghadapi banyak tekanan sosial dari segi kewangan dan juga perbelanjaan harian. Kebanyakan golongan ini adalah punca ataupun anak-anak mereka ataupun generasi-generasi muda mereka adalah penyumbang yang utama kepada banyak gejala sosial di bandar-bandar tertentu. Maka saya berharap program-program yang akan diatur ini adalah menjurus kepada program yang memimpin mereka iaitu meningkatkan kemahiran satu golongan tertentu kerana kalau program-program yang berbentuk mesra rakyat ataupun berbentuk seminar ataupun kesedaran dan sebagainya bagi saya adalah satu program yang hanya berjangka waktu yang pendek tetapi dalam *long term* dengan izin *not to give them a fish but teach them how to fish*, itu yang penting. Saya hendak tahu bagaimana program ataupun apakah keputusan dan program untuk perkara ini.

Perkara yang kedua ialah mengenai PBT iaitu 100500. Sebagaimana yang sedia maklum kegagalan PBT di Malaysia lebih kurang 146 dan saya difahamkan kebanyakan mereka ini selalu mengalami defisit. Bila mengalami defisit mereka mengadu kepada kerajaan negeri ataupun kerajaan pusat di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri. Ini

adalah satu cabaran yang kita hadapi pada masa ini kerana pada masa yang sama kita pun tahu pendapatan daripada PBT ini selalunya daripada cukai taksiran ataupun pelesenan dan juga daripada denda-denda yang dikenakan daripada PBT. Tetapi apa yang saya hendak tahu ialah mengenai adakah satu mekanisme untuk memantau bagaimana mereka untuk berbelanja?

Maksud saya sebagai contoh di kebanyakan PBT sekarang ini bila mereka ini membelanja sesuatu projek dan sebagainya mereka ini telah menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa tertentu yang di mana biasanya dipengerusikan oleh YTP dia dengan dianggotai oleh pegawai tinggi di PBT untuk projek-projek tertentu sebagai contoh mungkin sebagai projek tertentu di mana kurang daripada RM200,000 itu, maka jawatankuasa yang dinamakan sebut harga ini akan menentukannya. Dan inilah masalah bagi saya inilah masalah yang timbul di sini kerana mungkin mereka tidak memberikan keutamaan kepada pembangunan sesuatu projek itu ataupun mereka sengaja memecahkan projek itu sehinggalah semua di bawah RM200,000 maka ini tidak payah melalui satu tender ataupun satu tender terbuka yang biasa diamalkan oleh PBT-PBT di negara kita ini.

Satu lagi masalah ialah mengenai sistem penyampaian di PBT di bawah tajuk PBT ini kerana sebagai contoh Yang Berhormat Menteri sekarang ini kalau untuk meng*issue*kan sesuatu lesen. PBT ini telah terpaksa melalui banyak proses jawatankuasa, *full board* dan sebagainya. Dan yang malangnya kadang-kadang ini telah menjadikan satu isu politik atau isu favoritism di satu *group* dengan *group* yang lain kerana bagi saya kalau kita hendak betul-betul menolong golongan yang miskin yang berpendapatan rendah, sebagai contoh penaja ini kita mesti memudahkan proses ini supaya mereka ini dapat lesen-lesen perniagaan penaja dengan mudah dan tidak payah *go through* ejen dan sebagainya. Ini berlaku di PBT tertentu dan kalau ada masa saya boleh bagi contoh-contoh yang tertentu.

Dan saya juga hendak tahu perkara ketiga yang mengenai Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah iaitu Butiran 093000 – Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah di mana sebanyak RM292 ribu telah diperuntukkan. Bagi saya ini terlalu kurang kerana masalah perumahan, masalah aduan sekarang ini banyak. Saya tidak menafikan keberkesanan tribunal ini. Saya difahamkan banyak kes telah selesai tetapi apakah *follow up* dia? Saya telah mendapat banyak aduan di kawasan saya bahawa mereka telah mendapatkan satu keputusan daripada tribunal tetapi pemaju-pemaju berkenaan tidak mengotai janji-janji terhadap keputusan tribunal.

Sebagai contoh kalau LLD, mengikut satu perjanjian jual beli, kalau sesebuah rumah, sesuatu *property* pembinaan terlambat maka akan mengikut perjanjian jual beli itu maka pemaju terpaksa memberi 10% daripada harga belian. Tetapi biasanya mereka tidak mengikut apakah keputusan yang telah diberikan oleh tribunal. Di sini saya mahu bertanya apakah rancangan ataupun status sekarang mengenai konsep di mana bina dahulu dan jual kemudian yang telah dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah mengumumkan bahawa satu kajian dan juga satu pelaksanaan satu team plan akan dilakukan pada masa depan yang telah diumumkan oleh beliau pada bulan Mei 2004. Saya hendak tahu apakah perkembangan terkini untuk ini.

Perkara yang keempat iaitu mengenai pembinaan bangunan Jabatan Bomba Anggota Penyelamat di Semenanjung Malaysia. Saya juga ingin tahu apakah status mengenai permohonan saya sebagai Ahli Parlimen Puchong untuk pembinaan Balai Bomba di Puchong yang mana pertambahan penduduk semakin hari semakin ketara. Untuk makluman Yang Berhormat, kalau sesuatu kebakaran berlaku di Puchong kita terpaksa mendapatkan perkhidmatan bomba daripada Subang Jaya ataupun di Bukit Jalil di mana perjalanan terpaksa melalui tol-tol ataupun kawasan-kawasan sesak dan teruk. Saya berharap Yang Berhormat Menteri memberi sedikit penjelasan kerana tanah sudah ada, lokasi sudah ada semua sudah ada dan lokasi strategik. Apakah perkembangan yang terkini.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, mengenai pengurusan sisa pepejal. baru-baru ini saya baca dari surat khabar bahawa kawasan pelupusan sampah sarap di Air Hitam, Puchong akan ditutup. Ini ada diumumkan oleh seorang ahli Majlis. Saya pun tidak tahu adakah ini tarikh yang muktamad ataupun satu tarikh yang telah diumumkan oleh seorang secara peribadi dan kalau tidak silap saya beberapa bulan yang lalu saya pernah bertanya

kepada kementerian bahawa satu tarikh muktamad bahawa penutupan di Air Hitam kawasan pelupusan tarikh dan hari bulan yang muktamad.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Akhir sekali Yang Berhormat Tuan Pengerusi, mengenai tanggungjawab PBT. Sekarang saya difahamkan PBT di Lembah Klang ada satu perjanjian dengan alam flora. Sebagai contoh MBSJ telah membelanjakan sebanyak 45% daripada jumlah pendapatannya yang lebih kurang RM130 juta itu untuk alam flora. Tetapi masalah timbul bagaimana dengan kawasan-kawasan baru, kawasan perindustrian, kawasan kediaman, kawasan pembangunan yang baru ini tidak termasuk dalam perjanjian. Maka PBT pun mengalami banyak masalah perbelanjaan bagaimana untuk membersihkan kawasan-kawasan yang menjadi sebagai daripada tempat mereka. Saya hendak tanya bagaimana adakah kementerian merancang untuk mengkaji semula perjanjian dengan Alam Flora ataupun untuk memperuntukkan lebih peruntukan kepada PBT-PBT tertentu untuk membersihkan kawasan-kawasan baru yang saya maksudkan tadi. Itu sahaja dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Eric Enchin Majimbun: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sepanggar.

6.14 ptg.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih juga tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang datang bersama-sama kita. Saya ingin menyentuh mengenai butiran 020400 - Skim Pinjaman Perumahan, saya rasa skim ini haruslah dialu-alukan oleh kerana kita tahu bahawa kerajaan punya keinginan ialah untuk memberikan setiap rakyat rumah sendiri. Tetapi apa yang ingin saya tahu ialah adakah Skim Pinjaman Perumahan ini betul-betul telah melaksanakan kegiatan untuk memberi setiap rakyat rumah kediaman sendiri sedangkan kita masih belum tahu ataupun belum dapat pasti di mana kalau kita lihat di Sabah saya rasa skim ini tidak begitu memberi penonjolan kesedaran untuk memberi pinjaman perumahan kepada rakyat.

Yang kedua ingin saya sentuh ialah mengenai Butiran 030000 - Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah. Saya ingin menyentuh ini oleh kerana kita tahu bahawa memang wujudnya Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah ini memang baik sekali tujuannya tetapi apa yang kita kesal ialah kesedaran di mana rakyat kita tidak begitu sedar mengenai tanggungjawab mereka ataupun tanggungjawab tribunal ini untuk memberi perkhidmatan kepada pembeli-pembeli rumah di mana kita tahu bahawa kebanyakan pembeli rumah ini apa yang kita tahu ialah bila ada masalah-masalah mengenai tuntutan kita diberitahu untuk berhubung dengan peguam-peguam sahaja, malahan kita boleh mengajukan tuntutan ini kepada tribunal itu sendiri. Inilah yang saya minta agar tribunal ini betul-betul memberi kesedaran kewajipan penuntut pembeli rumah yang bermasalah ini supaya mereka betul-betul dapat perkhidmatan daripada tribunal ini.

Satu lagi yang ingin saya sentuh ialah mengenai Butiran 00500 - Pengurusan Sisa Pepejal di mana memang ini adalah satu-satunya tujuan kerajaan supaya pengurusan sisa pepejal ini dapat betul-betul berkesan dan dapat betul-betul melaksanakan kebersihan untuk sisa pepejal supaya tidak mengotorkan alam sekitar dan juga keadaan setempat. Tetapi apa yang malang sekali ialah bila kita menyentuh tentang pengurusan ini selalunya Kerajaan Pusat akan beri tanggungjawab ini kepada kerajaan negeri. Saya rasa ini sudah sampai masanya agar Kerajaan Pusat juga memberi tumpuan supaya pengurusan sisa pepejal juga diberikan tumpuan oleh Kerajaan Pusat supaya sama-sama menangani masalah-masalah sisa pepejal ini disebabkan, memang ini bukan mudah dapat diusahakan.

Satu lagi ialah mengenai program Local Agenda 21 di mana kita tahu bahawa memang program ini begitu baik dan indah sekali jikalau ini dapat dilaksanakan. Tetapi malang sekali promosi dan juga kesedaran itu tidak begitu memberi keterampilan kepada rakyat. Saya rasa ini juga harus kita memberi satu kegiatan supaya program ini betul-betul dapat diresapi kepada kerajaan-kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan juga kepada kerajaan Negeri Tempatan dan juga rakyat setempat oleh kerana sekiranya program ini betul-betul dapat berkesan dan dapat dilaksanakan tentu sekali kita dapat manfaat yang begitu baik dan memang kebaikan itu adalah kebaikan rakyat sendiri.

Dan akhirnya mengenai program Pembasmian Kemiskinan Di Bandar. Saya rasa di bandar-bandar Sabah tidak juga kecuali di mana ramai penduduk-penduduk di bandar-bandar juga boleh digelar sebagai penduduk-penduduk yang miskin. Saya minta supaya program ini juga dapat disalurkan kepada negeri seperti Sabah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading.

6.20 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil bahagian dalam perbahasan Kementerian Perumahan ini, saya tak ada banyak kompelin Tuan Pengerusi, kerana ini antara Menteri yang terbaik, Menteri yang rajin, kerja dia *tip-top*, rajin, satu Menteri yang patut dicontohi. Banyak pembangunan yang telah dibawa olehnya dalam bandar, luar bandar yang ada kaitan dengan kementeriannya. Jadi saya tak ada kompelin Tuan Pengerusi. Cuma satu, saya sama macam Puchong nak minta ataupun menarik perhatian Menteri...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Eh, butiran apa ya Seri Gading?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa benda ni Seputeh, jangan kacaulah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Butiran apa, butiran apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh janganlah, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *You* jangan kacaulah, bangunlah kalau *you* hendak. *You* memang, bila saya puji MCA, DAP memang musuh sama MCA, sampai bila pun *you* tak boleh baik sama MCA, MCA pembela rakyat Cina tau, bukan DAP, apa *you all*,...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, MCA membela rakyat Cina, tapi DAP membela semua...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa.. [Ketawa] saya puji pun salahkah...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh dia tak bagi jalan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Naib Presiden DAP senyap aja, pasal apa, Timbalan Presiden...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya macam Puchong Dato' Menteri, nak menarik perhatian supaya disegerakan, pemaju-pemaju rumah ni, nak kena ajar, jangan kita biarkan, selama ini pembeli-pembeli rumah dizalimi, dianiaya kerana pemaju-pemaju yang gagal menyiapkan perumahannya, dia kena bayar bank, bayar itu, bayar ini, rumah tak dapat didiami. Jadi, usaha kerajaan nak ubah dasar supaya bina dulu lepas itu baru jual, harap disegerakan Dato'. Saya rasa Dato' boleh, Malaysia Boleh! Dato' Menteri pun boleh, itu satu.

Yang kedua, ini permohonan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Butiran 040000 Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: 040000, Tuan Pengerusi pun tahu, banyak sangat kosong Tuan Pengerusi, jadi kita tak mahu cakap kosong ni. Ha ini, Bomba dan

Penyelamat Tuan Pengerusi, Butiran 080000. Bomba dan Penyelamat, nak minta satu Dato' Menteri. Tolong, Dato' Menteri pun tau kawasan saya. Dia selalu datang kawasan saya banyak beri peruntukan. Saya harap dibina Balai Bomba di Parit Raja.

Parit Raja ini Tuan Pengerusi, ada universiti kat sana, ada kawasan perindustrian, ada taman-taman perumahan yang lebih hebat daripada Yong Peng, lebih hebat daripada Rengit. Rengit ada, Yong Peng ada, Parit Raja tak ada. Ini bukan sebarang parit, Parit Raja Tuan Pengerusi. Raja segala parit. Jadi, itu sajalah Tuan Pengerusi, minta keutamaan, berikan keutamaan. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Serdang.

6.23 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 03100 - Kemajuan Perkampungan. Isu pembangunan dan kemudahan asas serta infrastruktur di kampung-kampung baru pernah mencetuskan perbincangan hangat pada satu ketika dulu. Ada setengah pihak telah menyuarakan terhadap peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada pembangunan di kampung-kampung baru tidak memadai.

Saya sebagai bekas Exco bertanggungjawab, kampung baru di negeri Selangor dapat sedikit pengalaman cara mana peruntukan boleh disalurkan bukan saja daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tapi juga daripada kerajaan negeri dan juga PBT, di mana terdapat 421 kampung baru di bawah pentadbiran PBT. 31 kampung baru di luar daripada PBT. Walau bagaimanapun, seperti sungai di kampung baru itu, masalahnya untuk mengatasi banjir atau mendalamkan atau melebarkan sungai, itu adalah peruntukan daripada JPS. Katakan balai polis akan dibina di kampung baru itu, terserah kepada peruntukan Kementerian Dalam Negeri, maka banyak saluran peruntukan boleh disalurkan masuk kepada projek-projek, kemudahan asas di kampung baru, bukan saja daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun, saya sebagai anak daripada Kampung Baru Serdang, ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan terutama sekali Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, yang begitu prihatin untuk menjalankan kajian bagi menyediakan Pelan Induk Pembangunan Kampung-kampung Baru.

Tuan Pengerusi, sebenarnya langkah dan tindakan telah diambil oleh kerajaan pada masa dulu, tetapi pada masa kini, pihak kementerian yang di bawah Yang Berhormat Menteri telah memanjangkan lebih terperinci untuk mengkaji supaya pelantikan juru perunding, untuk mengkaji, teliti terhadap masalah sosial, ekonomi, pendidikan atau masalah di kawasan kampung baru, supaya sediakan satu *master plan* untuk *new village*. Ini telah menjadi kenyataan, saya rasa jika pelan induk untuk kampung-kampung baru ini dapat dijalankan mengikut jadualnya, maka projek pembangunan infrastruktur di kampung-kampung baru akan dapat dinaikkan.

Satu perkara lagi, di dalam butiran ini dengan adanya butiran kemajuan perkampungan dengan objektifnya, mengikut bukunya, objektifnya adalah merancang, menggubal dan menilai dasar-dasar serta strategi-strategi pembangunan kampung-kampung baru berhubung projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan asas dan sosioekonomi serta menyelaras, mengawal dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan kampung-kampung baru dengan sempurna. Inilah tujuan dan objektif. Dengan adanya Pelan Induk Pembangunan Kampung-kampung Baru ini akan dilaksanakan tidak lama lagi, saya minta penjelasan, Pelan Induk Kampung-kampung Baru ini, adakah telah terlibat secara langsung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan supaya akan diteruskan sampai tahun 2020, supaya mengikuti Wawasan 2020, supaya semua kawasan terlibat, wilayah atau kampung-kampung baru dapat menikmati kemudahan asas yang lebih sempurna.

Dengan demikian, saya mencadangkan bahawa satu Jabatan Kemajuan Perkampungan perlu diwujudkan di bawah kementerian. Dengan adanya jabatan itu,

dengan ada pengarahnya, dengan pegawai-pegawai kanannya, untuk selaraskan projek-projek...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dato' Yap Pian Hon: Tak ada masalah, minta maaf.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: ...supaya memantau projek-projek daripada segala peruntukan sama ada daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau agensi-agensi kerajaan dapat diselaraskan supaya lebih detail dan supaya lebih licin, lancar pada masa akan datang. Maka, saya harap cadangan untuk mewujudkan Jabatan Kemajuan Perkampungan itu perlu ditimbangkan dengan teliti.

Pada ketika dulu, Kementerian Pembangunan Kampung-kampung Baru telah diwujudkan, di mana seorang Menteri bertanggungjawab hanya untuk kampung-kampung baru dan kini di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya harap dengan jabatan dapat diwujudkan akan dapat menyelaraskan Pelan Induk Kampung Baru yang akan dilancarkan tidak lama lagi supaya rakyat, penduduk-penduduk di kampung-kampung baru menikmati kemudahan yang lebih baik.

Tuan Pengerusi, saya akan sentuh Butiran 30000 - Pembinaan Bangunan JBPM di Semenanjung Malaysia. Saya rasa gembira kerana Rancangan Malaysia Kelapan, projek untuk membina Balai Bomba di Balakong iaitu di kawasan tapak Bandar Tun Hussein Onn telah dikenal pasti. Peruntukan telah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Rakyat di kawasan Balakong ini dengan adanya 40 taman perumahan dan lebih 10 kawasan perindustrian, tambahlah balai bomba. Kalau kebakaran berlaku, bomba daripada Kajang, jauh daripada kawasan itu untuk memadam kebakaran di kawasan Balakong ini.

Dengan adanya cadangan dalam Rancangan Malaysia Kelapan untuk membina balai bomba di Bandar Tun Hussein Onn, rakyat berasa gembira tetapi berasa kecewa kerana projek yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan itu telah ditangguhkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: Dengan demikian saya mintalah supaya pihak kementerian menimbangkan keperluan di kawasan tersebut agar dilanjutkan projek ini ke Rancangan Malaysia Kesembilan supaya dalam tempoh lima tahun ini akan dapat diwujudkan balai bomba.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara iaitu...

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: ...030000 mengenai...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Gulung Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: ...tuntutan pembeli rumah. Ini satu cadangan untuk melindungi kepentingan pembeli rumah supaya tidak akan dapat ditindas kepada pihak pemaju. Maka saya difahamkan dengan adanya tuntutan bukan teknikal pada tahun lalu 1,300. Tahun ini dianggarkan 6,200 tuntutan tersebut dan tuntutan teknikal pada tahun 2004 ada 300 kes dan pada tahun ini dianggarkan 715 kes. Dengan adanya tuntutan ke atas tribunal tuntutan ini supaya dapatlah keadilan untuk melindungi kepentingan. Tetapi apa keputusan daripada tribunal itu tidak akan diterima ertinya pampasan yang diluluskan oleh tribunal ini tidak diterima oleh pemaju. Maka ada sesetengah pemaju...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Dato' Yap Pian Hon: ...enggan membayar pampasan kepada para pembeli rumah tersebut. Jadi mintalah pihak kementerian supaya ambil tindakan untuk jadikan pemaju itu ikuti arahan daripada tribunal supaya pembeli rumah akan dapat melindungi kepentingannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lipis.

6.32 ptg.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi Maksud Bekalan dan Pembangunan 43 ini pertamanya saya hendak bercakap tentang Butiran 050100 - Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, pentadbiran Kerajaan Tempatan ini sebagai kerajaan peringkat ketiga bagi saya adalah sangat penting. Terutamanya dengan izin dari segi *day to day running* pentadbirannya. Ada kalanya ada tempat-tempat yang Setiausaha dan sebagainya tidak ada. Di sini saya suka hendak mencadangkan supaya kalau susah untuk melantik Setiausaha dan sebagainya saya ingin hendak mencadangkan supaya Setiausaha bagi sesuatu PBT ini dilantik atau dipinjamkan daripada kalangan Pegawai Tadbir dan Diplomatik.

Oleh kerana saya percaya mereka ini berwibawa untuk melaksanakan tugas pentadbiran dan mengetuai jabatan ini kerana jabatan-jabatan PBT ini adalah penting atau Majlis Daerah dan sebagainya jadi kita letakkan grednya adalah gred M48. Dengan cara ini kewibawaan mereka ada. Ini juga dapat memberi peluang kepada Pegawai-pegawai Tadbir dan Diplomatik ini untuk belajar dan merasai bagaimana pentadbiran sesebuah Majlis atau Pihak Berkuasa Tempatan dan apabila mereka menjadi Pegawai Daerah dan sebagainya atau Yang Dipertua Majlis Perbandaran dan sebagainya mereka telah mempunyai pengalaman. Dengan cara ini kita dapat mengurangkan masalah yang ada bagi PBT-PBT yang sukar untuk melantik setiausaha-setiausahanya.

Yang keduanya, tentang perluasan PBT. Sekarang ada ura-ura untuk meluaskan kawasan liputan kawasan PBT sehingga ke kampung-kampung tradisional. Rasa saya yang ini kita harus berhati-hati kerana untuk servis atau memberi perkhidmatan kepada kampung-kampung tradisional ini agak sukar kerana kedudukan kampung-kampung ini tidak teratur. Sedangkan yang ada pusat pertumbuhan dan sebagainya kadang-kadang perkhidmatannya tidak berapa efisien. Jadi bila ditambah pula dengan kampung-kampung tradisional ini mungkin memberi masalah dan terutamanya bagi kampung-kampung tradisional ini kerana mereka selama ini telah berada di situ dan tidak pernah membayar cukai...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Larut.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: ...dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Larut bangun.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Boleh bagi masa?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Okey. Terima kasih. Saya hendak mencelah sedikit Yang Berhormat. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hanya menjaga lebih kurang 250 buah kampung sedangkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menjaga sebanyak kira-kira 3,000 buah kampung.

Saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat, mungkin Menteri ada di sini kalau bolehlah kampung-kampung tersusun ini kebanyakan kampung-kampung tersusun tidak kira di Ipoh baik, di mana baik adalah terletak dalam kawasan bandar. Saya hendak mencadangkan oleh kerana mereka juga bayar *assessment* atau *quit rent*. Kalau bolehlah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melihat tentang kekurangan di

kampung-kampung tersusun ini sebab timbul banyak masalah. Apakah pandangan Yang Berhormat supaya kita sebab di bawah kementerian saya difahamkan cuma ada 250 buah kampung yang di...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ...urus oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedangkan kampung tradisional lebih kurang 3,000 buah di seluruh negara. Sebab itu saya minta kalau bolehlah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melihat terutama sekali kampung-kampung tersusun yang masih lagi serba kekurangan walaupun mereka kadang-kadang terpaksa bayar *assessment* dengan izin dan juga...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ...cukai-cukai yang lain. Mungkin termasuk kawasan Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Sebenarnya kalau kampung tersusun yang telah masuk ke dalam...ini Kepong kenapa bangun? ...yang telah masuk ke dalam lingkungan ataupun liputan PBT itu memang terpaksa PBT bagi servis bagi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: ...perkhidmatan suka atau tidak suka.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulung.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Tapi yang kampung tradisional ini Tuan Pengerusi jadi kalau hendak masukkan ke dalam kawasan perluasan PBT kena berhati-hati. Yang keduanya yang akhir sekali Tuan Pengerusi iaitu 080000 mengenai dengan Bomba dan Penyelamat. Saya percaya Jabatan Bomba dan Penyelamat ini tidak dapat hendak meliputi semua kawasan.

Ada cadangan supaya ditubuhkan bomba sukarela terutamanya di kawasan-kawasan pertumbuhan desa dan sebagainya. Kalau dah ada bomba sukarela ini setakat ini apakah statusnya dan berapa bilangan pasukan bomba sukarela yang telah ditubuhkan dan apakah keperluan bantuan dan sebagainya untuk membolehkan mereka ini beroperasi bagi membantu bomba yang sedia ada. Jadi dengan itu terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong. Pandang apa Kepong?

6.38 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya Tuan Pengerusi. Halaman 513 – 040000 dan 050000 halaman 514,- 060000 dan 070000. Tuan Pengerusi...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Gulung Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak boleh gulunglah dengan cepat begitu. Memang tidak bolehlah itu.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya pihak kementerian mempertimbangkan cadangan untuk mengambil alih pengurusan penyelenggaraan rumah-rumah pangsa kos sederhana dan kos rendah. Pelbagai masalah telah timbul di seluruh negara seperti baru-baru ini ada di Batu 7 Kepong iaitu Taman Metro Prima, di Suria Megna B itu seorang budak 10 tahun terjatuh daripada lif dari tingkat 12 ke bawah dan terkorban dengan begitu sahaja.

Sebenarnya semua jenis lif, seseorang itu sama ada kanak-kanak ataupun dewasa tidak boleh buka lif dari dalam. Macam mana budak ini boleh terjatuh dan mati. Itu memang kita tunggu laporan dan saya berharap kementerian mengambil perhatian bukan

sahaja mengenai lif bahkan juga mengenai sampah-sarap, mengenai hal-hal penyelenggaraan yang lain. Di rumah-rumah pangsa ini memang tidak sempurna. Ada yang bela ayam, ada yang bela monyet, ada yang bukan monyet daripada Arau itu ataupun daripada Jerai. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of order.* Menghina Arau Tuan Pengerusi. Yang Berhormat tarik balik kerana menghina sahabat saya Arau.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: *[Ketawa]* Tarik balik.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak cakap Yang Berhormat Arau... *[Disampuk]* ada membela ayam, monyet, burung, anjing, itu ..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Burung, apa jenis burung Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Kucing. Burung kakak... pun ada, burung tiong pun ada seperti di sini. *[Ketawa]* Burung tiong pun adalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, semua ini di bawah mana satu Butiran?

Dr. Tan Seng Giaw: Butiran tu, saya dah ada butiran. Itu Penyelenggaraan Rumah Pangsa. Ia bela ni, dan macam manalah kita hendak itu budaya, itu rumah pangsa kurang di negara ini? Tak, tak, itu baru sahaja tak boleh gulung lagi. Dan itulah seperti di pinggiran Batu Caves. Saya pun dah berapa tahun sudah bangkitkan hal di pinggiran Batu Caves. Di situ, memanglah teruk. Penyelenggaraan sangat teruk. Lantai itu rosak, tenggelam dan sebagainya.

Dan pihak pemaju pun sudah bosan. Dan pihak penduduk pun tak mahu bayar. Jadi kalau kita teruskan dengan yang swasta ataupun yang awam tu kita tak boleh selesaikan, Tuan Pengerusi. Saya percayalah, Ahli-ahli Parlimen akan bangkitkan hal ini untuk selama-lamanya. Kerana rakyat Malaysia belum lagi bersedia tinggal bersama di dalam rumah pangsa. Itu masalah yang pertama.

Yang keduanya, mengenai pelan struktur di seluruh negara. Di Kuala Lumpur, baru-baru ini kita ada pelan struktur dan di Petaling Jaya, begitu juga.

Saya berharap Yang Berhormat dapat memastikan semua pelan struktur, di negara ini ada 144 kerajaan tempatan, semua pelan struktur diwartakan, diwartakan. Kerana Tuan Pengerusi, itu misalnya di Kelana Jaya, taman awam itu, 15 tahun tak boleh diwartakan lagi. Ini memang satu perkara yang tak boleh diterima. Dan itu, mengenai cara untuk *landscape*, untuk jalan dan sebagainya, misalnya. Ini saya lihat di Selayang, Taman Selayang Jaya. Satu bangunan di tengah jalan SJ1, Taman Selayang Jaya, di Batu Caves. Saya pun hairan.

Itu satu taman perumahan yang besar, yang moden, tapi di tengah-tengah jalan, ada bangunan. Bangunan untuk restoran pada mulanya, kemudian untuk kilang kek. Dan saya pun hairan juga. Hairan bt Pelik lah tu. Dan di pihak Majlis Perbandaran pun ataupun pihak PTG, meluluskan TOL. Lesen Menduduki Sementara. Saya pun hairan macam mana boleh buat macam tu? Ha, ini bermakna pihak Yang Berhormat Menteri..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ish, ish, ish...

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Menteri. Baik, hari ini dia hadir sendiri. Dan juga daripada Yang Berhormat Shah Alam. *[Disampuk]* Kita pujilah tu, kerana dia sudi datang. Ya, Yang Berhormat Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya nak gulung dah. *[Dewan riuh]* *[Ketawa]* Saya pun minta Yang Berhormat Menteri memastikan di dalam satu ratus empat puluh empat kerajaan tempatan itu, kita pastikan jalan tu tetap jadi jalan. Jangan adakan bangunan di tengah jalan. Itu tak bolehlah. Dan saya berharap, penyelarasan di antara kementerian

dengan Kementerian Sumber Asli pun boleh dipertingkatkan supaya PTG itu tak akan luluskan TOL kepada sesiapa pun. Ini termasuklah di kawasan saya. Jadi kawan saya, macam mana pihak PTG boleh luluskan TOL itu, jalan besar masuk ke Jinjang, di tepi itu diluluskan TOL pula.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup masa Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup, ya, ya. Tak bolehlah kita, dan kita mestilah adakan kriteria yang baru untuk TOL. Kerana pada asalnya TOL itu untuk itu cucuk tanam sahaja di dalam tanah-tanah yang belum digunakan lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tangga Batu nak minta penjelasan. Ya, tak dak - duduk.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, ya. Saya akhir sekali, saya meminta Yang Berhormat Menteri, kerana dia rajin. *[Dewan riuh seketika][Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Secara ikhlas, Yang Berhormat ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia kacau.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kepong,... *[[bercakap dalam bahasa Mandarin] [Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Berapa orang Menteri di dalam sekarang? Dua sahaja.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Menteri, patutlah mengambil perhatian mengenai jalan-jalan itu dijadikan kawasan tempat bangunan dan sebagainya supaya di seluruh negara kita ada jalan, tetap jalan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih. *[Ketawa] [Bercakap dalam bahasa Mandarin].*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau untuk itu boleh tunggu saya di luar. Tak payah cakaplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak, saya tanya, sudah makan belum? Sudah pukul 6 lebih. *[Bercakap dalam bahasa Mandarin] [Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, lebih baik pergi China bertandinglah, ya? *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yalah, ya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk].*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hilang deposit Seputeh, saya masuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Okay, dua minit, dua minit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Ketawa]* Okey, kita cakap dua minit. Kita jaga. Kita patuh kepada arahan Tuan Pengerusi cakap dua minit. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi, dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya nak bercakap pasal kerajaan tempatan Butiran 050000. Kita nak kerajaan tempatan Tuan Pengerusi, merancang betul-betul. Melulus satu-satu projek rancangan perumahan itu, harus mengkaji sebetul-betulnya. Kerana banyak kita dapat lihat itu, program rancangan-rancangan perumahan yang diluluskan oleh kerajaan, kadang-kadang tempat itu dah digazet sebagai

kawasan lapang, tetapi ditukar kemudiannya menjadi kawasan pembangunan dan sebagainya.

Ini menyebabkan rakyat kadang-kadang berasa gelisah dan susah. Kerana program-program, rancangan-rancangan diluluskan oleh kerajaan tempatan walaupun dalam majlis kerajaan tempatan itu cukup dengan pakar-pakar jurutera, dengan pakar *town planning*, tetapi apabila mereka meluluskan projek-projek, menyebabkan kadang-kadang kawasan, ... *[bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Kita minta pada kerajaan, pada Menteri membuat satu perancangan menasihati kerajaan tempatan kerana akhirnya, kerajaan yang menjadi masalah. Pemaju mendapat keuntungan, rakyat menerima masalah, kerajaan terpaksa menyelesaikan masalah rakyat. Ha, ini tak patut. Kerana pemaju untung. Dia kaut keuntungan yang begitu banyak. Dan saya nak pihak kementerian, Tuan Pengerusi,

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jerai, boleh minta sedikit penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak perlu Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak perlu Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sikit sahaja pasal kerajaan tempatan ini. Saya ingat, saya nak cadang Yang Berhormat, kita cadang pada kerajaan, yang ada cuma Kerajaan Pusat, kerajaan negeri. Tak ada kerajaan tempatan. Pihak berkuasa tempatan, apa pandangan Yang Berhormat? Kita cadangkan, kita gantikan kerajaan tempatan kepada pihak berkuasa tempatan? *[Disampuk]* Kerajaan Pusat dah ada, kerajaan negeri dah ada. Saya ingat tak *relevan* lagi kalau kerajaan tempatan tu kita ubah kepada pihak berkuasa tempatan. Apa pandangan Yang Berhormat, supaya tidak semua perkara ini diserahkan kepada kerajaan. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penubuhan kerajaan tempatan ini adalah untuk menyenangkan rakyat. Jadi, meringankan beban Kerajaan Pusat dan negeri supaya kerajaan tempatan jagalah kawasan tu. Tetapi kadang-kadang disebabkan oleh kepentingan tertentu, menyebabkan mereka ini telah lupa kepada dasar-dasar kerajaan. Menyebabkan rakyat susah. Saya nak minta Menteri, kalau boleh, kaji balik sistem perumahan.

Saya tahu, kadang-kadang sekarang ini, buat, siap dan jual. Tetapi juga masalah. Sekarang ini pihak *developer*, pihak kerajaan dan pihak bank kena duduk sekali. Kadang-kadang Tuan Pengerusi, pembeli jadi bankrap tidak pasal-pasal. *Declare* bankrap disebabkan oleh terpaksa ambil pinjaman rumah yang tidak siap. Walaupun saya berkali-kali pihak kementerian telah mengatakan kita sedang mengkaji untuk mengatasi masalah ini tetapi ini tidak dapat diselesaikan sampai hari ini. Ini kerana pihak bank kalau sudah bagi pinjaman, dia tidak kira rumah itu siap tidak siap, dia mesti bayar. Pembeli tidak boleh duduk rumah itu, dia terpaksa sewa rumah asing dan akhirnya dia tidak boleh, *cash flow*nya kelam-kabut dan menyebabkan dia susah. Jadi, yang ini saya minta dan satu lagi, lagi setengah minit, Tuan Pengerusi, belum cukup dua minit lagi pasal bomba.

Saya hendak minta pihak kementerian, bomba sukarela ini bagus. Dalam kawasan saya pun, ada empat, lima bomba sukarela dan kita membantu mereka. Sebagai wakil rakyat kita membantu. Tetapi saya berharap biarlah pihak kerajaan juga memberi

kelengkapan yang secukupnya kerana kadang-kadang mereka ini bertindak lebih pantas, cepat daripada bomba sendiri. Ini kerana mereka berada dalam kawasan yang dekat. Jadi, kalau kita bagi peruntukan untuk enjinnya, untuk dia punya uniform, bagilah depa pakai uniform juga. Kadang-kadang saya tengok, depa naik lompat atas lori bomba itu, dengan uniform tidak ada dan sebagainya. Jadi tidak nampak dia punya *[disampuk]* kewibawaan, *kestyleran*. *[Ketawa]* Jadi, kita bagi dia pakai uniform. Semua bomba sukarela ada uniform, bagi dia *training*. Bukan macam Kepong, duduk tidur sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Cukup.

Puan Chong Eng: Minta kereta bombalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sudah minta.

Puan Chong Eng: Sudah ada?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasihlah. *Kamsia, kamsia*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih, Tuan Pengerusi...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bomba mestilah ada air. Kalau pancur tidak ada air macam mana.

Tuan Lim Hock Seng: Sini sudah cakap pun, you lagi cakaplah. *[Bercakap tanpa pembesar suara]* *[Ketawa]*

6.52 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap di bawah Butiran 010000 – Pengurusan dan juga Butiran 060000 – Landskap Negara serta sedikit 08000.

Saya seronok pasal dua-dua Menteri ada di sini. Dua-dua Menteri ini *complement each other* sebenarnya. Menteri Perumahan Kerajaan Tempatan dan Menteri Kemajuan Luar Bandar. Tangga Batu ini Tuan Pengerusi, dia macam teratai, "*Akar dia tidak sampai ke bumi, pucuk dia tidak sampai ke langit*". Jadi hendak kata dia luar bandar, dia bukan luar bandar. Hendak kata dia bandar, jumpa Datuk Bandar, Datuk Bandar kata awak ini di dalam luar bandar. Jadi, sebenarnya kami berada di pinggir bandar. Bila mohon peruntukan dekat Kementerian Perumahan dan Kajian Tempatan, dia kata luar bandar. Luar bandar pula kata, begitulah lebih kurang. Jadi, kita ini merana, Tuan Pengerusi.

Jadi, hari ini saya hendak minta tolonglah kepada Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Luar Bandar. Tangga Batu ini walaupun dia macam teratai, tetapi dia ada loji penapisan minyak yang terbesar dalam Malaysia. Kalau katakan berlaku kebocoran dan kebakaran, orang Tangga Batu habis dulu. Satu balai bomba pun tidak ada, Tuan Pengerusi. Petronas ada balai bomba, lengkap untuk kawal kebakaran di dalam. Tetapi kalau ia *spill over*, melimpah ke luar, orang Tangga Batu habis mati kebakaran. Jadi, kalau boleh kerajaan negeri sudah boleh menyediakan tapak, kementerian minta tolonglah, alih-alihkan sedikit peruntukan kepada Tangga Batu untuk pembinaan balai bomba. Helikopter pun boleh diletakkan di sana kerana kalau berlaku kebakaran, mungkin yang paling serius sekali.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang saya hendak bangkitkan adalah berkenaan dengan landskap. Landskap ini Yang Berhormat Menteri, kerajaan di bawah Kementerian Kerja Raya telah menyediakan satu jajaran *highway* empat lorong daripada simpang empat terus sampai ke Muar, *cross* Tangga Batu. Alhamdulillah, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri, saya dapat lihat bila JKR sudah buat, landskapnya itu tidak ada keseragaman. Tanam pokok kelapalah, tanam pokok buluhlah dan sebagainya. Saya minta supaya Jabatan Landskap Negara di bawah kementerian menyelaraskan

landskap ini supaya ianya dijadikan sebagai satu *indicator*, satu petunjuk. Sebagai contoh, kalau turun Simpang Empat, ikut sahaja pokok kelapa *you* akan sampai ke Muar atau ikut sahaja pokok bunga kertas, kita akan sampai ke Paya Rumpit dan sebagainya.

Saya lihat landskap ini pula tidak ditanam secara serius oleh pihak pembina dan saya yakin oleh kerana ia telah meliputi kawasan perumahan kerajaan tempatan, terutama di negeri Melaka, di mana setiap inci tanah adalah tanah majlis-majlis pihak berkuasa tempatan dan mereka pula meletakkan tanggungjawab untuk menyelenggarakan ini di bawah pejabat-pejabat majlis-majlis daerah, majlis-majlis perbandaran dan juga majlis bandar raya. Jadi, saya minta supaya pihak Jabatan Landskap Negara meletakkan suatu garis panduan untuk penanaman bunga-bunga di sepanjang jalan yang terlibat di Parlimen Tangga Batu.

Seperkara lagi Tuan Pengerusi, mungkin untuk kebaikan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. *One stop center* yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menambahbaikkan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak perumahan dan kerajaan tempatan perlulah dipantau secara dekat kerana masa dulu, mula-mula Yang Amat Berhormat Perdana Menteri arahkan semua jabatan di peringkat majlis-majlis berkuasa tempatan telah pun mengadakan mesyuaratnya secara berkala dan secara berdisiplin.

Nampaknya hari ini perkara itu sudah jadi, "*hangat-hangat tahi ayam*". Hari ini kita telah menerima banyak rungutan daripada pemaju-pemaju dan juga pengusaha-pengusaha yang mengatakan permohonan mereka yang dihantar ke pejabat-pejabat ini tidak dilayan seperti mana mereka lakukan setahun dahulu. Tidak lama Tuan Pengerusi, baru setahun. Jadi, saya pohon supaya pihak kementerian...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: ...memerhatikan perkara ini secara dekat dan memantau supaya pegawai-pegawai yang melaksanakan tugas ini memahami sebenarnya hasrat kerajaan adalah untuk melihat kecemerlangan perkhidmatan itu berterusan dan konsisten. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lima lagi ya. Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

6.56 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 040000 – Perumahan dan 050000 – Kerajaan Tempatan.

Di Parlimen Kuala Selangor terdapat sebuah projek perumahan swasta yang terbengkalai iaitu di Taman Cahaya II, Batang Berjuntai. Pemajunya *Rui Development Sdn. Bhd.* - R.U.I. dan pembeli yang terlibat seramai 151 orang yang melibatkan 127 unit rumah kos sederhana dan 24 unit kos rendah. Projek ini telah terbengkalai selama lima tahun di mana pembeli yang terlibat telah pun menjelaskan 10% atau ada yang lebih kepada pemaju dari segi *down payment*, dengan izin. Bayaran peguam pun sudah selesai, pinjaman bank dan pinjaman kerajaan pun sudah dibuat. Kemudian cukai tanah, pejabat tanah pun sudah hantar kepada pembeli sedangkan rumah tidak siap. Mereka ini daripada golongan berpendapatan rendah, menyewa rumah dan setengahnya duduk kuarters dan ada pula yang hendak bersara tidak lama lagi.

Lembaga Hasil Dalam Negeri sudah hantar surat pengesahan tentang harta yang bakal dimiliki ini. Saya difahamkan pemaju menghadapi masalah dengan peguam, kontraktor dan konsultan dan saya difahamkan juga pemaju menghadapi masalah kewangan untuk meneruskan projek. Saya sudah bangkitkan perkara ini di pejabat daerah, majlis daerah, kerajaan negeri dan juga kementerian. Saya hendak tahu apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian untuk membantu pembeli-pembeli ini agar mereka ini

tidak teraniaya dan mereka ini - saya tahan - kalau tidak hendak dikeluarkan dalam TV3. Saya kata Menteri ini cukup prihatin dalam menangani soal perumahan rakyat.

Perkara yang kedua, saya hendak bangkitkan ialah menyentuh soal lisan yang saya bangkitkan pada 17 November yang dijawab oleh kementerian menyentuh soal, apakah tujuan dan faedah-faedah seluruh daerah Kuala Selangor diwartakan ke dalam kawasan pentadbiran majlis daerah. Jawapan yang diberikan oleh kementerian, Kabinet telah meluluskan pada 6 Oktober. Kerajaan negeri sudah maklum. Ini bersandarkan kepada perakuan Jawatankuasa Pemanduan Saiz Perkhidmatan Awam 19 Ogos 2004 yang setuju perluasan kawasan majlis daerah Kuala Selangor, meliputi keseluruhan daerah Kuala Selangor bertujuan bagi membolehkan majlis daerah berkenaan mengawal pembangunan pesat yang berlaku di kawasan luar majlis. Pada masa yang sama, majlis daerah berkenaan dijangka akan mendapat tambahan hasil dan ini membolehkannya memberi perkhidmatan perbandaran dan penyediaan kemudahan asas untuk faedah orang ramai.

Tuan Pengerusi, saya menjadi hairan dengan keputusan yang saya perlukan penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Menteri. Kalau keseluruhan daerah diwartakan, bermakna tugas, tanggungjawab, pejabat daerah atau pegawai daerah sudah tidak berfungsi. Semuanya dikawal dari segi pentadbiran, dari segi melibatkan implikasi perkhidmatan penguatkuasaan, juga melibatkan cukai dan juga kakitangan. Yang menjadi masalah Tuan Pengerusi, bahawa di luar kawasan majlis daerah, orang kampung, pekebun kecil hasil tidak seberapa. Kalau kena cukai, sudah kena cukai tanah, kena cukai pintu dan macam-macam syarat peraturan yang ketat. Saya bimbang, saya bimbang mereka tidak akan menyokong kerajaan lagi. Jadi saya harap...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Kalau benar perkara ini akan diwartakan pada pandangan saya elok kaji balik, jangan majlis daerah yang belum cukup licin pentadbiran dan keberkesanan dari segi perkhidmatan umpama nafsu kuat tenaga tak ada. Jadi kalau boleh buatlah secara berperingkat-peringkat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep : Ya, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Barat.

7.03 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya ingin masuk 040000 iaitu mengenai Perumahan. Bolehkah saya mendapat tahu dari menteri, apakah keadaan pembinaan flat-flat untuk disewa yang sedang dibina di Jalan Sungai Pari, Ipoh? Berapa buahkah yang akan dibina dan bilakah ia akan disiapkan? Beberapa rumah pangsa murah itu telah dibina tetapi belum lagi penyewa-penyewa dibenarkan masuk walaupun beberapa permintaan telah dibuat. Apakah kaedah-kaedah atau kriteria-kriteria yang diguna pakai untuk memilih sesuatu peserta atau yang ingin menyewa tempat tersebut dan apakah dasar kerajaan? Adakah ini benar bahawa selepas mereka menyewa beberapa tahun, pihak-pihak yang menyewa itu akan ditawarkan untuk membeli rumah-rumah flat-flat yang sedang dibina di Jalan Sungai Pari Ipoh ini?

Selain itu saya ingin menyentuh mengenai 06000 iaitu Landskap Negara. Tuan Pengerusi iaitu di empat kawasan Tambun, Ipoh Barat, Ipoh Timor dan Batu Gajah, satu sungai besar, Sungai Kinta yang melalui jalan di empat kawasan itu di mana landskap telah *approved* beberapa juta ringgit untuk membina dan mengubahsuai Sungai Kinta ini. Seksyen 1 dan seksyen 2 telah di siap tetapi tiba-tiba selain daripada itu semua tergendala, apa yang terjadi? Saya juga difahamkan ada *railway* patut dibina di majlis bandaran itu ada tetapi tidak ada langsung pembinaan itu dijalankan. Apakah perkembangan terkini mengenai perkara tersebut?

Selain daripada itu saya juga ingin menyentuh mengenai 01600 – Program Perumahan Rakyat disewa itu yang saya katakan sebelum ini dan terutama kepada

masyarakat miskin. Apakah pertolongan yang diberi oleh kementerian ini kepada pihak-pihak yang layak atau apakah kriteria yang sedang digunakan? Selain daripada itu saya ingin menyatakan mengenai Program *Local Agenda 21*. Berapakah majlis bandaran dalam negara ini telah mengimplementasikan *Local Agenda 21*? Adakah di antaranya Majlis Bandaran Ipoh yang kerap kali tidak mendengar atau mendapat apa-apa pandangan dari warga ratepayers? Apakah yang ditangani dan apakah yang akan dibuat oleh kementerian ini?

Juga mengenai 07000 – Perancang Bandar dan Desa. Bolehkah, Tuan Pengerusi, saya ingin tahu apakah kriteria pelantikan pegawai-pegawai ini? Saya ada berkenaan telah membawa perkara ini ke Kabinet dan apakah kabinet ini telah menyatakan mengenai perkara ini? Apakah pendirian kerajaan kepada hari hadapan *commission report* yang menyatakan bahawa kita perlu adakan pengundian di majlis perbandaran dan mustahak sekali..

Sebagai yang akhir saya nak kata mengenai 0609000 iaitu di Majlis Bandaran. Pada tahun 60-an, pihak kelayakan undi, *the third vote* telah dihapuskan. Adakah menteri berkenaan telah membawa perkara ini ke Kabinet dan apakah kabinet ini telah menyatakan mengenai perkara ini? Apakah pendirian kerajaan kepada hari hadapan *commission report* yang menyatakan bahawa kita perlu adakan pengundian di majlis perbandaran dan mustahak sekali..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Saya akan gulung. Dan mustahak sekali adalah bila seorang timbalan menteri mengatakan tribes dan gengsterisme ada di *local council*, kita tidak boleh elak dan tidak ada apa-apa *action* atau tindakan diambil terhadap timbalan menteri dan ini menunjukkan bahawa betul-betul perkara ini terjadi. Kita semua tahu bahawa ini adalah macam kongsi gelap. Timbalan menteri sendiri berkata dia pernah bertugas sebagai timbalan menteri dengan menteri berkenaan. Apakah pendiriannya? Apakah ini betul? Tetapi saya rasa ini betullah, kita semua tahu. Tetapi adakah timbalan menteri dapat memastikan satu pemantauan telah diambil supaya betul-betul perkara ini akan diberi perhatian dan tindakan diambil. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rembau.

7.06 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Kepala 50000 – Kerajaan Tempatan, saya berharap pihak kerajaan akan dapat menimbang untuk mengkaji semula kadar bantuan per kapita yang diberi kepada pihak berkuasa tempatan sebab kadar yang sekarang ini saya rasa dah lama tidak dikaji. Contohnya di Rembau. Pihak Rembau cuma menerima RM200,000 sahaja setiap tahun. Jadi RM200,000 ini sangat sedikit, hendak buat dewan serba guna pun tidak cukup, apa lagi kalau hendak buat kemudahan-kemudahan rekreasi seperti padang sepak takraw, badminton, futsal dan sebagainya.

Yang keduanya, Kepala 00100 – Projek Kecil. Saya juga hendak mencadangkan supaya pihak kementerian membuat kajian yang menyeluruh tentang keperluan, kemudahan dewan serba guna dan juga kemudahan rekreasi di tiap-tiap taman perumahan. Ini penting kerana dalam keadaan taman perumahan yang penduduknya ramai misalnya di kawasan saya, saya ada empat DUN. Tiga DUN di luar bandar, Rantau, Kota dan Cembung tetapi satu DUN di Paroi di pinggiran bandar. Jadi di Paroi ini ada lebih hampir 30 kawasan perumahan dan di tiap-tiap kawasan perumahan ini ada yang tidak ada dewan serba guna. Yang ada pun balai raya yang saya rasa tidak begitu sesuai lagi sekarang ini.

Saya cadangkan supaya di tiap-tiap kawasan perumahan, khususnya yang mempunyai lebih 500 buah rumah supaya dibina dewan serba guna yang lengkap. Yang lengkap dengan kemudahan untuk sukan dalaman seperti sepak takraw, futsal, kemudahan

untuk bermesyuarat, kemudahan untuk wanita menjalankan kegiatan ekonomi, kemudahan untuk anak-anak kita belajar dan sebagainya yang harganya katalah RM1 ke RM2 juta, sebab yang ada sekarang ini balai raya yang macam di kampung. Ini tidak sesuai lagi. Jadi mungkin buat permulaan saya hendak minta kepada Yang Berhormat Menteri supaya dipertimbangkan dibina sebuah dewan serba guna di kawasan Paroi iaitu tanahnya sudah ada di Taman Tasik Jaya dan diikuti oleh sebuah lagi di Taman Satria. Di kedua-dua taman ini mempunyai penduduk yang sangat ramai yang lebih daripada 5,000 orang.

Kemudian yang ketiganya saya hendak sebut, maknanya tadi kalau di taman-taman yang kecil mungkin dia boleh *combine*, satukan dan adakan satu dewan serba guna. Dengan cara ini bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah kemudahan riadah, kemudahan untuk tuisyen tetapi dalam masa yang sama juga boleh menyelesaikan masalah sosial di kalangan remaja. Sekarang ini kita faham masalah dadah dan sebagainya salah satu sebabnya ialah kerana tidak ada kemudahan beriadah, kemudahan untuk bersukan bagi remaja kita yang berusia di antara 15 ke 25 tahun.

Perkara yang ke akhir sekali soal Pembasmian Kemiskinan Bandar, Kepala 04000. Jadi saya difahamkan kementerian ada bercadang untuk membuat bancian indeks garis kemiskinan di bandar sebab *poverty line index* ataupun garis kemiskinan yang dipakai di luar bandar iaitu RM260 ke bawah bagi kemiskinan tegar, RM520 bagi kemiskinan tidak sesuai untuk digunakan di bandar sebab pada pandangan saya kos hidup di bandar lebih tinggi. Jadi saya harap dapat pihak kementerian memberikan jawapan bilakah bancian ini selesai dan apakah program-program yang akan dijalankan supaya dengan itu mereka yang tinggal di pinggiran bandar khususnya akan dapat menikmati hidup yang lebih selesa. Sekarang ini kita sedia maklum...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Dato' Firdaus bin Harun: Satu minit lagi. Sekarang ini kita sedia maklum kos tuisyen sahaja, kalau tuisyen prasekolah di bandar RM100 ke RM200. Jadi yang tinggal di bandar itu bukan mereka yang kaya, kebanyakan di kawasan saya di Paroi ini berpendapatan rendah dan sederhana iaitu bawah daripada RM2,000, bawah daripada RM1,500 sebulan. Dan mereka ini kebanyakannya ada empat, lima anak yang masih lagi makna tengah aktif. Jadi saya harap pihak kementerian dapat pertimbangkan dari segi program-program susulan setelah dapat hasil bancian tadi, menentukan garis kemiskinan tadi supaya dengan itu mereka yang tinggal di bandar, yang mencari hidup di bandar akan dapat kehidupan yang lebih selesa dalam keadaan kos hidup yang meningkat sekarang. Terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pada jam 7.30, menteri boleh jawablah. Tanjong.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bila sampai DAP, ...

Cik Fong Po Kuan: Bila sini sahaja mahu ucap, mahu tutup.

7.11 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 040000 - Perumahan. Saya ingin tanya Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bilakah keputusan muktamad akan dibuat untuk melaksanakan konsep bina kemudian jual. Kita boleh katakan dengan kepastian bahawa pada masa kini para pembeli perlu memikul segala risiko apabila pemaju tidak dapat menyiapkan projek mereka seperti mana dimeteraikan dalam perjanjian.

Pelbagai pihak khususnya dari sektor pemaju dan institusi kewangan telah menyuarakan bahawa pelaksanaan konsep ini akan menjejaskan sektor perumahan dan konsep ini tidak patut dilaksanakan. Meski pun konsep ini tidak dapat dilaksanakan kerana faktor-faktor ekonomi dan kewangan, ianya masih menjadi wajib untuk memastikan kepentingan para pembeli rumah dilindungi. Kementerian tidak harus memandang ringan tentang betapa seriusnya masalah projek-projek perumahan terbengkalai dan penguatkuasaan undang-undang yang tidak cekap telah menyebabkan para pembeli

terpaksa memikul beban kewangan dan beban psikologi, sedangkan para pemaju bebas untuk bergerak.

Menurut kementerian pada akhir tahun lepas, ada 227 buah projek perumahan yang terbelangkalai yang membabitkan 75,000 unit rumah dan nilainya sampai RM7 bilion. Jadi adalah penting bagi kementerian untuk memberi kepastian bilakah konsep bina kemudian jual akan dilaksanakan. Seperti mana diujahkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat mengenai *award* dari Tribunal Tuntutan Pembelian Rumah (TTPR), saya mendapati bahawa ada juga pemaju-pemaju yang ingkar untuk membayar *award* yang diberikan oleh tribunal dan selanjutnya kes-kes ini didakwa ke mahkamah. Dan saya rasa sampai masanya kementerian mengkaji bagaimana untuk memastikan keputusan dari tribunal ini dapat dilaksanakan dan jika pemaju-pemaju yang enggan mematuhi perintah akan di *blacklisted* kan.

Butiran 050000 – Kerajaan Tempatan. Baru-baru ini kementerian telah mengarahkan sebuah universiti untuk melaksanakan satu kajian berkenaan dengan pihak berkuasa tempatan di mana kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan orang inginkan PBT di *corporatized* kan. Jadi saya ingin tahu bahawa sama ada kementerian akan menerima cadangan ini dan juga cadangan untuk mengecualikan pemantauan PBT daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan sebaliknya tubuhkan satu jabatan PBT di bawah selenggaraan kerajaan negeri.

Saya juga ambil kesempatan membangkitkan kemajuan perkampungan di mana di bawah butiran ini RM27 juta diperuntukkan dan menteri sendiri pun sudah dengar Yang Berhormat bagi Serdang anak kampung Serdang, saya pun anak kampung baru Salak Selatan menyambut baiklah ada pelan induk pembangunan perkampungan baru yang akan dilaksanakan tahun depan. Tetapi saya ingin tahu dari kementerian sama ada menteri sendiri akan memperjuangkan untuk mendapat hak milik kekal kepada tuan punya rumah di 450 perkampungan baru yang amat memerlukan ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Chow Kon Yeow: ...status milik kekal sebagai untuk menghargai sumbangan mereka kepada kerajaan. Saya juga berharap menteri sendiri yang baru-baru ini menganggap bangga dapat memperjuangkan RM326 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelapan untuk pembangunan kampung-kampung baru tetapi angka ini cuma merupakan 2% dari apa yang diperuntukkan kepada pembangunan luar bandar. Jadi saya berharap menteri tidak akan menganggap bahawa RM326 juta ini sudah memadai, tetapi haruslah memperjuangkan untuk mendapat peruntukan yang lebih untuk pembangunan perkampungan baru.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Sekian.

7.16 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk kepada Butiran 030000 - Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah, Butiran 040000 - Perumahan, Butiran 050000 - Kerajaan Tempatan. Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin memuji pihak kementerian kerana mempraktikkan prinsip ketelusan dengan menyiarkan pemaju perumahan yang tidak baik sehingga 695 syarikat pemaju buruk telah pun dimasukkan dalam laman web kementerian. Ketelusan ini adalah amat dihargai memandangkan semakin banyak pembeli rumah ditipu dalam skim perumahan. Dan dengan meletakkan nama mereka dalam laman web ini para pembeli akan dapat informasi tentang pemaju yang mempunyai rekod yang buruk itu.

Di sini saya ingin tanya apakah syarikat pemaju buruk yang tersenarai ataupun dikenakan kompaun oleh kementerian yang disenaraikan dalam laman web kementerian ini akan diluputkan lesen pemajunya ataupun syarikat-syarikat ini tetap diberi peluang untuk memohon lesen projek perumahan yang baru. Walau bagaimanapun, saya juga ingin tanya

kenapakah pemaju projek yang terbengkalai tidak disenaraikan dalam laman web kementerian? Selain itu, terdapat segelintir pemaju buruk yang syarikat mereka disenaraihitamkan, mereka mencari jalan baru dengan menubuhkan syarikat-syarikat kecil yang baru untuk menjalankan projek perumahan yang baru. Oleh itu, saya mencadangkan supaya pihak kementerian menyenaraikan senarai nama pengarah, pemegang saham syarikat dan juga akaun yang diaudit mengenai syarikat-syarikat pemaju di laman web nya supaya pembeli rumah akan mempunyai lebih maklumat tentang latar belakang syarikat-syarikat pemaju ini.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan terdapat 80 pemaju gagal untuk mengikut keputusan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah. Apakah kementerian juga akan mendakwa mereka ke mahkamah? Selain itu, bagi pemaju perumahan yang buruk yang enggan mengikut keputusan tribunal tersebut, saya mencadangkan sekiranya kementerian mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka, adalah lebih wajar bagi kerajaan untuk melaporkan nama pengarah dan juga nama syarikat di media supaya pembeli rumah akan lebih kenal pengarah di belakang syarikat pemaju perumahan yang buruk.

Tuan Pengerusi, sehubungan dengan itu saya menyeru pihak kementerian supaya menambahkan lebih pegawai dan juga menjadikan bahagian aduan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu lebih berkesan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim: 10 minit?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ha, sudah tukar?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat nak beri peluang kepada rakan-rakan Yang Berhormat, saya mintalah.

Beberapa Ahli: *[menyampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Berapa orang lagi sajalah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah hadkan masa.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kerana kena menghargai kehadiran menteri, jadi kita juga kena memberi peluang kepada menteri untuk menjelaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tanggungjawab dan tugas saya sendiri tak berkaitan dengan menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Dasar dan polisi kementerian. Terima kasih Tuan Pengerusi. Di kawasan saya terdapat beberapa kali di mana pembeli rumah yang menghadapi masalah dengan pemaju pergi membuat aduan di bahagian aduan dihementerian. Pegawai kementerian telah pun berjanji untuk menetapkan mesyuarat di antara pihak dan pihak pembeli rumah. Tetapi kesannya mesyuarat seperti ini selalu dibatalkan pada saat terakhir khususnya dalam projek perumahan yang bermasalah di Taman Kucai Jaya. Saya ingin menyeru pihak kementerian supaya boleh menetapkan tarikh mesyuarat yang tidak akan ditukarkan lagi bagi mesyuarat di antara pihak pemaju iaitu Syarikat Tan Joo Lye yang hampir menggulung tikar dengan membeli rumah untuk menyelesaikan pelbagai masalah, khususnya isu permohonan hak milik strata di kondominium mereka.

Ramai penduduk kondominium yang menghadapi masalah dengan pihak pemaju, mereka selalu bertanya saya bilakah Parlimen kita akan meluluskan Rang Undang-undang Pengurusan Bersama di antara pihak pemaju dan pihak kondominium yang telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri selama tiga tahun lebih. Sehubungan dengan itu, bilakah pindaan terhadap Akta Pemaju akan dibentangkan di Parlimen? Apakah pindaan terhadap undang-undang ini ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ... melalui proses perbincangan di antara pihak NGO yang pakar dalam bidang ini. Akhir sekali saya gulung. Tuan Pengerusi, penduduk di

Broga masih berharap pihak kementerian akan mengetepikan projek *incinerator* di kawasan mereka atas alasan kesihatan dan juga alam sekitar. Selain itu, kawasan tersebut juga diklasifikasikan sebagai kawasan simpanan air di Selangor dan Lembah Klang. Sekiranya berlaku apa-apa kemalangan dalam *incinerator* tersebut, maka nyawa dan kesihatan penduduk di seluruh kawasan Negeri Selangor...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: .. dan Lembah Klang akan terjejas. Di sini saya ingin merayulah Yang Berhormat menteri supaya menumpukan lebih usaha dan peruntukan untuk menyokong projek kilang yang menguruskan kitar semula sampah-sarap dan mengetepikan *incinerator* yang merosakkan alam sekitar. Akhir sekali...

Beberapa Ahli Pembangkang: [Ketawa]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya minta Yang Berhormat Menteri juga memberitahu Dewan yang mulia ini tentang kebenaran kepada konsultan profesional untuk mengeluarkan CF. Berapakah konsultan profesional yang pernah didenda oleh pihak kementerian dan dalam isu apa kerana kami selalu lihat konsultan profesional yang melakukan kesalahan, mereka selalu dapat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...dibebaskan dan tidak didakwa di mahkamah, Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli-ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lagi lapan minit.

Beberapa Ahli Pembangkang: Satu orang lima minit...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satu orang tiga minit. Yang Berhormat bagi Bagan.

7.22 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, 040000 - Perumahan. Tuan Pengerusi, di kawasan saya kebanyakan penduduk mereka menyewa tanah dari orang persendirian atau menapak di atas tanah kerajaan. Di kawasan saya, pada masa sekarang projek perumahan giat dijalankan dan harga rumah-rumah yang telah dibina pun sangat tinggi. Sebuah rumah teres bertingkat bernilai lebih kurang RM300 ribu bolehlah harga ini setanding dengan Wilayah Kuala Lumpur atau Petaling Jaya sekarang. Ramai pemaju-pemaju berebut-rebut tanah-tanah yang masih ada di sana. Ini menyebabkan ramai penduduk di sana dipaksa untuk mengosongkan tanah dan pemaju-pemaju menawarkan pampasan yang agak rendah kepada mereka.

Sekiranya penduduk-penduduk tidak berpuas hati, maka pemaju akan membawa mereka ke mahkamah-mahkamah dan pada masa sekarang telah ada keputusan oleh Mahkamah Tinggi di mana penyewa-penyewa tanah perlu mengosongkan tanah mereka kepada tuan punya tanah tanpa mendapat pampasan kerana ada satu *precedent case* di mana Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa penduduk-penduduk atau penyewa-penyewa tanah selepas menduduki tanah itu 30 tahun, maka ekuiti telah di *fulfill* dan mereka tidak boleh dapat pampasan. Ini adalah satu kes mahkamah yang sangat tidak adil dan mereka terpaksa meninggalkan tanah. Tetapi mereka tidak mampu untuk memberi rumah-rumah ini. Saya menyeru kerajaan supaya boleh memperundangkan di mana tanah-tanah yang hendak dimajukan, pemaju perlu memperuntukkan rumah gantian atau memberi pampasan yang munasabah kepada mereka.

Sejak dua tahun dahulu, kawasan saya baru *start* ada membina rumah PPR. Saya juga merayu supaya kerajaan boleh memperuntukkan rumah-rumah PPR ini untuk beri keutamaan kepada mereka yang terlibat dalam pemajuan perumahan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Hock Seng: Lagi satu, Perancang Bandar dan Desa - 07000. Di kawasan saya, tadi saya ada kata, pemajuan perumahan sedang giat dijalankan. Saya merasa kecewa sudah ada pun *master plan* atau perancang bandar dan desa di kawasan saya. Jalan-jalan yang *direserve* 100 kaki, yang dimajukan oleh pemaju mungkin 10 tahun dahulu dan tidak sampai ke tempat-tempat dalaman, tetapi pemilik baru di kawasan berdekatan sekarang masuk pelan untuk memajukan kawasan itu. Tetapi dia dirancang untuk membina *town house* dan tutup jalan yang sedia ada itu. Ini tidak berguna kepada jalan *reserve* yang telah dibina mungkin 10 tahun dahulu dan ini tidak sampai. Jadi trafik di kawasan bandar tersebut tidak ada alternatif dan menggunakan jalan raya-jalan raya yang sedia ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Berikan kepada Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Tuan Lim Hock Seng: [Ketawa]. Masih adalah, sedikit lagi. Satu perkara berkenaan dengan perancang bandar dan desa juga, tadi saya telah kata kawasan saya ada banyak tanah yang kecil lotnya dan JAICA ada sebuah firma Jepun telah merancang supaya ada satu parit besar melalui tempat itu iaitu Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP)...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: ...telah mengupah JAICA untuk merancang. Tetapi parit ini kerana ada sekatan yang dibina tidak berterusan di bina, maka ia tidak boleh berfungsi, malah ia telah menjadi satu tapak maut untuk murid-murid atau kanak-kanak kerana parit itu tidak boleh diluluskan sama sekali kerana ada yang memajukan, ada yang tidak mahu majukan, jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: ...saya meminta supaya kerajaan boleh membina parit besar ini tanpa mengira siapa-siapa tuan tanah itu dan kemudian sesiapa tuan tanah itu hendak memajukan tapak itu, dia perlu membayar premium atau membayar perbelanjaan kepada MPSP, barulah longkang besar ini dapat dijalankan, sekian sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: [Bangun]

Tuan Chong Chieng Jen: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

7.28 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Perkara pertama yang saya ingin bangkit adalah, saya ingin pohon kepada Menteri supaya menambahkan peruntukan untuk Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MPKS) dan Dewan Bandar raya Kuching Utara (DBKU) kerana menurut apa yang dikatakan oleh Datuk Bandar-Datuk Bandar kedua-dua Majlis dan Dewan itu, mereka kekurangan dana dan atas alasan itu, cukai pintu di Bandar Kuching hampir setiap tahun ia dinaikkan dan sehinggakan sampai satu tahap yang tertinggi di seluruh Malaysia.

Di bandar Kuching, cukai pintunya dikira di atas *annual ratable value* seperti di mana-mana tempat dalam Malaysia juga. Tetapi kadar yang dikenakan adakah setinggi 29.5% daripada *annual ratable value*, manakala di Kuala Lumpur sini hanya 10%, 11% daripada *annual ratable value* dan yang paling tinggi di Semenanjung adalah Ipoh. Hanya 16 peratus daripada *annual ratable value*. Oleh itu ia tidak adil untuk penduduk-penduduk di Bandar Kuching yang dikenakan bayaran cukai pintu yang dikirakan atas kadar 29.5 peratus daripada *annual ratable value* ini.

Perkara kedua adalah mengenai penglibatan kaunselor-kaunselor dalam projek-projek yang dilaksanakan oleh Majlis. Di Kuching MPKS, saya diberitahu bahawa ramai

daripada kaunselor-kaunselor dalam MBKS juga melibatkan diri mereka sama ada sebagai *consultant* atau kontraktor dalam projek-projek MPKS sehinggakan di Kuching juga ada projek king yang macam di sini ada AP King tetapi di Kuching ada projek King yang macam di sini ada AP King tetapi di Kuching ada projek King yang kaunselor yang melibatkan sendiri atau isteri abang, adik mereka dalam melibatkan mereka dalam projek MPKS, itulah tidak adil. Khususnya semasa Perdana Menteri kita menegaskan *transparency, accountability*...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulunglah sebab saya boleh jemput menteri jawab.

Tuan Chong Chieng Jen: Baik, saya akan gulung, khususnya Perdana Menteri sering menegaskan *transparency*. Oleh itu saya berharaplah menteri akan menetapkan satu garis panduan bahawa semua ahli majlis kaunselor-kaunselor tidak seharusnya melibatkan sendiri mereka atau isteri atau suami mereka atau abang adik mereka dalam projek-projek majlis-majlis supaya dia dapat lebih berkesan untuk menjalankan tugas mereka sebagai orang Ahli Majlis, sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Gajah hendak berucap juga? Ya, tiga minit.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, kalau tidak mahu ucap, saya tidak bangun.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat Yang Berhormat hendak minta penjelasan.

7.32 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya merujuk kepada butiran 020200, pelesenan dan khidmat nasihat. Tadi kita telah dengar ramai ahli-ahli dalam Dewan membangkitkan isu-isu berkenaan projek perumahan yang terbengkalai. Proses ini sekarang ialah telah banyak berulang kali dibangkitkan tetapi kami ahli-ahli dalam Dewan, orang ramai hendak tengok ini, apakah tindakan yang ada diambil oleh pihak kementerian bagi membantu pembeli-pembeli rumah ini. Kalau kita membaca tanggungjawab pihak kementerian bahawa perlesenan khidmat nasihat ialah menentukan pemaju-pemaju perumahan yang berkelayakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Seputeh telah membangkitkan perkara ini.

Cik Fong Po Kuan: Jadi persoalan ini kita hendak tanya apakah kementerian telah buat selain daripada menumpukan tribunal tuntutan. Bagaimana pula dengan pemaju yang telah melarikan diri, yang telah gulung tikar. Senang sahaja kita hendak menuduh pemaju-pemaju atau mungkin ada yang menuduh pemilih-pemilih datang memilih atau memastikan pemaju yang mempunyai kewangan yang kukuh tetapi pada pendapat saya, orang yang patut bertanggungjawab ialah pihak kementerian sebab dengan jelas menentukan pemaju-pemaju yang berkemampuan dan saya percaya, saya pernah pergi ke kawasan Kulai masuk sahaja jalan besar Kulai bangunan komersial terbengkalai, begitu hodoh sekali. Setujukah Yang Berhormat Tuan Pengerusi?

Sekarang saya hendak tanya kena projek perumahan Taman Pinggiran Hijau sepanjang jalan Ipoh-Lumut, 422 unit rumah kos rendah. Yang Berhormat pihak kementerian punya rumah ada mengadakan hendak adakan program perumahan rakyat, ada orang berkemampuan boleh ada tempat tinggal yang selesa dan ini projek perumahan kos rendah dan sekarang terbengkalai sudah gulung tikar sudah banyak kali saya bangkitkan dalam Dewan pihak kementerian memberi jawapan yang begitu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sabar sedikit, bersabar sedikit, *slow* sedikit.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, kalau jawapan ada, tindakan ada, tidak payah ulang-ulang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya memang hendak bantu Yang Berhormat cakap perlahan-lahan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya juga mengalami tekanan daripada orang ramai. Mereka tanya saya, saya kata inilah Barisan Nasional boleh, inilah, inilah jawapan daripada kementerian apabila saya bangkitkan dengan projek terbengkalai perumahan terbengkalai. Taman Pinggiran Hijau di sepanjang jalan Ipoh-Lumut.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Yang Berhormat bagi jawapan begitu indah, Syarikat Perumahan Negara sedang dan cuba memulihkan projek itu tetapi nampaknya kos terlalu tinggi dan kami akan meminta mengkaji semula laporan, berbincang semula dengan Jabatan Perumahan Negara bersama Kerajaan Negeri tetapi sekarang saya hendak tengok setakat ini apa sudah buat? Sebab saya telah jumpa dengan pembeli rumah, mereka kata pada awal bulan Disember tanah tersebut akan dilelong.

Seorang ahli: Haiyo!

Cik Fong Po Kuan: Akan dilelong! Jadi apa tindakan kementerian kalau saya hendak bangkitkan, saya boleh bangkitkan bagi banyak-banyak cadangan. Ada tanah di negeri Perak yang berhampiran sahaja dengan tanah di mana projek perumahan ini terbengkalai. Di pusing ada tanah, tetapi siapa ambil dan siapa pergi pohon. ADUN MCA di kawasan tersebut ...

Beberapa ahli: Huiyoo!

Cik Fong Po Kuan: 29 lot tanah termasuk bola keranjang. Jadi mengapakah tanah-tanah ini tidak boleh digunakan oleh pihak kementerian untuk bina rumah untuk mereka yang di mana pemaju telah gulung tikar seperti Taman Pinggiran Hijau. Tetapi ini 29 lot semua diambil oleh ADUN sebagai pengarah Syarikat Panglima Bangsa, ADUN kawasan tersebut sebagai pengarah kepada syarikat itu telah memohon tanah itu. Dalam masa dua bulan tukar hak milik tanah, tetapi bila pohon tanah dia kata, ini untuk pembangunan tetapi sudah ambil daftar nama atas milikan syarikat tersebut tukar hak milik tanah. Boleh bayangkan, jadi saya hendak tahu Taman Pinggiran Hijau, Projek Perumahan Terbengkalai ini apakah tindakan yang telah dilakukan. Bagaimanakah pihak kementerian Yang Berhormat akan menyelamatkan pembeli-pembeli ini sepatutnya mereka sudah ada sebuah rumah yang selesa untuk tinggal tetapi sekarang sudah tunggu lebih daripada 6 tahun dan terpaksa berterusan membayar bank.

Berbagai-bagai masalah pergaduhan berlaku di dalam keluarga, salah seorang pembeli sudah mengalami tekanan jiwa ekoran daripada ia berterusan terpaksa membayar kepada bank. Tidak bayar akan dijadikan bankrap dan sekarang tanah akan dilelong oleh bank, jadi saya hendak tanya oleh pihak kementerian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, minta gulung Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Menteri, apa tindakan yang akan dibuat terhadap bagi membantu pembeli-pembeli sini yang semua adalah golongan yang kurang kemampuan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, sila.

7.38 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Pengerusi, saya ingin ucapkan terima kasih kepada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat sudah ambil bahagian dan beri pandangan serta cadangan, teguran dan juga ambil perhatian yang

berat tentang banyak perkara termasuk hal-hal Kerajaan Tempatan, Perumahan, semuanya adalah untuk kepentingan orang ramai, saya ucapkan terima kasih. Ingin saya secara ikhlas beritahu bahawa saya memang prihatin apa yang boleh saya buat, saya tetap berdiri sama dengan ahli-ahli Yang Berhormat tidak akan ada sesuatu yang boleh dilakukan saya tidak mahu lakukan. Ini adalah satu pendirian menyeluruh yang saya dapat beritahu Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat daripada Ledang telah bangkit mengenai lif, walaupun lif ini adalah di bawah jabatan kilang dan jentera, *missionary department* di bawah Kementerian Sumber Manusia tetapi oleh kerana Ahli Yang Berhormat sudah prihatin Kementerian saya catat juga semua pandangan itu yang kami panjangkan bagi Kementerian yang berkenaan untuk mengambil tindakan. Bagi jabatan bomba kita hanya memastikan semua bangunan tinggi mempunyai lif bomba dan lif bomba itu mesti adalah berfungsi untuk tujuan penyelamat dan juga pada masa kecemasan.

Bagi Yang Berhormat bagi Muar telah sentuh mengenai motosikal penyelamat. Untuk makluman di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan Kementerian saya tetap akan memberi lebih banyak motosikal untuk tujuan kebombaian untuk menyelamat dan kami ambil perhatian tentang apa yang dihasratkan oleh Yang Berhormat daripada Muar.

Mengenai uniform yang dikatakan warna macam api sebenarnya kalau kita meneliti dengan baik di Jabatan Bomba dia ada beberapa jenis warna yang dikatakan warna macam api itu ialah untuk menyelamat keadaan seperti tanah runtuh, kemalangan jalan raya dan kerja-kerja mencari dan menyelamat yang lain.

Semasa memadam kebakaran mereka pakai *fire jacket*, warna itu lain, *fire jacket* itu boleh tahan panas, boleh masuk ke bangunan. Jadi dia bukan warna yang kita nampak macam api itu. Jarang kita nampak orang bawa anggota bomba pakai uniform itu masuk bangunan untuk padam api. Mereka pakai jaket jadi warna tetap jelas dan nampak semasa satu kebakaran.

Mengenai pasar di Parit Jawa bumbung rosak dan sebagainya, saya juga amat simpatilah kalau ada 10 tahun pun belum diberi perhatian, Yang Berhormat bolehlah menulis untuk perhatian saya, saya cuba membantu daripada Kementerian untuk buat *repair* pada bumbung itu.

Mengenai papan iklan, memang sudah ada garis panduan untuk semua PBT mengikut supaya papan iklan itu ia ada sesuatu dasar kena ikut, bahasa Malaysia itu memang ada keutamaan kena diberi, pada masa yang sama bahasa-bahasa lain yang dia kena pada bisnes itu juga dibenarkan. Sebagai contoh, kalau ada sesuatu francais antarabangsa, ia punya produk itu perlu dinamakan dalam bahasa English sebagai contoh dan *dipatented* maka tetap boleh diguna pada papan iklan tetapi pada masa yang sama dasar keutamaan untuk diberi pada bahasa Malaysia itu tidak diabaikan.

Mungkin kerana garis panduan ini telah dikeluarkan sejak satu tahun kebelakangan ini, mungkin ia belum nampak keseragamannya.

Kerajaan juga prihatin, kita tidak paksa orang tukar papan tanda sewenang-wenang kerana orang buat *business* dia pantang sangat kalau papan iklan itu sudah naik, kalau tiada sesuatu yang salah kita tidak paksa dia turun, terutamanya kedai-kedai yang sudah lama wujud. Cuma bagi kedai yang baru dia kena ikut garis panduan yang baru.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kapit ada sebut status projek balai bomba di Pekan Song, ini memang Kementerian saya tidak lupa tentang apa yang telah dibangkit - memang sudah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ataupun sekarang tender telah dipanggil yang saya dapat. Tadi ada satu maklum balas, telah diserahkan kepada pihak JKR Persekutuan untuk reka bentuk dan proses tender. Dijangka tender akan dikeluarkan awal tahun depan.

Ini adalah status balai bomba di Song, jadi tidak kami lupa. Bagi servis bomba di pedalaman salah satu cara sementara kalau kita menunggu balai bomba dan kelengkapan yang lain. Kementerian memang mengalu-alukan, menggalakkan bomba sukarela, di mana Pengarah Jabatan Bomba Negeri memang di arah supaya menggalakkan penubuhan lebih

banyak bomba sukarela termasuk di pedalaman dan telah pun ada. Buat masa kini sejumlah kira-kira lebih 13 ribu ahli bomba sukarela, di mana lebih 300 pasukan bomba sukarela telah pun giat aktif dan kami terus galakkan, peralatan kelengkapan yang lebih akan diberi di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Dan, dicadangkan kata bagi uniform mungkin dalam bentuk sesuatu reka bentuk macam *T-shirt* semua itu akan ditimbang.

Ada beberapa Ahli Yang Berhormat sudah sebut pasal bomba sukarela, jadi saya sekali gus menyentuh bahawa saya sendiri banyak memberi perhatian tentang bomba sukarela kerana saya percaya bomba sukarela adalah banyak dapat membantu banyak kepada jabatan bomba.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Dato' Seri Ong Ka Ting: Di mana yang boleh tertakluk kepada peruntukan yang dapat diperoleh di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan maka kementerian saya memang hendak buat sesuatu...

Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan. Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa bomba biasa ini diberi jaket tahan api untuk menahan kepanasan dan juga menahan diri, bomba sukarela pun dia tugas dia lebih kurang macam itu juga.

Kadang-kadang bomba sukarela dia sampai dahulu ke tempat yang berlaku dan dia kalau bagi pakai *T-shirt* sahaja, dia tidak nampak, jadi dia pun tidak berani panas badan. Jadi boleh atau tidak kita bagi uniform. Orang ini bila dia pakai uniform dia berani lagi, dia berani lawan api kerana dia ada uniform dan tanggungjawab. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Chong Chieng Jen: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hah? Ha, Yang Berhormat Bandar Kuching betul! *[Bercakap dalam bahasa Cina]*

Dato' Seri Ong Ka Ting: Yang *fire* jaket itu memang mahal tetapi kalau kerajaan mampu beri lebih banyak peruntukan mungkin kita boleh bagi pasukan-pasukan yang banyak aktif dan dia betul-betul sentiasa dapat menjalankan tugas dengan baik.

Cadangan Yang Berhormat itu saya hanya dapat bawa untuk pertimbangan tertakluk pada peruntukan yang akan kita perolehi. Mungkin saya setuju insentif perlu diberi pada pasukan yang aktif kerana buat masa ini antara kira-kira 13,945 orang bomba sukarela ini ataupun 330 pasukan itu hanya 135 pasukan yang dikatakan aktif,...

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: *[Bangun]*

Dato' Seri Ong Ka Ting: Yang lain 199 pasukan tidak aktif, bagaimanapun kita cuba hendak aktifkan mereka dengan baik dengan beberapa...

Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Maran bangun, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya, jadi latihan yang secukupnya juga diberi dan...

Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Maran.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri, saya hendak menyentuh sedikit tentang bomba sukarela ini. Pada tahun ini kawasan saya, saya ucapkan terima kasih pada Jabatan Bomba dan juga bomba sukarela kerana mereka banyak menolong Jabatan Bomba dan juga kerajaan dalam bantuan-bantuan kebajikan, kecemasan dan sebagainya.

Saya ingin mencadangkan kalau boleh sebab pada tahun ini saya telah banyak mengeluarkan peruntukan walaupun peruntukan kerajaan kepada bomba sukarela ini. Apa salahnya kalau boleh kementerian memperuntukkan sedikit seperti jabatan, kementerian-kementerian lain, peruntukan yang disalurkan kepada Ahli Yang Berhormat untuk kita

bagikan kepada bomba sukarela ini. Pertama, bukanlah bermaknanya mereka ini bukan kerajaan, mereka kerajaan tetapi saya berpendapat bahawa dengan cara ini kita dapat mengeratkan lagi perhubungan kita dengan bomba-bomba sukarela ini, yang berkhidmat secara sukarela. Dan, dalam masa yang sama mereka akan rasa lebih sedar dan lebih berterima kasih kepada kerajaan bahawa banyak peruntukan telah disalurkan bukan sahaja oleh kementerian tetapi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya, seperti juga dengan permintaan lain, ini tertakluk kepada peruntukan. Buat masa kini peruntukan yang diluluskan kepada kementerian saya amat ketat kerana banyak lagi kelengkapan yang amat *crucial* pun belum dapat kami membekalkan dengan mencukupi.

Saya ambil perhatian cadangan Yang Berhormat dan saya ucapkan terima kasihlah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah selama ini memberi sokongan pada bomba sukarela dengan memberi peruntukan, dengan juga menjadikan penasihat ataupun membantu mereka untuk mengumpul wang pembelian kelengkapan. Yang Berhormat bagi Kelana Jaya telah sentuh mengenai kawasan lapang dan ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat lain juga tetap membangkit tentang kawasan lapang. Memang benar pada 70-an dan 80-an terdapat tanah-tanah yang merupakan kawasan lapang itu, pada masa itu sistem ialah hak milik itu dikeluarkan pada pemaju. Ini satu amalan yang tidak sesuai. Masa kini tidak lagi dibenarkan, di mana hak milik itu kita hendak pemaju serahkan kepada pihak BBT.

BBT telah pun diarah supaya *gazettekan* semua kawasan lapang dan satu pemantauan yang amat serius telah dan sedang dibuat di mana baru-baru ini Majlis Negara Kerajaan Tempatan yang dihadiri oleh semua menteri besar dan ketua-ketua menteri telah pun juga diminta memantau semua kawasan BBT di bawah negeri mereka. Dan, menjelang penghujung tahun ini mereka kena memberi satu laporan sejauh mana kawasan lapang di dalam negeri mereka itu telah pun diwartakan. Pelan-pelan struktur, pelan-pelan tempatan juga kena diwartakan. Kalau ada apa-apa kekurangan selepas hujung tahun ini, maka Majlis Fizikal Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, tetap akan...

Tuan Loh Seng Kok: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kelana Jaya bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: ...akan terima laporan yang lengkap punya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri. Berhubung dengan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa kawasan lapang yang telah pun dizonkan patut diserahkan balik kepada PBT untuk diwartakan. Pada pengetahuan saya ada perbincangan masih dijalankan tentang tanah yang saya sebut tadi patut diserahkan balik kepada PBT untuk diwartakan. Apakah pihak PBT akan mematuhi tuntutan dari pemaju untuk membayar ganti rugi kerana pihak pemaju telah memiliki hak milik tanah tersebut. Ini minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Apa yang saya sebut tadi ialah status keseluruhan. Bagi kes-kes spesifik kerajaan negeri perlu mengawal selia dan mengatasi kerana kalau hendak bangkit kes-kes spesifik PBT bukan senang untuk saya jawab kerana maklumat itu memang tidak ada pada kementerian kerana ini adalah memang di bawah bidang kuasa PBT masing-masing dan dipantau oleh kerajaan negeri. Dan mengenai apa-apa kes spesifik kalau Ahli Yang Berhormat memang mahu tahu kedudukan bolehlah tulis supaya kita minta PBT itu jelaskan. Dan PBT sebagaimana kita tahu mereka tidak melaporkan secara terus kepada Kerajaan Persekutuan mereka hanya dilaporkan terus kepada kerajaan negeri.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Saya cukup jaga tentang kawasan lapang kerana kita tidak boleh kompromi dengan pihak pemaju dari segi kadang-kadang menggantikan wang ringgit dengan kawasan lapang. Kerana kawasan lapang ini perlu untuk penduduk-penduduk kawasan tersebut sebagai kawasan permainan, kawasan rehat, riadah. Jadi kalau bangunan-bangunan *apartment* yang tinggi-tinggi itu sampai tidak ada kawasan lapang inilah menyebabkan anak-anak muda kita merayau di *supermarket* dan sebagainya. Jadi boleh tidak Yang Berhormat Menteri buat satu *ruling* atau kita buat satu kalau sudah ada peraturan, memastikan bahawa kawasan lapang dimestikan di setiap kawasan-kawasan perumahan yang hendak dibina oleh pemaju kerana ini adalah untuk kesejahteraan rakyat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Memang dasar sekarang ialah kawasan lapang dimestikan dan ia sudah ada garis panduan yang amat ketat. Semua kawasan perumahan baru mereka kena ada kawasan lapang, ada rizab-rizab untuk semua kemudahan-kemudahan awam dan ia tidak lagi macam dahulu. Sekarang garis panduan perancangan bandar dan desa tetap dipantau dengan ketat oleh juga Majlis Perancangan Fizikal Negara. Jadi apa yang kita dengar yang kata tidak ada kawasan lapang itu boleh dikatakan adalah taman-taman perumahan yang lama, yang baru dilulus itu tetap ada dan pemantauan pun lebih berkesan berbanding dengan dahulu.

Dato' Firdaus bin Harun: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun: Yang Berhormat Menteri, terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Penjelasan, dari segi kawasan lapang ini berapa persen sebenarnya yang disyaratkan? Katalah misalnya kawasan perumahan itu 100 ekar berapa persen dikhaskan untuk kawasan lapang dan untuk kemudahan-kemudahan yang lain. Sebab kadang-kadang itu kita dapati mungkin kes yang lepas-lepaslah, jadi hanya mengikut, dengan izin, whim and fancy pemaju sahaja. Jadi ada tidak garis panduannya dari segi keluasan tadi, 10% ke 15% dan sebagainya, terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Peratusan secara terperinci saya tidak dapat ingat, tetapi saya ada semua garis panduan itu mungkin Yang Berhormat kalau minat kami boleh kami bekalkan. Dan ia ada pada keseluruhannya banyak peratusan tidak kurang daripada 20% daripada tanah pemajuan telah dikhas untuk tujuan-tujuan tertentu. Jadi sehingga sekarang ini kebanyakan pemaju memang mereka bising sangat kata mengapa sudah begitu sekarang ini tidak macam dahulu, mengapa kita hendak banyak rizab, jadi tetap garis panduan itu garis panduan yang boleh kami bekalkan. Mungkin Yang Berhormat Rembau boleh kami boleh beri satu salinan kemudian.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat Kepong,

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi penjelasan. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa standard antarabangsa ialah sekurang-kurangnya 10% daripada kawasan perumahan itu dijadikan kawasan hijau seperti di Kuala Lumpur sekarang kita ada 7% sahaja, masih kurang 3% sekurang-kurangnya.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Standard antarabangsa negara kita memang ada semua perancangan yang baru memang standard antarabangsa. Yang Kuala Lumpur saya faham disebut itu, memang Kuala Lumpur itu sudah wujud begitu lama, tanah pun sudah kurang, yang pembangunan banyak telah dibuat, jadi kita hendak roboh bangunan tambah kawasan rizab itu memang susah. Jadi apa yang boleh kita buat ialah memastikan tidak ada *further damages* kalau ada *green lung* yang sedia ada, sebagai contoh baru-baru ini ada surat khabar telah hebohkan kata mungkin Federal Hill, mungkin di Jalan Bukit Gasing dan sebagainya. Semua ini telah dapat perhatian Kabinet dan kami telah bincang dengan DBKL supaya semua *park-park* awam tidak boleh mereka wujudkan tanpa kebenaran jemaah menteri untuk bangunkan ataupun tukarkan dia punya tujuan. dan

Di sini baru saya terima garis panduan, penyediaan kawasan tanah lapang awam pemaju perumahan dikehendaki menyediakan kawasan tanah lapang sebanyak 10% daripada keluasan keseluruhan projek pembangunan perumahan untuk tujuan riadah dan rekreasi jadi ini standard antarabangsa. Tadi saya kata rizab banyak untuk tujuan lain juga telah pun di syartkan.

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri yang berikan penjelasan mengenai kawasan rizab yang sekurang-kurangnya 10% ini. Di Selangor memang ia 10% untuk kawasan kediaman dan 5% ini untuk kawasan komersial ataupun perniagaan. Tetapi masalah di kebanyakan kawasan perumahan memang seseorang pemaju dia akan sediakan 10% untuk kawasan lapang. Tetapi masalah dia macam kalau kawasan itu dia tidak rata ada berbukit-bukit mungkin mereka akan rizab 10% itu mengikut pelan asal mereka iaitu mereka mungkin akan memaksimumkan penggunaan tanah mereka. Tetapi kawasan lapang yang telah disediakan, maksud saya ialah sini sekeping mungkin 10,000 sq. ft. sana 20,000 sq. ft. dia *total add up* jumlah dia ialah 10%. Tetapi untuk pembangunan rekreasi dan juga kemudahan-kemudahan yang lain ini agak sukar. Sebagai contoh untuk membeli satu kawasan bola sepak campur dengan gelanggang bola keranjang dan sebagainya memang ia sukar sedikit untuk satu *centralized pool* dia. So apakah tindakan kementerian untuk memastikan bahawa ini 10% ini untuk daripada pemaju-pemaju tertentu dalam satu kawasan yang telah difokus atau di *centralized* kan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Prinsip perancangan itu harus dipatuhi bila menyediakan pelan susun atur untuk diserahkan untuk kelulusan. Apabila pelan susun atur *the layout plan* itu telah diluluskan maka semua pemaju kena ikut mematuhi dan yang saya sebut kawasan tanah lapang itu digazet dia mesti ikut pelan tata atur yang diluluskan. Ia tidak boleh sewenang-wenangnya diubahsuai oleh pemaju letak di tempat yang tidak sesuai. Jadi ini adalah pihak perancang pihak berkuasa tempatan perlu berhati-hati semasa mereka meluluskan pelan susun atur ini dan menggazetkan semua kawasan lapang. Kalau semua ikut dasar-dasar kerajaan yang telah diluluskan dan garis panduan ini diikuti dengan baik ia tidak akan wujud bahawa padang ke ataupun tempat rekreasi itu telah ditempatkan di tempat yang tidak sesuai.

Jadi kalau ada apa-apa masih kekurangan, itu sebabnya ahli-ahli majlis atau kerajaan negeri boleh cuba bantu membetulkan apa yang telah berlaku di PBT. Ada banyak lagi syarat-syarat yang ditetapkan dan saya rasa kita perlulah meneliti dahulu tengok garis panduan yang lengkap itu.

Tuan Pengerusi, mengenai *gated community* ini, memang dasar sekarang ini sedang dikaji secara bersama di antara kementerian saya dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan sebelum satu dasar yang tetap dibuat kami kena kaji implikasi. Implikasi dia ada dari segi keselamatan, dari segi kehendak, semuanya pada asal, lepas itu barulah kita buat satu ketetapan secara bersama oleh pihak kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang sebut mengenai prestasi Alam Flora, saya

...

Tuan Loh Seng Kok: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kelana Jaya bangun Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri dalam proses kajian tentang projek *gated community*, adakah pihak kementerian bercadang supaya projek-projek *gated community* yang baru itu ditangguhkan dahulu sebelum dasar itu dibuat. Adakah pihak kementerian bersetuju dengan pandangan yang sedemikian? Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ini kementerian saya tidak boleh buat keputusan *unilateral*. Ini melibatkan banyak pihak dan sebenarnya perkara ini dia ada permintaan daripada pandangan yang berbeza-beza. Sebenarnya ada banyak penduduk dia banyak menekan dan berharap kerajaan meluluskan. Sampai hari ini mereka marah kerajaan kerana tidak luluskan dengan cepat. Mereka risau keselamatan mereka. Jadi kita kena hati-hati tentang ada kawasan yang sesuai dan ada kawasan yang tidak sesuai, jadi tidak boleh kita dengan secara satu dasar kata semuanya tidak boleh atau semuanya boleh. Jadi kena berhati-hati kerana kehendak itu dan permintaan keperluan itu memang ada, tetapi lepas kita kaji dengan betul-betul dan hati-hati barulah buat satu keputusan.

Prestasi Alam Flora DBKL dipantau oleh DBKL, dan saya rasa ini kalau secara keseluruhannya Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah sebut semua ini di bawah DBKL dan kami akan sampaikan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan. Kalau perkhidmatan Alam Flora ada bertambah, itu adalah satu berita baik. Kebersihan di bawah DBKL itu kita perlu perhatian DBKL dan DBKL adalah di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

PPR tidak dibangunkan di tempat sesuai atau strategik, sebenarnya PPR di DBKL tapaknya semua direkomen oleh DBKL dan DBKL yang tahu di mana ada penduduk setingan. Semua PPR di Kuala Lumpur ia kena ditempatkan di mana terdapat ramai penduduk setingan perlu ditempatkan semula, dia mesti dekat dengan infrastruktur kelengkapan dan sebagainya. Jadi kementerian hanya berdasarkan rekomendasi DBKL kita bina PPR di situ.

Yang Berhormat daripada Puchong telah sentuh beberapa perkara dan beberapa Ahli Yang Berhormat lain turut juga menyentuh mengenai pembasmian kemiskinan bandar. Ini memang adalah satu usaha, satu program yang amat dititikberatkan oleh kerajaan, dan kementerian telah pun ada pelan strategik tindakan untuk membantu mereka yang tergolong dalam kemiskinan bandar di bawah rancangan-rancangan Malaysia akan datang. Kami akan menekankan beberapa aspek untuk membantu mereka dari segi aspek pendidikan anak-anak mereka, aspek perumahan mereka, aspek kesihatan mereka, aspek kapasiti *building*, bina upaya dan aspek sosial. Ini memang ada banyak perbincangan telah dibuat dengan banyak pihak termasuk NGO. Sebenarnya peruntukan telah pun ditambah, ia bukan lagi RM4.6 juta. Walaupun di situ pada mulanya direkomen RM4.6 juta, namun Kementerian Kewangan telah bersetuju supaya kementerian saya boleh menambah RM4.6 juta ini secara dalam kementerian sendiri kepada RM20 juta untuk tujuan itu pada tahun depan.

Mengenai bagaimana PBT membelanjakan wang, PBT ini memang *autonomous* ia ada majlisnya. Ia ada prosedur kewangan dan ia mesti mematuhi, mereka ada prosedur kewangan yang ditetapkan oleh kerajaan. Semua PBT kena ikut dan tidak boleh berbuat sewenang-wenangnya, ia akan tetap diaudit dan akan tetap dipantau. Kalau ada apa-apa penyelewengan pihak-pihak yang memantau itu akan tetap menegur, membuat pemantauan dan ahli-ahli majlis ataupun kerajaan negeri juga boleh memainkan peranan dalam pada itu.

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang mana satu Yang Berhormat? Ayer Hitam dan Puchong.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Puchong dahulu kemudian Ayer Hitam.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah menambahkan bajet untuk Program Pembasmian Kemiskinan di Bandar. Mengenai prosedur kewangan yang ditetapkan di bawah semua PBT ini memang satu-satunya *standard procedure* kewangan. Tetapi apa yang saya persoalkan ialah mengenai keutamaan sesebuah projek atau sesuatu program untuk membantu sesuatu *community* atau sesuatu taman ataupun sesuatu kawasan. Sebagai contoh ada kawasan-kawasan bandar di taman-taman tertentu di mana jalan ataupun longkang tidak pernah diturap atau dibersihkan, sebagai contoh mungkin 8 tahun atau 10 tahun. Dan itu adalah keutamaan bagaimana mereka membelanjakan bajet yang mereka dapati itu. Saya hendak tanya apakah mekanisme ataupun satu program atau

langkah-langkah tertentu supaya keutamaan diberikan kepada keperluan-keperluan penduduk setempat. Itu yang saya hendak tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ayer Hitam dahulu, ya.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di mana Yang Berhormat Menteri telah memperihalkan tentang menyalurkan peruntukan yang banyak untuk mengatasi masalah kemiskinan di bandar. Satu langkah yang baik, memang disambut baik oleh penduduk-penduduk di luar bandar, tetapi bagaimanakah kita membuat sesuatu definisi terhadap kemiskinan di bandar oleh kerana kalau kita melihat di kawasan luar bandar pendapatannya masih lagi RM529 untuk paras kemiskinan, dan kalau kemiskinan tegar RM274. Apakah berbezaannya dengan kawasan-kawasan bandar dan bagaimana kita dapat mengenal pasti kemiskinan di bandar itu? Minta penjelasan dari Menteri, terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Puchong telah membangkitkan mengenai keutamaan bagaimana membelanjakan wang. Ini adalah berkaitan dengan bagaimana mereka membajetkan belanjawannya dan Majlis PBT yang perlu sama-sama terlibat. Di setiap PBT ia ada keutamaan sendiri. Tidak ada satu strategi yang sama untuk semua PBT. Di situlah semua ahli majlis kena memainkan peranan di mana Ahli Parlimen yang berkaitan boleh juga beri pandangan kepada PBT yang berkenaan. Saya rasa kalau kita tanya kepada 144 PBT keutamaannya banyak - lain-lain. Jadi susah untuk kita sama ratakan tetapi pemantauan, itu adalah peranan ahli-ahli majlis dan termasuk wakil rakyat juga boleh beri pandangan kepada PBT dan saya rasa boleh bincang juga dengan Yang di-Pertua, bangkitkan pada mereka dan saya rasa kalau Kerajaan Persekutuan hendak buat sesuatu itu memang bukan mudah. Kita perlu serah kepada PBT masing-masing untuk buat bajet mereka dan buat keutamaan masing-masing.

Yang Berhormat Ayer Hitam menyentuh mengenai definisi. Ada juga Yang Berhormat yang lain telah bertanya perkara ini. Saya sebenarnya sudah hendak jawab kemudian iaitu definisi ini sedang diuruskan oleh EPU (Unit Perancang Ekonomi). Semua agensi kerajaan memang menunggu EPU beri satu definisi yang baru memandangkan definisi yang lama itu dikatakan sudah *out dated*. Yang dapat saya beritahu secara ringkasnya ialah di antara di bandar dengan di luar bandar ada bezanya. Di bandar *cost of living* - saraan hidup memang tinggi.

Di bandar orang miskin hendak dapat perumahan memang susah, jadi hendak beli itu bagi *poverty group* boleh dikatakan *out of the question*. Jadi itulah sebabnya di bawah dasar yang sedang kementerian saya cuba cadangkan untuk ditimbang oleh Jemaah Menteri ialah bagaimana kita boleh cadangkan untuk *two generation loan* bagi PPR. Ini satu idea masih belum dapat diluluskan lagi. Kalau mula dengan sewa bila sudah sewa satu masa ia sudah *convert* sewa itu menjadi deposit. Dan di situ biasa kita perlu ke bank, bank hanya benarkan katakanlah 20 tahun paling lama untuk *repayment period*. Mungkin orang yang miskin ini kita bagi panjangkan lagi *repayment* dengan kadar bunga yang amat kurang dan bagaimana kerajaan beri perumahan di bandar dengan kadar kosnya yang amat murah dan sebagainya. Ini semuanya kita timbang di bawah aspek Program Pembasmian Kemiskinan di Bandar.

Dato' Firdaus bin Harun: [Bangun]

Dato' Seri Ong Ka Ting: Rembau.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Soal indeks garis kemiskinan (*poverty line index*) tadi, saya inginkan penjelasan adakah ... memanglah dia punya garis kemiskinan itu akan berbeza di antara bandar dengan luar bandar sebab di bandar kos hidup lebih tinggi. Isu pokoknya ialah setelah dikenal pasti nanti, setelah ditetapkan garis kemiskinan tadi bagaimana kementerian akan mengenal pasti mereka yang miskin tadi. Adakah kementerian akan menggunakan model Kementerian Kemajuan Luar Bandar di mana disediakan satu senarai

ketua isi rumah miskin, dan adakah mereka ini perlu mendaftar kepada PBT seperti di luar bandar di mana mereka perlu berdaftar di pejabat daerah? Data *base* itu disediakan oleh pejabat daerah dengan kerjasama penghulu dan ketua kampung. Jadi untuk Program Pembasmian Kemiskinan di Bandar ini bagaimana? Harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Ong Ka Ting: PLI tadi seperti yang telah saya kata kita tunggu EPU, kajian bagi Kementerian saya yang baru mengambil alih bidang tugas daripada Kementerian Luar Bandar untuk kawasan bandar, kami juga ada kajian yang telah siap untuk Kuala Lumpur dan Petaling Jaya dan kajian ini telah pun diperluaskan kepada semua bandar di seluruh negara untuk dapatkan data dan dengan data yang terkini itu Kementerian saya akan ada satu database dan dengan itu kami akan – sebenarnya data itu kita tahu keluarga miskin itu betul-betul siapa dia dan di mana. Ini sebenarnya bertungkus-lumus kumpul dan saya sendiri telah jumpa dengan keluarga yang dengan banciaan ini yang termiskin di Petaling Jaya dan Kuala Lumpur. Saya ada pergi dua tempat beberapa bulan dahulu, telah berjumpa mereka dan nampaknya faktor-faktor kemiskinan pun kita kaji. Ada yang berumur tinggi ditinggalkan anak-anak mereka, ada yang *single mothers* dengan beberapa orang anak. Jadi golongan macam ini kami memang ambil perhatian bagaimana hendak bantu mereka.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat menyebut tentang PBT ataupun *local government* yang dibenarkan mengurus bajetnya dan terpulanglah kepada pihak berkuasa tempatan untuk menentukan keutamaan dan kegunaan *resources* dan sebagainya dan Yang Berhormat mencadangkan Ahli-ahli Yang Berhormat di kawasan itu mungkin dapat diambil kira untuk perbincangan dengan pihak berkuasa. Dalam keadaan kita dalam parti yang sama, itu mungkin mudah tetapi dalam keadaan Ahli Parlimen itu pembangkang misalnya, agak sukar ataupun mustahil input atau pandangan kita diminta, apatah lagi untuk berbincang secara serius.

Jadi, dalam peruntukan Pusat kepada *local government* ini khususnya, misalnya di Kota Bharu, tidakkah boleh misalnya Pusat dalam membuat peruntukan tersebut membuat sasaran tertentu yang spesifik misalnya supaya kita ada sedikit sebanyak input atau sumbangan kerana kalau tanpa penentuan daripada Pusat, kita tidak ada *leverage*, kita tidak ada usaha kita sendiri tidak mampu mengatasi masalah ini. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada ini boleh dipertimbangkan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya, saya faham delima yang dihadapi terutamanya di negeri Kelantan, Apa yang ditetapkan di bawah Perlembagaan dan diwajibkan Kerajaan Persekutuan kena beri kepada kerajaan negeri, itu memang diteruskan kekal dengan semangat Perlembagaan, tidak kita pertikai. Tetapi kalau ada peruntukan pembangunan tambahan, ia tidak merupakan kewajipan di bawah Perlembagaan. Sebagai contoh, ada projek-projek kecil macam di Butiran 00100 di bawah Kementerian saya, kalau dapat kita bantu, kita kena bincang dengan JPP, mungkin JPP boleh buat sesuatu di situ. Untuk Kelantan mungkin kalau PBT tidak menghiraukan wakil rakyatnya kerana unsur politik, jadi wakil rakyat juga terpaksa menjaga kepentingan pengundi. Dalam pada itu saya rasa Kerajaan Persekutuan boleh adakan sesuatu, berikan bantuanlah melalui saluran Kerajaan Persekutuan melalui JPP.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam, Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Okey.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi, Terima kasih Dato' Menteri. Saya hendak mengkhusus kepada isu sosial yang terdapat di kawasan majlis. Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa Kementerian memang memberi perhatian dan ada peruntukan untuk masalah sosial selain daripada kemiskinan, gejala sosial maknanya diatasi.

Kita sentiasa atau selalu diperdengarkan bahawa kemajuan fizikal itu sinonim dengan gejala sosial. Oleh kerana itu kita sangat berharap dalam konteks ini supaya Kementerian ada peruntukan khusus supaya umpamanya NGO dapat bekerjasama dengan pihak PBT itu. Saya ingin bertanya, setakat manakah peruntukan itu dapat dimanfaatkan

oleh NGO untuk mengatasi masalah gejala sosial di kawasan PBT. Terima kasih Tuan Pengerusi..

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, maksud saya aspek sosial ialah dari segi persediaan kemudahan sosial iaitu *hardware*, kemudahan. Bagi NGO, aspek sosial yang lain itu kementerian lain, sebagai contoh, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan sebagainya, boleh memainkan peranannya. Memang ada banyak agensi kerajaan tetapi dia tidak kira kawasan PBT ke, luar PBT, asalkan dia berkaitan dengan bidang kuasa kementerian yang ada berkaitan dengan kemasyarakatan. Saya rasa ada dia punya peruntukan dalam aspek itu

Mengenai PBT memudahkan proses memberi lesen ini telah pun menjadi satu tumpuan kerajaan untuk mengurangkan kerenah birokrasi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri banyak...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Penampang, Yang Berhormat ..

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya, nanti saya lengkapkan ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah banyak kali sebut bagaimana kita potong *red tape* supaya memudahkan, turunkan kos buat *business*, *reduce the cost*, dengan izin, *doing business* dan sebagainya termasuk '*one stop centre*' yang disebut tadi. Semua ini telah pun diberi tumpuan dan dipantau oleh Kabinet, oleh Majlis Negara Kerajaan Tempatan, oleh Mesyuarat Menteri-Menteri Besar bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, banyak keutamaan, penekanan telah diberi pada semua potong *red tape*, mudahkan prosedur pengeluaran lesen, jadikan '*one stop centre*' itu berkesan, memang adalah satu perkara yang amat dititik berat, terutamanya dalam setahun kebelakangan ini.

Dato' Razali bin Ismail: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Tuan Pengerusi, iaitu berkaitan dengan soalan Sabak Bernam tentang gejala sosial dalam konteks pelesenan ini. Di Kuala Terengganu saya nampak ada gejala sosial yang berkaitan dengan *cyber cafe* ini. Ini berikutan dengan pelesenan dan pengawasan, penyeliaan yang tidak berkesan yang membawa kepada satu gejala yang disebut sebagai *cyber loafing* iaitu lepak siber pula yang membawa kepada gejala dan isu-isu di kalangan belia-belia kita ini. Maka dalam konteks ini, saya berharap supaya dari segi pelesenan dikawal, kemudian pengawasan, penguatkuasaan saya kira harus ada peraturan-peraturan yang khusus berhubung dengannya.

Perkara yang kedua, yang berhubung dengan kerajaan tempatan ini juga, Yang Berhormat Menteri, saya ingin tarik perhatian tentang perjawatan dan perkhidmatan warga kerja di majlis perbandaran, khususnya yang saya lihat sebagai tidak banyak bergerak, '*deadwood and dead end*'. Artinya, dia hanya bergolak atau bertugas di sekitar keluarga itu sahaja, lebih-lebih lagi tidak ada peluang untuk mereka dinaikkan pangkat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tanya soalanlah, jangan berucap.

Dato' Razali bin Ismail: Ya, ya, tidak ada peluang bagi mereka untuk naik pangkat, habis setakat itu saja. Saya kira kalau dapat dijadikan ini sebagai satu agenda oleh kementerian untuk memperbaiki keadaan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat telah bangkitkan perkara-perkara yang agak dasar yang memang saya hendak jawab kerana beberapa Ahli Yang Berhormat lain telah sebut mengenai perkhidmatan kerajaan tempatan. Saya akan terangkan apa yang kerajaan tengah buat tentang perkhidmatan kerajaan tempatan.

Mengenai gejala sosial *cyber cafe* memang sudah ada garis panduan yang jelas yang telah dikeluarkan kepada semua PBT tentang soal penguatkuasaan. Saya tahu kelemahan ialah penguatkuasaan. Kalau penguatkuasaan itu berkesan, semua PBT betul-

betul serius, mereka tengok mana-mana ada *cyber cafe* tidak ikut dia punya syarat pelesenan, mereka ambil tindakan dengan awal sekali, ia tidak akan timbul masalah sampai sudah jadi gejala sosial. Jadi, saya nampak lebih ini adalah satu soal penguatkuasaan kerana garis panduan telah pun dikemas kini, telah pun dikeluarkan dan Kementerian Pelajaran juga telah pun ada pandangan dan pendirian dan beberapa kementerian memang bekerjasama untuk memastikan garis panduan yang memberi jaminan yang baik terutamanya kepada masyarakat, pelajar-pelajar dan mereka yang tidak seharusnya dibenarkan masuk ke *cyber cafe*.

Jadi pelesenan, penguatkuasaan telah saya sebut. Mengenai, okey, biar saya habiskan mengenai kerajaan tempatan. Sekarang Jemaah Menteri dan juga Kerajaan Persekutuan amat pandang serius tentang sistem kerajaan tempatan sekarang. Akta Kerajaan Tempatan sedang dikaji semula. Struktur kerajaan tempatan pun semuanya kena dikaji semula, Kementerian saya bersama-sama dengan MAMPU, bersama-sama dengan Jabatan Perdana Menteri dan juga INTAN telah mengenal pasti kelemahan-kelemahan kerajaan tempatan dari segi struktur, perundangan, fungsi dan sebagainya.

Memang benar satu kajian yang menyeluruh dilakukan oleh Universiti Malaya dan laporan telah dibentangkan ataupun dihantar kepada kementerian. Kami memang ambil serius tentang cadangan-cadangan tetapi oleh kerana laporan itu belum diumumkan ataupun belum diterima secara rasmi, ada juga laporan di akhbar secara tidak rasmi tidak berapa tepat, dia kata cadangan nak korporatkan PBT. Sebenarnya dalam kajian itu telah mengenal pasti banyak kelemahan yang sama juga apa yang kementerian selama ini dapat memerhatikan dan cadangan mempunyai banyak *option*. Dia ada beberapa *option*, dia tidak kata korporat sahaja.

Yang tadi kata banyak '*deadwood*', dengan izin, itu pun juga satu aspek bagaimana Jemaah Menteri telah memberi tugas kepada kementerian saya untuk mengkaji dengan mendalam supaya diadakan satu kertas Jemaah Menteri untuk dibuat keputusan, *overall review* sistem kerajaan tempatan dan untuk membolehkan kakitangan ditukar dari PBT ke PBT yang lain, tetapi masih di dalam negeri yang sama dan sama ada dia sebagai satu jabatan kerajaan tempatan ataupun dia sebagai satu *state services* ataupun apa, dia ada berbagai-bagai *option*. Jadi belum diputuskan oleh Jemaah Menteri.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Pada masa yang sama...Ya, biar saya lengkapkan penerangan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi, Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Pada masa yang sama, untuk melakukan satu perubahan, ianya akan menyentuh Perlembagaan. Kena pinda Perlembagaan Persekutuan, kena pinda Perlembagaan Negeri masing-masing, kena pinda Akta Kerajaan Tempatan dan juga semua undang-undang yang ada berkaitan. Jadi ini bukan satu *exercise* yang senang. Ia adalah sesuatu yang *massive, very massive exercise*. Oleh kerana itu, kementerian saya sedang berbincang untuk mendapat pandangan daripada Jabatan Peguam Negara dan dengan penglibatan juga Ketua Setiausaha Negara sebagai ketua servis untuk semua *public services*.

Jadi ini adalah satu perkara yang major dan Jemaah Menteri tetap hendak tengok ada satu perubahan besar yang akan membawa kepada menjadikan perkhidmatan PBT akan jadi lebih berkesan, dan ini adalah satu maklumat awal yang dapat saya maklumkan pada Dewan ini. Apabila ada keputusan selanjutnya, tetap kementerian saya akan beri taklimat selanjutnya kepada ahli-ahli wakil rakyat kerana ini satu perkara yang besar, bukan perkara yang kecil..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, antara kelemahan-kelemahan di PBT adalah pelantikan ahli majlis. Bukankah peraturan pelantikan ahli majlis di mana PBT perlu melantik orang-orang yang profesional di bidang-bidang yang tertentu, tetapi pada masa

sekarang sistem pelantikan ahli majlis ialah ahli majlis diagih-agihkan antara parti-parti komponen Barisan Nasional, diberi kuota dan sehingga ahli-ahli majlis ada yang tidak berpengalaman, ada yang pendidikannya pun rendah sangat, tidak faham bahasa pun ada, tidak faham bahasa Inggeris pun ada. Jadi, macam mana hendak bermesyuarat dalam majlis.

Tuan Lau Yeng Peng: Bagaimana dengan Kelantan?

Tuan Lim Hock Seng: Saya pun tidak tahu. Jadi adakah ini antara satu kelemahan-kelemahan di mana Yang Berhormat sendiri telah meneliti cadangan-cadangan itu. Ini akan membawa satu perubahan yang besar. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ahli Yang Berhormat bagi Bagan, mungkin beberapa Ahli Yang Berhormat daripada pihak pembangkang selama ini memperjuangkan pilihan raya, saya tahu, banyak telah sebut dan telah berulang kali kerajaan ada jawab bahawa ini bukan satu-satunya penyelesaian. Kekurangan, kelemahan daripada kajian, bukan saja kajian daripada universiti, kajian daripada semua agensi yang lain, menunjukkan satu kelemahan yang beberapa kelemahan, antara lain ialah sumber kewangan PBT terhad.

Bila sumber kewangan terhad, kakitangan yang sesuai sama ada secara separa profesional, teknikal dan sebagainya pun kekurangan. Dia ada banyak lagi perkara lain. Jadi kalau pun ada pilihan raya ia tidak akan mengatasi masalah ini. Bila ada pilihan raya dia ada masalah *pros and cons*. Dia ada juga sepanjang tahun orang kempen sahaja mahu menang, janji macam-macam kemudian tidak boleh buat. Kemudian semua janji popular sahaja. Kadang-kadang kena melakukan satu pembangunan atau satu perubahan dia mungkin tidak popular. Keputusan itu tidak popular tapi untuk jangka dia akan jadi baik.

Dato' Firdaus bin Harun: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Jadi pilihan raya itu, Jemaah Menteri sudah bincang. Ia bukan satu penyelesaian yang baik. Ia ada banyak faktor kena diambil kira.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Rembau.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Jadi Jemaah Menteri berpendirian bahawa pilihan raya itu tidak sesuai. Kita kena *look at the bigger picture*, banyak lagi perkara lain untuk ditimbang. Ya, Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak minta penjelasan dan juga pandangan Yang Berhormat Menteri tentang keanggotaan Ahli Majlis ini. Sekarang ini kita sedia maklum ahli-ahli majlis dilantik oleh kerajaan negeri. Jadi ini bermakna kita Ahli Parlimen tidak ada peluang malah saya dahulu Ahli Majlis. Tempoh saya patutnya habis tahun ini tapi diminta letak jawatan atas alasan Ahli Parlimen sibuk. [Ketawa] Tapi saya fikir dengan pindaan yang dibuat ataupun sedang dibuat oleh kementerian tadi, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri bersama dengan MAMPU saya harap dapat dicadangkan seperti mana Mesyuarat Tindakan Daerah, Ahli-ahli Parlimen adalah ahli tetap. Majlis Tindakan Daerah Kita juga harap Ahli Parlimen akan dilantik sebagai ahli tetap Majlis Daerah.

Tuan Lim Hock Seng: Termasuk pembangkang.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Firdaus bin Harun: Itu budi bicara kerajaan yang memerintah.

Tuan Lim Hock Seng: Okeylah.

Dato' Firdaus bin Harun: Jadi bukan soal elaun tapi soalnya kadang-kadang banyak isu di peringkat majlis yang boleh dibawa ke Parlimen yang tidak boleh selesai di peringkat pihak berkuasa tempatan. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ini memang sudah dibangkitkan beberapa kali. Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Selangor pun banyak kali bangkitkan perkara ini dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Seperti yang pernah saya kata cadangan ini saya boleh bawa tapi pada akhirnya kerajaan kena timbang dan tengok. Keputusan akan dibuat kemudian bila kertas yang menyeluruh itu di bentang. Ada Ahli Dewan Undangan Negeri pun hendak sangat jadi Ahli Majlis. Ada negeri tertentu sudah dapat, Ahli Parlimen tidak dapat. Jadi ini saya akan bawa masuk ke dalam cadangan. Tengok pada akhirnya apa keputusan akan dibuat oleh kerajaan.

Tuan Chong Chieng Jen: *[Bangun]*

Dato' Seri Ong Ka Ting: Soal PBT ini dah banyak...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bandar Kuching Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: ...diberi penjelasan.

Tuan Chong Chieng Jen: Penjelasan.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: *[Bangun]*

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya ingat kalau macam itu..

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Sedikit sahaja.

Dato' Seri Ong Ka Ting: ...banyak lama.

Tuan Lim Hock Seng: Apahal? 10.30 ada.

Tuan Chong Chieng Jen: 10.30.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ini soal PBT...

Tuan Chong Chieng Jen: Hingga 10.30.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Okey?

Tuan Chong Chieng Jen: Saya ingin tanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Eh?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Yang, yang....

Tuan Chong Chieng Jen: Bukan bagi saya?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Padang Terap, Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih juga kerana pihak kementerian sedang berusaha untuk menstrukturkan semula PBT dan juga akta-akta yang wujud dan digubal semula. Saya 'pikiah' apa nama...

Tuan Lau Yeng Peng: *[Ketawa]* Pikiah?

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Fikir, fikir.....dia tidak jelas dari segi kuasa yang ada pada hari ini. Di Kedah misalnya Tuan Yang di-Pertua ialah Tuan DO yang dilantik oleh Menteri Besar. Dari segi kuasa ini kurang jelas dan jadi kelam-kabut di peringkat perbandaran dan majlis daerah.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Cuma saya harap apabila ada penstrukturan semula akta yang hendak digubal boleh dilihat secara menyeluruh. Kalau bab ini tidak selesai, bab lantikan, masalah setengah DO dah jadi Tuan Yang di-Pertua, akhirnya hendak *report* kepada siapa? Kepada kementerian ataupun kepada kerajaan negeri? Saya harap di dalam akta yang hendak digubal oleh kementerian perlu disemak, disentuh tentang kuasa yang lebih jelas perlu diwujudkan di setiap PBT yang ada di seluruh negara kita. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih, Menteri.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Cadangan itu saya ambil perhatian. Memang ada banyak perkara yang tidak seragam perlu diatasi. Tuan Pengerusi...

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: ...jadi...

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut bahawa daripada kajian satu faktor utama mengenai masalah atau 'penyakit' PBT ialah kewangan. Bukankah selain daripada kewangan ialah masalah *good governance* ialah sistem pelantikan dan sistem pemilihan. Adakah selepas 40 tahun sistem pelantikan PBT dan pemansuhan sistem pemilihan, *the third vote* adakah pernah perkara ini dikaji dengan serius untuk memulihkan *the third vote* atau pemilihan untuk PBT daripada segi *good governance* ketepikan masalah politik oleh kerana kita tahu sebab utama kenapa pemilihan untuk PBT dimansuhkan ialah politik khasnya MCA. MCA tidak boleh dapat sokongan, tidak boleh dipilih di dalam PBT.

[Dewan menjadi riuh seketika]

Bolehkah kita ketepikan perkara ini? Ini benarlah. Kita tahulah MCA kalah kepada DAP dalam perkara ini. Kalau kita *control* semua *local government* ia ketepikan. Tapi daripada segi untuk *good governance accountability* satu cara di mana wakil-wakil atau kaunselor boleh bertanggungjawab secara *direct* kepada *writ payers*, satu cara. Oleh kerana ini adalah bukan satu *missing link how a direct responsibility* iaitu *missing link* kalau tidak boleh diisikan masalah *accountability* akan terus menjadi satu penyakit yang besar.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya telah kata ia ada banyak faktor yang merupakan kelemahan. Ia bukan satu atau dua sahaja. Kekurangan sumber kewangan itu hanya satu. Kekurangan tenaga yang teknikal atau profesional atau yang sesuai juga dan ada juga perkara-perkara yang lain. Saya telah kata pemilihan sahaja bukan satu-satunya penyelesaian. Saya tidak menolak bahawa pemilihan itu tetap tidak ada kebaikan. Ia ada *pros and cons*. Jadi banyak faktor ini secara bersama. Semuanya secara ditimbang bersama baru kerajaan buat satu keputusan untuk dilaksanakan. Jadi tidak ada satu faktor paling baik. *There is no magic word that* boleh mengatasi semua masalah ini.

Walau bagaimanapun, ramai Ahli Yang Berhormat telah sebut banyak perkara. Sebenarnya semua perkara yang disebut itu ada dia punya asas. Jadi semuanya kena di kumpul bersama baru kita buat keputusan daripada kajian.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Chong Eng: Saya rasa tidak ada satu sistem yang *perfect* yang boleh *cure all*, tidak ada sistem yang boleh buat. Tapi untuk waktu sekarang pemilihan atau pilihan raya, saya rasa adalah sistem yang terbaik kerana sekurang-kurangnya pandangan dan kehendak rakyat dapat diambil perhatian dan juga di dalam sistem demokrasi ialah kalau tidak ada dengan izin, *no taxation without the representation*. Kalau tidak mahu ada pilihan raya Kerajaan Tempatan maka bolehkah memansuhkan pembayaran cukai pintu. Kalau itu boleh dibuat itu adalah lebih adil kepada pembayar cukai. Itu yang pertama.

Yang kedua, 40 tahun ini ialah untuk menggunakan sistem pelantikan. Adakah kelemahan-kelemahan itu telah diatasi umpamanya kekurangan *resources*. Saya rasa ia lebih teruk lagi dan masalah rasuah lebih teruk lagi. Jadi, saya rasa tak adalah, kita semua bersetuju, tak ada satu sistem yang boleh mengatasi semua masalah. Tetapi sistem pilihan raya pada waktu sekarang, dia adalah lebih baik daripada sistem pelantikan. Bukankah itu, saya rasalah, saya tak tahu apa pandangan Menteri? Saya rasalah dia tidak akan setuju kerana dia tidak mahu pilihan raya. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Dia sendiri yang bangkit, dia sendiri yang jawab. Jadi tak payahlah saya jawab lagi, soalan dia, jawapan dia sudah bagi. *[Dewan riuh][Ketawa]*

Tuan Pengerusi, saya rasa pandangan mengenai PBT, semuanya telah pun, sebenarnya saya catat satu demi satu tadi. Saya tidak perlu pun bergantung kepada pegawai untuk catat. Prinsip itu saya catat semua, ya. *[Mengetuk meja]*

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Chong Chian Jen: Minta penjelasan. Soalan yang saya bangkit tidak dijawab. Mengenai PBT.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*.

Tuan Chong Chian Jen: Diam, diam, diam, diam. Mengenai itu *counsellor* ambil, *Counsellor* diberi kontrak projek *council* ...

Seorang Ahli: Dia tak tahu baca, mana boleh dapat kontrak.

Tuan Chong Chian Jen: Itu, itu langsung tidak disentuh oleh Menteri.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng: Dia semalam, dia tak dak, .. kasi dia orang cari makan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Itu MBKS. Itu banyak soalan spesifik. Majlis Perbandaran Kuching Selatan ada kontrak, kalau apa-apa... Itu spesifik, *pick* punya soalan. Saya di sini bagi pihak kementerian, *you* tengok belanjawan yang kita bahas hari ini, mana ada satu item yang sentuh pasal kontrak di Kuching itu...

Tuan Chong Chian Jen: Apa yang saya tanya, adakah itu polisi kerajaan untuk menggalakkan *counsellor*, untuk menggalakkan *counsellor* ambil itu projek? Bukankah *counsellor* dilantik supaya berkhidmat untuk rakyat? Bukan ambil peluang itu untuk mengutip keuntungan. Saya ada tanya, sama ada kerajaan ada satu polisi untuk mengelakkan *conflict of interest*? Kerana *counsellor* adalah badan pemantauan. Dan kalau dia sendiri ambil projek, bagaimana dia nak memantau? Bagaimana dia nak *supervise*?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya ingat undang-undang negara kita sudah amat jelas. Kalau ada *conflict of interest*, ada sesiapa pergi lapor kepada ACA, ACA tangkap tak kira dia BN ke, *opposition* ke? Jadi, itu sudah jelas. Jadi kerajaan memang tidak setuju kalau ahli majlis sendiri, secara *conflict of interest* ambil projek untuk kekayaan sendiri. Tak pernah Kerajaan Barisan Nasional setuju dengan itu. Jadi, tak payahlah dia cuba nak kata, macam kita yang itu...

Tuan Pengerusi: Ya, Kuala Selangor.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya menyambut baik tentang cadangan kementerian untuk menambah baik berdasarkan kepada kajian-kajian yang disebutkan tadi. Dan kita sedar bahawa Akta Kerajaan Tempatan hari ini, digubal tahun 1976. Waktu itu, penduduk Malaysia 10 juta, sudah berlalu 30 tahun. Hari ini, penduduk Malaysia dah jadi 27 juta. Saya ambil contoh, satu aspek. Selain daripada perkara yang saya bangkitkan. Soal jumlah ahli majlis. Masih kekal 24 juta. Jadi saya nak tanya Yang Berhormat Menteri, bila ..

Seorang Ahli: 24 orang...*[Ketawa]*

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: 24 orang, minta maaf. Saya nak bertanya Yang Berhormat Menteri, bila Akta Kerajaan Tempatan 1976 ini akan dipinda berdasarkan kajian-kajian yang dibawa di Parlimen untuk diluluskan? Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Untuk makluman. Apa yang saya terangkan tadi, termasuk perlu meminda Akta Kerajaan Tempatan. Jadi, pemindaan Akta Kerajaan Tempatan, Perlembagaan dan akta-akta yang lain adalah semuanya akan jadi satu exercise yang berkenaan dengan *major revamp*, dengan izin kepada kerajaan tempatan.

Ya, memang betul dalam cadangan kementerian, kita akan kaji juga ini bilangan ahli majlis, sekarang ini tak kurang daripada 8, tak lebih daripada 24. Dan kementerian juga berpendapat bahawa NGO dan profesional yang berkaitan, yang mewakili masyarakat setempat sepatutnya diberi peluang. Jadi, adalah tidak benar bahawa semua cadangan

daripada parti-parti politik itu tidak baik. Padahal sekarang, parti-parti politik juga telah pun dinasihat supaya cadangkan calon-calon yang layak, calon-calon yang ada latar belakang yang baik. Itu satu perubahan yang positif. Jadi, banyak lagi perkara kita kena buat. Tapi kita perlu masa. Baru kata langkah-langkah bertambah baik, ada 64 langkah-langkah telah dikenal pasti secara bersama oleh semua agensi kerajaan. Okey, kita di bawah pimpinan nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, banyak usaha sedang dijalankan. Tapi dia perlu banyak kerjasama.

Tuan Pengerusi, mengenai pengurusan, ini pasal perumahan, projek perumahan. Buat masa kini, tribunal perumahan telah berjaya menguruskan sebanyak 15,000 dan 8 kes. Bukan, jumlah kes adalah 15,000 dan 8 telah didaftar di Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR). Daripada itu, 13,549 kes telah pun diselesaikan. Dan terdapat pemaju yang ingkar, 'AWOL'. Dan pemaju yang ingkar, masih ingkar sehingga 22 Oktober, terdapat 115 pemaju masih ingkar. Dan yang melibatkan kes 1,761. Dan kes ini, telah pun dalam proses didakwa oleh kementerian. Kerana di bawah undang-undang, bila mereka ingkar, 'AWOL' TTPR, jadi di bawah undang-undang iaitu Akta Pemajuan Perumahan, kementerian boleh membawa mereka dan dakwa di mahkamah. Jadi, proses itu sedang dijalankan.

Dan kementerian tidak akan berganjak, semua mereka yang ingkar ini tetap didakwa kalau disabit, ini adalah satu *criminal*. *Criminal* punya kesalahan. Dan mereka memang amat takut pada ini. Kebanyakan kes, bila sampai ke mahkamah, nak mula dengar, mereka cepat-cepat bayar. Mula-mula dia cuba nak tunggu kerana masalah kewangan syarikatnya. Dalam pada itu...

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Dalam kes-kes seperti ini, apakah kementerian mungkin menasihatkan orang yang petisyen dan memenangi *award* dari tribunal apabila berhadapan dengan pemaju yang enggan untuk membayar, sama ada menuntut melalui Mahkamah Sivil, ataupun kementerian akan mewakili mereka ikut peruntukan akta untuk membawa pemaju yang terbabit itu kepada mahkamah.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya baru jawab, kementerian yang mendakwa mereka. Tidak sivil. Kementerian, pegawai-pegawai perundangan di bawah kementerian membawa mereka yang ingkar ini. Dakwa mereka ke mahkamah kalau disabit dia bukan sahaja didenda, boleh dipenjarakan dan selepas disabit, setiap hari kalau dia tak bayar, tiap-tiap hari RM1,000 dia kira daripada itu.

Jadi, kalau sampai sekarang ini, terdapat ramai pemaju dia sudah nampak nak dibicara, dia cepat-cepat bayar. Jadi mereka tak nak sampai mahkamah jatuh hukuman. Ini akan diteruskan. Kementerian saya tetap akan melindungi pembeli-pembeli rumah. Dan banyak lagi usaha sedang dijalankan. Saya mengaku bahawa penguat kuasa, Bahagian Penguat Kuasa, kementerian saya perlu lebih ramai kakitangan. Kerana sekarang ramai pembeli telah pun mereka tahu. Saluran ini adalah saluran yang boleh mereka harapkan. Jadi mereka datang. Dan dalam pada itu, kementerian saya memang tengah mendapatkan kakitangan tambahan dengan dapat kelulusan daripada kerajaan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang kita tahulah ada 115 pemaju yang masih ingkar dengan keputusan tribunal. Walaupun kita selalu dengar kementerian Yang Berhormat akan mendakwa, membawa mereka ke mahkamah. Tapi kita selalu tidak tahu, bilakah ini akan dijalankan. Kerana tak ada apa-apa berita ataupun laporan disiarkan di dalam surat khabar. Jadi kita hanya tahu di Dewan Rakyat sahaja. Kenapakah pihak kementerian tidak menyiarkan pengarah bagi syarikat perumahan yang enggan mengikut keputusan tribunal itu? Bukankah ini lebih baik untuk dijadikan sebagai amaran kepada para pemaju yang enggan menurut keputusan tribunal?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ada meneliti, baru-baru ini Pengarah Penguat Kuasa kementerian saya sudah *high profile* kalau berbanding yang dulu. Dia sudah keluar cakap. Dulu dia tak cakap, dia buat kerja. Jadi, *website* telah pun kita memaparkan, mempamerkan butir-butir syarikat yang didakwa. Dan bagi mereka yang

degil, kementerian juga dalam proses untuk mempamer juga senarai pengarah. Saya ingat itu memang selaras dengan kehendak pembeli-pembeli rumah.

Dalam pada itu juga, pada masa yang kini mengenai projek-projek terbengkalai, selama ini angka itu nampaknya dia diinterpretasi secara berlainan apabila setiap kali diumumkan. Saya ingin buat satu penjelasan. Angka yang di umum selama ini ialah jumlah angka, *accumulated figure* dengan izin daripada tahun 1990 sampai tahun 2005 iaitu lebih 15 tahun ini secara bertimbun, *accumulative* jumlah rumah yang dikatakan terbengkalai, unit rumah terbengkalai adalah 55,126 unit yang melibatkan 36,815 pembeli sehingga Jun tahun ini.

Pada masa yang sama, selama ini yang rumah telah siap tanpa masalah, yang telah diserahkan kepada pembeli lebih tiga juta. Ada angka 3.5 juta. Maknanya, pada masa yang sama ada banyak rumah lebih 90% rumah adalah tidak bermasalah. Ia dalam keadaan sekarang ini dan nilai yang dikatakan berbilion ringgit itu pun tidak tepat kerana banyak rumah yang terbengkalai ini dia belum dibina pun. Ada baru kutip 10%, tidak boleh mula, ada yang dia baru buat sedikit, kutipannya pun tidak sampai 20%. Jadi terdapat nilai dahulu kita anggarkan kalau rumah itu siap, jumlahnya berapa dan kita darab dengan bilangan unit itu, nilai itu yang kata berapa bilion itu memang nilai itu bukan satu nilai yang tepat sebab dia belum siap.

Kebanyakan rumah itu ada yang tidak sampai separuh, ada belum mula pun. Dengan satu penerangan lebih tepat ini, saya berharap kita jangan ada pihak-pihak interpretasi kata macam tahun ini sahaja, sudah 55,000 unit. Sebenarnya ini adalah kumpul secara total untuk lebih 15 tahun. Ini adalah lebih tepat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ya, ya. Tuan Pengerusi hendak bagi Tangga Batu dahulu?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Jerai.

Tuan Pengerusi: Jerai dahulu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Minta maaf saya tidak nampak kawan bangun. Yang Berhormat Menteri, sekarang ini bolehkah tidak kita berkompromi dengan pihak bank? Bank bagi pinjaman, *bridging loan* apa semua ini kepada pembeli atas projek yang telah diusahakan oleh pemaju. Apabila pemaju tidak berjaya menyiapkan rumah tersebut, pembeli terpaksa membayar pinjaman itu. Tetapi apabila rumah terbengkalai, pembeli terpaksa terus membayar pinjaman tersebut sedangkan rumah itu terbengkalai.

Tetapi kita kena ingat pihak bank memberi pinjaman kepada peminjam untuk membeli rumah atas dasar projek perumahan tersebut. Sepatutnya pemaju itu bertanggungjawab sepenuhnya. Dia kena *wind up, go after the director* dan sebagainya dan bolehkah tidak boleh, kita minta bank ini, Yang Berhormat gunakan kuasa Yang Berhormat sebagai Menteri, supaya peminjam *jointly and severally* bertanggungjawab di atas projek-projek perumahan yang mereka hendak jual kepada rakyat supaya rakyat terselamat daripada tekanan bayaran. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya. Saya faham memang apabila satu projek terbengkalai, banyak pihak secara bersama menghadapi masalah. Bila projek itu tidak ada masalah, semuanya okey. Memang ini juga satu perkara kita bincang semasa hendak timbang mengenai *build and sell, build then sell* ataupun *sell of the plan* atau *ten-ninety*. Banyak perkara ini tengah timbang dan semua masalah ini timbul. Ada yang kata Bahagian Pinjaman Perumahan, Kementerian Kewangan tidak keluar wang dengan cepat. Jadi dia punya denda lewat, macam-macam semua ada.

Kementerian memang telah kenal pasti semua masalah ini. Yang Berhormat bagi Jerai punya cadangan kita tengok nanti. Bila satu sistem pengawal selia ataupun sementara kita cuba macam mana melindungi pembeli, semua masalah ini kita secara bersama, tengok macam mana dapatkan satu situasi yang lebih boleh menjamin pembeli. Memang akan kita ambil perhatian.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Tangga Batu, Tangga Batu.

Tuan Pengerusi: Ya, Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bercakap tentang projek perumahan terbengkalai, mungkin Yang Berhormat membincangkan tajuk ini dari sudut, dari perspektif seorang Menteri kepada sebuah kementerian. Kalau kita pandang dari sudut pentadbiran dan pengurusan Majlis-majlis Daerah ataupun Majlis Perbandaran, projek terbengkalai memang kita faham fizikalnya tidak sempurna. Suasana fizikalnya tidak lengkap, tidak siap. Tetapi dari sudut pentadbiran dan pengurusan majlis perbandaran Yang Berhormat Menteri ialah, walaupun rumah telah siap dibina, sempurna, tetapi tidak diduduki, tidak didiami, itu pun dikategorikan sebagai projek terbengkalai kerana gagal untuk menyempurnakan kehidupan di dalam sebuah daerah. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Kementerian ada definisi projek terbengkalai iaitu projek yang sepatutnya diserahkan apabila satu tempoh perjanjian itu sudah tamat dan sudah sampai tempoh itu, dia masih tidak serah rumah, kemudian enam bulan daripadanya dia tidak gerak. Jadi kita anggap itu terbengkalai.

Yang projek tidak diduduki itu bukan projek terbengkalai kerana itu sudah siap, sewa pun sudah dapat, sudah serah rumah, orang tidak duduk atau tidak dapat jual, itu adalah *overhang*. Jadi *overhang* itu bukan terbengkalai. Ada juga kerana masalah *overhang* ini telah membebankan pemaju oleh kerana dia tidak dapat jual, jadi dia sudah menghadapi masalah kewangan.

Jadi ini amat kompleks. Banyak masalah kena diatasi. Secara keseluruhan saya ingin memberitahu kepada Dewan yang mulia ialah, semu kajian ini telah dibuat dan satu kertas menyeluruh akan di bentang di Jemaah Menteri. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bila beliau beri pandangan, kemudian beliau arahkan kementerian buat kajian *pros and cons, build and sell*. Kemudian dibawa untuk ditimbang oleh Jemaah Menteri. Yang Amat Berhormat pun secara *open minded*, dia pada dasarnya Yang Amat Berhormat hendak tengok bagaimana pembeli dilindungi. Bagaimana industri perumahan tetap terjamin dan dapat diteruskan.

Tetapi, *pros and cons* itu kena tahu dahulu. Semua ini selepas kaji, bincang dengan semua pihak, selepas kita tengok apa orang lain buat yang berjaya, kita bentangkan kertas ini dan Jemaah Menteri akan buat keputusan bagaimana dapat satu sistem yang dikatakan praktikal, tidak akan menjejaskan industri perumahan di negara kita. Pada masa yang sama menjamin pembeli rumah. Jadi kita sudah dekat sampai hendak bincang memorandum Jemaah Menteri ini.

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri. Sedikit mengenai implikasi projek-projek terbengkalai terhadap pembeli-pembeli rumah dan sebagainya. Apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai itu memang satu implikasi yang serius kerana kalau sesebuah projek terbengkalai, pembeli itu mengalami satu masalah yang orang kata *double seriousness*. Satu dia, masa bayar bank, *interest bank*.... sesama mereka mungkin menyewa rumah dan terpaksa bayar bulanan. Saya hendak tanya mengenai, saya pernah mendengar ataupun satu penjelasan dari Yang Berhormat Menteri mengenai *service apartment* ataupun pangsapuri perkhidmatan ini di mana kategori pangsapuri perkhidmatan tidak termasuk dalam *Housing Development Act* (HDA). Adakah Yang Berhormat dalam satu eksesais ini akan merangkumi *service apartment* sebagai satu di bawah HDA supaya kepentingan-kepentingan pembeli ini dapat dijamin.

Sebagai contoh, di kawasan saya terdapat lebih daripada 2,300 unit di kawasan saya itu di mana terbengkalai tetapi pemaju sudah hilang maka pembelinya tak tahu macam mana nak *recover* pelaburan-pelaburan mereka kerana *service apartment* tidak di bawah HTA. So, saya nak penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai apakah bagaimana kita untuk memberi satu perhatian kepada pangsapuri-pangsapuri perkhidmatan ini.

Dato' Seri Ong Ka Ting: *Service apartment* rumah kedai ini merupakan *property commercial*. Memang benar selama ini kerana ia *property commercial* definisinya tidak merangkumi *property commercial*, jadi Akta Pemajuan Perumahan adalah hanya untuk *property* kediaman iaitu *apartment* kediaman, rumah kediaman, apa-apa yang kediaman, itu memang benar.

Pada masa kini, semasa kami sedang mengkaji semula Akta Pemajuan Perumahan, definisi itu kementerian saya memang hendak ubah suai dan tertakluk kepada pandangan undang-undang dari Jabatan Peguam Negara. Kalau Jabatan Peguam Negara rasa definisi itu boleh merangkumi servis *apartment* dan rumah kedai, kementerian saya berhasrat nak merangkumi semua ini, di bawah akta ini. Dan, mengapa akta ini masih belum dibentang? Ini kerana kementerian saya tunggu kerajaan buat satu keputusan mengenai *build and sell* sebab ia ada berkaitan dengan Akta Pemajuan. Kita tak mahu hari ini bawa ke Parlimen tukar sikit, besok kata *build and sell* tukar lagi. Jadi, kita nak sekali, kalau keputusan dah buat, kita buat satu pindaan sekali gus yang merangkumi semua yang berkaitan dengan perumahan.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya kembali kepada masalah perumahan tadi yang di bawah Akta Pemaju Perumahan. Masih juga berkait rapat dengan rumah terbengkalai tetapi dalam hal ini tidak terbengkalai dalam erti kata yang sebenarnya. Banyak projek-projek perumahan yang disiapkan mendapat *delivery vacant procession* dapat diserahkan tetapi pemaju gagal untuk menyempurnakan sebahagian kecil lagi spesifikasi-spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan sehingga CF sijil layak menduduki tidak dikeluarkan atau ada ketikanya sijil layak menduduki dikeluarkan tetapi dipanggil TCF, *Temporary Certificate of Fitness*, sijil layak menduduki sementara, yang biasanya tempoh adalah lebih kurang enam bulan. Dan, sehingga tempoh enam bulan ini luput, *permanent* CF tidak juga dikeluarkan.

Tuan Pengerusi, keadaan ini cukup membimbangkan dan terlalu banyak di seluruh kawasan. Kesannya ialah:

- (i) bangunan itu, rumah itu tidak akan di insuranskan oleh syarikat insurans jika berlaku kebakaran dan sebagainya. Itu yang pertama, terutama sekali oleh pihak bank; dan
- (ii) PBT Pihak Berkuasa Tempatan tidak akan menjalankan perkhidmatan kutipan sampah dan sebagainya dan akibatnya cukai taksiran yang dikenakan ialah dianggap sebagai cukai taksiran tanah kosong. Jadi, lampu jalan tidak dipasang, bekalan air tak ada, rumput tidak dipotong, kutipan sampah tidak sempurna.

Apakah tindakan kementerian menyelesaikan perkara ini dan saya berharap tindakan-tindakan seterusnya perlu diperkemaskan lagi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Kes-kes yang sebegini perlukan kerjasama erat daripada PBT kerana ia berkaitan dengan mungkin ada infrastruktur yang belum siap atau sebagainya. Kementerian hanya kalau dapat aduan sebegini cuba panggil perbincangan antara pihak-pihak berkaitan. Tetapi dalam akta yang telah kita pinda sekali di sini telah mula kuat kuasa Disember 2002, yang perjanjian jual beli telah pun ditambah baik di mana orang tak boleh serah rumah tanpa siap untuk CFO. Sekarang perjanjian jual beli telah pun menetapkan sampai tahap semua syarat-syarat yang diperlukan oleh Jabatan Teknikal itu mesti sudah lengkap, ia sudah boleh isi Borang E, baru dia boleh serah kunci.

Jadi, bila serah kunci saja, CFO itu tetap akan diperolehi. Jadi, undang-undang baru sudah memperbaiki kelemahan ini, yang kelemahan ini berlaku dahulu. Yang dahulu

terpaksalah kementerian dengan sedaya upaya panggil semua pihak pemaju dan dapatkan kerjasama PBT. Ini memang banyak kerja. Itu sebabnya saya kata kementerian saya terpaksa untuk *digest*, dengan izin, banyak masalah lama dan terpaksa kita adakan banyak tambah kakitangan. Walau bagaimanapun, kami akan terus berusaha...

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, saya ingin lengkapkan penerangan kerana banyak perkara ini spesifik dan sangat local. Nampaknya kalau saya jawab perkara terlalu spesifik *and very localize*, saya tidak dapat jawab ini pasal perkara yang lebih dasar, yang lebih berkaitan dengan bajet. Ini kerana perkara yang dibangkit tidak ada kaitan dengan bajet, Tuan Pengerusi. Jadi, saya harap minta maaf saya tak mahu layan sangat mulai daripada sekarang, ya, Tuan Pengerusi. Okey, mengenai Skim Pinjaman Perumahan ini adalah satu skim untuk meminjam kepada orang yang miskin, terdapat RM70 juta dana dalam kementerian. Untuk Sabah dan Sarawak kami berikan satu jumlah wang dana untuk diurus oleh kerajaan negeri masing-masing.

Jadi, di sini ada dia punya syarat-syarat di mana semua pejabat daerah tahu bagaimana untuk nasihat mereka yang miskin. Mengenai Dasar Pengurusan Sisa Pepejal - kita masih menunggu EPU untuk memberi satu keputusan - bukan. EPU tengah bekerjasama dengan kementerian untuk membenteng satu dasar, untuk ditimbang oleh kerajaan bagaimana dapat menswastakan perkhidmatan sisa pepejal. Buat masa kini masih dikatakan interim *take over*, jadi ia belum ada penswastaan, kelemahan-kelemahan itu semuanya memang diambil perhatian dan ia masih perlu sehingga satu penswastaan dilengkapkan barulah dapat mengatasi banyak perkara.

Ahli-ahli Yang Berhormat telah sebut mengenai LA21 - Local Agenda 21. Memang kementerian hendak memperluaskan ini pada semua majlis perbandaran, majlis bandar raya dengan berdasarkan *pilot* projek yang telah amat berjaya kita buat di empat *local authority* pada masa beberapa tahun dahulu. Bagi balai-balai bomba yang dibangkit oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat, memang banyak balai-balai ini telah pun - macam balai bomba Puchong - ini kami di cadang di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan di harap dapat peruntukan yang secukupnya. Bagi Yang Berhormat Sri Gading, juga dalam proses untuk dikenal pasti tapak tanah yang sesuai.

Sekiranya tanah diperolehi, kami juga hendak cadang di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Bagi Serdang, balai bomba - bukan Serdang. Di Balai Bomba Tun Hussein Onn juga dicadangkan perlaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Dan, Yang Berhormat bagi Tangga Batu - cadangan juga kita harap dapat peruntukan yang cukup di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Ada beberapa perkara berkaitan dengan bomba yang lain juga telah pun diambil perhatian di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan tertakluk pada jumlah peruntukan yang akan diperolehi. Bagi Kampung Baru - pelan induk Kampung Baru memang telah pun diumumkan. Kajian yang menyeluruh telah siap, kementerian saya telah menggunakan satu tempoh masa mengkaji semua 450 Kampung Baru.

Peruntukan yang saya umumkan itu hanya peruntukan dari kementerian saya sahaja, belum campur yang Yang Berhormat bagi Serdang sudah kata, banyak agensi kerajaan lain pun beri peruntukan kepada Kampung Baru. Kalau nak campur semua itu dia tetap jauh lebih daripada RM326 juta. Dan bandingan saya telah terangkan, ini *apple and orange*, mahu banding kampung baru dengan kampung-kampung luar bandar, seperti taktik pembangkang itu tidak begitu *logical* kerana terdapat lebih 21 ribu kampung-kampung di luar bandar jauh begitu banyak sekali berbanding dengan 450 kampung baru. Dan kampung baru dia tumpu di tempat kawasan yang padat, dia punya jalan tak begitu panjang jaraknya, tetapi kampung-kampung luar bandar kena bina satu kampung, kena bina jalan banyak kilometer, dia perlu banyak wang, jadi tak boleh kita banding 2%, berapa peratus.

Kementerian Luar Bandar dengan Kementerian saya memang sentiasa bantu membantu yang mana kampung baru masuk dalam Kementerian Luar Bandar, dia bantu juga. Kalau ada di tempat yang *gray area*, kita bantu bersama-sama. Untuk makluman

beberapa Ahli Yang Berhormat tentang kampung tradisional, sebenarnya di bawah PBT ada lebih 3 ribu kampung tradisional yang kita jaga, kita bagi juga peruntukan dan kampung tersusun, penempatan (*settlement*) di PBT semuanya kita jaga. Jadi tak ada kita diskriminasi mana-mana satu kampung, sama ada kampung luar bandar, kampung PBT, tradisional, atau kampung baru semuanya kerajaan Barisan Nasional mahu jaga dengan adil. Jadi semua cuba mainkan angka-angka itu, saya rasa tak payahlah buang masa kerana penduduk di kampung sudah rasa ada perubahan. Dan pelan induk kampung baru ini tetap akan diteruskan sampai tahun 2020 bersama-sama dengan Wawasan 2020. Menjelang masa itu saya yakin semua kampung akan jauh lebih baik daripada satu masa ketika.

Dato' Yap Pian Hon: [*Bangun dan mengetuk mikrofon*]

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat juga daripada, saya rasa saya sudah sentuh pasal bomba dan ...

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Bagi perkara di ..., okey *last* sekali ya.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Tadi saya ada cadangan untuk melicinkan dan memantau projek-projek yang akan dilaksanakan di kampung-kampung baru akan datang ini mengikuti pelan induk itu maka cadangan saya itu mewujudkan Jabatan Kemajuan Perkampungan untuk menyelaraskan dengan agensi yang lain supaya untuk menjamin kejayaan dalam projek di kampung-kampung baru. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Sebenarnya pada masa kini Bahagian Kemajuan Perkampungan telah diwujudkan dan bahagian itu bukan saja unit lagi. Bahagian ini dia punya kakitangan yang bertanggungjawab juga adalah pegawai yang pangkatnya agaknya senior. Terdapat juga Timbalan Ketua Pengarah yang bertanggungjawab tentang kerajaan tempatan juga diberi tugas untuk menjaga bahagian ini. Pegawai-pegawai perkampungan berkenaan juga diberi taraf ada mereka yang lebih berpengalaman dan prestasi baik juga dapat di *upgrade*. Jadi semakin penting bahagian ini jika dibandingkan dengan dahulu. Walau bagaimanapun, pada satu hari nanti, kalau dia dapat sesuai dinaikkan jadi jabatan, kementerian akan menyusul pada masa yang sesuai lah.

Tuan Pengerusi, ada banyak perkara mengenai perancangan, hal-hal perancangan (*planning*). Majlis Perancangan Fizikal Negara dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan semua menteri besar jadi anggota, sudah beberapa kali bermesyuarat telah ada dasar-dasar yang agak ketat mengawal selia, memantau semua hal-hal perancangan bandar dan desa. Jadi secara keseluruhannya PBT tidak boleh sewenang-wenang lagi membuat sesuatu yang melanggar prinsip perancangan termasuk dia suka-suka ambilkan, jadikan *green lung* itu komersial dan sebagainya. Dan ini banyak perkara yang telah dibincangkan, saya tak nak secara spesifik, secara keseluruhan telah pun diberi perhatian dan Majlis ini amat berkesan kerana telah pun dapat penglibatan kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan secara bersama.

Bagi yang lain-lain tadi, masalah perumahan telah diambil kira, perkara landskap telah juga diambil kira. Memang sudah ada garis panduan landskap untuk tanaman bunga di sepanjang jalan dan sebagainya. Jabatan Landskap Negara hanya beri khidmat nasihat, beri bantuan teknikal saja tetapi PBT sendiri mesti kena rancang dan kena usahakan.

Tuan M. Kula Segaran: Penjelasan.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Dah cukup, saya dah kata habis, kalau saya bagi semua orang lain saya kena layan.

Cik Fong Po Kuan: Fasal dasar tadi kami bangkitkan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Dah cukup, cukup.

Cik Fong Po Kuan: Jangan lari lah Yang Berhormat. Jarang-jarang boleh jumpa.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Kalau saya lari, sampai pukul 5 sampai sekarang, saya tak keluar minum, makan pun, saya berdiri sini.

Cik Fong Po Kuan: Kami dari pukul 10 sampai sekarang, dari 10 sampai sekarang.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya tahu pembangkang gilir-gilir pergi makan, saya tak minum pun sini, tak payahlah. *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan: *[Bercakap tanpa mikrofon]*

Dato' Seri Ong Ka Ting: Siapa kata satu tahun? Saya tiap-tiap kali datang jawab. Okey, okeylah awak menang.

Tuan Pengerusi: Bagi jalan?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tak bagi jalan. Okey, mengenai.

Cik Fong Po Kuan: Dasar, dasar, dasar.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya sudah nampak semua ...

Tuan Pengerusi: Jawatankuasa ke Dasar?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Semua perkara dasar secara ringkas saya telah jawab. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, jadi nampak ...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tak beri ...

Dato' Seri Ong Ka Ting: ...semua projek yang dikatakan terbengkalai tetap akan diberi perhatian.

Tuan Pengerusi: Duduk Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Kementerian saya tetap cuba bantu sejauh mana yang boleh, yang mana tidak dapat jawab semua kerana sangat spesifik dan *localize*, saya jamin akan diberi perhatian dan saya tak pernah lari daripada Dewan ini sejak *first day*, tiap-tiap kali saya jawab dasar ke, *Committee stage* ke. *[Dewan riuh seketika]*

Tuan Pengerusi: Duduk Yang Berhormat, duduk.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Jadi dengan itu Tuan Pengerusi, saya dah habiskan penggulungan saya. Sekian, terima kasih. *[Dewan riuh seketika]*

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Pengerusi, apa guna kita bahas di sini?

Cik Fong Po Kuan: Atau membantu pembeli-pembeli Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sudah habis ke?

Cik Fong Po Kuan: Pembeli-pembeli yang sudah beli sekarang dah tanah kena lelong, nak tahu apa dasar, pandangan?

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya bangkitkan tadi tak dijawab.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ikut peraturan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Cukuplah, cukuplah!

Tuan Pengerusi: Dah banyak dah. Ikut peraturan, penjelasan kalau nak menyampuk terpulang kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberi atau tidak. Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Pengerusi, kalau perkara yang dibangkitkan tak satu pun dijawab, mana boleh Tuan Pengerusi.

Seorang Ahli: Akurlah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Duduk Yang Berhormat, banyak masa lagi yang boleh jawab.

Tuan M. Kula Segaran: Bukan, mana ada masa, dia tak akan datang lagi untuk perkara ini.

Tuan Pengerusi: Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Pengerusi perlu mengambil kuasa untuk memberitahu kepada Menteri, dia perlu jawab semua perkara yang dibangkit.

Seorang Ahli: *Point of Order, Point of Order* Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Duduk Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM840,617,000 untuk Maksud B.43 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM840,617,000 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,705,240,000 untuk Maksud P.43 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,705,240,000 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

Maksud B.44

Maksud P.44

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 44 dan Kepala Pembangunan P. 44 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan terbuka untuk dibahas. Parit.

9.20 mlm.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak bangkitkan di bawah B.44, 100400 – Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian. Tuan Pengerusi, pembangunan seni dan kebudayaan amat penting untuk melahirkan masyarakat yang berbudaya dan ada keseimbangan di antara kepentingan material dan juga nilai-nilai murni, sifat-sifat kemanusiaan yang tinggi di kalangan rakyat. Tetapi masalahnya, Tuan Pengerusi, ialah bagaimana ini diterjemahkan di dalam bentuk program dan aktiviti. Apa yang saya perhatikan, begitu kurang aktiviti di peringkat negeri, apa lagi di peringkat daerah, tidak ada aktiviti-aktiviti ke arah pembangunan, kebudayaan dan kesenian. Begitu juga amat kurang, malah di peringkat daerah tiada langsung jurulatih-jurulatih yang layak untuk menjadi penggerak kepada kegiatan kebudayaan dan kesenian ini. Begitu juga langsung tidak ada agensi di peringkat daerah dan juga di peringkat mukim, apa lagi di peringkat kampung bagi melaksanakan program-program yang sepatutnya boleh dibangunkan di kalangan masyarakat.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan P.44, 01700 – Istana Budaya. Saya ingin tahu daripada pihak kementerian, bagaimana pengisian Istana Budaya ini, kerana seperti yang kita tahu pada satu ketika dahulu, kegiatan teater itu begitu aktif, banyak publisiti dan juga maklumat-maklumat yang dipamerkan di dalam akhbar berkaitan dengan kegiatan-kegiatan teater di Istana Budaya. Tetapi akhir-akhir ini nampaknya begitu sepi. Adakah kegiatan teater ini sudah malap ataupun bagaimana?

Saya juga ingin tahu apakah tahap teater yang dipentaskan di Istana Budaya itu? Adakah ia memilih karya-karya agung sahaja atau bagaimana? Kita juga ingin tahu daripada pihak kementerian, perancangan kementerian untuk memastikan aktiviti teater ini terus berkembang sekurang-kurangnya di Kuala Lumpur ataupun di Lembah Klang kerana

kita tahu di Kuala Lumpur dan Lembah Klang ini ramai peminat teater dan di samping itu saya percaya teater yang berkualiti boleh juga dijadikan bahan tarikan pelancong.

Akhir sekali saya ingin membangkitkan di bawah P.44, 04700 iaitu Kajian Penyelidikan Pengesahan Fakta Sejarah. Kita ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, fakta yang bagaimana yang menjadi fokus kementerian? Sejarah kita panjang bermula daripada sebelum Zaman Kesultanan Melaka sampai Kesultanan Melaka kemudian masuk di bawah penjajahan Portugis, Belanda, Inggeris, Jepun dan sebagainya tetapi kita hendak tahu apakah yang menjadi fokus kepada penyelidikan pengesahan fakta sejarah negara ini. Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Larut.

9.23 mlm.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap di bawah P.44, Kementerian Belia Sukan di bawah Butiran 08000 – Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Saya hendak sentuh tentang soal batik. Kita sedia maklum bahawa batik merupakan salah satu kebanggaan kita selain pakaian-pakaian tradisional mengikut pelbagai bangsa dan lebih membanggakan kita lagi ialah tentang usaha yang telah dibuat oleh Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood isteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri usaha-usaha untuk bagaimana kita dapat menandakan lagi industri batik ini, bukan sahaja di kalangan masyarakat kita, bahkan di kalangan masyarakat antarabangsa.

Dalam hubungan ini saya ingin meminta kepada pihak perbadanan ini, apakah sebagai mengenang jasa Allahyarham ini bahawa kita akan menamakan batik kita sebagai "Batik Kak Endon" sebagaimana kita lihat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah pun melahirkan betapa dalam keadaan Allahyarham begitu, Allahyarham masih lagi sanggup untuk terus berusaha memajukan industri walaupun tidak mahukan publisiti yang seluasnya. Begitulah keikhlasan Allahyarham dalam memajukan industri batik ini dan juga songket, yang juga menjadi merupakan bahan kegunaan kita sejak turun-temurun lagi, sejak Kesultanan Melayu Melaka lagi di mana songket ini telah menjadi salah satu pakaian keagungan bangsa kita.

Oleh itu, saya berharap dalam memajukan industri kraf tangan ini, perbadanan yang berkenaan dapat melakukan promosi yang bersungguh-sungguh terutama sekali di negara-negara asing. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelancongan kerana baru-baru ini telah mengadakan satu promosi untuk memajukan batik dan juga songket di kota metropolitan London dan mungkin juga di negara-negara yang lain. Apabila sebut soal batik ini kita juga boleh mengerakkan lagi atlet-atlet kita yang pada satu ketika pernah menjadikan pakaian batik ini sebagai pakaian *official* dalam majlis-majlis rasmi terutama sekali di tempat ataupun di negara-negara asing, begitu juga dengan songket.

Tuan Pengerusi sedia maklum bahawa kain songket ini kalau kita lihat dalam Perhimpunan Agung UMNO terutamanya, bagaimana kita lihat nilainya harganya sampai ke berbelas ribu ataupun berpuluh ribu ringgit yang mampu dibeli di kalangan mereka yang begitu minat dalam songket ini selain daripada batik. Mungkin Tuan Pengerusi, kita boleh melihat tentang kepentingan batik ini di mana Yang Amat Berhormat telah pun menyarankan pada hari-hari tertentu Selasa dan Sabtu di kalangan kakitangan kerajaan untuk memakai batik.

Apakah kementerian juga akan mencadangkan atau kita mencadangkan batik ini dapat kita gunakan juga di dalam Dewan yang mulia ini. ini mungkin dapat kita lakukan sekiranya kita meminda peraturan 41(f) Peraturan Mesyuarat di mana kalau boleh dibenarkan pada satu-satu hari ketika pemakaian pakaian batik ini dapat dilakukan. Jadi itu sahajalah cadangan saya, Tuan Pengerusi, dalam perbahasan Bekalan 44 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini, Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Minta lima minit ya.

9.27 mlm.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. 03000 – Kebudayaan, dengan menyentuh aktiviti dasar dan perhubungan antarabangsa dan juga kebudayaan dan kesenian. Saya ingin tarik perhatian di sini bahawa fungsi utama kementerian ini bukan sekadar kepada kesenian, hiburan tetapi adalah membentuk citra jagat, dengan izin membentuk *world view* masyarakat Malaysia ini agar ia bersandarkan kepada acuan bangsa dan juga budaya tempatan ini.

ini adalah merupakan kata kunci yang penting yang harus dimainkan peranan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini, lebih-lebih lagi dalam agenda dan objektif kementerian ini adalah mengadakan jaringan kerjasama peringkat antarabangsa. Juga kita hendaklah memastikan bahawa gelora dunia sekarang ini dengan ancaman *global hegemony*, dengan izin, dan apakah usaha-usaha kementerian ini untuk memastikan wujud dan terbinanya *global ethic* dengan konsep Islam Hadhari yang sedang diapungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Setakat manakah kementerian ini berjaya menjual konsep ini untuk kita mengimbangi *global hegemony* ini dengan *global ethic* kita. Ini adalah merupakan satu hasrat yang begitu penting sekali harus dimainkan bukan sekadar ronggeng, joget, Akademi Fantasia dan juga acara-acara kesenian tetapi harus lebih memikirkan agenda yang lebih luas yang lebih global itu.

Satu perkara yang penting juga yang hendak saya sebut di sini ialah tentang terhakisnya nilai-nilai *local* kita akibat daripada redahan, rempuhan anasir-anasir global ini. Saya ingin tarik perhatian tentang gejala remaja kita sekarang ini.

Anak-anak kita sudah bertukar citra, lahir di Malaysia tetapi punya selera Amerika,

Anak-anak kita makannya ayam segera, sambil minum coca cola, siulan lagu rock segala,

Anak-anak kita menonton filem aksi gila berpakaian jenama, bercium di khalayak malu segannya sudah tiada,

Anak-anak kita berbahasa Inggeris kala bicara merokok Malboro di tempat terbuka, lagak idola fantasia dipuja,

Anak-anak kita miskin maruah harga, tata karma, adat lama tidak dipeduli dan tidak dihormati, percuma,

Anak-anak kita terhakis jati diri bangsa wabak sikap orang tua yang lebih penting mencari harta,

Anak-anak kita jangan sampai tinggal nama Melayu hanya pada warga sedang cara hidup diperkosa,

Anak-anak kita tercabar dalam arus dadah narkotika perlu diperangi perlu diperiksa agar masa hadapan terpelihara,

Anak-anak kita asuhkan dengan ilmu agama supaya semangat berkorban geraga pelihara maruah, imannya teguh jiwa,

*Hidup bersendikan adab, adab
bersendikan syarak, syarak bersendikan
kitabullah.*

Apakah peranan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk merealisasikan agenda besar ini.

Sekian terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Bukit Bintang.

9.31 mlm.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada butiran 020100 - Bahagian Pembangunan dan Butiran 060000 - Perpustakaan Negara.

Tuan Pengerusi, tindakan kerajaan mempelbagaikan persembahan kebudayaan pelbagai kaum dalam pesta pertama perayaan Hari Kebangsaan adalah satu petanda bahawa kerajaan mulai mengiktiraf kepentingan kebudayaan pelbagai kaum. Kita dalam usaha memupuk perpaduan dan integrasi antara rakyat, tambah menarik lagi apabila setiap perayaan kaum-kaum lain mulai dirai oleh semua lapisan masyarakat. Semua kaum turut menyambut perayaan Hari Raya kaum Melayu, begitu juga sambutan Hari Tahun Baru Cina dan Deepavali termasuk perayaan-perayaan lain. Ia tidak patut dirayakan sebagai acara tahunan dan oleh golongan atasan tetapi hendaklah diperkembangkan dan digalakkan sesama rakyat bawahan. Sepatutnya kerajaan perlu memberi insentif bagi mana-mana pihak sama ada pertubuhan NGO, orang-perseorangan yang menjayakan acara yang boleh merapatkan hubungan antara kaum ini.

Tuan Pengerusi, hari ini kita menyaksikan golongan muda Malaysia turut membawa perangai orang tua, mereka tidak mahu bercampur gaul sesama kaum baik di sekolah dan dalam masyarakat. Langkah terbaik untuk menangani masalah ini ialah dengan menggalakkan program kebudayaan antara kaum yang diterajui oleh kerajaan sendiri. Kita tidak mahu perpaduan yang artifisial kita mahu perpaduan yang tulen dan tulus ikhlas. Mengaturkan perjumpaan majlis makan bersama, bergotong-royong sama-sama, menjadi penggiat budaya yang saling memahami boleh menjadikan unsur-unsur pembentukan kebudayaan Malaysia baru. Kita jangan terlalu ketat dalam soal perlembagaan norma-norma hidup yang baik yang boleh menarik minat hendaklah dipertingkatkan.

Tuan Pengerusi, rakyat Malaysia kini lebih gemar menghabiskan masa di hadapan kaca televisyen menonton berbagai rancangan dari berbagai rangkaian tetapi amat kurang membaca dan menjadikan bacaan sebagai hobi yang manfaat. Bukan sahaja golongan muda kurang membaca buku-buku serius tetapi golongan tua juga amat jarang membaca. Setelah habis membaca akhbar harian mereka tidak membaca buku-buku pengetahuan yang boleh membantu mereka menjadi masyarakat Malaysia yang gemar membaca.

Membaca hendaklah dijadikan budaya baru masyarakat Malaysia bukan sahaja membaca akhbar, majalah serius tetapi budaya membaca buku-buku fesyen dan bukan fesyen hendaklah diterapkan. Jika mengikut perangkaan bilangan buku yang dipinjam dari Perpustakaan Negara adalah sebanyak 10,000 buku dan bilangan bahan sumber media yang dirujuk adalah sebanyak 16,000 pada tahun 2004. Adalah malang Perpustakaan Negara yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan bangunan yang tersergam indah kurang dikunjungi oleh rakyat Malaysia sendiri. Mereka sanggup menghabiskan dengan berbual panjang di meja kedai kopi dan kantin tetapi tidak sanggup membaca buku untuk mengasah dan menajamkan pemikiran mereka. Buku hanya banyak dibaca oleh pelajar-pelajar sekolah tetapi bukan orang dewasa, itu sebab dalam pusat membeli-belah kedai buku menerima pelanggan paling kurang berbanding dengan kedai-kedai lain. Oleh kerana pendidikan sepanjang hayat merupakan maklumat kerajaan, maka ada baiknya jika kempen membaca di kalangan orang-orang dewasa dan muda dipertingkatkan seperti mengadakan pertandingan bercerita berasaskan buku yang dibaca. Pertandingan membaca dengan

tujuan meningkatkan tahap pembacaan mereka, memberikan insentif potongan cukai kepada pembelian buku tidak banyak menolong pembangunan masyarakat membaca sebaliknya membanyakkan buku di perpustakaan rumah tanpa ada pembacanya.

Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada Butiran 00600 - Program Pemulihan Pengguguran Tinggalan-tinggalan Sejarah peruntukan sebanyak RM11 juta dan juga Butiran 101200 - Bahagian Warisan Peruntukan sebanyak RM2,400,000.

Tuan Pengerusi: Ringkaskan lagi, Yang Berhormat

Tuan Fong Kui Lun: Saya akan gulung. Tuan Pengerusi, pengagihan untuk memulihkan tempat bersejarah, saya rasa ini adalah peruntukkan yang sangat sedikit. Sepatutnya peruntukan yang lebih besar diberikan bagi memulihara tapak-tapak yang ada bersejarah, khususnya di Kuala Lumpur sebagai satu bandar raya yang menarik pelancong haruslah mempunyai lebih tempat bersejarah yang dipulihara oleh Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Pasir Puteh.

9.38 mlm.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi. Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan, B.44, P.44. Saya akan turut membahaskan Butiran 03000, 03200, 030400...

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: 4000, tetapi saya akan jawab dengan ringkas, 0600, 06200.

Tuan Pengerusi: Bukan jawab tetapi berucap.

Beberapa ahli: [Ketawa] Berucap, berucap.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Ya, [Senyum] Kebudayaan dan kesenian. Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, adakah bercadang untuk melantik Pengerusi Majlis Kebudayaan dan Kesenian serta Warisan Peringkat Parlimen. Saya mencadangkan bahawa apabila saya melihat grass root di mana peringkat Parlimen dan juga peringkat DUN lemah kesenian dan kebudayaan ini. Sedangkan kebudayaan dan kesenian merupakan satu fokus yang utama dalam negara terutama menghidupkan seni-seni budaya ini ialah menjadi satu perkara yang dituntut dalam Islam kerana bukan sahaja saya menyatakan bahawa peringkat Islam Hadhari tetapi kita hendak melahirkan masyarakat yang mempunyai seni budaya.

Seni ialah suatu ciptaan bentuk yang menyenangkan, ini takrif definisi yang saya berikan di sini, satu ciptaan bentuk yang menyenangkan. Apa salahnya selain daripada seni suara ini, kita juga perhebatkan seni pertahanan diri dan seni lukis kerana tiga perkara ini boleh menarik, kalaulah kita kata batik di sebut oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi, kita cuba tonjolkan pakaian-pakaian batik ini dalam seni-seni suara. Seni suara bukan sahaja nyanyi, nyanyi itu satu aspek tetapi seni suara juga saya anggap ia boleh menarik, boleh membentuk suatu budaya yang lembut dan halus kita membaca berzanji, kita membaca al-Quran dan juga kita berqasidah, kita latih daripada bermula pendidikan seni di peringkat sekolah, peringkat remaja, peringkat dewasa.

Maka ini saya rasa boleh memberi suatu dorongan yang cepat untuk merubah sikap daripada negatif sikapnya kepada positif. Hari ini remaja kita banyak terjebak dengan sikap-sikap negatif terutamanya pil-pil yang tidak menguntungkan kita, dan boleh memusnahkan jiwa raga kita kerana seni budaya di peringkat Parlimen dan juga DUN-DUN di peringkat negeri tidak diberi fokus yang utama. Maka apa salahnya diberi peruntukan sekurang-kurangnya RM50 ribu melalui Parlimen, bukan saya hendak menyalah gunakan tetapi hendak memperhebatkan seni budaya. Bukan kita hendak menyalah guna, pasal banyak pembangkang dia sebut kalau beri ke BN ini melalui Parlimen banyak salah guna. Tidak, kita hendak buat betul-betul mengikut *rule of law* kita, dengan izin.

Butiran 040300 – Arkib Memorial. Tuan Pengerusi, saya hendak supaya arkib memorial dibuat di peringkat negeri dan juga peringkat daerah kerana kita hendak supaya memorial ini diadakan untuk melahirkan sejarah-sejarah lama, pejuang-pejuang kita yang dahulu, pejuang kemerdekaan, pejuang-pejuang yang boleh membawakan nasib bangsa kita ke arah kemajuan kita cuba pameran melalui memorial ini, peruntukan yang tidak besar. Barangkali peruntukan dalam RM400 ribu, RM300 ribu satu memorial. Kemudian kita hendak supaya Perpustakaan Negara ini di perhebatkan, saya akui tabiat membaca kita ini belum meresap ke dalam budaya hidup kita. Kita suka membeli rokok daripada membeli majalah. Kalau kita beli rokok lebih senang daripada kita beli majalah.

Sedangkan majalah-majalah yang menarik boleh memberi keuntungan kepada kita daripada rokok tetapi saya tidak mengatakan merokok itu tidak baik, hak yang merokok, merokoklah. Walaupun kita kempen kot mana pun tidak merokok, hendak merokok tidak hendak merokok, merokok juga.

Akhir sekali Butiran 080000 - Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Kita hendak supaya beri didikan, beri latihan di peringkat Parlimen supaya tunggu-tunggu kayu, ranting-ranting kayu dapat dibuat elok-elok, dapat dipamerkan, dapat dipromotekan di luar negara. Apa salahnya pokok-pokok kayu yang comel ini dijual dengan harga yang begitu menarik kalau kita buat menarik. Macam songket, macam batik kerana harga mahal kita buat dengan cara yang menarik dan juga kalau...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, penjelasan Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya kita kembali, sekarang ini banyak Ahli-ahli Parlimen dan orang pakai *tie*. Kita jadikan *tie-tie* batik ataupun *tie* songket supaya ia lebih nampak menghighlightkan *rule of law* Yang Berhormat kata tadi. [Ketawa]

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya cadangkan Yang Berhormat Jerai pakai dahulu, saya cadang kerana batik ini kalau kita *promote* di luar-luar dia akan menarik, saya pakai ini JPA bagi dekat saya kerana dia melawat kawasan Parlimen. Ini belum batik, kalau batik lebih menarik lagi, bagaimana?

Tuan Pengerusi: Ya teruskan Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Akhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 09000 iaitu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS). Saya harap penapis-penapis filem berilah peluang kepada yang muda-muda macam yang ada *basic* sedikit, jangan beri yang tua-tua sahaja, sebab saya pernah duduk dalam penapisan filem sesekali, banyak tua-tua. Filem dia tapis terlepas satu jam, keluar yang lain ditapis lain yang dikeluarkan. [Ketawa]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Itulah saya harap supaya apa yang saya dapat gulung tadi ialah untuk menentukan masa depan kebudayaan kesenian ini diterima dan saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Gerik.

9.45 mlm.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi, sebelum berpindah ke butiran satu pantun saya mulakan;

*Budi bahasa budaya kita,
Itulah slogan Kementerian Kebudayaan Kesenian Warisan,
Hingga sepuluh malam pun saya tunggu juga,
Hendak bertanya dan beri buah fikiran.*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Butiran 040000 - Arkib Memorial suatu yang menarik saya kira dalam memorial dalam arkib ini ialah apa yang kita lihat di Langkawi iaitu Memorial Tun Dr. Mahathir yang telah saya kunjungi selama dua kali saya kira.

Saya ingin tahu setakat ini setiap tahun berapa ramaikah pengunjung ke sana dan peratus mereka yang dari luar negara berkunjung ke memorial ataupun Arkib Tun Dr. Mahathir di Langkawi. Sehubungan dengan itu juga sejarah kita yang panjang, 446 tahun ialah sejarah yang dipenuhi dengan darah dan air mata. Begitu banyak perajurit, pahlawan kita yang gugur ke bumi untuk kita mencapai kemerdekaan pada 1957. Jadi oleh kerana itu kalau mengikut negara-negara yang sudah maju, mereka mempunyai *war memorial*, dengan izin, mereka bangga dengan peperangan yang dihadapi atau pun dilalui oleh datuk-datuk ataupun ibu bapa mereka. Tidakkah baik ataupun molek kita juga mengadakan suatu memorial perang selama 446 tahun kita berada di bawah penjajahan untuk menanamkan semangat patriotisme untuk memberitahu akan generasi muda ini bahawa kita mencapai kemerdekaan bukanlah mudah tetapi dengan darah dan air mata.

Tuan Pengerusi, kita teruskan kepada Butiran 050000 - Muzium dan Antikuiti. Ini satu projek yang tidak tahu entah di mana meminjam tajuk lagu P. Ramlee iaitu Muzium Etnologi Dunia Melayu yang dahulunya gegak gempita bunyi kompang dan gendang di Taman Pantun UKM mula-mulanya tapaknya yang dipilih 26 ekar campur 10, kemudian berpindah katanya ke Putrajaya, tetapi kini katanya berada di Muzium Negara. Tidak ada peruntukan, tidak ada pula tajuknya Muzium Etnologi Dunia Melayu yang katanya, dahulunya digegaskan lebih besar daripada Muzium Negara, jadi pertanyaan saya ialah,

*Kalau padi katalah padi,
Janganlah kami tertampi-tampi,
Kalau jadi katakan jadi,
Jangan kami ternanti-nanti.*

Banyak dengan pantun. Seterusnya Butiran 090000 - Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (FINAS) yang disentuh juga tadi. Satu perkara ialah mengenai Festival Filem Malaysia, apabila diadakan berselang-seli dahulunya di antara Kuala Lumpur kemudian di kota kecil seperti di Ipoh, balik ke Kuala Lumpur, ke Melaka, ke Kuala Lumpur dan ke Johor Bahru sambutannya amat meriah sekali termasuklah Tuan Pengerusi sendiri waktu itu menganjurkannya di Ipoh dan saya mengikuti ketiga-tiga di kota-kota kecil ini, sambutannya amat meriah. Kenapa tidak kita teruskan satu tradisi yang menarik ini, Festival Filem Malaysia berselang-seli di Kuala Lumpur dan di ibu-ibu negeri. Seterusnya saya berpindah kepada FINAS juga, ini juga filem merupakan suatu bahan warisan, P. Ramlee tokoh legenda. Kita ternanti-nanti juga bilakah akan diwujudkan satu muzium ataupun arkib filem, ini sentiasa disebut-sebut tetapi tiada dilaksanakan, diwujudkan.

Akhirnya saya ingin menyentuh tentang apa yang disebut Yang Berhormat Pasir Puteh tadi berkaitan dengan 020400 – Bahagian Sumber Manusia. Sememangnya kita Ahli Parlimen, wakil rakyat ingin menyemarakkan seni dan budaya di peringkat daerah, di peringkat Parlimen. Tetapi malang sekali tidak seperti kegiatan belia dan sukan, ada peruntukan, ada kakitangannya dan ada pejabatnya, manakala kebudayaan dan kesenian tidak ada peruntukan, tidak ada kakitangannya dan tidak ada pejabatnya. Bilakah, kerana ini suatu yang besar saya kira menyemarakkan seni budaya merupakan suatu yang mesti kita laksanakan.

Bilakah kementerian ini dapat memberi peruntukan dan yang lain-lainnya untuk kami sama-sama melaksanakan apa yang dicita-citakan. Akhirnya izinkan saya sebagai penutup memberi pantun juga berkaitan dengan suasana semasa di negeri Cik Siti Wan Kembang.

*Kalau roboh kota Melaka,
Papan di Jawa kita dirikan,
Kalau sungguh bagai dikata,
Hujung minggu nanti sama-samalah kita berkempen untuk Barisan.*

Dan satu lagi pantun, maaf ini suara seorang tua yang saya jumpa di Pengkalan Pasir, saya dengan izin menyampaikan pantun ini dalam bahasa baku, loghat Kelantan ataupun bahasa Jerman.

*Merpati lepas di Pengkalan Pasir
Bunga Raya bunga kebangsaan
Undi PAS ambo dah toksir
Hendak tukar selero hendak undi Barisan*

Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Rembau.

9.51 mlm.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya juga hendak mulakan sedikit dengan pantunlah.

Tuan Pengerusi: Cepat sedikit.

Dato' Firdaus bin Harun: Sudah malam-malam ini. *[Ketawa]*

*Gunung Daik tersergam indah
Sungai Gaing bercabang dua
Tugas kementerian bukanlah mudah
Membentuk budaya, bangsa dan negara*

Saya terus pergi kepada Butiran 10000 - Pengurusan Am. Saya cadangkan supaya usaha untuk memasyarakatkan seni dan usaha pemupukan budaya dan pemeliharaan warisan negara ini dapat berjalan dengan berkesan supaya ditubuhkan pejabat di peringkat daerah di tiap-tiap daerah di seluruh negara. Supaya dengan ini usaha untuk merancang dan juga menyelaraskan aktiviti-aktiviti seni dan budaya dan warisan di peringkat daerah dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Perkara kedua yang saya hendak sentuh ialah tentang Butiran 01300 - Taman Budaya Negeri. Sekarang ini kita lihat ada taman-taman budaya di peringkat negeri dan beberapa kegiatan budaya dijalankan, tetapi seperti yang disebut oleh rakan daripada Gerik tadi untuk merakyatkan supaya usaha pemupukan budaya dan warisan ini dapat sampai ke peringkat akar umbi, taman budaya ini juga perlu diwujudkan di peringkat daerah. Mungkin sebagai permulaan muzium daerah yang sedia ada boleh dijadikan sebagai pusat untuk kegiatan-kegiatan seni dan juga untuk pentas di bidang teater dan program-program lain.

Kemudian Butiran 09000 - Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Setakat ini saya difahamkan perbadanan ada menjalankan beberapa kursus di peringkat daerah dalam usaha untuk membantu masyarakat setempat termasuklah ibu-ibu tunggal dengan tujuan supaya dapat menambah pendapatan mereka. Saya cadangkan supaya usaha ini dipergiatkan lagi, dipertingkatkan lagi dan dengan mengambil kira di kawasan-kawasan luar bandar banyak hasil seperti buluh, mengkuang, tempurung dan sebagainya yang boleh diusahakan secara komersial. Dan dalam masa yang sama program ini akan dapat diselaraskan dengan lebih berkesan lagi jika ada pejabat di peringkat daerah seperti yang saya sebutkan tadi.

Kemudian Butiran 100900 - Perpustakaan Negara. Sekarang ini kita lihat perpustakaan yang ada di peringkat negeri dan juga di daerah ditadbirkan oleh kerajaan negeri. Saya cadangkan supaya usaha untuk menggalakkan rakyat membaca, budaya membaca di kalangan rakyat dengan lebih berkesan supaya Perpustakaan Negara mengambil alih perpustakaan di peringkat daerah ini supaya dengan itu usaha-usaha yang saya sebutkan tadi akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan dalam usaha kita untuk mewujudkan masyarakat yang minat membaca. Saya menyokong terima kasih.

Tuan Pengerusi: Tangga Batu.

9.54 mlm.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Baru]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut sama membahaskan Butiran 010000 dan juga 03000 - Kebudayaan.

Tuan Pengerusi Kuala Terengganu menyebut tentang *global hegemony* dan juga *global ethic* keseimbangannya sebentar tadi. Hari ini di samping pihak kementerian berusaha untuk membangunkan nilai-nilai budaya, nilai seni dan nilai warisan kita perlu peka dengan cabaran-cabaran yang datang dari dalam dan luar negara.

Saya ingin menumpukan perbahasan saya ini kepada cabaran yang datang dari luar negara. Sama ada kementerian sedar atau tidak negara kita telah disenaraikan di dalam The Black Metal Circle yang akan diadakan di Backroom Kuala Lumpur Malaysia pada 4 Februari pada tahun depan. Sedar atau tidak Tuan Pengerusi, The Black Metal Circle ini sebenarnya boleh kita layari di dalam laman web yang diberi nama syaitan.com dan telah menyenaraikan antara Malaysia adalah Hollywood Award Hall di Bangkok, Thailand pada 29 Januari, 3 Februari di Taipei, Taiwan di Huashan Art District, kemudian di Pavillion, Singapore pada 5 Februari dan pada 11 Februari di Jakarta, Indonesia di Sentul Circuit. Dan di Kuala Lumpur, di Backroom Kuala Lumpur Malaysia akan membawa satu kumpulan Black Metal yang dipanggil Mayhem. Sejarah Mayhem ini amat tragik sekali

Tuan Pengerusi, di mana penubuhannya pun adalah disebabkan oleh pembunuhan ketuanya sekarang kepada orang yang mengasasnya yang diberi nama Euronymous. Dan kumpulan ini adalah kumpulan dari Norway yang ditubuhkan pada tahun 1983. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri ingat pada tahun 2001 negara kita dilanda oleh gejala black metal ini diikuti oleh anak-anak muda yang mana mereka makan sampah, minum tuak, minum arak sampai mabuk kemudian mengadakan persembahan sembelih kambing, menyebarkan darah kambing itu kepada peminat-peminat ataupun pengikut-pengikut mereka.

Dan saya nampak apabila gerakan ini telah diberikan satu publisiti yang begitu meluas di dalam *Harian Metro* Jumaat 25 November 2005 Tuan Pengerusi di mana sebelum persembahan di Mayhem ini dia ada *live* dan *loud* daripada *the wings* kemudian *blues* and *reggae* daripada kumpulan Blues Gang dan ini akan diadakan pada 4 Disember. Dan saya percaya di samping kementerian kita ini bekerja keras bersungguh-sungguh untuk menanamkan nilai-nilai kesenian warisan dan kebudayaan ini kepada anak-anak muda kita, datang ombak yang besar seperti ini yang boleh menjejaskan segala usaha kementerian.

Tuan Pengerusi, suka saya ambil perhatian pihak kementerian ini di bawah tajuk Pengurusan Am tadi supaya menyediakan ruang penguatkuasaan bagi memantau aktiviti-aktiviti seperti ini yang boleh menjejaskan kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan oleh pihak kementerian. Tuan Pengerusi saya minta supaya pihak kementerian ambil berat. Kalau kita perhati dari lirik-lirik lagu yang telah disediakan oleh kumpulan Mayhem ini amat menyedihkan kita sehingga mereka sanggup makan mayat, makan otak manusia dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi yang saya perlu juga ambil berat di sini ialah satu ketika, ketika saya berada di Majlis Perbandaran Alor Gajah saya telah ditemui oleh dua orang Eropah yang berjumpa saya bertanyakan di manakah kubur bapa mereka. Kebetulan pula bapa mereka pada suatu ketika dahulu adalah pegawai daerah Alor Gajah. Jadi perkara ini juga perlu diambil perhatian oleh pihak kementerian di mana dalam usaha untuk mewujudkan muzium ataupun arkib-arkib ini perlulah mengambil kira majlis-majlis daerah ataupun majlis-majlis perbandaran tadi, untuk memberi mereka butiran ataupun maklumat-maklumat bagaimana mereka boleh juga menyediakan muzium di samping mentadbir dan mengurus daerah mereka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Bukit Mertajam.

9.58 mlm.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya dengar ucapan dari Yang Berhormat-Yang Berhormat dari UMNO. Bahasa mereka memang begitu indah tetapi saya rasa persepsinya walaupun kata antarabangsa, tetapi saya rasa persepsinya hanya untuk anak Melayu sahaja. Itu pandangan saya, saya dapat daripada seperti yang dari sana, saya tidak tahu ini kawasan yang mana. Ya bukan sangkaan buruk, itu persepsi yang saya dapat daripada ucapan, itu persepsi, itu betul atau tidak terpulanglah apakah *intention*, dalam pemikiran kamu hanyalah Yang Berhormat yang tahu tetapi itu pandangan saya. Saya rasa yang terpenting sekali ialah yang untuk kementerian ini, yang dikatakan sangat penting saya memang setuju, tetapi kita diberi lima minit untuk mendebat satu membahaskan satu isu yang dikatakan begitu penting...

Tuan Pengerusi: Dalam Jawatankuasa.

Puan Chong Eng: Ya?

Puan Chong Eng: Ini pun sangat penting. Saya rasa ini adalah satu fenomena yang baru dalam era *globalization* ini, kerana dalam era *globalization* ini memanglah budaya Amerika dia telah *globalize* dia pergi ke mana-mana, seluruh dunia pemuda dia minum Coca-Cola, dia main bola, dia pakai kasut Nike, dia pakai T-shirt dan jeans.

Apakah budaya kita sendiri, saya dengar ramai yang mengatakan kita mesti hadkan untuk melindungi pemuda kita tetapi mengapa budaya kita sendiri tidak kuat. Kalau kita ada budaya sendiri apa jua pengaruh di luar pun kita akan tetap diri kita sendiri. Saya katakan di sini pembangunan seni dan budaya apa yang kita ada? Kita tidak beri pendidikan budaya, kita tidak beri peluang dan galakan untuk mempelajari umpamanya muzik kita sendiri, alat muzik kita sendiri, kita ada *Philharmonic Orchestra* satu orkestra yang begitu terkenal dan begitu mahal untuk *maintain*. Orang yang memainkan 'wirelin' (violin) itu RM15 ribu sebulan gajinya.

Tuan Pengerusi: 'Wirelin'?

Puan Chong Eng: 'Wirelin'.

Seorang Ahli: Biola, biola.

Tuan Pengerusi: Violin.

Puan Chong Eng: Violin [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi: Baik.

Puan Chong Eng: RM15,000 tetapi ramai di antara mereka bukan *Malaysian*. Dia digajikan, diupah dari negara luar. Itu begitu elit. Kita ada budaya istana sangat bagus saya tidak kata tidak bagus tetapi *very* elit, hanya orang yang kelas tinggi boleh menikmati persembahan seperti itu. Adakah kita adakan kelas *violin* di kampung, di *new village*? Adakah kita menggalakkan supaya kita memainkan alat muzik kita sendiri? Ada tak? Tak ada. Adakah kita menggalakkan supaya permainan 'congkat' digalakkan, 'congkiat' [*Disampuk*] 'congkat' ...

Tuan Pengerusi: Congkak.

Puan Chong Eng: ...digalakkan di sekolah.

Seorang Ahli: Congkak lah!

Puan Chong Eng: Tak apalah.

Tuan Pengerusi: Ya, baik.

Puan Chong Eng: Kita boleh main di sini, main di sekolah untuk diperkenalkan kepada pelancong. Adakah kita buat? Jadi saya rasa adalah sangat penting kita mesti menghasilkan satu budaya nasional kita sendiri dan budaya ini mesti terkandung budaya semua bangsa. Juga terkandung kepada minoriti, budaya suku kaum dari Sabah dan Sarawak dan juga Orang Asli.

Saya juga ingin menyentuh mengenai Perpustakaan Negara. Saya merasa sedikit terkilan mengapa kementerian ini hanya juga Perpustakaan Negara sahaja. Bagaimana perpustakaan komuniti di negeri dan di kampung, siapa yang jaga? Adakah kita ada satu *public library policy*. Umpamanya apakah buku yang boleh diberi. Di Perpustakaan Parlimen hanya buku dalam bahasa Malaysia dan Inggeris yang boleh diadakan. Yang dalam bahasa Tamil, Japanese ataupun dalam Mandarin dia kata polisi kita tidak boleh ada buku seperti ini. Saya rasa bahasa adalah kunci kepada ilmu pengetahuan, jadi tidak kiralah dalam apa bahasa pun kerana kita ada Ahli Parlimen yang boleh baca dalam bahasa Mandarin, bahasa Tamil, mungkin bahasa Jepun, mungkin bahasa Sepanyol. Jadi mengapa tidak kita mengadakan semua buku dalam semua bahasa ini dan juga di semua perpustakaan.

Tuan Pengerusi: Baik.

Puan Chong Eng: Saya rasa kalau kita hendak menggalakkan membaca, satu polisi mesti ada. Umpamanya dalam sekolah mampu membaca adalah satu *skill* yang begitu penting. Ada kajian mengatakan kalau sampai darjah tiga budak ini kalau tidak boleh membaca dalam apa bahasa pun, kalau dia tidak mampu membaca dia akan menghadapi masalah dalam pembelajaran. Untuk menggalakkan membaca janganlah kita suruh baca buku ini selepas itu buat laporan, tetapi sekolah kita itulah yang diamalkan. Dikatakan baca satu buku kemudian buat laporan dan dia bukan baca buku tetapi buat laporan sahaja.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Puan Chong Eng: Saya berharap kita boleh yang amat penting ialah kita mesti menghasilkan satu polisi kebudayaan kebangsaan kita dan juga ada satu polisi tentang perpustakaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bentong.

10.06 mlm.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya dua perkara yang hendak minta penerangan daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Yang pertama berhubung dengan kebudayaan. Kempen Budi Bahasa Budaya Kita ini merupakan satu kempen yang baik di mana kita dapat memastikan rakyat di kalangan kita dapat mengamalkan nilai-nilai yang murni dan juga kita dapat interaksi antara kaum dan kita dapat bertukar-tukar pandangan berhubung dengan nilai-nilai antara kaum ini. Bukan sahaja kita dapat menanam budaya budi bahasa yang baik ini, malah kita dapat menyatukan rakyat yang berbilang kaum di antara kita.

Saya hendak bertanya kepada kementerian apakah hasil kempen yang telah dijalankan selama ini dan bagaimana ia dapat dipastikan ia sampai ke akar umbi kerana saya tengok banyak pelancaran di peringkat kebangsaan, di peringkat negeri tetapi di peringkat kampung dan juga di kampung-kampung baru, di *estate* memang tidak ada apa-apa kempen yang dijalankan, tidak ada aktiviti langsung yang diberikan peruntukan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti bagi memastikan bahawa kempen Budi Bahasa ini dapat dijalankan dengan berkesan. Oleh itu, saya berharap kementerian dapat memberi satu peruntukan yang besar bagi memastikan bahawa aktiviti-aktiviti yang sihat ini dapat dijalankan dengan baik.

Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan ialah berhubung dengan muzium. Kita lihat muzium dalam negara kita ini belum lagi mencapai satu tahap yang lebih baik kerana di negara-negara maju muzium selain dari menyimpan barang-barang antik dan juga yang mempunyai nilai-nilai sejarah, juga dapat menjadikan muzium suatu tempat pembelajaran yang bercorak *interactive* yang bercorak meningkatkan pengetahuan orang muda kita kenal sejarah, lebih faham tentang sejarah negara kita. Saya ingin dapatkan penjelasan daripada Timbalan Menteri apakah aktiviti dan juga cadangan yang telah dijalankan oleh kementerian kita untuk meningkatkan lagi muzium kita. Muzium kita Muzium Negara dan juga muzium-muzium di negeri belum dapat lagi kita selenggarakan dengan begitu baik.

Tuan Razali bin Ibrahim: [Bangun]

Dato' Liow Tiong Lai: Ada hendak minta penjelasan? Sikit sahaja sebab ...

Tuan Razali bin Ibrahim: Sementara sebut fasal muzium saya hendak masukkan satu persoalan. Apa pandangan Yang Berhormat, kalau di Scotland muziumnya yang mempunyai banyak sejarah itu tidak dikenakan bayaran tetapi masyarakat di situ menyumbang kewangan, walaupun tidak dikenakan bayaran tetapi menyumbang kewangan mereka untuk membiayai muzium mereka. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Liow Tiong Lai: Saya amat setuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi ini menunjukkan bahawa masyarakat tersebut begitu prihatin dan menyokong pembinaan muzium di kawasan mereka dan mereka rasa bersama dengan sejarah yang ada di kawasan mereka itu. Kita perlu mendidik warga negara kita bahawa mereka kena sayangkan sejarah yang mereka ada dan kita perlu pastikan bahawa muzium negara kita itu mempamerkan sejarah yang benar-benar dapat dihayati oleh rakyat negara kita. Contohnya negara kita merdeka, bagaimana kita mencapai kemerdekaan, melalui perjuangan Dato' Onn Jaafar, Tun Tan Cheng Lok, Tun Sambanthan dan juga bagaimana proses ini dapat dijalankan dengan begitu berkesan sehinggakan British terpaksa memberikan kemerdekaan dalam keadaan aman dan damai tidak perlu kita bertembung bertumpah darah pada masa itu.

Ini satu sejarah yang amat mengagumkan sehingga kita begitu berjaya pada hari ini. Oleh itu saya rasa kementerian kena mengambil usaha yang bersungguh-sungguh untuk memastikan muzium kita ini betul-betul bertaraf antarabangsa. Dapat menarik orang ramai datang ke muzium negara kita oleh pelancong-pelancong dunia luar melihat bagaimana negara kita mencipta formula Malaysia yang begitu berjaya melalui proses kerjasama berbilang kaum, melalui proses formula Barisan Nasional dan sebagainya. Ini perlu ditonjolkan dalam muzium negara kita. Saya mohon menyokong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Tuan Markiman bin Kobiran: [Bangun]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Jerai.

10.11 mlm.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ringkas ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:

*Dari padi menjadi beras,
Beras dibawa ke rumah cik Hayat,
Biar larut malam kita bertugas,
Demi amanah harapan rakyat.*

Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap berkenaan dengan pertamanya mempertahankan bangunan-bangunan sejarah dan bangunan-bangunan nostalgia. Saya ingat senarai-senarai bangunan-bangunan yang ada di kementerian tidak begitu tepat. Kita harus mengambil kira. Contoh Kedah adalah sebuah negeri yang begitu lama, jadi bangunan-bangunannya seperti Balai Nobat dan sebagainya yang harus dimasukkan ke dalam buku sejarah atau buku sebagai bangunan-bangunan nostalgia bagi kita.

Begitu juga *Central Market*. Saya hendak kepastian daripada kementerian tentang kedudukan *Central Market* kerana di sinilah adanya seni-seni orang kita yang hidup mencari makan dan juga mengukir lukisan-lukisan dan juga ilham-ilham tempatan kita ini. Jadi apakah pihak kementerian, saya difahamkan bangunan ini dijual oleh Khazanah Negara kepada sebuah syarikat dari Singapura. Kalau ini betul apakah nilai ringgit itu lebih besar daripada nilai seni dan kebudayaan bangsa dan negara dan warisan? Ini satu persoalan

yang saya perlukan jawapan yang tepat daripada pihak kementerian kerana kita tidak boleh membiarkan seni-seni bangsa, seni-seni negara yang kita pertahankan ini dihalau begitu rupa sahaja atas alasan hendak membangunkan bangunan-bangunan yang lebih canggih pada zaman moden ini.

Yang kedua Tuan Pengerusi, saya ingat kempen ini, saya bersetuju sangat dengan Bentong, kempen ini perlu. Saya berasa begitu gembira apabila melihat iklan Petronas. Apabila seorang India mengail ikan terluka jarinya maka datanglah si anak Malaysia ini menjirus di jarinya itu. Dan bila besar satu hari mereka berjumpa dengan lagu, lagu apa entah saya hendak sebut lupa. Jadi ini adalah satu benda iklan-iklan yang mengeratkan berbilang bangsa di dalam negara kita ini. Dan apabila Tahun Baru Cina dia ada lain pula. Jadi iklan-iklan seperti ini boleh mengeratkan perhubungan masyarakat kita kerana kita adalah satu negara yang berbilang bangsa.

Jadi, saya hendakkan kementerian supaya pastikan filem-filem yang ditayangkan ini janganlah filem-filem yang selalu bermasalah dan drama-drama yang bermasalah. Kita hendak drama-drama yang memberi satu harapan kepada hidup kita. Saya tidak nampak drama-drama di mana tiga empat kaum kita dalam negara kita berlakon dalam satu drama yang boleh mengeratkan perhubungan. Katakanlah kita berniaga adakan satu filem drama tetapi kita perlukan banyak lagi. Kalau dari segi berniaga ekonomi, bagaimanakah kita hendak orang-orang bumiputera, orang Melayu, orang Cina dan orang India boleh berpakat berniaga. Ini dilakukan secara lakonan secara drama. Begitu juga drama kita hidup dalam kampung bagaimana. Ini semua lebih baik daripada kadang-kadang kita belanja berjuta-juta ringgit dalam satu-satu majlis keramaian yang besar-besar yang selesai pada satu malam sahaja. Lepas itu habis.

Yang akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin pihak kementerian kaji balik, macam tadi saya bersetuju, sejarah kemerdekaan kita harus disuntik kepada anak-anak di sekolah, naka-anak hari ini mereka tidak bertanggungjawab kepada negara, tidak menghormati negara malah tidak menghormati bendera negara, tidak menghormati lagu Negaraku, tidak menghormati raja dan kepimpinan disebabkan mereka tidak mengenali sejarah. Kita tidak pamerkan sejarah kemerdekaan kita dalam buku-buku di sekolah. Ini haruslah disuntik, sebab itulah budak-budak kita sudah pergi belajar ke luar negara bila balik mereka tidak ada budaya, dia tidak tahu sejarah macam mana susah payahnya kita memperjuangkan kemerdekaan. Bagaimana bapa kita dahulu makan ubi kayu, tok nenek kita makan ubi kayu. Bagaimana dulu orang mati dikapankan dengan guni dengan tikar. Kerana mereka hidup di dunia yang telah maju atas perjuangan datuk nenek kita yang dalam keadaan serba-serbi kekurangan dan kesusahan. Jadi ini harus dibukukan dan saya percaya ada tetapi tidak dijadikan subjek yang penting di sekolah-sekolah, jadi kita tidak boleh salahkan kalau anak-anak Malaysia kita ini melupai sejarah dan tidak sayangkan kepada negara dan melupai orang-orang yang telah memperjuangkan kemerdekaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Baik, Hulu Langat.

10.15 mlm.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk turut terlibat dalam perbahasan berkenaan dengan Maksud Pembangunan 44 ini. Saya hanya ingin menyentuh satu perkara Tuan Pengerusi berkenaan Butiran 09000 - Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat tahu berapa banyakkah kedai-kedai atau pusat-pusat kraftangan yang telah ditubuhkan oleh kementerian ini dibuka dan dilaksanakan di seluruh negara, terutamanya sekali di daerah-daerah bagi mempromosikan kraf tangan negara terutama sekali di tempat-tempat pelancongan awam.

Yang kedua sebagai menjadi ruang kepada pengeluar kraftangan negara untuk memasarkan hasil pengeluaran mereka. Saya juga ingin mendapat tahu, apakah sekatan

ataupun perlindungan yang diberi kementerian berkenaan dengan kepentingan pembuat-pembuat batik, terutama sekali kain sarung di negara ini.

Saya dapati Tuan Pengerusi, sekarang ini lambakan kain sarung batik, kain pelekak daripada luar negara sangat berleluasa. Import-import kain jenis ini, berkontena-kontena dibenarkan. Tidakkah ini mendatangkan kesan kepada pengeluar kain batik negara. Soalnya Tuan Pengerusi, kain-kain import ini pula, jauh lebih rendah harganya dan tinggi pula kualitinya. Mengapakah pengeluar-pengeluar kain batik di negara ini tidak dapat bersaing dari segi harga, tidak dapat bersaing dari segi kualitinya. Soalnya apakah bahan mentah untuk membuat kain batik itu di negara ini lebih mahal daripada bahan mentah yang dihasilkan oleh negara-negara luar? Apakah bahan pewarna yang digunakan di negara ini jauh lebih mahal daripada pewarna yang digunakan di negara-negara luar? Adakah buruh pula, jadi lebih mahal jika dibandingkan dengan negara-negara luar? Saya ingin mendapat jawapan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Lipis. Cepat-cepat sedikit selepas itu Menteri hendak menjawab.

10.17 mlm.

Tuan Muhamad Shahrom bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus masuk pada Butiran 100400 iaitu Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian. Jadi, saya percaya dalam perayaan atau budaya ini satu daripada elemennya ialah bahasa. Jadi, di sini suka saya nak mencadangkan supaya kita memikirkan balik tentang ejaan bahasa kita terutama pada satu masa dulu kita telah menggugurkan "e-tanda", jadi ini menimbulkan banyak kekeliruan dari segi sebutan dalam bahasa kita iaitu dalam bahasa Melayu. Sebagai contohnya, kalau "tenang" ejaannya sama dengan "tenang", "sepak" sama dengan "sepak". Jadi di sini, oleh kerana dengan adanya kemudahan komputer dan sebagainya, kalau dulu kita mengatakan tak ada huruf "e-tanda" dalam *typewriter*, tapi dengan kemudahan komputer ni rasa saya kita patut mengadakan balik "e-tanda" ini supaya untuk memudahkan penutur-penutur yang bukan jati, bukan penutur jati bahasa Melayu, mempelajari bahasa Melayu dan mudah menyebut perkataan kerana saya percaya perkataan bahasa Melayu ini disebut melalui dengan fonetiknya.

Keduanya, oleh kerana bahasa itu kita hendak perkuatkan, budayanya kita hendak perkuatkan dan eloklah rasa saya Dewan Bahasa dan Pustaka itu diletakkan di bawah tadbiran atau pengurusan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini.

Ketiganya, saya nak pergi kepada Butiran 101200, iaitu Bahagian Warisan. Seperti yang saya katakan dulu, kita ada 4 lambang negara. Pertamanya kita ada bendera, kita ada 'jata' negara, kita ada lagu negara dan bunga negara. Kita dalam Dewan yang mulia ini, bagi saya telah buat kesilapan, kerana lambang bunga negara, bunga raya kita letak atas karpet kemudian kita pijak-pijak. Jadi, kalau Dewan yang mulia ini kita tak mulakan, tidak memuliakan bunga kita, dan saya rasa bersalah, sampailah karpet ini ditukar, rasa bila masuk Dewan ini, rasa ini... Jadi, sampai bila kita nak mengharap orang lain memuliakan lambang kita. Kita letak lambang bunga raya dekat jata negara di belakang Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ada lambang bunga negara. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong pun satu daripada bintang yang dipakainya, yang tertinggi sebenarnya ada lambang bunga raya. Jadi, saya minta supaya kementerian bukan sahaja memastikan bunga raya ni diletakkan di tempat yang betul, tapi penyelidikan, pembangunan, asal usul bunga raya ni bolehlah diperkuatkan supaya ia betul-betul lekat di hati rakyat kita, kerana sekarang ni saya tengok kalau di FELDA kebanyakannya suka meletakkan bunga kertas lebih daripada bunga raya. Kalau kita tengok di Singapura, bunga orkid bukan setakat kajian tetapi telah sampai ke peringkat ke luar negara.

Tuan Pengerusi: Ringkas Yang Berhormat, kemudian Menteri menjawab.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Yang akhirnya, seperti kawan-kawan saya yang lain, rasa saya sesuai dengan tahun 2006, Rancangan Malaysia Kesembilan nak mula, kalau dulu kita tubuhkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini di

peringkat negara saja, di peringkat negeri pun dah mula ada jabatan, eloklah untuk memastikan kebudayaan dan kesenian ini sampai ke peringkat akar umbi. Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan di peringkat daerah ditubuhkan dengan pegawai-pegawai yang mencukupi dan dengan ini mudah rakyat di peringkat akar umbi mendekati aktiviti-aktiviti kebudayaan, kesenian dan warisan yang diadakan di peringkat daerah, kerana tidak semua rakyat boleh sampai ke peringkat negara. Oleh kerana masa singkat, saya nak bagi peluang kepada kawan-kawan saya, saya menyokong. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya Tanjong, cepat sikit.

10.24 mlm.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 101200 - Bahagian Warisan. Pada bulan Februari tahun ini, berita berhubung dengan Kota Gelanggi yang dijumpai di negeri Johor menjadi satu berita yang amat besar dan sehingga Kabinet telah mengarahkan supaya Muzium Negara mengadakan ekspedisi ke dalam hutan di negeri Johor, Pahang untuk mencari kota yang hilang itu dan akan mengesahkan sama ada Kota Gelanggi ini sebenarnya adalah wujud. Jadi, selepas berita daripada bulan itu, tidak ada berita-berita berhubung dengan Kota Gelanggi ini, sama ada Muzium Negara telah pun mengadakan ekspedisi untuk mengesahkan sama ada kota ini benar-benar wujud.

Saya juga ingin tahun pendirian kerajaan berhubung dengan dasar untuk mencari artifak dan lain-lain benda warisan yang kemungkinan wujud di era sebelum kedatangan agama Islam di negara ini yang mempunyai unsur-unsur budaya dan agama yang lain daripada Islam. Jadi apakah pendirian kerajaan berhubung ini, memandangkan kerajaan sudah pun memperkenalkan Islam Hadhari dan sebagainya. Juga saya ingin menarik perhatian kementerian berhubung dengan permohonan Bandaraya Georgetown dan negeri Melaka untuk dimasukkan dalam senarai warisan dunia UNESCO. Saya berharap, di samping menunggu pengiktirafan warisan daripada UNESCO dan juga kelulusan Rang Undang-undang Warisan 2005 ini, saya ingin tahu apakah peranan yang dimainkan oleh kementerian untuk membantu Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Melaka untuk menggubal dasar-dasar pemuliharaan warisan.

Tuan Pengerusi, banda Raya Georgetown banyak mempunyai bangunan warisan dan tokong, gereja, kuil, masjid yang menghadapi masalah kewangan untuk membaiki pulih bangunan atau bahagian-bahagian bangunan yang usang. Apakah Kementerian akan menyediakan peruntukan khas untuk membantu pertubuhan agama ini untuk mengekalkan bangunan-bangunan yang mempunyai nilai-nilai seni bina, sejarah, budaya dan warisan. Georgetown juga sebuah bandar raya yang lama dan *Living Museum* dengan izin, sungguh memerlukan usaha-usaha untuk membaiki pulih bangunan-bangunan warisan yang melambangkan sejarah sosial budaya yang unik. Ekoran pemansuhan Akta Kawalan Sewa, Banda Raya Georgetown telah menghadapi tekanan yang besar di mana bangunan-bangunan yang menjadikan Georgetown sebagai tapak warisan yang unik amat memerlukan baik pulih untuk mengekalkan nilai-nilai budaya dan warisannya.

Saya menyeru kementerian untuk menggubal dasar-dasar yang jelas, dan seterusnya juga menyediakan peruntukan yang secukupnya untuk menyelamatkan Georgetown daripada merosot dan hilang kelayakan untuk disenaraikan sebagai bandar warisan oleh UNESCO. Sekian.

Tuan Pengerusi: Akhir sekali, Muar.

10.28 mlm.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pengerusi, saya cepat Butiran 09000 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS). Saya nak tahu, apakah perancangan kementerian terhadap filem-filem FINAS ini kerana kalau kita tengok di negara barat, terdapat juga penerbitan filem melalui buku. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian untuk melihat buku-buku penulisan yang baik untuk dijadikan filem supaya dapat diikuti oleh generasi yang akan datang.

Yang kedua, Butiran 030300 - Kecemerlangan Seni (Istana Budaya). Ada satu pendekatan budaya yang cukup hebat di Johor iaitu tarian zapin. Di Johor dipanggil bermain zapin maknanya ia bukan setakat satu kesenian kebudayaan, tetapi ia menjadi permainan masyarakat dan boleh dikatakan di semua sekolah ada pasukan ini dan ia dapat memberikan satu disiplin, dapat mengatasi masalah sosial dalam negeri Johor dan saya rasa ini perlu mendapat pengiktirafan daripada Kementerian dari segi bentuk bantuan dan galakan.

Ketiga, mengenai P. 44, Butiran 00600 - Program Pemuliharaan/Pemugaran Tinggalan-tinggalan Sejarah. Saya lebih berminat untuk mengetahui sama ada kita mempunyai modal insan yang boleh memahami dan menerangkan latar belakang bangunan-bangunan bersejarah negara kita kerana di luar negara, para petugas mereka dapat memberi penerangan dengan baik. Kelemahan kita, di negara kita para petugas kita kadangkala tidak dapat memberi penjelasan yang sebaik mungkin tentang sejarah bangunan yang terdapat di negara kita dan bagaimana kita dapat memberi latihan yang sebaik mungkin dan kalau boleh saya ingin cadangkan, mereka yang berumur lebih di kalangan warga emas diberi peluang untuk menjadi petugas dalam memberi penerangan bangunan-bangunan yang sedia ada mengikut kepada masa yang mereka ruangkan.

Satu lagi, sebelum saya bagi kepada Sabak Bernam, kalau ada masa, ialah mengenai Memorial Tun Hussein yang terdapat dalam P. 44, kerana saya nak bertanya tentang Memorial Tun Dr. Ismail yang telah pun diluluskan di Muar, tetapi saya rasa pembangunannya terhenti dan saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kerajaan. Sabak Bernam.

Datuk Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar, sahabat saya. Ini saat yang kritikal, Yang Berhormat menyatakan tentang tempat-tempat dan memorial bersejarah, saya ingin bertanya Yang Berhormat, tanggungjawab siapakah yang sebenarnya yang perlu atau Kementerian manakah yang perlu menyediakan peruntukan penulisan sejarah? Saya berpendapat bahawa Kementerian ini harus membantu persatuan-persatuan sejarah sama ada di peringkat kebangsaan ataupun di peringkat negeri untuk memastikan sama ada perkara-perkara mengenai tapak ke, memorial ke ataupun tokoh yang harus diabadikan dalam penulisan sejarah ini. Apa pendapat Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Ibrahim: Saya tidak tahu, nanti Kementerian boleh jawab soalan Sabak Bernam, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat saya minta sekarang pihak Menteri mula menjawab.

10.30 mlm.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada 15 Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan ..

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Pihak Menteri belum menjawab lagi.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Soalan, soalan.

Dato' Wong Kam Hoong: Saya belum jawab, belum mula lagi.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya soal dulu, selepas itu kalau dapat dijawab, besok boleh dijawab. Tuan Pengerusi, boleh soal, minta, sikit saja soalan.

Dato' Wong Kam Hoong: Terpuhlamlah kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Apa Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ada soalan Tuan Pengerusi, saya nak mintak, kerana saya akur dengan Tuan Pengerusi, jadi saya soallah.

Tuan Pengerusi: Ya, baik.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Soalan, 7 tahun lepas saya pernah berbincang dengan Kementerian Kesenian untuk membinakan panggung teater di Sarawak dan di Sabah, umpama di tempat-tempat yang jauh, jawapannya akan dibina, tapi sekarang sudah 7 tahun, belum ada lagi ura-ura di bawah peruntukan Butiran 030300 - Kecemerlangan Seni (Istana Budaya), ini soalan pertama, besok I.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, penjelasan tu.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Besok tanya lagi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, penjelasan mesti menjurus daripada ucapan Menteri yang terakhir sebelum ia diberhentikan oleh penjasnya.

Dato' Wong Kam Hoong: Ya, saya mengucapkan ribuan terima kasihlah kepada 15 Yang Berhormat yang mengambil bahagian iaitu, YB daripada Parit, Larut, Kuala Terengganu, Bukit Bintang, Pasir Puteh, Gerik, Rembau, Tangga Batu, Bukit Mertajam, Bentong, Jerai, Hulu Langat, Lipis, Tanjong dan Muar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 30 November,

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Pengerusi, balik kepada Majlis, Tuan Pengerusi, masih Jawatankuasa.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu 30 November, 2005.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.33 malam.